
Penulis Novel Sejarah No. 1 Di Malaysia

ABDUL LATIP TALIB



MUSTAFA KAMAL ATATURK

PENEGAK AGENDA YAHUDI



PTS Litera Utama Sdn. Bhd.
No 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves, Selangor.
www.pts.com.my

Hak cipta © 2011 oleh Abdul Latip Talib

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada PTS Litera Utama Sdn. Bhd.

Biodata Penulis

Abdul Latip Talib, penulis kelahiran Negeri Sembilan ini sedang mengukir nama di persada sastera tanah air. Dilahirkan di Kg. Ulu Seperi, Rembau, Negeri Sembilan pada 2 Jun 1954, mula menceburkan diri dalam bidang penulisan pada 1990 dalam pelbagai genre; skrip drama TV, cerpen, puisi, dan novel. Sejak itu karyanya banyak meraih hadiah seperti Sayembara Cerpen Berunsur Islam, Sayembara Cerpen Perpaduan, dan Anugerah Sastera Negeri Sembilan.

Novel Randau Ruai memenangi hadiah pertama Peraduan Menulis Sastera dan Budaya Sarawak manakala novel remaja Beraraklah Awan Pilu memenangi Hadiah Sastera Utusan 2005.

Penulis ini sudah menghasilkan lebih 20 novel sejarah Islam dan sejarah Melayu dengan PTS.



Gambar-gambar penulis semasa membuat kajian Mustafa Kamal Ataturk di Turki






SÖNMEZ A.Ş.
ATER 50
ATER 1 TL

Pendahuluan

"Sesungguhnya, pada kisah-kisah mereka itu terdapat pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. Al-Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu bahkan sebagai petunjuk serta rahmat bagi kaum yang beriman."

(Surah Yusuf, ayat 111)

Pada abad kelima Hijrah bersamaan abad ke-11 Masihi, muncul pemerintahan kesultanan Saljuk yang wilayahnya meliputi wilayah Khurasan, Turkistan, Iran, Iraq, Syam, dan Asia Tengah.

Menjelang tahun 511 Hijrah bersamaan tahun 1128 Masihi, kekuatan dan kekuasaan yang ada pada kerajaan Saljuk ini mulai goyah dan lemah menyebabkan berlakunya perpecahan yang seterusnya membawa kepada runtuhnya kerajaan ini. Selepas itu, muncul pula kerajaan baru di bawah pemerintahan Khalifah Uthmaniah bermula pada

abad ketujuh Hijrah bersamaan abad ke-13 Masihi.

Mereka yang berada di bawah pemerintahan Khalifah Uthmaniah ini berasal daripada kabilah Turkmaniyah yang rata-ratanya tinggal di wilayah Kurdistan dan menyara hidup mereka dengan mengembala kambing. Apabila orang-orang Monggol yang berada di bawah pimpinan Jengis Khan menyerang Iraq dan wilayah-wilayah Asia Kecil, keadaan ini menyebabkan Sulaiman bersama-sama kabilahnya yang terdiri daripada 20 buah keluarga meninggalkan Kurdistan menuju ke Anatolia, dan kemudiannya menetap di kota Akhlath.

Selepas Sulaiman meninggal dunia, tempatnya digantikan pula oleh anaknya sendiri yang bernama Urthughril. Kabilah tersebut semakin berkembang biak sehingga bilangannya mencapai lebih 100 buah keluarga. Namun begitu, sekali lagi mereka terpaksa meninggalkan kota Akhlath kerana orang-orang Monggol mahu datang menyerang mereka.

Apabila sampai di barat laut Anatolia, mereka terserempak dengan pasukan tentera Islam yang berada di bawah pimpinan Sultan Alauddin daripada keturunan Saljuk yang sedang bertempur dengan tentera Rom Timur Byzantine. Urthughril bersama-sama anggota kabilahnya yang berjumlah seramai 400 orang itu sepakat bagi membantu tentera Islam dengan melancarkan serangan dari arah belakang tentera Byzantine. Kesannya, tentera Rom Timur itu menjadi kelam-kabut dan akhirnya berjaya dikalahkan.

Sebagai tanda membalas jasa, Sultan Alauddin pun

berkenan menyerahkan sebuah wilayah di sebelah barat Anatolia yang bersempadan dengan Rom untuk diperintah oleh Urthughril. Pemerintahannya semakin luas apabila berjaya menakluk kawasan di sekitarnya.

Pada tahun 1288, Urthughril meninggal dunia, manakala tempatnya digantikan oleh puteranya yang bernama Uthman. Daripada nama inilah wujudnya Daulah Uthmaniah atau kerajaan Uthmaniah. Beliau berjaya meluaskan lagi kawasan pemerintahannya dengan menakluk kawasan-kawasan berhampiran dan tindakannya itu mendapat sokongan penuh daripada Sultan Alauddin.

Pada tahun 1300, kerajaan Dinasti Saljuk berjaya dijatuhkan oleh Monggol sekali lagi dan pada tahun yang sama Sultan Alauddin meninggal dunia menyebabkan kawasan-kawasan jajahan takluknya berpecah belah. Sultan Uthman tetap berusaha menyatukan semula wilayah-wilayah Turki dan yang pastinya, sebelum beliau meninggal dunia, beliau sempat meluaskan kawasan jajahan takluknya sehingga ke Bursa.

Pada tahun 1326, Sultan Uthman meninggal dunia, manakala tempat beliau digantikan oleh puteranya yang bernama Sultan Orhan Ghazi. Beliau menjadikan Bursa sebagai ibu kota pemerintahannya dan seterusnya berjaya memperkasakan kerajaan Uthmaniah. Selama 20 tahun memerintah, beliau juga berjaya meluaskan kawasan jajahan takluknya sehingga ke Nicomedia, Nice dan beberapa negara Asia. Beliau juga mengukuhkan pemerintahannya dengan membentuk angkatan ber-senjata yang dinamakan sebagai Yennisari.

Apabila Sultan Orhan Ghazi meninggal dunia, kerajaan Uthmaniah diperintah pula oleh Sultan Murad (1359-1389) dan beliau berjaya menawan Adranah (1361), Sofia (1383) dan Kosovo (1389). Namun begitu, Sultan Murad memindahkan pusat pemerintahannya ke Edirne.

Selepas Sultan Murad meninggal dunia, tempat beliau digantikan pula oleh Sultan Beyazid (1393-1403). Beliau berjaya meluaskan lagi pemerintahannya dengan menawan Bulgaria, Perancis dan Jerman pada tahun 1393.

Kemuncak kegemilangan Khalifah Uthmaniah adalah semasa pimpinan Sultan Muhammad Al-Fateh yang memerintah 26 buah negara sehingga ke rantau Balkan. Tentera Islam di bawah pimpinan Sultan Muhammad Al-Fateh juga berjaya menakluk kota Konstantinopel yang sememangnya menjadi kebanggaan dan juga lambang kemegahan kerajaan Rom Timur pada masa itu, kerana kedudukannya yang strategik di antara Eropah dan Asia.

Selepas berkuasa selama 595 tahun di bawah pemerintahan 36 orang sultan, akhirnya kerajaan Khalifah Uthmaniah tumbang dan lenyap ditelan arus zaman.

Senarai Nama Khalifah Uthmaniah

1. Sultan Uthman bin Urthughril (1288M-1327 M)
2. Sultan Orkhan bin Uthman (1327-1360 M / 726-761 H)
3. Sultan Murad I (1360-1389 M / 761-791 H)
4. Sultan Biyazid I (1389-1402 M / 791-805 H)
5. Sultan Muhammad I (1402-1421 M / 781-824 H)
6. Sultan Murad II (1421-1452 M / 824-855 H)

7. Sultan Muhammad Al-Fateh (1452-1481 M / 831-860 H)
8. Sultan Biyazid II (1481-1512 M / 860-891 H)
9. Sultan Salim I (1512-1520 / 891-899 H)
10. Sultan Sulaiman I (1520-1556 M / 899-935 H)
11. Sultan Salim II (1556-1573 M / 935-952 H)
12. Sultan Murad III (1573-1596 M / 952-975 H)
13. Sultan Muhammad III (1596-1603 M / 975-982 H)
14. Sultan Ahmad I (1603-1617 M / 982-996 H)
15. Sultan Mustafa I (1617-1617 M)
16. Sultan Uthman II (1617-1623 M)
17. Sultan Murad IV (1623-1640 M)
18. Sultan Ibrahim I (1640 -1648 M)
19. Sultan Muhammad IV (1648-1687)
20. Sultan Sulaiman II (1687-1691 M)
21. Sultan Ahmad II (1691-1695 M)
22. Sultan Mustafa II (1695-1703 M)
23. Sultan Ahmad III (1703-1730 M)
24. Sultan Mahmud I (1730-1754 M)
25. Sultan Uthman III (1754-1757 M)
26. Sultan Mustafa III (1757-1773 M)
27. Sultan Abdul Hamid I (1773-1788 M)
28. Sultan Salim III (1788-1807 M)
29. Sultan Mustafa IV (1807-1808 M)
30. Sultan Mahmud II (1808-1839 M)
31. Sultan Abdul Majid I (1839-1861 M)
32. Sultan Abdul Aziz (1861-1876 M)
33. Sultan Murad V (1876 M)
34. Sultan Abdul Hamid II (1876-1909 M)
35. Sultan Muhammad V (Sultan Mehmet Resyad) (1909-1918 M)

36. Sultan Muhammad VI (Sultan Abdul Majid) (1918-1924 M)

Kronologi Sejarah Hidup Mustafa Kamal Ataturk

- 19 Mei 1881

Dilahirkan di Salonika atau Salanik (Thessaloniki). Ibu kandungnya bernama Zubaidah Hanim tetapi siapa ayah kandungnya tidak dapat dikenal pasti dengan jelas.

- 1886

Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah rendah di Salonika.

- 1888

Ali Riza Efendi, iaitu suami kepada Zubaidah Hanim meninggal dunia.

- 1892

Belajar di sekolah kadet di Salonika dan Manastar. Beliau mendapat nama Kamal daripada guru matematiknya.

- 1896

Belajar di maktab tentera di Manastar.

- 1899

Belajar di kolej tentera di Istanbul.

- 1902

Beliau dilantik menjadi leftenan.

- 1905

Beliau dilantik menjadi kapten.

- Oktober 1906

Beliau mula aktif dalam politik, lalu menubuhkan ‘Parti Tanah Air dan Kemerdekaan’ di Damsyik.

- 29 Oktober 1907

Beliau menubuhkan cawangan ‘Parti Tanah Air dan Kemerdekaan’ di Salonika.

- 31 Mac 1908

Rusuhan berlaku di Istanbul. Beliau berjaya mengamankannya dengan menggunakan kuasa tentera.

- 27 April 1909

Sultan Abdul Hamid II diturunkan daripada takhta dan tempat beliau digantikan dengan Sultan Mehmet Resyad atau Sultan Muhammad V.

- 1 Februari 1915

Beliau dinaikkan pangkat menjadi brigedier jeneral.

- 1916

Beliau dinaikkan pangkat sebagai basya, iaitu pangkat yang lebih tinggi daripada brigedier jeneral.

- 1917 dan 1918

Beliau dihantar ke wilayah Balkan bagi mengetuai misi menentang tentera Rusia tetapi misi yang diketuainya itu gagal. Kemudian, beliau dihantar pula ke Hijaz bagi membantu meredakan pemberontakan yang disokong oleh pihak Inggeris dan seterusnya ditugaskan ke Palestin. Namun begitu, kedua-dua misi yang diketuainya itu gagal.

- 1918

Sultan Mehmet Resyad atau Sultan Muhammad V digulingkan dan tempat beliau itu digantikan dengan Sultan Abdul Majid atau Sultan Muhammad VI.

- 23 Ogos 1919

Beliau dilantik menjadi gabenor di Ardhrum.

- 19 September 1921

Beliau dinaikkan pangkat sebagai marsyal.

- 1922

Selepas pulang dari medan perang, iaitu Perang Shaqariya, beliau meminta supaya dikurniakan gelaran Ghazi berserta hadiah wang tunai sebanyak empat juta lira.

- 14 Januari 1923

Ibunya, iaitu Zubaidah Hanim meninggal dunia di Azmir.

- 29 Januari 1923

Berkahwin dengan Latifah Hanim dan bercerai pada 5 Ogos 1925.

- 11 September 1923

Beliau menubuhkan Parti Rakyat.

- 1923

Beliau menandatangani Perjanjian Luzan.

- 29 Oktober 1923

Beliau menjadi Presiden Turki yang pertama.

- 24 November 1934

Beliau memakai gelaran Ataturk yang bermaksud Leluhur Turki.

- 3 Mac 1924

Melalui sidang Dewan Perwakilan Nasional, beliau memecat sultan dan membubarkan sistem khalifah, seterusnya menghapuskan sistem pemerintahan Islam di Turki.

- 30 Mei 1924

Kementerian Wakaf dihapuskan.

- 1925

Masjid Aya Sofia dijadikan sebagai muzium dan masjid-masjid yang lain ditutup dengan alasan masjid-masjid itu digunakan bagi menentang pemerintah, manakala Masjid

Al-Fateh dijadikan sebagai gudang dan hanya Masjid Abu Ayub Al-Ansari yang tidak ditutup.

- 1926

Hukum Islam di Turki digantikan dengan hukum Swis, manakala tarikh Hijrah digantikan dengan tarikh Masihi.

- 1928

Sistem huruf Jawi digantikan dengan sistem huruf Latin atau Rumi. Kaum wanita diarahkan supaya mengamalkan cara berpakaian seperti kaum wanita Barat, manakala kaum lelaki pula diarahkan supaya memakai topi koboi dan dilarang keras memakai serban. Selain itu, al-Quran diterjemahkan ke dalam bahasa Turki dan seruan azan juga perlu berkumandang dalam bahasa Turki.

- 4 Mei 1931

Terpilih menjadi presiden buat kali ketiga.

- 1933

Sekolah agama ditutup. Begitu juga halnya dengan Universiti Islam Istanbul yang turut menerima nasib yang sama.

- 1 Mac 1935

Terpilih menjadi presiden buat kali keempat. Pada tahun ini juga cuti umum pada hari Jumaat digantikan dengan hari Ahad.

- 16 Oktober 1938

Beliau disahkan menghidap penyakit kronik.

- 10 November 1938

Beliau meninggal dunia di Istana Dulamah Baghjah, Istanbul kerana menghidap penyakit radang hati (*lever cyruz*) dan pelbagai penyakit misteri.

- 21 November 1938

Mayat beliau diletakkan di Muzium Etnografi di Ankara.

- 10 November 1953

Peti mayat beliau kemudiannya dipindahkan dari Muzium Etnologi ke memorial.

Kata-kata Yang Menyatakan Keperibadian Mustafa Kamal Ataturk

Beberapa bulan yang lalu, negara-negara Islam masih memandang Mustafa Kamal Ataturk sebagai Salahuddin Al-Ayubi kedua. Mereka menaruh harapan yang besar kepada Ataturk bagi memimpin tentera perang dalam usaha menentang pasukan Kristian sekaligus menjadi pelopor bagi mewakili negara-negara Timur (Islam) demi melangsungkan perang suci.

Sebaliknya kini, kepercayaan dunia Timur kepadanya semakin hari semakin pudar dan kian luntur seterusnya beransur-ansur hilang secara perlahan-lahan. Pada saat berdialog dengan saya, banyak kaum Muslimin yang berkata, “Mustafa Kamal Ataturk sudah mengkhianati kami.” Tidak ada lagi orang yang mahu membicarakan

perihal masalah perang suci.

Mustafa Kamal Ataturk dipandang seperti itu selepas penampilan jati dirinya yang sebenar kian terserlah. Beliau mengambil setiap keuntungan harta yang diberikan kepadanya dan sanggup mengorbankan banyak hal yang dianggap oleh tokoh-tokoh Islam sebagai penghinaan. Ketika mendapat pelbagai keuntungan, beliau berusaha memonopoli dan menyembunyikannya, seterusnya apabila sudah benar-benar yakin dapat menguasainya, beliau akan cuba merancang strategi baru demi mendapatkan keuntungan yang lebih banyak lagi. (Hemingway The Toronto Daily Star, 24 Oktober 1922 dengan judul Surat-Surat dari Istanbul - Bumi yang Terjajah)

Falih Rifqi, iaitu pembantu kepada Mustafa Kamal Ataturk sendiri di dalam bukunya yang berjudul *Janqaya* pada halaman 17 ada menulis. Menurutnya, dalam pelbagai bentuk kesempatan yang ada, terdapat mereka yang mahu mencatat salasilah keturunan pemimpin mereka. Namun begitu, Mustafa Kamal Ataturk tidak mahu memberitahu siapa ayah kandungnya. Pada suatu hari, seorang pegawai tentera membawa gambar Ali Riza Efendi yang berpakaian seragam tentera, lalu saya mendengar dengan telinga saya sendiri, beliau berkata, “Itu bukan ayah saya!”

Syaukat Tsurayya di dalam bukunya yang berjudul *Ar-Rajul Al-Auhad* (*Manusia Tanpa Tandingan*) di dalam bab pertama, muka surat 33 ada menulis. Menurutnya, di dalam gambar itu terlihat Ali Riza Efendi memakai topi tentera sambil menghunus sebilah pedang.

Latifah Hanim yang pernah menjadi isteri kepada Mustafa Kamal Ataturk juga ada menceritakan perihal hari-hari terakhir bekas suaminya itu. “Pada hari-hari terakhirnya, Mustafa Kamal Ataturk sememangnya berdukacita dengan apa yang pernah dilakukannya sehingga dia sanggup membiarkan dirinya dalam keadaan berputus asa dan melemahkan jiwanya ditambah pula dengan penyakitnya yang semakin parah sehingga tidak ada harapan lagi untuk hidup.”

Menurut Falih Rifqi di dalam buku tulisannya, Mustafa Kamal Ataturk itu rambutnya kuning keperangan dan tidak ubah seperti bulu jagung, anak matanya pula berwarna biru seperti warna langit, alis matanya tebal dan terurai pada bahagian hujungnya, bibirnya nipis laksana mata pisau, dahi dan mukanya juga lebar, manakala dagunya berbentuk persegi.

Mustafa Kamal Ataturk menulis di dalam *Mudzajjirat Attaturk* (*Memori Ataturk*), muka surat 32 hingga 33. Menurut beliau, sejak kecil lagi, saya sudah membawa tabiat yang pelik dan ganjil. Di rumah tempat tinggal saya, saya tidak betah berada bersama ibu dan kakak. Begitu juga halnya dengan rakan-rakan sebaya yang lain. Saya juga lebih suka menyendiri dan begitulah buat selama-lamanya. Saya juga memiliki perangai yang agak pelik, iaitu saya tidak mampu bertahan dengan sesiapa pun termasuklah dengan ibu dan kakak saya sendiri mahupun sanak saudara yang lain. Hal ini kerana saya enggan menerima sebarang bentuk nasihat, arahan ataupun bimbingan yang sesuai menurut pemikiran mereka.

Mustafa Kamal Ataturk sebenarnya berasal daripada keturunan Yahudi Turki atau lebih dikenali sebagai Yahudi Dunamah, iaitu kaum Yahudi yang berpura-pura memeluk agama Islam tetapi sebenarnya masih berpegang teguh pada ajaran dan juga amalan nenek moyang mereka. Mereka mula menyatakan keislaman mereka bermula pada tahun 1683 dan seterusnya memakai nama-nama Islam sebagai strategi tipu daya mereka. Hal ini kerana target utama mereka adalah demi menduduki jabatan tinggi dalam pemerintahan. (Petikan daripada buku Istanbul Iktibar Sebuah Empayar oleh Pahrol Mohamad Juoi, Penerbitan Hikmah, Kuala Lumpur, 1993)

Tindakan tidak bermoral daripada Kamal Ataturk itu tidak usah pembaca hairankan tatkala mengetahui yang beliau sebenarnya berasal daripada bangsa Yahudi Dunamah. (Petikan daripada buku Bangkit & Runtuhnya Khalifah Uthmaniah oleh Dr. Ali Muhammad Ash Shalabi, Pustaka Al-Kautsar, 2004)

Di dalam *Ensiklopedia Yahudi* ada menyatakan, sebahagian besar bangsa Yahudi Salonika mengatakan dengan tegas Mustafa Kamal Ataturk itu sebenarnya berasal daripada Dunamah.

Arnold Toynbee menyatakan perihal nasab Mustafa Kamal Ataturk dengan menyatakan, “Sesungguhnya, darah Yahudi mengalir deras di dalam tubuh Mustafa Kamal Ataturk.”

Usamah Aynaya berkata, “Sesungguhnya, orang-orang Dunamah begitu berbangga dengan Kamal Ataturk dan

berkeyakinan dengan keyakinan yang kukuh yang beliau adalah sebahagian daripada mereka."

H.S. Armstrong, iaitu seorang pembantu kepada Ataturk di dalam bukunya yang berjudul *Al-Zi'bu Al-Aghbar* ataupun *Al-Hayah Al-Khasah Li Taghiyyah* ada menulis. Sesungguhnya, Ataturk adalah daripada keturunan Yahudi. Nenek moyangnya adalah Yahudi yang berpindah dari Sepanyol ke bandar Salonika.

Sejarah akan tetap mencatatkan nama ini sebagai negarawan dengan tinta yang tidak akan pernah terpadam. Mustafa Kamal Ataturk terkenal sebagai seorang yang tekadnya pantang menyerah kalah, kecerdasan luar biasa dan semangat juang yang tinggi yang membolehkannya mengatasi nasib dan menjadi pencipta Turki baru. (*Surat khabar* di Yugoslavia)

Pada zaman kita ini, Mustafa Kamal Ataturk, melalui reformasi berpandangan jauh, keberanian politik, sosial dan ekonominya, dilihat berjaya merubah Turki menjadi sebuah republik moden. (Joseph Luns, Menteri Luar Negeri Belanda)

Terlalu sedikit dalam sejarah, individu yang berjasa kepada bangsa dan negaranya seperti Ataturk. (Shnork Kalutsian, Armenia)

Ataturk adalah simbol individualiti dan genius. Beliau adalah orang yang melakukan keajaiban terbesar pada abad ke-20. (Tidence, akhbar nasional Denmark)

Beliau bertanggungjawab atas kelahiran semula Turki,

yang tiada taranya dalam sejarah moden. (Novini, akhbar di Lidove, Cekoslovakia)

Mustafa Kamal Ataturk memegang tampuk kekuasaan selepas menandatangani Perjanjian Luzan dengan pihak Inggeris. Di mana pihak Inggeris menetapkan syarat-syarat kepadanya, iaitu meruntuhkan sistem khalifah dan menghapuskan setiap usaha bagi mengembalikan semula sistem khalifah di samping menghancurkan sinar Islam serta menggunakan undang-undang Eropah sebagai ganti undang-undang Islam.

Beliau juga melarang azan dilaungkan dalam bahasa Arab dan menggantikan tulisan Arab dengan huruf Latin atau Rumi, seterusnya memerintahkan supaya warga Turki memakai topi koboi bagi kaum lelaki dan melarang pakaian yang berlandaskan tuntutan syarak ke atas kaum wanita serta merubah fungsi Masjid Aya Sofia menjadi muzium. (*Turki Negara Dua Wajah* oleh Dr. Abdullah Azzam)

Sesungguhnya, Mustafa Kamal Ataturk sudah menyapu bersih syariat Islam secara menyeluruh di Turki. (*Turki Negara Dua Wajah* oleh Dr. Abdullah Azzam)

Sesungguhnya, orang Barat sengaja menampakkan Mustafa Kamal Ataturk adalah seorang hero (pahlawan) daripada barisan pahlawan pengukir sejarah baru, dengan harapan percubaan ala kamal itu dapat berulang lagi dalam dunia Islam. Hal ini bagi menjadikan Mustafa Kamal sebagai contoh dan teladan utama bagi mereka, iaitu seorang idola yang perlu diikuti dan ditiru jejak langkahnya. (*Turki Negara Dua Wajah* oleh Dr. Abdullah Azzam)

Will Durant dan Ariel Durant di dalam buku hasil tulisan mereka yang berjudul *The Lesson of History* mengungkapkan, kebangkitan sebuah peradaban ataupun bangsa bergantung pada ada ataupun tidak adanya inisiatif individu dan pemikiran kreatif bagi mengembangkan energi positif. Khalifah Uthmaniah pada abad ke-16 adalah ikon kemajuan dunia dan sumber inspirasi di Eropah. Lord Kinross di dalam bukunya yang berjudul *The Rise and The Fall of Turkish Empire* menyatakan, pasukan Uthmaniah terlalu pantas gerakannya sehinggakan 100 orang tentera Kristian tidak mampu menewaskan 10 orang tentera Islam. Mereka adalah pasukan tentera yang benar-benar terlatih kerana apabila bergerak mereka tidak pernah berhenti sama sekali.

Lord Kerzon, Menteri Luar British berkata, “Apa yang berlaku adalah Turki sudah berjaya dikuasai tanpa sebarang tentangan kerana kita sendiri sudah berjaya menguasai kekuatan spiritualnya, iaitu sistem khalifah Islam.”

Menurut Syeikhul Islam, iaitu Mustafa Sabri yang melarikan diri ke Mesir, “Memang mudah untuk Inggeris menjadikan Mustafa Kamal sebagai wira pada saat mereka menekan sistem khalifah dan menggulingkan sultan yang memerintah. Dalam episod ini, terserlahlah kebolehan Ataturk pada pandangan mata orang Islam. Ataturk dianggap sebagai seorang lelaki yang hebat dan tidak ada tolok bandingnya bagi Inggeris.

Hal ini kerana beliau berjaya meruntuhkan kesucian Islam (lebih-lebih lagi peradabannya) dalam masa satu hari

sahaja sedangkan pihak Inggeris sendiri tidak mampu melakukannya walaupun dalam tempoh setahun. Apabila Inggeris berasa yakin dengan keupayaan dan kekuasaan yang ada pada Ataturk, mereka pun melantiknya menjadi ketua kerajaan boneka dan selepas itu mereka pun keluar dari negara kami."

Ibnu Taimiyah berkata, "Sesungguhnya, Allah akan menegakkan sebuah pemerintahan yang adil walaupun diperintah oleh orang kafir dan akan meruntuhkan pemerintahan yang zalim walaupun diperintah oleh orang Muslim."

"Wahai Tuhan kami, ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang sudah beriman sebelum kami dan janganlah Engkau membiarkan hasad dengki dalam hati kami kepada orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami, sesungguhnya Engkau Maha Penyantun lagi Maha Penyayang."

(Surah al-Hasyr, ayat 10)

Yahudi Dunamah

Pada suatu malam, pada tahun 1299 Hijrah bersamaan 1880 Masihi, satu majlis menyambut ‘malam pesta kambing’ diadakan di sebuah kawasan lapang di pinggir bandar Salonika, Macedonia yang terletak di utara Greece.

Majlis yang diadakan setahun sekali itu dihadiri oleh orang-orang Yahudi Dunamah. Mereka adalah orang-orang Yahudi yang berpura-pura memeluk agama Islam tetapi sebenarnya masih mengamalkan agama nenek moyang mereka.

Dalam kalangan orang Yahudi yang taat beragama terutama sekali golongan pendeta, mereka menganggap orang Yahudi Dunamah ini sebagai golongan yang murtad. Malahan, dalam bahasa Turki itu sendiri Dunamah bermaksud orang-orang yang munafik. Namun begitu, kehadiran golongan Yahudi Dunamah ini mendapat restu orang-orang Greek yang sedang berjuang menentang pemerintahan Khalifah Uthmaniah yang berpusat di Istanbul.

Kota Salonika atau kota Yahudi memiliki penduduk berjumlah 140,000 orang dan daripada jumlah itu, 80,000 orang berbangsa Yahudi yang berasal dari Sepanyol atau dikenali sebagai Yahudi Dunamah. Setahun sekali mereka akan berkumpul di pelbagai tempat bagi menyambut 'malam pesta kambing'. Tempat yang paling meriah sambutannya adalah di pinggir bandar Salonika.

Majlis yang diadakan pada malam itu dimulakan dengan ucapan daripada Salemon Uzair, iaitu ketua Yahudi Dunamah di Salonika. Dia berpesan kepada semua yang hadir supaya berusaha menjayakan cita-cita Yahudi Dunamah yang mahu menubuhkan sebuah negara baru di Palestin sebagai permulaan menguasai dunia. Bagi menjayakan impian itu, mereka perlu berusaha menjatuhkan kerajaan Uthmaniah yang ternyata menjadi batu penghalang kepada cita-cita besar mereka.

Selepas mendengar ucapan daripada Salemon Uzair yang sungguh bersemangat itu, mereka pun menikmati makanan dan minuman yang disediakan. Kemuncak majlis itu adalah apabila lampu dipadamkan dan semua yang hadir memilih pasangan masing-masing bagi melakukan hubungan seks secara bebas. Menurut kepercayaan penganut Yahudi Dunamah, sekiranya mereka yang melakukan hubungan seks bebas itu mendapat anak hasil daripada hubungan seks dengan pasangan mereka pada malam itu, maka anak yang lahir itu akan membawa tuah dan dianggap sebagai anak yang suci. Kebiasaannya, majlis akan berakhir sebelum fajar menyinsing dan mereka pulang ke rumah masing-masing bersama kenangan yang terindah.

Tiga bulan kemudian, Ali Riza Efendi berasa begitu gembira apabila mendapat tahu yang isterinya, Zubaidah Hanim sudah mengandung, lalu dia pun memaklumkan berita gembira itu kepada rakan-rakannya yang juga terdiri daripada orang Yahudi Dunamah. Mereka juga berasa sungguh gembira dengan berita itu kerana mereka sememangnya berasa yakin, benih yang dikandung Zubaidah itu adalah hasil pada malam menyambut 'pesta kambing'.

"Jagalah isteri kamu dengan sebaik-baiknya kerana anak yang bakal dilahirkannya itu nanti adalah anak yang suci serta membawa tuah," kata Abdul Muhsin Agha, iaitu rakan baik kepada Ali Riza yang juga Yahudi Dunamah yang fanatik.

"Semoga anak itu seorang lelaki yang apabila besar kelak menjadi tenaga penggerak bagi menumbangkan kerajaan Uthmaniah," kata Ali Riza pula. Dendamnya kepada kerajaan Uthmaniah sudah tercetus sejak sekian lama. Kini, dendamnya itu ternyata semakin membara.

"Saya juga berharap begitu dan kita perlu pastikan anak itu nanti diberikan didikan yang betul mengikut acuan kita sendiri," kata Abdul Muhsin Agha pula sambil tersenyum-senyum gembira.

Semasa mengandung, Zubaidah Hanim dapat merasakan bayi di dalam kandungannya itu sungguh lasak kerana sering menendang-nendang perutnya, menyebabkan dia sukar untuk tidur pada waktu malam. Dia juga sering ditimpa sakit semasa mengandungkan anaknya itu.

Selepas menanggung kesukaran selama sembilan bulan lebih, akhirnya pada 19 Mei tahun 1299 Hijrah bersamaan 1881 Masihi, Zuberde atau Zubaidah Hanim selamat melahirkan seorang bayi lelaki yang sihat tubuh badannya yang dinamakan Mustafa.

“Saya menamakan anak lelaki saya ini dengan nama Mustafa supaya apabila dia sudah dewasa kelak, dia akan menjadi orang yang terkenal dan mendapat pekerjaan di bawah pemerintah Uthmaniah,” kata Ali Riza Efendi.

Orang Yahudi Dunamah, mereka sebenarnya memakai dua nama, iaitu satu nama Islam dan satu lagi nama Yahudi. Tujuan mereka adalah bagi mengaburi mata pemerintah Khalifah Uthmaniah, di samping melindungi kegiatan mereka yang masih mengamalkan agama Yahudi secara rahsia.

“Orang kita perlu bekerja dengan pemerintah Uthmaniah supaya dapat membantu menumbangkan mereka dari dalam. Saya harap anak saya ini yang akan menjadi penggeraknya,” kata Ali Riza Efendi sambil menimang anak kesayangannya itu.

Namun begitu, Zubaidah Hanim menunjukkan rasa kurang senang apabila mendengar kata-kata suaminya itu.

“Adakah kamu tidak berasa gembira dengan kelahiran anak kita ini?” tanya Ali Riza Efendi apabila melihat wajah isterinya murung sahaja.

Zuberde atau Zubaidah Hanim adalah wanita berketurunan Turki. Bapanya bernama Sofuzade Feyzullah Agha. Agha

adalah gelaran yang diberikan kepada pegawai yang bertanggungjawab menjaga tanah bagi pihak tuan tanah di kawasan tempat tinggal mereka. Sofuzade pula bermaksud anak kepada orang yang soleh. Zubaidah mempunyai seorang abang yang bernama Hussein Agha.

Ali Riza Efendi juga sebenarnya berketurunan Turki. Dia bekerja sebagai pegawai kastam di Salonika. Bapanya seorang hafiz atau orang alim yang hafal al-Quran yang bernama Hafiz Ahmet Effendi. Gelaran Effendi ini adalah gelaran yang diguna pakai oleh orang yang berpelajaran.

Sejak Ali Riza Efendi bertugas di Salonika selepas menamatkan tugasnya dengan pasukan tentera simpanan Turki di Istanbul, dia berkawan rapat dengan orang Yahudi Dunamah. Antara sahabat karibnya adalah Abdul Muhsin Agha, iaitu seorang Yahudi yang berasal dari Sepanyol. Ayah dan ibunya memeluk agama Islam selepas berpindah ke Salonika. Oleh sebab terpengaruh dengan hasutan orang Yahudi Dunamah, akhirnya Ali Riza Efendi juga memusuhi kerajaan Uthmaniah.

Ali Riza Efendi adalah dua puluh tahun lebih tua daripada Zubaidah. Pasangan tersebut pada zahirnya nampak bahagia tetapi sebaliknya. Mereka berkahwin atas kehendak ayah Zubaidah yang mahu anak perempuannya itu hidup senang sekiranya berkahwin dengan seorang pegawai kastam. Mereka dikurniakan beberapa orang anak tetapi semuanya meninggal dunia melainkan seorang anak perempuan mereka yang bernama Makbulla. Apabila usianya semakin meningkat tua, Ali Riza mahukan seorang anak lelaki.

“Saya mahu anak ini menjadi anak yang soleh supaya dapat meneruskan perjuangan moyangnya menyebarkan agama Islam di muka bumi Turki ini. Bukan anak yang membawa kerosakan dan kemungkaran,” kata Zubaidah pula.

Walaupun dia tahu kehadiran Mustafa tidak seperti yang diharapkannya tetapi dia masih menaruh harapan supaya apabila sudah dewasa kelak, anak lelakinya itu menjadi orang yang baik dan berilmu pengetahuan.

Zubaidah sememangnya seorang wanita Islam yang taat beragama tetapi nasibnya agak malang kerana suaminya Ali Riza Efendi tidak lagi berpegang pada ajaran agama Islam. Dia lebih cenderung dengan fahaman ateis yang tidak percaya kepada Tuhan. Namun begitu, apabila dia berada di khalayak ramai terutama sekali orang-orang Islam, dia akan mengaku yang dirinya beragama Islam.

“Mengapakah kamu sering tidak sependapat dengan saya dalam perkara yang berkaitan dengan masa hadapan anak kita ini?” tanya Ali Riza Efendi dalam nada marah.

“Saya yakin anak yang baik diperoleh dengan cara yang baik. Dengan itu, kelakuannya akan cenderung menjadi baik apabila dewasa kelak. Sebaliknya, anak yang diperoleh dengan cara yang tidak baik akan cenderung melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Itulah yang saya bimbangkan,” jawab Zubaidah Hanim.

“Apakah maksud kata-kata kamu itu? Berterus teranglah supaya saya faham,” pinta Ali Riza Efendi.

“Saya yakin anak ini bukan daripada zuriat keturunan kamu. Lihatlah wajahnya, langsung tidak seiris dengan wajah kamu. Kulitnya jauh lebih putih tidak seperti kulit kamu. Matanya biru seperti warna langit. Rambutnya pula seperti bulu jagung. Dia berasal daripada benih yang saya peroleh pada malam pesta kambing,” kata Zubaidah Hanim, lalu menekup wajahnya dengan kedua-dua tapak tangannya sambil menangis.

“Anak ini memang zuriat keturunan saya. Buktinya, bukankah saya sentiasa berada di samping kamu pada malam itu?” kata Ali Riza Efendi pula sambil berusaha meyakinkan isterinya.

Kemudian katanya lagi, “Pada malam itu kita tidak pernah berjauhan. Apabila lampu dipadamkan saya terus sahaja menarik tangan kamu. Oleh sebab itu, saya berasa yakin yang anak ini sememangnya daripada zuriat keturunan saya. Janganlah kamu ragukan lagi.”

“Sepatutnya kita tidak boleh hadir dalam perayaan itu kerana kita orang Islam. Perayaan malam pesta kambing itu hanya untuk kaum Yahudi Dunamah,” kata Zubaidah dalam esak tangisnya.

“Pada mulanya saya juga tidak mahu hadir pada malam pesta kambing itu. Namun begitu, Abdul Muhsin Agha, sahabat karib saya itu berkeras mahu kita hadir bersama. Dia juga mendapat anak selepas dia dan isterinya hadir pada malam pesta kambing tahun lepas. Dia bersimpati dengan keadaan saya yang masih mahukan anak lelaki, lalu dia pun mengajak kita supaya menyertainya,” kata Ali

Riza Efendi dengan bersungguh-sungguh.

“Bukankah pada malam itu Abdul Muhsin Agha sentiasa berada dekat dengan kita? Dia merenung saya seperi singa merenung mangsanya. Adakah kamu tidak perasan akan tindak-tanduknya itu?” tanya Zubaidah Hanim pula. Dia syak Mustafa itu adalah zuriat daripada benih Abdul Muhsin Agha tambahan pula wajah mereka seiras.

“Dia satu-satunya sahabat karib yang saya sayang. Kami sering berkongsi apa sahaja,” jawab Ali Riza Efendi dengan wajah selamba.

“Sememangnya, saya mengandung selepas kita hadir pada malam pesta kambing itu,” kata Zubaidah dengan nada suara yang kesal.

“Tuhan mengurniakan kita anak pada malam yang berkat itu. Saya yakin anak ini lahir dengan membawa tuah. Dia anak yang suci,” jawab Ali Riza sambil mengusap-usap kepala anak kesayangannya itu.

“Saya langsung tidak percaya kerana kepercayaan Yahudi Dunamah itu bertentangan dengan ajaran agama Islam yang kita anuti,” bantah Zubaidah.

“Saya tidak peduli sama ada kamu percaya ataupun tidak. Apa yang pasti sekarang, kamu sudah melahirkan anak kita. Anak saya dan juga anak kamu,” balas Ali Riza sambil mencium Mustafa yang sedang tidur dalam pangkuannya.

“Bagaimanakah sekiranya anak ini bukan daripada benih kamu dan dia sememangnya daripada benih orang yang

saya sendiri tidak merelakannya?" tanya Zubaidah dalam nada tegas.

"Sudah puas saya katakan yang anak ini adalah daripada zuriat keturunan saya sendiri. Saya ini adalah ayahnya dan kamu pula adalah ibunya. Sepatutnya kita menyambut kelahirannya dengan gembira dan bukannya dengan pertengkaran demi pertengkaran," jawab Ali Riza yang cuba menahan rasa marahnya.

Madam Selly adalah bidan tua yang menyambut kelahiran Mustafa. Beliau sering datang ke rumah Ali Riza Efendi bagi memeriksa bayi lelakinya. Beliau berasa kurang senang apabila mendengar pertengkaran kedua-dua suami isteri itu.

"Anak ini adalah kurniaan Tuhan kepada kamu berdua. Sekiranya kamu tidak mahu membesarkannya, serahkan sahaja kepada orang lain. Di Salonika ini, ramai pasangan suami isteri yang tidak mempunyai anak. Mereka pasti berebut-rebut mahu memelihara bayi ini apabila mendapat tahu benihnya jatuh pada malam pesta kambing," katanya. Dia juga adalah penganut Yahudi Dunamah yang setia. Oleh sebab itu, dia dengan rela hati menawarkan diri bagi menyambut kelahiran Mustafa.

"Saya tidak akan serahkan anak ini kepada sesiapa pun. Saya sanggup memeliharanya sendiri walaupun isteri saya tidak suka kepadanya dan saya sanggup berpisah dengan isteri saya daripada berpisah dengan anak yang membawa tuah ini," kata Ali Riza.

Zubaidah yang pada mulanya terdiam apabila mendengar

kata-kata lunak daripada Madam Selly tiba-tiba tersentak sebaik mendengar kata-kata yang berupa ancaman daripada suaminya. Walaupun hidupnya tidak bahagia kerana suaminya sudah tua dan mereka sering tidak sependapat, terutama sekali dalam soal agama dan kepercayaan tetapi dia tidak sanggup diceraikan. Tambahan pula, ayah dan ibunya sudah meninggal dunia.

“Baiklah, sekiranya begitu saya akan menyayangi anak ini seperti anak saya sendiri. Namun begitu, saya tidak mahu kita hidup dalam kepura-puraan. Saya mahu kita menjadi orang Islam sejati dan bukannya Yahudi Dunamah,” kata Zubaidah pula. Tangisannya kelihatan mula reda.

“Saya juga orang Islam tetapi masih berpegang kuat pada kepercayaan sebagai Yahudi Dunamah. Tidak ada salahnya asalkan hidup kita selamat dan tidak diganggu pemerintah,” kata Madam Selly.

“Orang Islam menganggap agama mereka lebih baik. Orang Yahudi juga menganggap mereka yang paling baik. Oleh itu, terserahlah kepada pilihan masing-masing,” kata Ali Riza.

“Bagaimanakah pula dengan pendirian kamu, wahai suamiku?” tanya Zubaidah.

“Saya orang Islam tetapi saya tetap dengan keyakinan saya yang tersendiri,” jawab Ali Riza.

Kemudian, dia menyambung kata-katanya lagi, “Semua orang Yahudi di Salonika ini sudah memeluk agama Islam tetapi semua itu hanyalah helah semata-mata demi

mendapatkan perlindungan daripada Khalifah Uthmaniah. Apa yang pasti, mereka sebenarnya masih menganut agama mereka yang asal. Malahan, masih ramai yang tidak menganut apa-apa agama kerana mereka tidak percaya adanya Tuhan."

"Sekiranya isteri seorang Islam yang taat dan suami pula tidak taat, bagaimanakah kamu berdua mahu hidup bahagia? Lebih baik kamu berdua berpisah sahaja," kata Madam Selly.

"Orang Yahudi Dunamah berkahwin sekali sahaja seumur hidup dan tidak pernah timbul istilah perceraian. Dalam Islam pula kuasa menceraikan itu berada di tangan suami. Dengan itu, Zubaidah akan tetap menjadi isteri saya sehingga saya mati," kata Ali Riza.

Zubaidah Hanim seorang wanita yang taat dengan ajaran agama Islam yang dianutinya sejak kecil lagi. Ini kerana ayah dan ibunya juga beragama Islam dan sejak kecil dia sudah dididik mengikut acuan ajaran Islam. Apabila meningkat usia remaja, dia dilamar oleh Ali Riza Efendi yang terpikat dengan kecantikan paras rupanya. Rambutnya perang dan anak matanya berwarna coklat.

"Saya terpikat dengan kulit kamu yang putih melepak, bentuk badan kamu yang langsing, rambut kamu yang perang dan anak mata kamu yang berwarna coklat." Kata-kata ini sering kali diucapkan oleh Ali Riza pada peringkat awal perkahwinan mereka.

"Walaupun kamu sudah tua dan umur kamu sebaya pula dengan ayah saya, saya tetap menyayangi kamu kerana

kamu adalah suami saya," gurau Zubaidah pula.

Selepas lebih sepuluh tahun berkahwin, mereka pun dikurniakan beberapa orang anak tetapi semuanya meninggal dunia melainkan satu-satunya yang masih hidup, iaitu anak perempuan mereka yang bernama Makbulla. Namun begitu, Ali Riza Efendi masih mahukan seorang anak lelaki. Pelbagai usaha sudah dilakukan tetapi Zubaidah masih belum juga mengandung sehinggalah pada malam itu suaminya mengajaknya pergi ke satu majlis jamuan makan yang kononnya dianjurkan oleh majikannya. Tanpa mengesyaki apa-apa, Zubaidah pun menurut sahaja ajakan suaminya itu. Kemudian, apabila sudah berada di tempat itu, barulah dia tahu yang majlis itu adalah "malam pesta kambing" Yahudi Dunamah. Semasa menikmati makanan, dia diberikan minuman yang disangkanya air buah-buahan tetapi sebenarnya arak yang memabukkan. Apabila lampu dipadamkan, dia sememangnya tidak sedar apa yang berlaku selepas itu.

"Selepas sekian lama menunggu, akhirnya kita dikurniakan seorang anak lelaki yang comel dan sihat tubuh badannya. Saya perlu berterima kasih kepada Abdul Muhsin Agha kerana mencadangkan kita supaya hadir pada malam pesta kambing itu," kata Ali Riza Efendi dengan wajah gembira. Kegembiraannya itu sudah mula dapat dirasakan sejak mengetahui yang isterinya disahkan mengandung.

Sejak itu, Ali Riza Efendi sentiasa mencurahkan kasih sayangnya yang tidak berbelah bahagi kepada Zubaidah. Dia tidak lagi mudah marah-marah. Selepas pulang dari kerja, dia akan hanya berada di rumah. Sebelum itu, dia

sering sahaja keluar rumah dan pulang semula pada lewat malam.

Masa pun berlalu, hari berganti bulan, manakala bulan pula berganti tahun, Mustafa terus membesar dengan sihat. Sehubungan itu, Zubaidah tidak mahu lagi bertengkar dengan suaminya perihal anak lelakinya itu. Tambahan pula sudah wujud rasa kasih dan sayang dalam hatinya kepada anak yang dilahirkannya itu. Hussein Agha, iaitu abang kepada Zubaidah juga sering menasihatkannya supaya memelihara Mustafa dengan baik. Cuma dia pernah mengadu kepada suaminya yang payu daranya tidak mengeluarkan susu. Oleh sebab itu, dia meminta supaya dicarikan seorang ibu susu bagi menyusukan Mustafa. Ali Riza Efendi pun mengupah seorang wanita berkulit hitam berbangsa Yahudi bagi menyusukan Mustafa sehingga umurnya dua tahun.

“Saya yakin apabila sudah dewasa kelak, Mustafa akan menjadi orang yang terkenal. Namanya masyhur di seluruh pelosok dunia,” kata Ali Riza Efendi dengan penuh yakin.

“Lupakan sahaja angan-angan kosong kamu itu. Bagaimanakah pula kamu mahu mendidik anak ini menjadi orang terkenal sedangkan diri sendiri tidak terdidik. Kamu sudah kembali semula dengan perangai lama kamu yang ketagih arak, suka berjudi dan selalu berfoya-foya di kelab malam,” marah Zubaidah kepada suaminya kerana suaminya itu kembali semula kepada perangai lamanya.

“Walaupun saya bernasib malang kerana tidak percaya kepada Tuhan tetapi saya mahu anak saya ini menjadi

penganut Yahudi Dunamah yang taat dan setia. Saya mahu dia menjadi lebih hebat daripada Syabtay Zivi. Kamu kenal siapakah dia Syabtay Zivi?" tanya Ali Riza.

"Dia adalah pengasas Yahudi Dunamah. Seorang lelaki yang bercita-cita tinggi tetapi bernasib malang dan lebih malang daripada kamu," jawab Zubaidah dengan nada suara yang sedikit mengejek.

"Mengapakah kamu berkata sedemikian rupa?" tanya Ali Riza lagi.

"Lelaki itu bercita-cita mahu dunia ini berada di bawah kedua-dua tapak kakinya. Namun begitu, akhirnya dia mati dalam buangan. Kuburnya entah di mana kerana tidak siapa yang tahu di mana dia dikebumikan. Adakah itu petanda dia adalah seorang pemimpin yang hebat? Hakikatnya, pemimpin yang hebat itu adalah seperti Nabi Muhammad. Semasa hidup, beliau sentiasa disayangi dan dihormati para pengikutnya. Selepas meninggal dunia pun, makamnya tidak pernah putus-putus dikunjungi umatnya sejak dahulu hinggalah ke hari ini," jawab Zubaidah dengan panjang lebar.

Kemudian, dia menyambung kata-katanya lagi, "Saya tidak mahu anak saya ini menganut agama Yahudi Dunamah. Saya mahu dia menjadi orang Islam yang sejati dan berilmu pengetahuan. Saya juga mahu dia menjadi seorang penghafal al-Quran dan pendakwah."

"Kamu selalu sahaja memuji Nabi Muhammad dan mencela Syabtay Zivi di hadapan saya dengan tujuan mahu menyakitkan hati saya. Hakikatnya, kamu adalah

seorang isteri yang tidak mampu membahagiakan suami. Entah apalah malangnya nasib saya kerana mendapat isteri seperti kamu," bentak Ali Riza Efendi dengan suara yang begitu lantang sehinggakan jelas kedengaran oleh jiran tetangga mereka.

Tiba-tiba muncul Abdul Muhsin Agha, iaitu sahabat karib Ali Riza Efendi di hadapan pintu rumah mereka. Kedatangannya itu membantu menamatkan pertengkaran mereka berdua.

"Kedatangan saya ini sebenarnya bagi menyampaikan khabar gembira serta mengucapkan tahniah kerana Tuhan sudah mengurniakan tuah kepada diri kamu," ucap Abdul Muhsin Agha sambil tersenyum.

"Saya sememangnya yakin, sejak dilahirkan hinggalah ke hari ini, anak lelaki saya ini sentiasa membawa tuah kepada kami. Hanya isteri saya ini yang sering menimbulkan masalah. Kami sering bertengkar disebabkan hal yang remeh-temeh. Saya bimbang tuah itu akan hilang apabila kami berdua tidak lagi sefahaman," kata Ali Riza Efendi sambil menghisap cerut Turki yang menjadi ketagihannya sejak muda.

"Saya yakin kamu berdua tidak akan bertengkar lagi selepas ini. Lebih-lebih lagi selepas kamu menjadi orang kaya. Mulut isteri kamu itu pasti tidak melalak lagi selepas diberikan timbunan harta," kata Abdul Muhsin Agha sambil tertawa dan memandang ke arah Zubaidah.

"Apakah khabar gembira yang mahu kamu sampaikan kepada saya? Kamu juga ada menyebut perihal kekayaan

dan harta yang bertimbun-timbun. Kata-kata kamu itu sememangnya membuatkan saya begitu teruja mahu mendengarnya," tanya Ali Riza Efendi dengan raut wajah yang serius.

"Benar kata kamu itu. Kedatangan saya ini sebenarnya adalah bagi menyampaikan satu berita yang pastinya menggembirakan hati kamu," jawab Abdul Muhsin Agha pula seperti masih mahu berteka-teki.

"Katakan segera wahai sahabatku. Tidak sabar pula saya mahu mengetahuinya," balas Ali Riza Efendi.

"Permohonan kamu bagi mendapatkan kebenaran menjual kayu balak di kawasan pergunungan Olympus sudah pun diluluskan. Kamu akan menjadi orang kaya tidak lama lagi," kata Abdul Muhsin Agha dengan nada suara yang gembira.

"Benarkah apa yang kamu sampaikan tadi wahai sahabatku? Saya seperti tidak percaya kerana ramai yang memohonnya tetapi saya pula yang berjaya dipilih," kata Ali Riza Efendi yang kelihatan sungguh gembira apabila mendengar khabar berita daripada Abdul Muhsin Agha.

"Seperti yang kamu katakan tadi, kelahiran anak ini ternyata membawa tuah dan tuah itu sudah pun datang kepada kamu sekarang," kata Abdul Muhsin Agha, lalu menghulurkan surat tawaran kerja menjual kayu balak itu.

"Hari ini adalah hari yang paling menggembirakan saya. Memang benar kelahiran anak ini membawa tuah. Adakah kamu masih tidak percaya wahai isteriku?" ujar Ali Riza sambil menari-nari kerana terlalu gembira.

“Janganlah kamu terlalu gembira wahai sahabatku. Kejayaan kamu mendapat tender menjual kayu balak itu bukan secara kebetulan tetapi sebenarnya kami yang usahakan. Tanpa bantuan daripada kami, sudah pasti kamu tidak berjaya mendapatnya,” jelas Abdul Muhsin Agha.

“Apakah maksud kamu wahai sahabatku?” tanya Ali Riza sambil merenung tajam ke arah wajah lelaki yang tampan itu.

“Di Salonika ini, pengaruh ketua kita iaitu Salemon Uzair sememangnya begitu kuat. Dia yang membantu kamu mendapatkan tender menjual kayu balak itu. Kamu sebenarnya sudah terhutang budi kepadanya,” jawab Abdul Muhsin Agha.

“Siapakah dia Salemon Uzair itu, wahai suamiku?” tanya Zubaidah.

“Mustahil kamu tidak kenal lelaki itu. Dia adalah ketua Yahudi Dunamah di Salonika. Dengan bantuannya, suami kamu dengan mudah mendapat tender menjual kayu balak di pergunungan Olympus itu. Dia akan menjadi jutawan tidak lama lagi,” jawab Abdul Muhsin Agha sambil tersenyum dan matanya memandang Zubaidah tanpa berkelip walau sedikit pun.

“Sudah pasti bantuan itu bukan diberikan secara percuma, bukankah begitu?” tanya Zubaidah lagi.

“Dalam dunia ini, tiada bantuan yang akan diberikan secara percuma. Suami kamu perlu membalas semula budi baik

Salemon Uzair itu," jawab Abdul Muhsin Agha sambil terus tersenyum lagi.

"Suami saya bukannya orang kaya. Dia pastinya tidak mampu memberikan apa-apa," kata Zubaidah.

"Saya sering kali membantu Salemon Uzair dengan melepaskannya daripada membayar cukai kastam ke atas barang-barang dagangannya. Saya juga dengan sengaja membiarkan sahaja barang-barang yang diseludupnya dibawa masuk dan keluar dari sini. Kini, tibalah gilirannya pula membalas kebaikan saya," kata Ali Riza Efendi pula.

"Bukankah Salemon Uzair juga yang mempengaruhi Gabenor Solanika supaya melantik semula kamu menjadi pegawai kastam di sini? Tanpa sokongan daripadanya, pastinya sudah lama kamu diberhentikan kerja. Oleh sebab itu, sememangnya wajar tindakan kamu itu sebagai cara membalas budinya," kata Abdul Muhsin Agha sambil tertawa.

Kemudian, Abdul Muhsin Agha berkata lagi, "Salemon Uzair membantu kamu sekali lagi dengan mendapatkan kebenaran menjual kayu balak di pergunungan Olympus. Oleh sebab itu, kamu perlu berterima kasih kepadanya."

"Saya tidak pernah lupa bantuan yang pernah dihulurkannya itu dan pastinya saya terhutang budi kepadanya," kata Ali Riza Efendi.

"Persoalannya kini, bagaimanakah caranya kamu mahu mendapatkan modal yang banyak bagi mengeluarkan kayu balak dari pergunungan Olympus?" tanya Abdul Muhsin

Agha.

“Saya sedar akan perkara itu. Oleh sebab itulah, saya menolak cadangan kamu supaya memasuki tender itu. Namun begitu, kamu yang begitu bersungguh-sungguh menyuruh saya dan kamu juga berjanji yang kamu sanggup menghulurkan bantuan,” kata Ali Riza yang mengingatkan semula janji sahabatnya itu.

“Saya tidak pernah memungkiri janji untuk terus membantu kamu,” ujar Abdul Muhsin Agha sambil memandang wajah Ali Riza. Dia tidak lagi tersenyum. Wajahnya kelihatan serius.

“Bagaimanakah caranya untuk suami saya ini mendapatkan modal yang banyak bagi menjayakan projek itu?” tanya Zubaidah.

“Ada dua cara bagi mendapatkannya. Pertama, melalui pinjaman bank dan yang kedua pula dengan menjual semua harta yang kamu ada. Duit yang kamu peroleh itu boleh digunakan sepenuhnya bagi menjayakan impian suami kamu menjadi jutawan kayu balak,” jawab Abdul Muhsin Agha.

“Saya tidak sanggup berhutang. Oleh sebab itu, saya lebih rela menjual rumah dan ladang milik saya bagi memulakan hidup baru di pergunungan Olympus,” kata Ali Riza.

“Salemon Uzair sanggup membelinya walau dengan harga yang tinggi. Apa yang penting dia mahu kayu balak di pergunungan Olympus itu dimiliki sepenuhnya oleh penyokong Yahudi Dunamah,” kata Abdul Muhsin Agha.

Abdul Muhsin Agha dengan rela hati menawarkan dirinya menjadi orang tengah bagi menguruskan hal ehwal penjualan rumah dan tanah milik Ali Riza Efendi kepada Salemon Uzair. Oleh sebab tiada pilihan lain, maka permintaannya itu pun dengan mudah dipersetujui oleh Ali Riza Efendi. Tidak berapa lama kemudian, proses jual beli itu pun selesai. Ali Riza Efendi pun membawa isteri dan anak-anaknya berpindah ke kawasan pergunungan Olympus.

Di Pergunungan Olympus

Pergunungan Olympus terletak di utara bandar Salonika. Di kawasan kaki pergunungan itu terdapat muara Sungai Olympus yang menjadi nadi kehidupan penduduk bandar Salonika. Air sungai itu digunakan bagi mengairi kawasan pertanian dan juga kegunaan harian. Kawasan pergunungan Olympus adalah hutan tebal. Banyak haiwan liar yang sering menjadi buruan penduduk tempatan. Di situ juga ada banyak kayu balak yang berusia puluhan bahkan ratusan tahun.

Sejak sekian lama kewujudan pergunungan Olympus tidak dipedulikan oleh kerajaan Uthmaniah tetapi apabila kawasan pergunungan itu sudah mula dijadikan tempat persembunyian para penentang Greek yang berjuang menuntut kemerdekaan, maka keadaan pun mula berubah.

Kerajaan Uthmaniah mahu kawasan itu diteroka bagi memudahkan pihak tentera memburu pemberontak. Kawasan yang luas itu juga mahu dijadikan sebagai kawasan pertanian dan perumahan. Sebagai langkah awal,

kayu balak di kawasan pergunungan Olympus perlu ditebang dan Ali Riza Efendi berjaya mendapat kontrak itu.

“Semua harta saya sudah saya laburkan di kawasan pergunungan Olympus ini. Hidup dan mati saya biarlah di sini,” kata Ali Riza kepada isterinya ketika mereka sedang menikmati minuman petang. Mustafa dan kakaknya, Makbulla pula sedang seronok bermain kejar-kejar di halaman rumah.

“Saya pula sudah menyerahkan seluruh hidup saya bersama kamu di tempat yang terpencil ini,” kata Zubaidah pula sambil memerhatikan kedua-dua anaknya itu yang sedang tertawa riang kerana seronok bermain.

“Adakah kamu menyesal?” tanya Ali Riza pula sambil menghalakan pandangannya ke arah sekumpulan penebang kayu balak yang baru pulang dari hutan.

Mereka adalah pekerja yang rajin dan sanggup bekerja dari pagi sampai ke petang walaupun upah yang diberikan hanyalah dua lira sehari. Ali Riza sememangnya bergantung harap pada mereka untuk bekerja keras bagi mengeluarkan kayu balak dari kawasan hutan pergunungan Olympus.

“Saya tidak pernah menyesal dengan setiap keputusan yang sudah diambil kerana saya yakin semuanya sudah ditentukan Tuhan,” jawab Zubaidah sambil membetulkan ikatan rambutnya yang menggerbang kerana ditiup angin.

Dia berasa tenang sejak tinggal di pergunungaan Olympus. Suaminya membina sebuah rumah yang besar untuk

mereka sekeluarga. Rumah itu berhampiran dengan Sungai Olympus yang airnya mengalir jernih dan tenang. Suaminya juga membeli sebuah kereta kuda bagi memudahkan kedua-dua anak mereka pergi ke sekolah dan isterinya pergi ke pekan Salonika bagi membeli barang-barang keperluan harian.

Sejak berpindah ke situ, suaminya sentiasa bekerja keras bagi mengubah kehidupan mereka sekeluarga. Apa yang lebih menggembirakan hati Zubaidah, di situ tidak ada kelab malam, tempat berjudi, kedai minum arak dan tempat berfoya-foya. Dengan itu, suaminya dapat menumpukan sepenuh perhatian pada kerja dan rumah tangga.

Tiba-tiba, kedengaran Makbulla menangis. Dia datang mengadu kepada Zubaidah dan mengatakan Mustafa memukulnya.

“Kami bermain lumba lari. Apabila dia kalah, lalu dipukulnya saya,” kata Makbulla.

“Mengapa kamu memukul kakak?” marah Zubaidah sambil matanya membuntang memandang Mustafa.

“Kakak menolak saya semasa lumba lari tadi sebab itulah dia menang,” jawab Mustafa.

“Dia bohong!” bantah Makbulla.

“Mengapakah kamu sering sahaja memukul kakak?” marah Zubaidah lagi.

“Dia masih kanak-kanak lagi. Jangan marah dia.” Ali Riza pula membela Mustafa.

Ali Riza memang sentiasa menyebelahi Mustafa dan tidak pernah memarahi anak lelakinya itu walaupun ternyata beliau berbuat salah. Mustafa pula sentiasa berada di sisi Ali Riza apabila dimarahi Zubaidah. Beliau tidak pernah merasakan apa yang dilakukannya itu sebagai satu kesalahan kerana sering kali dibela oleh ayahnya.

“Saya bimbang apabila dewasa kelak perangai Mustafa menjadi lebih ganas. Oleh sebab itu, kita perlu mendidiknya bermula dari sekarang,” kata Zubaidah.

“Saya mahu dia menjadi pejuang. Sifat keras hati, berkemahuan tinggi dan tidak mahu mengalah itu adalah baik untuk dia apabila dewasa kelak,” kata Ali Riza pula.

“Saya mahu Mustafa menjadi orang baik dan bukannya orang yang jahat,” bantah Zubaidah sekeras-kerasnya.

“Baik ataupun jahat bergantung pada pilihan seseorang. Ada kalanya jahat itu perlu dilakukan demi mendapatkan keuntungan,” kata Ali Riza Efendi.

“Sekiranya Mustafa diberikan didikan agama, pasti dia akan menjadi orang yang baik,” kata Zubaidah.

“Saya mahu Mustafa belajar di sekolah Eropah yang mengajar ilmu sains, matematik dan ilmu alam. Dia juga perlu belajar bahasa Inggeris,” kata Ali Riza.

“Saya mahu Mustafa menjadi seorang penghafal al-Quran. Itu sahaja ilmu yang mampu menjamin hidupnya di dunia dan di akhirat,” kata Zubaidah.

Ali Riza Efendi dan Zubaidah sering kali bertengkar perihal

persekolahan Mustafa. Ali Riza mahu Mustafa belajar di sekolah Eropah yang mengajar ilmu moden seperti ilmu sains, matematik dan ilmu alam. Zubaidah pula mahu anaknya itu belajar di sekolah tahfiz al-Quran. Akhirnya, Zubaidah juga yang menang apabila Mustafa didaftarkan di sekolah tahfiz. Namun begitu, Ali Riza tidak pernah mahu mengalah. Dalam diam-diam, dia juga mendaftarkan nama Mustafa di sekolah Eropah.

Pada suatu hari, Ali Riza pulang ke rumah dalam keadaan cemas. Menurutnya, keadaan sudah bertukar menjadi hura-hara kerana pertempuran antara pejuang kemerdekaan Greek dengan tentera kerajaan Uthmaniah sudah pun bermula. Pertempuran itu dijangka merebak di seluruh bandar Salonika dan nyawa orang ramai dalam keadaan bahaya.

“Saya yakin pertempuran akan merebak sehingga ke pergunungan Olympus ini. Nyawa kita sudah pasti terancam kerana kita tidak ada tempat lain yang dapat dituju bagi menyelamatkan diri,” kata Ali Riza.

“Semoga pertempuran itu akan berakhir dan keadaan kembali pulih seperti sediakala,” kata Zubaidah pula berusaha menenangkan hati suaminya.

“Peperangan tidak akan berhenti selagi orang-orang Greek tidak dapat memerintah sendiri negeri ini. Mereka mahukan kemerdekaan daripada kerajaan Uthmaniah,” kata Ali Riza.

Kemudian, dia menyambung lagi, “Saya yakin pada akhirnya nanti, kerajaan Uthmaniah terpaksa memberikan kemerdekaan kepada Greek kerana Greek mendapat

sokongan penuh daripada negara Rusia dan Eropah. Kerajaan Uthmaniah dilihat semakin lemah selepas mereka mengalami kekalahan demi kekalahan dalam peperangan."

"Mengapakah kerajaan Uthmaniah yang begitu kuat dan luas jajahan takluknya dapat dikalahkan?" tanya Zubaidah

"Hal ini kerana mereka tidak mahu mengikut perubahan zaman. Kerajaan Uthmaniah perlu mengikut cara orang Eropah sekiranya mahu maju. Sekiranya tetap berdegil, satu demi satu jajahan takluknya akan terlepas dan akhirnya kerajaan mereka akan runtuh," jawab Ali Riza.

"Pada pendapat saya bukan itu sebab utamanya. Mereka sebenarnya tidak lagi berpegang kuat pada agama. Mereka tidak lagi mengamalkan ajaran al-Quran dan juga sunah Rasulullah. Oleh sebab itu, mereka mengalami kekalahan apabila berperang," kata Zubaidah.

"Kita memang selalu tidak sependapat dalam semua perkara. Namun begitu, kali ini saya mengakui pendapat kamu itu ada benarnya," kata Ali Riza sambil tersenyum.

"Beritahu saya di mana kebenaran yang kamu maksudkan itu," pinta Zubaidah.

"Saya pernah berkhidmat dengan tentera Uthmaniah selama hampir dua puluh tahun sehingga saya dinaikkan pangkat menjadi leftenan. Walaupun saya berada dalam pasukan tentera simpanan tetapi saya kerap dihantar ke barisan hadapan dan pernah terlibat dalam beberapa pertempuran dengan musuh. Saya dapati lebih daripada separuh rakan-rakan saya yang tidak bersembahyang dan

meneguk arak. Kelakuan mereka itu sama seperti saya juga," jelas Ali Riza dengan panjang lebar.

"Saya sudah menjangkakannya dan sebab itulah mereka tidak hebat seperti tentera Uthmaniah pada zaman dahulu yang taat beragama," kata Zubaidah sambil melahirkan rasa kesalnya.

"Bukan dalam kalangan tentera peringkat rendah sahaja, malahan para pegawai tinggi termasuk mereka yang berkhidmat dengan sultan juga tidak lagi bersembahyang dan sentiasa ketagih arak. Oleh sebab itu saya berani katakan, sekiranya mahu menjadi kuat mereka perlu mengikut cara orang Eropah," kata Ali Riza.

"Bukankah sekarang mereka sudah meniru cara Eropah dan menyebabkan mereka menjadi semakin lemah?" tanya Zubaidah lagi.

"Bertengkar dengan kamu memang tidak akan ada titik noktahnya. Lebih baik kita fikirkan masalah lain. Jangan kamu kusutkan lagi fikiran saya yang sudah sedia kusut ini," jawab Ali Riza.

Suasana bertukar hening seketika. Mustafa dan Makbulla yang sudah kepenatan bermain, duduk berehat. Angin petang yang bertiup dari pergunungan Olympus terasa semakin dingin.

"Bilakah kayu balak yang banyak itu mahu dijual?" tanya Zubaidah sambil menunjuk ke arah longgokan kayu balak yang banyak di kawasan tebing sungai. Dia dilihat berjaya mengubah tajuk perbualan. Dia juga tidak mahu

pertengkaran itu berlarutan.

“Tentera kerajaan sedang memburu pemberontak. Apabila keadaan sudah kembali aman, barulah kayu balak yang sudah ditebang itu dapat dijual dan saya akan menerima keuntungan berlipat kali ganda daripada hasil kerja saya ini,” jawab Ali Riza sambil melahirkan rasa keyakinannya tidak lama lagi keadaan akan kembali pulih seperti sediakala dan kesemua kayu balak itu dapat dihanyutkan melalui sungai untuk dibawa ke bandar Salonika.

“Bagaimanakah sekiranya keadaan ini berterusan? Maksud saya pertempuran terus berlaku antara tentera kerajaan dengan pemberontak di pergunungan Olympus ini?” tanya Zubaidah sekali lagi.

“Bukankah sudah saya katakan sebentar tadi, berdoalah kepada Tuhan supaya semua itu tidak berlaku,” jawab Ali Riza.

“Alangkah baiknya sekiranya kamu sendiri yang berdoa. Tuhan itu sememangnya mendengar setiap doa yang dipohon oleh hamba-hamba-Nya,” kata Zubaidah.

“Bukankah kamu sendiri tahu yang saya tidak pernah bersembahyang dengan kerelaan sendiri? Tuhan tidak akan makbulkan doa saya,” kata Ali Riza.

“Alangkah baiknya sekiranya kamu menjadi seorang Muslim yang taat. Sesungguhnya, Tuhan itu sudah berjanji akan memakbulkan doa hamba-hamba-Nya,” kata Zubaidah.

“Kamu sahajalah yang berdoa. Biar saya dengan cara saya yang tersendiri,” tegas Ali Riza, lalu bingkas bangun meninggalkan Zubaidah. Dia menghilangkan diri dan masuk ke dalam bilik air.

Sejak berlakunya pertempuran antara pemberontak Greek dengan tentera Uthmaniah, keadaan di Salonika dan pergunungan Olympus tidak lagi aman. Orang ramai berasa tidak lagi selamat kerana nyawa mereka sentiasa terancam.

Pada suatu malam, rumah Ali Riza Efendi didatangi tetamu yang tidak diundang. Ketika itu mereka sedang nyenyak tidur tetapi mereka dikejutkan dengan bunyi ketukan pintu yang keras dari luar rumah.

“Jangan ganggu saya kerana saya mahu tidur. Sekiranya ada apa-apa keperluan, tunggu esok pagi sahaja,” marah Ali Riza kerana menyangka mereka itu adalah para pekerjanya.

Pada peringkat permulaan berlakunya huru-hara, Ali Riza sering menyuruh pekerjanya supaya datang pada waktu malam kerana dia berasa bimbang dengan keselamatan diri dan keluarganya. Mereka berbual-bual hingga ke pagi, malahan para pekerjanya itu sering kali diajak bermalam di rumahnya. Dengan kehadiran para pekerjanya itu, maka hilanglah rasa bimbang yang semakin bersarang dalam hatinya. Namun begitu, selepas lebih sebulan berlalu tanpa berlakunya sesuatu yang tidak baik, maka ketakutan Ali Riza pun hilang dan dia pun menyuruh para pekerjanya supaya tidak datang lagi pada waktu malam kecuali ada

perkara penting. Oleh sebab itulah dia berasa marah apabila mendengar pintu rumahnya diketuk,

“Buka pintu ini ataupun kami pecahkannya!” Terdengar teriakan dalam bahasa Greek.

“Siapa kamu?” tanya Ali Riza.

“Pejuang kemerdekaan!” jawab suara dari luar.

Ali Riza bingkas bangun, lalu mencapai senapang yang disimpan di bawah katilnya. Selepas mengisi senjatanya itu dengan peluru, dia pun menuju ke pintu utama rumahnya.

“Mengapakah kamu datang ke rumah saya pada waktu begini?” tanya Ali Riza dengan nada suara yang masih marah.

“Kami lapar. Beri kami makanan,” jawab suara dari luar.

“Datang sahaja pagi esok,” kata Ali Riza.

“Kami sedang lapar. Beri kami makanan sekarang,” balas suara itu.

“Lebih baik tunaikan permintaan kami sekiranya kamu mahu selamat,” kata suara yang lain.

Ali Riza berasa serba salah. Dia tahu pejuang kemerdekaan itu adalah bangsa Greek yang sedang memberontak menentang pemerintahan Uthmaniah. Matlamat mereka sama, iaitu mahu memerintah sendiri tanah air mereka. Namun begitu, terlintas di fikirannya, mereka semua pasti membawa senjata.

“Buka pintu ini ataupun kami pecahkannya,” teriak suara dari luar memberi amaran. Ali Riza akhirnya terpaksa akur dengan ancaman itu, lalu dia pun membuka pintu rumahnya. Beberapa orang lelaki yang memegang senjata tanpa berlengah lagi menerpa masuk ke dalam rumahnya.

“Kami sedang kelaparan. Berikan kami makanan,” kata seorang daripada mereka.

“Kami tidak ada makanan bagi diberikan kepada kamu,” kata Ali Riza.

“Kejutkan isteri kamu daripada tidurnya dan suruh dia masakkan makanan untuk kami,” kata satu suara parau dalam bahasa Greek.

“Jangan ganggu isteri saya kerana dia sedang nyenyak tidur,” kata Ali Riza.

“Orang-orang kami sedang kelaparan. Mereka sanggup berbuat apa sahaja sekiranya permintaan mereka itu tidak dipenuhi,” balas suara itu. Ali Riza tidak dapat melihat lelaki itu kerana keadaan cuaca yang samar-samar.

“Kami terdiri daripada dua puluh orang lelaki. Di dalam rumah ini hanya ada seorang wanita dan dua orang kanak-kanak kecil. Sekiranya kamu sayang kepada isteri dan anak-anak kamu itu, ikut sahaja arahan kami. Selepas makan kami akan pergi dari sini,” kata lelaki itu lagi. Berkemungkinan, dia adalah ketua kumpulan pemberontak.

Ali Riza dalam keadaan serba salah. Dia sedar nyawa diri dan keluarganya sedang terancam. Sekiranya dia berteriak

memanggil para pekerjanya pun tidak ada gunanya kerana kumpulan pemberontak itu bersenjata.

“Baiklah, saya akan menyuruh isteri saya memasakkan makanan untuk kamu semua. Saya mahu kamu berjanji, jangan ganggu kami lagi selepas ini,” kata Ali Riza.

“Selepas makan kami akan pergi jauh dari sini,” kata lelaki itu.

Ali Riza mengejutkan Zubaidah, lalu menyuruhnya ke dapur bagi memasak makanan untuk 20 orang. Dia juga turut membantu isterinya memasak. Kemudian, makanan itu diberikan kepada tetamu tengah malam itu. Selepas menikmati makanan itu sehingga licin, barulah mereka beredar sambil bergelak ketawa kerana perut mereka sudah pun kenyang.

“Pandai isteri kamu memasak. Kami pasti merindui masakannya,” kata lelaki berjanggut lebat yang menjadi ketua kumpulan pemberontak itu.

“Pergilah jauh dari sini dan jangan ganggu kami lagi,” kata Ali Riza.

“Berjanjilah yang kamu tidak akan melaporkan ke-datangan kami ini kepada tentera kerajaan. Sekiranya kamu melaporkannya, maka kami akan mendapat susah dan kamu juga akan mendapat susah,” kata ketua pemberontak itu.

Selepas berpuas hati dengan pengakuan Ali Riza yang tidak akan melaporkan kemunculan mereka kepada pihak

tentera Uthmaniah, barulah pemberontak Greek beredar dari situ.

Keesokan harinya, berlaku pertempuran antara para pejuang Greek dengan tentera Uthmaniah. Para pekerja tidak dapat masuk ke dalam hutan bagi menebang kayu balak. Pertempuran itu berlanjutan selama beberapa hari. Keadaan lebih menyulitkan apabila semua penduduk tidak dibenarkan keluar rumah. Mereka dikenakan perintah berkurung dengan amaran sesiapa yang melanggar arahan akan ditembak.

“Kawasan hutan di pergunungan Olympus kini dijadikan tempat persembunyian pemberontak. Kamu tidak dibenarkan menebang kayu balak di kawasan ini lagi,” kata pegawai tentera kerajaan Uthmaniah yang datang menemui Ali Riza Efendi di rumahnya.

“Saya sudah mendapat kebenaran daripada pemerintah bagi mengeluarkan serta menjual kayu balak dari kawasan ini,” kata Ali Riza pula sambil menunjukkan surat tawaran sebagai bukti.

“Kami akan meminta pihak atasan supaya membatalkan semula kebenaran ini,” kata pegawai tentera itu.

“Kamu juga diminta meninggalkan tempat ini dengan segera,” kata seorang pegawai yang lain.

“Saya sudah melaburkan kesemua harta saya di sini dan kami tidak ada tempat tinggal lain melainkan rumah ini,” kata Ali Riza.

“Sekiranya kamu sayangkan nyawa, ikut sahaja arahan kami,” balas pegawai tentera itu sebelum beredar dari situ.

Ali Riza Efendi bertekad tidak akan meninggalkan pergunungan Olympus yang kini menjadi tempat bergantung hidupnya.

Tidak berapa lama kemudian, pasukan tentera Uthmaniah meninggalkan pergunungan Olympus kerana mereka menyangka pejuang Greek yang berlindung di kawasan itu sudah tidak bersembunyi di situ lagi.

Ali Riza meneruskan semula kerja-kerja menebang kayu balak dan bertekad akan meneruskannya walaupun mendapat arahan pembatalan. Dia juga menyuruh para pekerjanya supaya datang ke rumahnya pada setiap malam dengan harapan tidak diganggu oleh pejuang Greek.

Namun begitu, sangkaannya sama sekali meleset kerana tidak berapa lama kemudian pejuang Greek berkumpul semula di pergunungan itu bagi membuat persediaan melancarkan serangan ke atas tentera kerajaan Uthmaniah. Mereka menjadi semakin ganas kerana sanggup mencuri dan merompak harta benda penduduk di pergunungan itu.

“Nyawa pekerja terancam dan disebabkan itulah ramai yang mahu berhenti kerja dan meninggalkan tempat ini,” kata ketua pekerja kayu balak.

“Pujuklah mereka supaya meneruskan kerja dan saya sanggup menaikkan bayaran upahnya,” kata Ali Riza

dengan harapan mereka membatalkan hasrat itu.

Namun begitu, tawaran dan pujukannya itu tidak dapat mengubah keputusan mereka. Lebih daripada separuh pekerjanya meninggalkan tempat itu kerana mereka lebih sayangkan nyawa. Ali Riza berasa sungguh sedih. Nasib malangnya semakin bertambah apabila pejuang Greek sering datang ke rumahnya bagi meminta makanan dan juga wang perlindungan.

“Saya sudah tidak mampu memberikan apa-apa bantuan kepada kamu kerana perusahaan saya sudah jatuh. Pekerja saya juga ramai yang sudah berhenti dan kayu balak sukar untuk dijual,” kata Ali Riza kepada Jasem, iaitu ketua pemberontak Greek.

“Kami mempunyai anggota yang ramai dan kami boleh membantu kerja-kerja kamu itu,” kata Jasem yang mahukan Ali Riza terus memberikan bantuan.

Puak pemberontak membantu Ali Riza menebang serta mengeluarkan kayu balak dari pergunungan Olympus. Namun begitu, bantuan yang diberikan bukanlah dilakukan secara percuma kerana lebih daripada separuh hasil jualan terpaksa diserahkan kepada mereka. Lebih malang lagi apabila Ali Riza sendiri terpaksa bekerja mengangkut kayu balak itu sama seperti orang lain. Kedudukannya sekarang sudah menjadi kuli dan bukannya sebagai tuan.

Akhirnya, projek mengeluarkan kayu balak di pergunungan Olympus itu membawa kerugian kepada Ali Riza. Dia kembali semula kepada perangai lamanya, iaitu pemabuk. Hanya dengan meminum arak dia merasakan yang dirinya

dapat melupakan kesusahan itu. Keadaannya bertambah teruk, lalu dia jatuh sakit dan seterusnya meninggal dunia. Pada ketika itu, Mustafa Kamal Ataturk baru berusia tujuh tahun.

Zaman Usia Remaja

"Benarkah hari ini kita akan berpindah dari sini?" tanya Makbulla ketika mereka sedang bersarapan pagi.

"Memang benar. Kita terpaksa tinggalkan tempat ini dan berpindah ke bandar Salonika semula," jawab Zubaidah sambil mengusap-usap rambut Makbulla yang keriting.

"Saya suka dan berasa sungguh gembira," kata Mustafa pula sambil bertepuk tangan.

"Mengapakah kamu suka?" tanya Makbulla pula sambil memandang Mustafa.

"Di kawasan hutan ini ramai orang jahat dan sunyia. Di bandar Salonika ada ramai orang baik dan di sana tidak sunyi seperti di sini," jawab Mustafa.

"Seelok-eloknya kamu tidak perlu berpindah dari sini. Orang jahat sememangnya elok berkawan dengan orang jahat," kata Makbulla sambil tertawa.

Mustafa yang sedang tertawa tiba-tiba berubah wajahnya menjadi marah apabila mendengar kata-kata kakaknya itu. Dia pun mengambil cawan yang berada di hadapannya, lalu dilemparkan ke arah Makbulla. Mujur, lemparannya itu tidak terkena pada sasaran. Cawan itu pecah berderai, dan Zubaidah pun menjerit memarahinya.

“Anak sial!” jerit Zubaidah.

Tiba-tiba, Zubaidah berasa bersalah kerana melafazkan kata-kata itu. Dia berasa menyesal, lalu memeluk erat Makbulla dan juga Mustafa.

“Tempat ini memang tidak sesuai lagi untuk kita. Mari kita berpindah semula ke bandar Salonika. Di sana nanti kita mulakan kehidupan yang baru. Ibu harap kamu berdua tidak bergaduh lagi,” kata Zubaidah.

Kemudian, dia membawa kedua-dua anaknya itu menziarahi kubur Ali Riza yang terletak bersebelahan dengan rumah mereka.

‘Selamat tinggal suamiku dan rumahku. Saya dan anak-anak terpaksa pergi dari sini dan entah bila dapat kembali semula ke sini lagi,’ bisik hati Zubaidah sambil merenung kubur suaminya yang kelihatan sunyi dan terasing. Kemudian, dia merenung rumah yang kelihatan semakin suram pada pandangan matanya. Dia terpaksa meninggalkan pergunungan Olympus dan kembali semula ke Salonika.

“Kereta kuda sudah sampai. Puan perlu beredar sekarang juga,” kata Joheny, iaitu jiran yang merangkap rakan

baiknya.

“Baiklah, saya akan beredar dari sini sekarang. Jagalah rumah ini dengan baik,” balas Zubaidah, lalu berpelukan dengan Joheny.

Zubaidah terpaksa menjual rumah itu kepada Joheny walaupun dengan harga yang terlalu rendah. Dengan wang itu, dia berazam mahu memulakan kehidupan baru di Salonika.

“Kedatangan kamu di rumah ini pada saat hati saya sedang berdukacita kerana mengalami kerugian yang terlalu banyak. Tanaman di ladang saya musnah akibat menjadi medan pertempuran antara pejuang Greek dengan tentera Uthmaniah,” kata Hussein Agha apabila Zubaidah membawa bersama kedua-dua anaknya itu.

“Saya dan kedua-dua anak saya ini tepaksa me-ninggalkan pergunungan Olympus kerana keadaan di sana tidak lagi selamat. Tambahan pula, suami saya sudah meninggal dunia. Projek menjual kayu balak itu sudah dibatalkan oleh pihak berkuasa. Saya terpaksa pulang ke sini semula kerana tidak ada tempat lain untuk saya berlindung,” rayu Zubaidah yang cuba meraih simpati daripada abangnya itu.

“Saya boleh benarkan kamu menumpang di rumah ini tetapi dengan syarat kamu jangan sesekali menambahkan lagi kerugian yang sudah saya alami,” kata Hussein Agha.

Kemudian, dia berkata lagi, “Kamu dan juga kedua-dua anak kamu ini boleh bekerja di ladang saya bagi membantu meringankan lagi beban yang terpaksa saya pikul. Syarat

itu agak keterlaluan tetapi saya tidak ada pilihan lain kerana saya terpaksa mengusahakan semula ladang saya itu. Hanya itulah punca rezeki saya."

"Baiklah sekiranya begitu. Saya dan juga dua orang anak saya ini akan bekerja di ladang kamu walaupun tanpa upah. Cukuplah sekadar kamu membenarkan kami menumpang di rumah ini," kata Zubaidah yang cuba meraih simpati Hussein Agha.

"Baiklah, kamu boleh tinggal di rumah ini. Kebetulan, di belakang rumah ini ada sebuah stor tempat menyimpan perkakas pertanian. Jadi, kamu boleh bersihkan bilik itu bagi dijadikan sebagai tempat tinggal kamu anak-beranak," kata Hussein Agha.

Sejak itu, bermulalah episod kehidupan baru Zubaidah dan dua anaknya di rumah Hussein Agha yang terletak di pinggir bandar Salonika. Setiap hari mereka perlu bekerja diladang tanpa dibayar upah. Mustafa sering memberontak kerana penat bekerja di ladang itu. Dia juga tidak dapat pergi ke sekolah.

"Pak Cik Hussein Agha itu keluarga kita. Mengapakah dia melayan kita seperti hamba?" marah Mustafa pada suatu hari kerana dia berasa terlalu penat bekerja.

"Dia sudah membenarkan kita tinggal di sini secara percuma. Makan dan minum kita juga ditanggungnya. Oleh sebab itu, sewajarnya kita membantu dia bekerja di ladang ini," pujuk Zubaidah.

"Saya mahu pergi ke sekolah. Saya tidak mahu tinggal di

sini," bentak Mustafa lagi.

"Mak tidak mampu menghantar kamu ke sekolah," kata Zubaidah dengan nada suara yang sedih.

Sejak itu, kelakuan Mustafa benar-benar berubah. Beliau menjadi mudah marah dan memberontak. Pada suatu hari, beliau dan kakaknya, Makbulla disuruh oleh Hussein Agha bagi menghalau burung gagak yang sering datang ke stor tempat menyimpan hasil pertanian. Sambil menakut-nakutkan burung gagak, Mustafa dan kakaknya, Makbulla mengambil kesempatan bagi menikmati bekalan makanan yang dibekalkan oleh ibunya. Tiba-tiba, datang beberapa ekor burung gagak.

"Burung gagak sudah datang. Mari kita halau mereka!" kata Makbulla.

"Saya sedang makan. Kakak sahajalah yang pergi menghalaunya," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Nanti kamu habiskan pula bekalan makanan itu!" bentak Makbulla.

"Sekiranya begitu, kita habiskan terlebih dahulu makanan ini, kemudian barulah kita mulakan kerja menghalau burung gagak yang celaka itu!" marah Mustafa Kamal Ataturk.

"Nanti Pak Cik Hussain marah! Dia sudah berpesan supaya menghalau burung gagak dari sini!" marah Makbulla pula.

Lantaran itu, tercetuslah pertengkaran antara kedua-dua beradik itu. Puncak pertengkaran itu, Mustafa memukul

kepala kakaknya dengan kayu sehingga berlumuran darah. Makbulla meraung kesakitan tetapi Mustafa tersenyum puas melihatnya. Akibat peristiwa itu, Zubaidah tidak membenarkan lagi Mustafa Kamal Ataturk bersama kakaknya bekerja di ladang tanpa pengawasannya.

Kisah Zubaidah bersama dua orang anaknya me-numpang di rumah Hussein Agha itu sampai juga ke pengetahuan Abdul Muhsin Agha. Dia pun segera datang menemui Zubaidah.

“Kamu dilayan oleh keluarga kamu sendiri seperti hamba. Saya sanggup memberikan layanan kepada kamu lebih baik daripada ini,” marah Abdul Muhsin Agha apabila melihat keadaan Zubaidah dan anak-anaknya.

“Selepas kematian suami saya, saya tidak ada tempat lain bagi mengadu. Saya dan juga anak-anak saya datang ke sini demi menumpang hidup. Mujur, abang saya Hussein Agha ini mahu menerima kedatangan kami, sekiranya dia tidak mahu menerima kami, apalah nasib kami. Ternyata, sememangnya wajar kami menjadi hambanya,” kata Zubaidah.

“Saya berasa kasihan kepada kamu bertiga tetapi saya lebih kasihan kepada Mustafa. Masa hadapannya sudah pasti menjadi gelap sekiranya dia terus tinggal di sini. Tempat Mustafa adalah di sekolah dan bukannya di ladang,” kata Abdul Muhsin Agha.

“Apa lagi yang mampu saya lakukan selain berserah kepada Tuhan?” tanya Zubaidah.

“Saya sudi membantu kamu dengan syarat kamu bertiga perlu tinggalkan tempat ini,” kata Abdul Muhsin Agha.

“Bagaimanakah caranya?” tanya Zubaidah.

“Saya mempunyai dua buah rumah sewa. Kebetulan sebuah rumah itu masih kosong kerana penyewanya baru sahaja berpindah. Kamu anak-beranak tinggallah di rumah itu,” kata Abdul Muhsin Agha dengan wajah gembira.

“Saya pasti tidak mampu membayar sewanya kerana saya tidak mempunyai pekerjaan tetap,” kata Zubaidah berterus terang.

“Kamu duduk sahaja di rumah itu dan saya sama sekali tidak akan meminta apa-apa bayaran daripada kamu,” kata Abdul Muhsin Agha.

Kemudian, dia berkata lagi, “Suami kamu, Ali Riza Efendi itu adalah sahabat karib saya. Hubungan kami sudah seperti adik-beradik. Oleh sebab itu, menjadi kewajipan saya bagi menolong kamu yang dalam kesusahan. Sekiranya saya membiarkan sahaja kamu terus hidup melarat begini, sudah pasti suami kamu yang sudah berada di dalam kubur itu menyumpah saya.”

Oleh sebab terlalu kuat desakan yang diterima daripada Abdul Muhsin Agha, dan apabila memikirkan masa hadapan kedua-dua anaknya, maka Zubaidah pun menerima tawaran itu walaupun dengan hati yang berat. Dia pun meminta kebenaran daripada Hussein Agha untuk berpindah dari situ.

“Saya benarkan kamu pergi dari sini. Namun begitu, sekiranya kamu menghadapi sebarang masalah, jangan kamu datang lagi ke rumah saya ini,” kata Hussein Agha.

“Kamu tidak perlu bimbang kerana apabila Zubaidah dan juga anak-anaknya sudah berada di bawah jagaan saya, maka saya yang akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas mereka. Apa yang pasti, saya tidak akan sama sekali menjadikan mereka sebagai hamba,” kata Abdul Muhsin Agha sinis.

“Lebih baik kamu berkahwin sahaja dengan perempuan yang bernasib malang ini,” kata Hussein Agha sambil mengejek.

“Saya sudah ada isteri. Agama saya melarang ber-poligami. Namun begitu, saya berjanji akan membantu Zubaidah dan juga anak-anaknya. Apa yang pasti, kamu sepatutnya berasa senang hati kerana mereka tidak menjadi bebanan kepada kamu lagi selepas ini,” kata Abdul Muhsin Agha.

Selepas berkemas-kemas, Zubaidah dan anak-anaknya pun mengikut Abdul Muhsin Agha berpindah ke tempat baru.

“Rumah ini terlalu besar untuk kami bertiga dan saya fikir lebih elok sekiranya kami tinggal di bahagian belakang sahaja. Bahagian hadapan ini, kamu boleh sewakan kepada orang lain,” kata Zubaidah apabila melihat rumah itu terlalu besar dan dilengkapi dengan perabot-perabot yang mahal.

“Rumah ini sememangnya untuk kamu dan juga anak saya, Mustafa. Peliharalah dia dengan baik. Saya akan sentiasa pastikan kamu bertiga mendapat perlindungan yang baik dan sewajarnya di rumah saya ini. Apa yang pasti, saya sama sekali tidak akan meminta apa-apa bayaran daripada kamu,” kata Abdul Muhsin Agha.

“Mengapakah kamu terlalu baik dengan saya? Adakah kerana anak ini?” tanya Zubaidah.

Abdul Muhsin Agha hanya menjawabnya dengan senyuman. Kemudian dia pun berkata, “Kamu pasti memerlukan pekerjaan bagi menghilangkan rasa jemu dan mencari sumber pendapatan. Kebetulan, saya ada sebuah kedai jahit yang terletak tidak jauh dari rumah ini. Kamu boleh bekerja di kedai itu.”

“Saya sememangnya mahu bekerja bagi menampung perbelanjaan kami bertiga. Saya juga akan berjimat cermat supaya dapat membayar sewa rumah ini,” kata Zubaidah dengan gembira.

“Saya tidak akan meminta apa-apa bayaran daripada kamu dan saya sama sekali tidak akan menerima pemberian kamu walau sedikit pun. Lebih baik duit itu kamu simpan untuk kegunaan Makbulla apabila dia bersekolah nanti,” kata Abdul Muhsin Agha.

“Untuk persekolahan anak saya Mustafa juga,” kata Zubaidah.

“Mustafa jangan kamu risaukan kerana saya akan menanggung segala perbelanjaan persekolahannya,” kata

Abdul Muhsin Agha.

“Kamu terlalu baik kepada saya sehinggakan saya berasa takut dan serba salah,” kata Zubaidah.

Abdul Muhsin Agha berasa senang hati apabila mendengar kata-kata Zubaidah itu, lalu dia pun segera pergi dari situ. Lantas, Zubaidah pun membawa anak-anaknya masuk ke dalam rumah itu. Ternyata, Makbulla dan Mustafa kelihatan sungguh gembira.

“Rumah ini lebih cantik daripada rumah kita di pergunungan Olympus. Saya suka tinggal di rumah ini. Tambahan pula, ia terletak di tengah-tengah bandar dan di sini ramai orang,” kata Mustafa dengan gembira.

“Ini bukan rumah kita tetapi rumah orang. Kita hanya menumpang tinggal di sini. Apabila tuan rumah ini tidak suka, bila-bila masa sahaja kita akan dihalau keluar dari rumah ini,” kata Makbulla.

“Pak cik itu nampak baik dan sayang kepada kita. Saya yakin yang dia tidak akan halau kita keluar dari rumah ini,” kata Mustafa.

“Benar kata kakak kamu itu, rumah ini bukan rumah kita dan kita menumpang sahaja di rumah ini. Oleh sebab itu, jaga tingkah laku kamu selama kita tinggal di sini. Jangan kotorkan rumah ini dan juga jangan rosakkan perabot-perabot yang ada. Kamu perlu sentiasa ingat pesan ibu ini,” pesan Zubaidah kepada anak-anaknnya terutama sekali kepada Mustafa.

Tidak berapa lama kemudian, datang dua orang lelaki membawa barang-barang makanan. “Kami disuruh oleh tuan menghantar makanan ini kepada kamu. Tuan itu memang seorang yang baik kerana dia suka membantu mereka yang berada dalam kesusahan,” puji seorang daripada lelaki itu.

“Tuan juga menyuruh kami mengawasi rumah ini siang dan malam. Oleh sebab itu, kamu jangan berasa takut dan khuatir sekiranya kamu terlihat kami sering berada di sekitar kawasan rumah ini,” kata lelaki yang seorang lagi.

Kedua-dua lelaki itu berketurunan Greek yang bekerja dengan Abdul Muhsin Agha. Antara tugas baru mereka adalah menjaga keselamatan Zubaidah dan juga kedua-dua anaknya.

Sejak tinggal di rumah itu, Zubaidah berasa sungguh gembira. Tambahan pula, dia sudah mendapat kerja di kedai jahit milik Abdul Muhsin Agha. Dengan upah yang diterimanya, dapatlah dia membeli barang-barang keperluan di samping menabung demi masa hadapan mereka.

“Mengapakah hidup kita miskin tetapi orang lain kaya-raya?” tanya Mustafa apabila melihat ibunya masih tekun menjahit baju yang ditempah jirannya sedangkan hari sudah pun jauh malam.

“Kita juga orang kaya. Apabila kita sihat, badan kita cergas, mata dapat melihat, telinga masih dapat mendengar dengan sempurna, maka itu juga dinamakan kaya,” jawab Zubaidah sambil tersenyum tawar.

Mustafa, walaupun baru berusia tujuh tahun tetapi beliau sudah menunjukkan kecerdasan otaknya. Beliau sudah pandai menulis dan mengira. Beliau juga sering bertanya soalan-soalan yang tidak pernah ditanya oleh seorang budak yang seusia dengannya.

“Kita orang miskin kerana kita menumpang di rumah orang. Ibu pula bekerja siang dan malam demi mencari wang. Orang lain tinggal di rumah sendiri. Mereka tidak perlu bersusah payah tetapi tetap kaya-raya, contohnya Pak Cik Abdul Muhsin Agha,” kata Mustafa.

“Setiap manusia yang hidup di dunia ini sudah ditentukan takdir masing-masing. Oleh sebab itu, kita perlu reda dengan takdir yang sudah ditentukan untuk kita,” kata Zubaidah.

“Saya tidak mahu hidup miskin. Bolehkah saya meng-ubah takdir itu?” tanya Mustafa lagi.

“Sudah semestinya boleh kerana Tuhan tidak meng-ubah nasib kita melainkan kita sendiri yang berusaha mengubahnya,” jawab Zubaidah.

“Apa yang patut saya lakukan bagi mengubah takdir itu?” tanya Mustafa lagi.

“Belajar bersungguh-sungguh supaya menjadi orang yang berilmu pengetahuan. Dengan adanya ilmu pengetahuan dalam diri, kelak kamu boleh menjadi orang yang berguna kepada agama, bangsa dan tanah air,” jawab Zubaidah sambil menasihatkan anaknya supaya belajar dengan bersungguh-sungguh.

Zubaidah mahu Mustafa menjadi seorang hafiz atau penghafal al-Quran. Dia menghantar anaknya itu ke sekolah tahfiz dan kakaknya, Makbulla ke sekolah Inggeris. Apabila pulang ke rumah, Makbulla sering bercerita kepada adiknya perihal apa yang diajar oleh gurunya di sekolah. Mustafa berasa tertarik apabila mendengarnya.

“Saya mahu bersekolah dengan kakak. Saya juga mahu belajar bahasa Inggeris, matematik dan ilmu sains,” pinta Mustafa yang sering mendesak Zubaidah supaya memindahkannya ke sekolah Inggeris. Namun begitu, Zubaidah tetap dengan pendiriannya yang mahukan Mustafa menjadi seorang hafiz.

Setiap kali selepas sembahyang, Zubaidah tidak pernah lupa berdoa supaya Mustafa dikurniakan kecerdasan akal fikiran supaya mudah menghafal ayat-ayat suci al-Quran.

“Wahai anakku, apabila kamu besar kelak, jadilah seorang ulama yang ilmunya dapat memberi manfaat kepada orang lain. Hidup kamu akan selamat di dunia dan di akhirat,” pesan Zubaidah kepada Mustafa.

Zubaidah sering mengucapkan kata-kata itu kepada Mustafa dan juga Makbulla dengan harapan kata-katanya itu terpahat dalam hati dan sanubari mereka. Pada suatu malam dan seperti kebiasaannya, sebelum anak-anaknya tidur Zubaidah akan mengulang kata-katanya itu. Namun begitu, pada malam itu, Mustafa masih juga belum mahu melelapkan matanya sedangkan Makbulla sudah lama dibuai lena.

“Apabila sudah besar kelak, saya mahu menjadi orang

yang kaya. Ada rumah besar dan harta yang banyak," kata Mustafa.

"Lebih baik kamu menjadi orang yang banyak ilmu daripada menjadi orang yang banyak harta," kata Zubaidah.

"Di sekeliling kita ini, orang yang kaya hidup senang. Lihat sahaja Pak Cik Abdul Muhsin Agha, dia tidak pernah pergi masjid tetapi hidupnya tetap senang dan kaya-raya. Saya mahu menjadi sepertinya," kata Mustafa.

Zubaidah berasa sungguh marah apabila mendengar kata-kata itu, lalu ditamparnya pipi Mustafa. "Ibu mahu kamu menjadi seperti guru kamu, iaitu Syeikh Abdullah dan bukannya seperti Pak Cik Abdul Muhsin Agha," marah Zubaidah.

Mustafa tidak menangis walaupun pipinya terasa pedih. Malahan dengan beraninya beliau berkata, "Pak Cik Abdul Muhsin Agha yang banyak membantu kita selama ini. Dia memberikan rumah ini sebagai tempat kita berlindung dan juga memberikan pekerjaan kepada ibu. Dia juga sering mengambil berat perihal kebajikan kita. Namun begitu, saya berasa hairan mengapa ibu tidak suka kepadanya."

Zubaidah menangis tersedu-sedan apabila mendengar kata-kata anaknya itu. Dia pun segera memadamkan pelita supaya mereka cepat terlena. Dengan itu, dia berharap supaya dapat mengubat hatinya yang sedih.

Keesokan harinya, Mustafa tidak pergi ke sekolah sepertimana biasa kerana musim cuti sekolah sudah pun

bermula. Beliau kelihatan murung kerana masih bersedih dengan apa yang berlaku antara dia dengan ibunya pada malam tadi. Semasa bersarapan, beliau kelihatan tidak berselera dan lebih suka berdiam diri.

“Ibu mahu kamu menjadi anak yang soleh. Lantaran itu, ibu selalu berdoa semoga Tuhan memberikan taufik dan hidayat-Nya kepada kamu. Semoga impian ibu itu dimakbulkan Tuhan,” kata Zubaidah.

Namun begitu, Mustafa seperti tidak mendengar kata-kata ibunya. Beliau terus membatukan diri tanpa menjamah sarapan pagi yang terhidang.

“Pak cik datang.” Tiba-tiba Makbulla berteriak gembira.

Abdul Muhsin Agha muncul di hadapan pintu rumah. Dia kelihatan berpakaian kemas dan memakai minyak wangi yang semerbak harum baunya.

“Selamat pagi! Semoga hari ini menggembirakan kamu semua,” katanya dengan ramah.

“Jemput sarapan dengan kami, pak cik,” kata Mustafa yang kelihatan gembira dengan kedatangan lelaki itu. Wajahnya bertukar ceria dan tidak muram lagi seperti sebelumnya.

“Pak cik sudah bersarapan. Jadi, kamu sahajalah yang makan,” kata Abdul Muhsin, lalu mengambil tempat duduk di sebelah Mustafa.

“Pak cik dengan berpakaian cantik ini mahu pergi ke mana?” tanya Mustafa dengan ramah.

“Selepas kamu selesai bersarapan, mari ikut pak cik pergi berjalan-jalan. Pak cik harap kamu tidak menolak pelawaan ini,” jawab Abdul Muhsin Agha.

“Saya juga mahu ikut,” kata Makbulla.

“Hari ini pak cik hanya bercadang mahu membawa Mustafa. Lain kali giliran kamu pula,” pujuk Abdul Muhsin Agha.

“Kamu tinggal sahaja di rumah. Boleh juga bantu ibu lakukan kerja-kerja rumah,” Zubaidah pula menyampuk.

Makbulla dengan serta-merta memuncungkan bibir tanda marah dan tidak puas hati. Kemudian, dia bingkas bangun, lalu berlari masuk ke dalam bilik.

“Orang perempuan sememangnya hanya tinggal di rumah. Kita orang lelaki perlu berada di luar rumah,” kata Abdul Muhsin Agha sambil tertawa.

“Tuan mahu bawa anak saya pergi ke mana?” tanya Zubaidah.

“Bersiar-siar di sekitar bandar Salonika. Banyak perkara yang mahu saya ceritakan dan tunjukkan kepadanya supaya dia menjadi cepat matang. Dia seorang anak yang bijak dan itu tergambar pada raut wajahnya,” jawab Abdul Muhsin Agha.

Tidak berapa lama kemudian, Mustafa dan Abdul Muhsin Agha pun keluar dari rumah itu. Sebuah kereta kuda siap dengan pemandunya kelihatan sedang menunggu di halaman rumah. Mustafa kelihatan begitu gembira. Selepas

kedua-dua mereka sudah masuk ke dalam tandu, kereta kuda itu pun bergerak dengan perlahan. Zubaidah hanya memerhatikan pemergian anaknya itu dari muka pintu.

“Wahai Mustafa, adakah kamu tahu yang pak cik sayang kepada kamu?” tanya Abdul Muhsin Agha.

“Saya tahu dan sedar akan hal itu. Oleh sebab itulah pak cik membawa saya berjalan-jalan pada hari ini, bukankah begitu?” jawab Mustafa yang duduk rapat di sebelah lelaki pertengahan umur itu.

“Ketahuilah wahai Mustafa, pak cik sememangnya menyayangi kamu sama seperti anak kandung pak cik sendiri. Mulai hari ini dan saat ini, kamu boleh minta apa sahaja daripada pak cik dan pak cik tidak akan menghampakan permintaan kamu,” kata Abdul Muhsin Agha.

“Baiklah pak cik,” kata Mustafa. Beliau kelihatan sungguh gembira.

“Sebelum kita pergi berjalan lebih jauh, pak cik mahu bertanya kepada kamu. Apakah yang kamu mahukan sekarang?” tanya Abdul Muhsin Agha.

“Bolehkah saya meminta sepasang baju panas?” kata Mustafa.

“Seperti yang pak cik janjikan sebentar tadi, apa sahaja permintaan kamu, akan pak cik tunaikan,” kata Abdul Muhsin Agha sambil tertawa.

Kemudian, Abdul Muhsin Agha pun menyuruh pemandu

kereta kuda itu berhenti di sebuah kedai menjual pakaian. Mustafa dibelikannya sepasang baju panas siap dengan kasut dan penutup kepala.

“Bolehkah saya pakai pakaian ini ketika pergi ke sekolah?” tanya Mustafa apabila pakaian itu dipakaikan pada badannya.

“Ini pakaian untuk pergi berjalan. Untuk pakaian ke sekolah, nanti pak cik belikan yang lain,” jawab Abdul Muhsin Agha.

Tempat yang mula-mula mereka pergi adalah Tasik Salonika yang terletak di tengah-tengah bandar Salonika. Abdul Muhsin Agha membawa Mustafa berjalan-jalan di tepi tasik itu, manakala kereta kuda menuruti mereka dari belakang dengan perlahan.

“Pak cik ada satu permintaan kepada kamu. Pak cik harap kamu tidak menghampakan permintaan pak cik yang satu ini,” kata Abdul Muhsin Agha.

“Apakah permintaan itu pak cik?” tanya Mustafa.

“Mulai hari ini, kamu anggap sahaja pak cik ini seperti ayah kamu. Kamu boleh memanggil pak cik dengan panggilan ayah ataupun pak cik,” kata Abdul Muhsin Agha.

“Baiklah pak cik,” kata Mustafa.

Abdul Muhsin Agha kelihatan gembira, lalu mengajak Mustafa duduk di sebuah bangku kayu di tepi tasik itu.

“Apabila sudah besar nanti, jadilah seperti tasik ini,” kata

Abdul Muhsin Agha sambil merenung permukaan tasik yang kelihatan beralun-alun airnya dek dipuput angin.

“Apakah istimewanya tasik ini, pak cik?” tanya Mustafa.

“Orang ramai memerlukan tasik ini. Airnya digunakan untuk minuman, mandi dan membasuh pakaian. Air tasik ini juga mengairi kawasan tanaman. Oleh sebab itulah, tasik ini penting kepada penduduk Salonika,” jawab Abdul Muhsin Agha.

“Namun begitu, apakah pula kaitannya tasik ini dengan diri saya?” tanya Mustafa lagi.

“Apabila dewasa kelak, kamu perlu menjadi seorang pemimpin yang hebat seperti tasik ini yang diperlukan oleh semua orang. Kamu yang memberikan orang kehidupan dan bukannya orang yang memberikan kamu kehidupan,” jawab Abdul Muhsin Agha.

“Pemimpin yang paling hebat adalah sultan. Namun begitu, tidak semua orang boleh menjadi sultan. Saya bukan berasal daripada keluarga sultan. Oleh itu, sudah pasti saya tidak boleh menjadi seperti mereka,” kata Mustafa.

“Oleh sebab itulah, kita perlu berjuang bagi menghapuskan sistem khalifah. Apabila sistem itu berjaya dihapuskan, sesiapa sahaja boleh menjadi pemerintah nombor satu negara,” kata Abdul Muhsin Agha.

Kemudian dia menyambung, “Saya mahu kamu menjadi pemimpin nombor satu negara ini. Kamu perlu bersedia untuk itu dari sekarang. Pak cik akan membantu kamu.”

Selama perbincangan itu, Abdul Muhsin Agha berjaya menanamkan semangat baru dalam jiwa Mustafa. Kata-kata itu juga berjaya mempengaruhi jiwanya. Sejak itu, Mustafa mula menjadi anak muda yang semakin agresif dan suka memberontak.

“Pindahkan saya ke sekolah Semsi Efendi kerana di sana saya boleh belajar bahasa Inggeris, ilmu sains, matematik, sejarah dan ilmu alam,” kata Mustafa kepada ibunya.

“Ibu mahu kamu menjadi seorang hafiz,” kata Zubaidah memujuk Mustafa supaya terus balajar di maahad tahfiz.

“Saya mahu menjadi ketua negara ini,” tegas Mustafa.

“Biarkan Mustafa sahaja membuat pilihannya sendiri dan saya akan sentiasa menyokong pilihannya,” kata Abdul Muhsin Agha.

Kemudian, dia menyambung, “Saya menyayangi Mustafa seperti anak saya sendiri. Saya juga sanggup menanggung perbelanjaan persekolahannya. Oleh sebab itu, pindahkan sahaja Mustafa ke sekolah pilihannya.”

Oleh sebab terlalu kuat desakan yang diterima daripada Abdul Muhsin Agha dan Mustafa, akhirnya Zubaidah terpaksa akur dan mengalah. Namun begitu, dia tetap mengenakan syarat kepada Mustafa, iaitu pulang sahaja dari sekolah, dia perlu pergi belajar mengaji dengan Maulana Abdullah, seorang alim dalam kalangan orang Islam di Salonika.

Keesokan harinya, Mustafa dipindahkan ke sekolah Semsi

Efendi. Mata pelajaran yang paling diminatinya adalah matematik sehinggakan beliau sentiasa mendapat pujian daripada gurunya. Abdullah Muhsin Agha juga berasa sungguh gembira dengan perkembangan yang ditunjukkan oleh Mustafa dan dia tidak henti-henti memberikan semangat kepada Mustafa supaya menumpukan perhatian pada pelajaran matematik yang diminatinya itu.

“Kamu akan menjadi orang yang bijaksana sekiranya mahir dalam mata pelajaran matematik, sains dan bahasa Inggeris,” pesan Abdul Muhsin Agha kepada Mustafa.

Abdul Muhsin Agha juga sentiasa menemui guru-guru di sekolah Semsi Efendi itu dengan harapan supaya mereka sentiasa memberikan sepenuh perhatian pada Mustafa, dan tindakannya itu membuatkan guru-guru di sekolah itu semakin menyayangi Mustafa. Mustafa pula menunjukkan minat yang semakin mendalam kepada mata pelajaran tersebut. Apabila pulang ke rumah, beliau asyik mengulang kaji pelajarannya sehingga mengabaikan pesanan ibunya supaya pergi belajar mengaji al-Quran pada sebelah petang. Beliau akan memberikan pelbagai alasan supaya tidak pergi mengaji.

Selepas berjaya menamatkan persekolahannya pada peringkat sekolah rendah, Mustafa Kamal Ataturk menyambung pula pelajarannya pada peringkat sekolah menengah. Minat serta kebolehannya dalam mata pelajaran matematik, sains dan bahasa Inggeris juga semakin bertambah. Abdul Muhsin Agha pula terus memberikan galakan kepadanya serta sanggup menanggung perbelanjaan persekolahan Mustafa Kamal

Ataturk.

Di sekolah tersebut, ada seorang guru yang bernama Kaymak Hafiz yang juga sahabat baik kepada Abdul Muhsin Agha. Kaymak Hafiz sentiasa mengambil berat keadaan Mustafa Kamal Ataturk membuatkannya berasa bangga dengan rakan-rakannya. Tambahan pula, dia sememangnya terkenal dengan sikapnya yang suka mementingkan diri sendiri dan tidak boleh melihat ada orang lain yang melebihinya. Pada suatu hari, berlaku pertengkaran antara Mustafa Kamal Ataturk dengan beberapa orang rakan sekelasnya sehinggakan membawa kepada pergaduhan. Mustafa Kamal Ataturk dipukul sehingga berlumuran darah. Mujur pergaduhan itu dapat dileraikan oleh Kaymak Hafiz. Akibat kejadian itu, Mustafa Kamal Ataturk tidak mahu lagi bersekolah di situ.

Mustafa Kamal Ataturk tidak menunjukkan rasa kesalnya atas apa yang sudah berlaku. Tambahan pula, ibunya sendiri tidak menunjukkan reaksi marah kepadanya, malahan ibunya semakin gembira kerana dia tidak lagi bersekolah di situ.

“Ibu mahu kamu masuk semula ke sekolah agama,” kata Zubaidah yang tidak pernah berputus asa memujuk anaknya.

“Saya tidak berminat belajar di sekolah agama,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Ibu mahu kamu jadi orang alim apabila dewasa kelak. Oleh sebab itu, kamu perlu belajar di sekolah agama,” kata Zubaidah lagi.

“Saya mahu belajar di Sekolah Kadet Tentera seperti Ahmet Bey. Saya mahu memakai pakaian tentera apabila pergi ke sekolah,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Ahmet Bey adalah anak kepada pegawai tentera yang bernama Mejar Kadri Bey. Setiap hari Ahmet Bey pergi ke sekolah dengan menaiki kereta ayahnya. Dia mengenakan pakaian seragam tentera. Dalam diam Mustafa Kamal Ataturk juga mahu berpakaian seperti itu.

“Ibu tidak suka kamu menjadi seorang tentera. Ibu mahu kamu menjadi seorang ulama,” bantah Zubaidah.

“Saya mahu belajar di maktab tentera supaya apabila keluar nanti saya boleh menjadi pegawai tentera,” tegas Mustafa Kamal Ataturk.

Zubaidah tetap tidak bersetuju dengan kemahuan anaknya itu. Mustafa Kamal Ataturk pula tetap berkeras dengan kemahuannya.

“Saya menyokong kemahuan kamu untuk belajar di Sekolah Kadet Tentera. Apabila keluar nanti kamu akan menjadi pegawai tinggi tentera,” kata Abdul Muhsin Agha apabila perkara itu diberitahu kepadanya.

“Ibu tidak bersetuju saya belajar di sekolah tentera. Dia mahu saya belajar di sekolah agama,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Pedulikan sahaja ibu kamu itu. Apa yang lebih penting adalah masa hadapan kamu. Pergilah belajar di Sekolah Kadet Tentera. Masa hadapan kamu akan bermula di

sana," kata Abdul Muhsin Agha.

"Adakah saya boleh diterima masuk di sekolah itu?" tanya Mustafa kerana beliau sedar sememangnya sukar untuk dirinya diterima masuk dan belajar di Sekolah Kadet Tentera milik kerajaan Uthmaniah itu.

"Jangan bimbang. Pak cik ada kenalan yang menjadi orang atasan di sana. Kamu pasti akan diterima masuk dan belajar di situ," jawab Abdul Muhsin Agha.

"Adakah kamu tahu mengapa kami sememangnya mahu kamu memasuki Sekolah Kadet Tentera?" tanya Abdul Muhsin Agha.

"Supaya apabila keluar nanti, saya dapat memegang jawatan tinggi dalam angkatan tentera," jawab Mustafa.

"Kami mahu kamu memegang tampuk pemerintahan negara ini pada suatu hari nanti," kata Abdullah Muhsin Agha. Mustafa Kamal Ataturk berasa senang hati apabila mendengar jawapan itu.

Namun begitu, berlainan pula dengan Zubaidah. Dia sememangnya tidak pernah bersetuju dengan pilihan anaknya. Mustafa Kamal Ataturk tetap juga dengan pendiriannya memandangkan dia sentiasa mendapat sokongan daripada Abdul Muhsin Agha yang terlalu mengambil berat keadaan dirinya. Sejak itu, hubungan Mustafa dengan ibunya menjadi semakin renggang. Malahan, sejak memasuki Sekolah Kadet Tentera, Mustafa Kamal Ataturk jarang pulang ke rumah.

Di Sekolah Kadet Tentera pula, beliau sentiasa diberikan perhatian oleh guru matematiknya. Sebenarnya, Mustafa Kamal Ataturk bukanlah seorang pelajar yang pintar secara semula jadi dalam mata pelajaran matematik.

Apa yang pasti, beliau mendapat perhatian yang lebih daripada gurunya hanya kerana minatnya yang begitu mendalam. Tambahan pula, guru matematiknya itu sentiasa dipujuk oleh Abdul Muhsin Agha supaya memberikan perhatian yang istimewa kepada anak angkatnya itu. Dia sering mengatakan Mustafa Kamal Ataturk itu adalah anak angkatnya.

Dengan kekayaan yang ada, Abdul Muhsin Agha sering memberikan pelbagai hadiah kepada guru matematik itu. Kebiasaannya, sebelum mengajar sesuatu ilmu matematik yang baru pada keesokan harinya, guru tersebut sudah pun bersiap sedia mengajar Mustafa Kamal Ataturk terlebih dahulu berbanding para pelajar yang lain. Semua ini dilakukan bagi memastikan apabila guru tersebut mengajarnya di dalam kelas, Mustafa Kamal Ataturk dapat menunjukkan kehebatannya berbanding para pelajar yang lain.

Begitu juga halnya apabila saatnya menjelang peperiksaan. Guru tersebut akan membocorkan kertas soalan matematik dengan menunjukkan soalan-soalan yang bakal keluar dalam peperiksaan. Dengan itu, tidak hairanlah sekiranya Mustafa Kamal Ataturk sering diberikan pujian kerana kepintarannya dalam mata pelajaran matematik sehingga mendapat gelaran ‘Kamal’ atau orang yang sempurna. Begitulah kisah bermulanya beliau dipanggil ‘Mustafa

Kamal' oleh guru-guru dan juga rakan-rakannya.

Oleh sebab hubungannya yang semakin renggang dengan ibunya menyebabkan Mustafa Kamal Ataturk jarang pulang ke rumah walaupun pada musim cuti sekolah. Ternyata beliau lebih suka mengikut rakan-rakannya pergi berfoya-foya di tempat-tempat hiburan. Baginya wang tidak pernah menjadi masalah kerana Abdul Muhsin Agha sanggup membiayai segala perbelanjaannya.

Akhirnya, Mustafa Kamal Ataturk dilihat sering mengikut rakan-rakannya ke rumah pelacuran menyebabkan beliau menjadi ketagih. Pada masa yang sama, beliau juga sudah mula berkawan rapat dengan beberapa orang pemimpin Yahudi Dunamah. Walau bagaimanapun, beliau tetap tidak mengabaikan pelajarannya.

Selepas berjaya menamatkan persekolahan pada peringkat menengah di Salonika, Mustafa Kamal Ataturk menyambung pula pelajarannya di Maktab Tinggi Tentera di Macedonia. Di situ, beliau mendapat perhatian daripada seorang guru berbangsa Perancis yang mengajarnya bahasa Perancis. Mustafa Kamal Ataturk dapat menguasai bahasa tersebut dalam masa tiga bulan sahaja. Kemudian, beliau berkawan pula dengan Omar Naci yang mengajarnya puisi.

Oleh sebab keasyikannya berpuisi menyebabkan pihak maktab melarangnya daripada meneruskan minat barunya itu memandangkan minat barunya bertentangan dengan disiplin tentera.

Pada tahun 1899, Mustafa Kamal menamatkan

pengajiannya dan seterusnya memasuki tentera infantri di Istanbul. Di sana, bermulalah penglibatannya dalam bidang politik.

Bermulanya Pengkhianatan

Pada suatu hari, askar Inggeris dan Perancis mendarat di Macedonia. Mereka membawa pelbagai jenis peralatan senjata bagi diberikan kepada pejuang Greek yang menuntut kemerdekaan daripada Khalifah Uthmaniah. Mereka juga melatih para pemberontak itu berperang. Tidak berapa lama kemudian, pejuang Greek itu menyerang serta menawan beberapa tempat penting dan kemudiannya mengisytiharkan kemerdekaan Macedonia.

Apabila berita itu disampaikan kepada Sultan Abdul Hamid, beliau bercadang mahu menghantar tentera Turki bagi mengamankan pemberontakan di Macedonia tetapi mendapat campur tangan daripada pihak British dan juga Perancis. Mereka mengugut akan menghantar tentera bagi membantu penduduk Macedonia sekiranya Turki masih berpendirian mahu melakukan serangan. Sultan Abdul Hamid juga terpaksa akur dan tunduk dengan permintaan kuasa-kuasa Eropah itu yang mahu menempatkan pegawai tentera mereka di Macedonia. Malahan, mereka bertindak sebagai penasihat kepada kerajaan Uthmaniah di Salonika.

Mustafa mengambil kesempatan dengan menjadikan isu itu sebagai inti pati kempen bagi menjatuhkan Kerajaan Uthmaniah yang dianggapnya sudah lemah. Beliau bersama rakan-rakannya menerbitkan surat khabar bagi mengupas pelbagai isu perihal kelemahan-kelemahan yang ada pada Sultan Abdul Hamid. Namun begitu, usahanya itu tidak berjaya kerana rakyat Turki masih menunjukkan taat setia kepada Khalifah.

Pada tahun 1904, Mustafa berjaya menamatkan pelajarannya di Sekolah Akademi Tentera. Beliau pulang ke Salonika dengan perasaan yang gembira.

“Wahai ayahku, saya sudah tamat belajar di akademi tentera dan dikurniakan pula pangkat kapten,” beritahu Mustafa dengan wajah gembira.

“Ayah sudah tahu,” kata Abdul Muhsin Agha sambil tersenyum menyambut kepulangan Mustafa.

“Bagaimanakah pula ayah boleh tahu akan hal ini?” tanya Mustafa.

“Pengetua akademi tentera itu adalah rakan baik ayah. Setiap kali berjumpa dengannya, dia pasti menceritakan perkembangan kamu. Oleh sebab itu, ayah sudah mengetahuinya terlebih dahulu,” jawab Abdul Muhsin Agha.

Kemudian, dia menyambung kata-katanya, “Dalam usia 24 tahun kamu sudah dilantik menjadi kapten. Bintang kamu sememangnya cerah dalam dunia ketenteraan ini. Ayah kenal ramai pegawai tinggi tentera. Mereka pasti membantu kamu mencerahkan lagi masa hadapan kamu.”

Hubungan Mustafa dengan Abdul Muhsin Agha semakin akrab. Beliau memanggil panggilan ayah atas permintaan Abdul Muhsin Agha sendiri dan beliau pula tidak berasa keberatan bagi memenuhi permintaan itu. Tambahan pula, Abdul Muhsin Agha sememangnya sentiasa mengambil berat keadaan dirinya sejak beliau mula bersekolah hinggalah memasuki akademi tentera. Guru-guru juga sentiasa memberikan perhatian kepada Mustafa hasil daripada campur tangan Abdul Muhsin Agha. Dia sanggup memberikan pelbagai hadiah dan wang kepada guru-gurunya demi memastikan kejayaan sentiasa berpihak kepada Mustafa.

“Ayah menaruh harapan besar supaya kamu me-neruskan perjuangan menentang Khalifah Uthmaniah walaupun pada masa itu kamu sudah dilantik menjadi kapten pasukan tentera Uthmaniah,” kata Abdul Muhsin Agha.

“Saya berjanji tidak akan menghampakan harapan ayah,” kata Mustafa.

Beliau pun mula melibatkan diri dalam gerakan politik menentang pemerintah Uthmaniah.

“Wahai pahlawan-pahlawanku, mulai hari ini kita perlu sentiasa mengawasi pergerakan pemerintah Uthmaniah kerana mereka sudah lalai dan tertipu dengan kemewahan harta dan agama. Kita perlu mengumpul kekuatan di Anadhol kerana tempat ini akan dijadikan markas penentang,” kata Mustafa dalam satu perhimpunan pasukan tentera.

Kata-kata yang diucapkan Mustafa itu tidak disenangi

ketuanya kerana dibimbangi perbuatannya itu dilaporkan kepada pihak pemerintah. Oleh sebab itu, Mustafa segera dihantar ke Syam bagi menjalani latihan bersama pasukan tentera berkuda. Pada mulanya Mustafa enggan mematuhi arahan itu tetapi selepas dipujuk oleh Abdul Muhsin Agha, akhirnya beliau bersetuju.

Mustafa memberikan sepenuh tumpuan pada latihan ketenteraan yang dilaluinya tetapi berlaku perkara sebaliknya selepas itu. Pada suatu petang, dalam perjalanan pulang ke rumahnya, beliau terdengar alunan muzik dari sebuah kedai, lalu beliau pun mengintainya. Dilihatnya beberapa orang lelaki sedang menari dengan pasangan mereka. Oleh sebab pada masa itu beliau memakai pakaian seragam tentera, maka beliau tidak dibenarkan masuk.

Pada keesokan harinya, selesai menjalani latihan, beliau pun segera menukar pakaian seragamnya bagi membolehkan dirinya masuk ke kedai tersebut. Sejak itu, Mustafa sering menghabiskan masanya di tempat hiburan itu hingga lewat malam. Beliau sering pulang ke rumah dalam keadaan mabuk.

Di tempat hiburan itu juga Mustafa bertemu dengan Mustafa Jantatskin, iaitu seorang doktor yang pernah menjadi pensyarah di sebuah universiti. Dia dibuang kerja kerana terlibat dalam aktiviti menentang Khalifah Uthmaniah. Melalui perkenalan itu, Mustafa menubuhkan sebuah gerakan politik yang dinamakan sebagai *Al-Wathan Wa Al-Hurriyah* atau *Negara dan Kebebasan*. Matlamat utama mereka adalah demi menumbangkan kerajaan

Uthmaniah.

Pada suatu ketika, pasukan berkuda di Syam itu ditugaskan pergi ke kawasan Hauran yang terkenal sebagai kawasan elit kerana dihuni oleh ramai orang kaya. Di kawasan itu terdapat ramai saudagar emas. Mustafa tidak terkecuali untuk turut serta tetapi beliau tidak dibenarkan oleh ketuanya kerana masih bergelar pelatih. Namun begitu, Mustafa tetap berkeras mahu turut serta sehingga menimbulkan rasa kurang senang mereka yang menyertainya.

Apabila sampai di Hauran, pasukan berkuda itu pun melakukan penggeledahan dari rumah ke rumah bagi mencari pemberontak yang dilaporkan berada di situ. Mustafa bersama rakan-rakannya mengambil kesempatan mencuri harta di rumah orang-orang kaya yang mereka serbu.

Perbuatan mengaibkan yang dilakukan angota pasukan berkuda itu dilaporkan kepada pihak atasan menyebabkan siasatan dilakukan bagi menghukum mereka yang terlibat. Mustafa bertindak nekad dengan meninggalkan Syam tanpa pengetahuan ketuanya, lalu pergi ke Mesir dan dari Mesir beliau menuju ke Salonika.

Kepulangan Mustafa itu menjadi perbualan ramai sehingga berita itu sampai juga ke pengetahuan ibunya. Zubaidah berasa susah hati, lalu dia pun pergi menemui anak lelakinya itu.

“Wahai anakku, ibu berasa sungguh gembira apabila mendapat tahu yang kamu dihantar ke Syam bagi

menjalani latihan tentera. Namun begitu, sekarang ini ibu sedang berdukacita apabila mendapat tahu yang kamu melarikan diri dan pulang ke sini tanpa pengetahuan ketua kamu," kata Zubaidah.

Dengan selamba Mustafa menjawab, "Jangan bersedih wahai ibuku kerana sultan sendiri tidak mengetahui yang anak kamu ini berada di sini. Nasibnya juga akan kami tentukan tidak lama lagi."

Bagi menyelamatkan kerjayanya, Mustafa meminta bantuan daripada Abdul Muhsin Agha yang mengenali beberapa orang pegawai perubatan di Salonika. Mereka bertindak menemui Kolonel Hassan, iaitu pegawai perubatan di sebuah sekolah tentera. Kemudian, mereka pun memujuk Dr. Iskandar Basya supaya mengeluarkan surat akuan yang menyatakan keadaan kesihatan Mustafa dan seterusnya beliau diberikan cuti selama empat bulan.

Peluang mendapat cuti sakit selama empat bulan itu dimanfaatkan sepenuhnya oleh Mustafa bagi mempengaruhi orang ramai supaya menyokong parti *Al-Wathan Wa Al-Huriyah*. Beliau menggunakan harta yang dirampasnya semasa membuat serbuan di wilayah Hauran bagi menampung segala perbelanjaan kempennya di Salonika. Usahanya itu ternyata berhasil kerana beliau akhirnya berjaya mendapatkan sokongan daripada orang ramai terutama sekali daripada rakan-rakannya, antaranya Omar Naci, Husrev Sami dan beberapa orang guru dari sekolah tentera.

Beberapa orang pegawai tentera British yang ditempatkan

di Salonika juga secara rahsia mengadakan pertemuan dengan Mustafa. Mereka berjanji akan memberikan bantuan sekiranya beliau menyokong penuh pejuang kemerdekaan Macedonia.

Walau bagaimanapun, ada pihak yang melaporkan kegiatan Mustafa itu kepada pihak pemerintah dan siasatan segera dilakukan. Beliau terselamat kerana ketuanya di Syam melindunginya dengan menyatakan nama Mustafa tidak tersenarai dalam kalangan anggota tentera yang pergi ke wilayah Hauran. Beliau juga disahkan sakit serta mendapat cuti selama empat bulan, seterusnya beliau diterima semula bagi meneruskan latihannya di Syam.

Pada tahun 1907, Mustafa menamatkan latihan ketenteraannya di Syam dan kemudiannya dilantik menjadi pegawai pemerintah batalion ketiga pasukan tentera berkuda yang berpangkalan di Salonika. Beliau sememangnya berasa sungguh gembira kerana dapat bertugas di tempat kelahirannya sendiri.

Beliau menggunakan kedudukannya sebagai pegawai tentera bagi menggerakkan semula parti pimpinannya, iaitu *Al-Wathan Wa Al-Hurriyah*. Namun begitu, parti pimpinannya itu mendapat saingan hebat daripada parti *Al-Ittihad Wa Al-Taraqqi* yang dipimpin oleh Anwar Basya dan ternyata Anwar Basya jauh lebih berpengaruh daripada Mustafa. Matlamat mereka sama, iaitu mahu menumbangkan kerajaan Khalifah Uthmaniah. Anwar Basya yang menubuhkan pasri *Al-Ittihad Wa Al-Taraqqi* juga adalah seorang pegawai tentera yang pangkatnya lebih tinggi daripada pangkat Mustafa. Apa yang pasti,

Mustafa berasa kecewa kerana orang ramai lebih tertarik dengan kepimpinan Anwar Basya.

Oleh sebab kecewa dan merasakan dirinya dipinggirkan, Mustafa pun banyak menghabiskan masanya di tempat-tempat hiburan seperti di Alimus, Palace, Yuniu dan Kristal. Beliau tetap meneruskan usahanya dengan mendapatkan sokongan daripada pengunjung-pengunjung di tempat-tempat itu.

Usahanya itu tidak sia-sia kerana akhirnya beliau mendapat sokongan daripada beberapa orang lelaki antaranya Fathi Aukiyar, Ali Fuad Jabsawi dan Nuri Jongkar. Bagi mengambil hati serta meyakinkan para pengikutnya itu, Mustafa pun menubuhkan kabinet bayangannya sendiri dengan melantik Nuri Jonkar sebagai ‘menteri kewangan’, Ali Fuad sebagai ‘menteri pertahanan’ dan Fathi Aukiyar sebagai ‘menteri dalam negeri’. Dengan itu, mereka bertiga diharapkan supaya menjadi penyokong yang setia.

“Saya tidak akan melupakan jasa kamu yang sudi membantu perjuangan saya ini. Apabila kita sudah berkuasa nanti, saya akan lantik kamu bertiga menjadi menteri kanan kabinet saya,” kata Mustafa dengan bersungguh-sungguh bagi meyakinkan rakan-rakannya itu.

“Sekiranya kami dilantik menjadi menteri, kamu pula menjadi apa?” tanya Nuri Jonkar.

“Saya akan menjadi orang yang paling berkuasa yang melantik menteri-menteri,” jawab Mustafa sambil tertawa.

“Kamu memang layak menjadi sultan walaupun kamu bukan berketurunan sultan,” kata Ali Fuad.

“Saya tidak mahu menjadi sultan kerana Perdana Menteri yang lebih berkuasa. Saya mahu menjadi presiden yang tidak ada siapa pun yang boleh menggugat kedudukan saya,” kata Mustafa.

Walaupun cita-cita mereka setinggi gunung tetapi orang ramai tetap tidak menghiraukan kata-kata mereka itu memandangkan Mustafa dan rakan-rakannya itu lebih dikenali sebagai mereka yang rendah moralnya kerana k kaki botol dan suka berfoya-foya dengan ramai perempuan. Keadaan ini ternyata jauh berbeza sekiranya dibandingkan dengan pemimpin parti *Al-Ittihad Wa Al-Taraqqi,* iaitu Anwar Basya yang sentiasa mendapat sokongan penuh daripada orang ramai kerana akhlaknya jauh lebih baik berbanding Mustafa.

Anwar Basya juga tidak menyenangi Mustafa. Dia berusaha bagi menyingkirkannya dari Salonika dengan memindahkannya ke wilayah Tharabulis. Mustafa terpaksa mematuhi arahan itu tetapi dua bulan kemudian beliau kembali semula ke Salonika.

“Saya sudah kembali semula ke Salonika. Tidak ada siapa lagi yang boleh menyingkirkan saya dari sini,” kata Mustafa dengan bangganya.

Tidak ada siapa pun yang mengetahui bagaimana Mustafa boleh ditugaskan semula ke Salonika. Dendamnya kepada Anwar Basya ternyata semakin membara. Begitu juga halnya dengan Anwar Basya, api kemarahannya kepada

Mustafa juga semakin menyala-nyala.

Apabila *Al-Ittihad Wa Al-Taraqqi* mengadakan muktamar, Mustafa turut hadir. Beliau mengambil kesempatan berucap dengan mengkritik Anwar Basya dan juga partinya, iaitu *Al-Ittihad Wa Al-Taraqqi* dengan lantang sehinggakan keadaan bertukar menjadi kecoh. Ekoran daripada peristiwa itu, Anwar Basya dan para pembantunya merancang mahu membunuh Mustafa. Orang yang diberikan tanggungjawab bagi melakukannya adalah Ya'qub bin Qadri, iaitu seorang lelaki yang dikatakan paling berani. Pakatan itu diketahui juga oleh Mustafa , lalu beliau pun menyuruh rakan-rakan setianya menemui Ya'qub bin Qadri.

"Mustafa orang yang sudah banyak berjasa kepada negara. Adakah hanya kerana dia bercakap benar, maka dia mahu dibunuh? Sekiranya perkara itu berlaku, kita sebenarnya akan kehilangan orang yang paling istimewa," kata Nuri Jongkar, iaitu pengikut setia Mustafa.

"Mustafa juga sudah berjaya menghapuskan pemberontakan orang-orang Albania di Al-Arnauth. Ternyata dia sudah menyelamatkan negara Turki daripada kebinasaan," kata Ali Fuad.

"Semua orang tahu Kamal Ataturk itu kaki botol. Dia bercakap dalam muktamar itu dalam keadaan mabuk. Oleh sebab itu, kesilapannya itu sepatutnya dilupakan sahaja," sokong Fathi Aukiyar.

Mereka bertiga juga mengancam akan membalas dendam kepada Ya'cob bin Qadri sekiranya dia bertekad mahu

melakukan pembunuhan ke atas Mustafa. Akhirnya, Ya'cob bin Qadri membatalkan rancangannya bagi membunuh Mustafa.

Permusuhan antara Anwar Basya dengan Mustafa kian menjadi-jadi. Kedua-duanya sama-sama mencari pengaruh, terutama sekali dalam pasukan tentera di bawah pimpinan mereka.

"Saya akan melakukan pembaruan dalam kalangan pasukan tentera saya," beritahu Mustafa kepada Nuri Jongkar, iaitu orang yang paling dipercayainya.

"Pembaruan apakah yang tuan maksudkan?" tanya Nuri Jongkar.

"Ucapan assalamualaikum akan digantikan dengan ucapan selamat datang dalam bahasa Turki," jawab Mustafa.

"Saya adalah orang pertama yang menyokong cadangan tuan itu," kata Nuri Jongkar yang sememangnya setia kepada Mustafa.

"Saya akan mencari masa yang sesuai bagi memulakannya," beritahu Mustafa.

Pada suatu hari, beliau menunggang kuda putih bagi memeriksa perbarisan tentera. Apabila tiba di situ, kesemua anggota tentera di bawah pimpinannya mengucapkan assalamualaikum secara serentak kepadanya kerana itu adalah tindakan yang biasa dilakukan oleh tentera Turki.

"Mulai hari ini, dengan arahan saya selaku ketua pasukan,

ucapan salam itu perlulah digantikan dengan ucapan selamat datang dalam bahasa Turki. Saya juga tidak membenarkan kamu semua bertanya mengapa arahan ini dikeluarkan," kata Mustafa.

Sejak itu, pasukan tentera berkuda di bawah pimpinan Mustafa mengucapkan selamat datang dalam bahasa Turki. Orang yang paling gembira dengan perubahan itu adalah Nuri Jongkar, Ali Fuad dan Fathi Aukiyar.

Rusuhan 13 Mac

"Semasa Sultan Muhammad Al-Fateh memerintah, sebanyak 26 buah negara tunduk di bawah pemerintahan Khalifah Uthmaniah. Namun begitu, apabila pemerintahan Khalifah Uthmaniah berada di bawah kekuasaan Sultan Abdul Hamid II, satu demi satu tanah jajahan Turki dikuasai pihak musuh. Perancis berjaya menduduki Tunisia, Inggeris menawan Mesir, manakala Rusia menakluk Sudan. Sultan Abdul Hamid II tidak mampu berbuat apa-apa." Anwar Basya, iaitu pemimpin gerakan Turki Muda berucap dengan penuh semangat dalam perhimpunan Parti Pembangunan dan Persatuan.

Kemudian dia menyambung lagi, "Tujuan utama penubuhan Parti Pembangunan dan Persatuan adalah demi menyatukan semula rakyat Turki yang pada ketika ini sudah mula berpecah belah kesan daripada kebangkitan penjajah serta membangunkan semula umat Islam yang mulai mundur dan lemah.

"Dalam sesebuah keluarga, apabila berlakunya

perpecahan dan kemiskinan, maka yang patut dipersalahkan adalah bapa yang menjadi ketua keluarga. Dalam sesebuah negara pula, yang patut dipersalahkan adalah sultan yang menjadi ketua dan pemerintah. Oleh sebab itu, kami berpendapat Sultan Abdul Hamid II patut dipersalahkan," kata Anwar Basya lagi.

"Benar seperti kata sahabat saya Anwar Basya. Ternyata Sultan Abdul Hamid II seorang yang lemah, boros apabila menggunakan harta negara dan pelbagai lagi kelemahan yang ada pada dirinya. Selepas 30 tahun memerintah, sewajarnya tempat beliau digantikan dengan orang lain. Negara ini akan terus mundur sekiranya masih diperintah oleh sultan yang sudah tua itu," sokong Jamal Basya.

Kemudian, bangun pula Ayub Sabri, lalu dia berkata, "Turki perlu dipimpin oleh golongan muda yang lebih berpengetahuan dan berwawasan. Dengan itu, sudah tiba masanya untuk kita menukar pemerintah yang ada."

Anwar Basya, Jamal Basya dan Ayub Sabri adalah pemimpin Parti Pembangunan dan Persatuan. Mereka disanjung tinggi oleh golongan muda Turki yang sememangnya dahagakan perubahan. Matlamat mereka sekarang hanyalah mahu menggulingkan Sultan Abdul Hamid II. Mereka sentiasa meletakkan kesalahan di atas bahu sultan mereka.

Gerakan golongan muda Turki itu mendapat sokongan penuh daripada beberapa orang pemimpin Yahudi, antaranya adalah Emanuel Qarashu, iaitu orang Yahudi yang berasal dari Sepanyol, yang sememangnya tidak

senang hati dengan cara pemerintahan Sultan Abdul Hamid II.

“Sekiranya Turki mahu maju, kita semua perlu mencontohi negara Barat dan Eropah. Sekiranya sultan mengambil sikap bermusuhan, mereka sudah pasti tidak mahu berdagang dengan Turki. Hal ini akan menyebabkan ekonomi Turki tidak berkembang,” hasut Emanuel Qarashu dalam satu pertemuan dengan para pemimpin Parti Pembangunan dan Persatuan.

“Kami sedar perkara itu dan kami sememangnya sedang berusaha bagi menjatuhkan Sultan Abdul Hamid supaya digantikan dengan orang lain yang lebih muda dan berilmu pengetahuan,” kata Anwar Basya.

“Kami sanggup membantu,” janji Emanuel Qarashu.

“Sultan Abdul Hamid sekarang berada dalam keadaan lemah. Kuasanya sudah dihapuskan satu demi satu sehingga kediamannya tidak lagi dikawal pasukan tentera. Oleh sebab itulah kami boleh melakukan apa sahaja kepadanya termasuklah membunuhnya,” kata Anwar Basya.

“Sekiranya Sultan Abdul Hamid dibunuh, rakyat pasti akan memberontak. Perebutan kuasa akan berlaku daripada kalangan keluarga sultan. Seterusnya, Turki akan berada dalam keadaan huru-hara. Perniagaan akan terjejas. Kedai dan bank ditutup. Situasi itu tidak baik sebenarnya kerana kerajaan British mahu melabur di Turki,” kata Emanuel Qarashu.

“Sekiranya ada cadangan yang lebih baik, sila nyatakan kepada kami,” kata Jamal Pasya yang turut sama menyertai pertemuan itu.

“Turunkan Sultan Abdul Hamid daripada takhta dan tempatnya itu perlu digantikan dengan orang lain yang mahu bersahabat dengan kita,” jawab Emanuel Qarashu.

“Sekiranya tindakan itu dilakukan pastinya akan tercetus juga pertumpahan darah. Mereka yang taat kepada sultan Abdul Hamid akan menentang kita,” kata Ayub Sabri.

“Wujudkan satu situasi di mana orang ramai akan benci kepada sultan,” kata Neolanski, iaitu rakan baik kepada Emanuel Qarashu.

“Bagaimanakah caranya?” tanya Anwar Basya mahukan penjelasan.

“Cetuskan rusuhan dan huru-hara, kemudian kita kaitkan dengan Sultan Abdul Hamid,” jawab Neolanski.

Kemudian, dia menyambung lagi, “Orang-orang Yahudi di Salonika sanggup datang ke Istanbul bagi melakukan apa sahaja demi menjatuhkan Sultan Abdul Hamid. Beliau adalah satu-satunya penghalang usaha kami bagi mendapatkan tanah Palestin. Syarat kami mudah sahaja. Selepas usaha ini berjaya, maka benarkan kami menduduki bumi Palestin.”

“Satu idea yang sangat baik. Saya yakin kerajaan British akan bersetuju dengan rancangan ini. Tambahan pula, saya sendiri sudah diberikan tanggungjawab bagi

menjatuhkan Sultan Abdul Hamid," kata Emanuel Qarashu.

Kemudian, dia menyambung lagi, "Selepas Sultan Abdul Hamid dijatuhkan, barulah akan diadakan perjanjian damai dengan Inggeris dan Perancis. Ketika itu nanti, tidak ada lagi yang dapat menghalang usaha kita. Namun begitu dengan syarat, orang yang kita lantik menjadi pengganti Sultan Abdul Hamid itu nanti mahu bersahabat dengan kita dan membolehkan turut sama memperoleh faedah-faedah yang ada."

"Baiklah, saya bersetuju kita cetuskan huru-hara di Istanbul. Saya pilih Istanbul kerana di situ pusat pemerintahan Sultan Abdul Hamid. Dengan itu, mudahlah untuk kita mengaitkannya dengan beliau. Namun begitu, kita perlukan ramai tenaga lelaki yang berani dan wang yang banyak," kata Anwar Basya yang sudah berjaya dipengaruhi oleh Emanuel Qarashu dan Neolanski.

"Itu tidak menjadi masalah kerana saya sanggup menyediakan 200 orang Yahudi dari Salonika bagi melakukan huru-hara di Istanbul. Saya juga boleh meminta sumbangan daripada orang-orang Yahudi dari seluruh pelosok dunia. Mereka sanggup membantu demi masa hadapan bangsa Yahudi sendiri," kata Emanuel Qarashu.

"Ada seperkara lagi yang perlu diberikan perhatian. Sekiranya mereka menyebelahi kita, maka rancangan ini pasti beroleh kejayaan dengan mudah," kata Anwar Basya.

"Nyatakanlah sekarang," kata Emanuel Qarashu.

"Kita perlu mendapat sokongan dan kerjasama daripada

pasukan tentera di Istanbul. Sekiranya mereka tetap menyebelahi sultan, pastinya kita berada dalam keadaan bahaya," kata Anwar Basya.

"Kami akan cuba memujuk pihak tentera supaya menyebelahi kamu. Tambahan pula, kami sememangnya mempunyai hubungan yang baik dengan pemimpin pasukan tentera di Istanbul," kata Emanuel Qarashu.

"Maksud kamu, orang itu adalah Mustafa Kamal?" tanya Anwar Basya kerana mahukan kepastian.

"Kebenciannya kepada Sultan Abdul Hamid melebihi kebencian kamu. Kami sahaja yang mengetahuinya," kata Emanuel Qarashu sambil tersenyum.

Bermula pada saat itu, mereka berusaha keras bagi menjayakan rancangan jahat tersebut. Emanuel Qarashu memujuk pemerintah Inggeris dan sekutu mereka supaya memberikan sokongan penuh dan padu bagi menjatuhkan Sultan Abdul Hamid II. Kemudian, dia pergi menemui Mustafa bagi memastikan pihak tentera di Istanbul sentiasa menyebelahi mereka.

Neolanski pula mengupah 200 orang Yahudi di Salonika bagi melakukan huru-hara di Istanbul. Dia berjaya mendapatkan peruntukan yang banyak daripada orang-orang kaya Yahudi. Anwar Basya, Jamal Basya dan Ayub Sabri pula mengadakan ceramah di merata-rata tempat bagi mempengaruhi orang ramai supaya menyokong perjuangan golongan muda Turki.

Pada pagi 13 Mac, sekumpulan lelaki membuat huru-hara

di kota Istanbul. Mereka merompak kedai serta merosakkan harta awam. Sekumpulan lelaki pula memijak-mijak serta membakar al-Quran di hadapan Masjid Aya Sofia. Tindakan biadab itu mendapat bantahan daripada orang ramai, lalu tercetuslah pergaduhan. Ramai yang terbunuh dan cedera. Tidak berapa lama kemudian, pasukan tentera yang dipimpin Mustafa pun datang bagi mengamankan keadaan. Ramai yang ditangkap atas tuduhan mencetuskan huru-hara.

Mereka yang ditangkap termasuklah orang-orang Yahudi yang diupah bagi melakukan huru-hara tersebut. Mereka kemudiannya membuat pengakuan apa yang dilakukan itu atas perintah Sultan Abdul Hamid. Mereka dibebaskan dengan alasan memberikan kerjasama kepada pihak tentera. Ekoran daripada rusuhan 13 Mac itu juga, ramai ulama dan tokoh agama ditangkap. Mereka yang tidak mahu mengaku bersalah dihukum gantung sampai mati kononnya mereka terlibat dalam rusuhan dan menghasut orang ramai supaya merusuh.

“Pihak tentera sudah membuat siasatan yang teliti berkaitan dengan rusuhan yang berlaku pada 13 Mac. Terdapat bukti-bukti kukuh yang menunjukkan Sultan Abdul Hamid terlibat dalam rusuhan itu. Beliau memerintahkan kesemua penyokong setianya supaya memberontak. Tujuannya adalah supaya rakyat Turki menyalahkan pihak tentera kerana tidak mampu menjaga keselamatan negara dan seterusnya beliau mahukan kuasa memerintah diserahkan sepenuhnya kepadanya,” beritahu Mustafa kepada Majlis Parlimen Turki.

Parlimen Turki mula ditubuhkan pada 24 Julai 1908 atas desakan orang ramai. Mereka mengadakan tunjuk perasaan secara aman di Salonika, Manistar, Isakub dan Susan. Seterusnya, mereka mahu berarak secara beramai-ramai hingga ke Istanbul sekiranya Sultan Abdul Hamid II masih enggan memenuhi permintaan mereka. Akhirnya, Sultan Abdul Hamid bersetuju supaya Parlimen ditubuhkan yang ahlinya terdiri daripada mereka yang dilantik bagi mewakili kawasan masing-masing.

“Kesalahan Sultan Abdul Hamid itu terlalu berat kerana akibat daripada rusuhan itu seramai 70 orang terbunuh dan 300 orang cedera. 40 buah kedai dan rumah dibakar. Bank dirompak sehingga menyebabkan berlakunya kerugian wang tunai hampir berjuta-juta lira,” kata Anwar Basya kepada anggota Parlimen Turki.

“Kesalahan Sultan Abdul Hamid tidak boleh dimaafkan. Beliau perlu dibicarakan dan menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahannya. Semoga menjadi pengajaran kepada orang ramai,” sokong Jamal Basya.

“Sultan tidak boleh dihadapkan ke mahkamah kerana mereka kebal dengan undang-undang. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya baginda dipecat dengan digantikan dengan orang lain,” kata Mustafa yang turut hadir dalam persidangan Parlimen itu.

Ali Basya seorang ahli Parlimen Turki yang juga penyokong setia Sultan Abdul Hamid II naik angin, lalu berkata, “Kita tidak boleh menuduh sultan terlibat tanpa bukti yang kukuh. Kita juga tidak boleh dengan sewenang-wenangnya

menjatuhkan sultan daripada takhtanya. Tindakan itu sudah melampaui kuasa Parlimen. Saya tidak setuju."

"Mereka yang ditangkap sudah membuat pengakuan bersalah dan mengaku Sultan Abdul Hamid yang menyuruh mereka melakukannya. Adakah bukti itu masih belum mencukupi?" bentak Mustafa.

Sebagai ketua pasukan tentera di Istanbul, beliau diberikan tanggungjawab bagi menyiasat rusuhan 31 Mac itu. Beliau meletakkan kesalahan itu di atas bahu Sultan Abdul Hamid. Tindakan itu dilakukan atas permintaan Theodere Hertzl yang semenangnya menaruh perasaan dendam kepada baginda.

"Boleh beritahu kami nama-nama mereka yang membuat pengakuan itu? Dengan itu, kami boleh lakukan siasatan apakah mereka benar-benar penyokong kuat sultan sehingga sanggup melakukan perbuatan terkutuk, iaitu memijak dan membakar al-Quran. Sepertimana yang kita sedia maklum, Sultan Abdul Hamid seorang yang taat beragama. Mustahil baginda sanggup menyuruh para pengikut setianya membakar al-Quran," kata Ali Basya.

"Atas sebab-sebab keselamatan, maka pihak tentera terpaksa merahsiakan nama-nama mereka yang memberikan kerjasama. Oleh sabab itu, permintaan kamu itu tidak dapat diterima," balas Mustafa.

"Sekiranya begitu, benarkan ahli Parlimen menemui Sultan Abdul Hamid. Saya sendiri menawarkan diri untuk pergi menemuinya bagi mendapatkan penjelasan daripada baginda sendiri," kata Ali Basya pula.

“Permintaan itu juga tidak dapat dipenuhi dan dibenarkan kerana Sultan Abdul Hamid sendiri tidak mahu ditemui sesiapa. Pihak tentera juga masih menjalankan siasatan menyebabkan mereka tidak mahu diganggu,” balas Mustafa.

“Sekiranya pihak tentera masih menjalankan siasatan, mengapakah Parlimen perlu membuat keputusan bagi menjatuhkan baginda? Bukankah itu adalah tindakan terburu-buru? Saya tidak bersetuju,” bantah Ali Basya.

Oleh sebab ramai ahli Parlimen yang menyokong Ali Basya, maka keputusan itu terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu sehinggalah pihak tentera selesai menjalankan siasatan ke atas Sultan Abdul Hamid.

“Saya yakin, pasti ada ahli Parlimen yang memaklumkan kepada sultan perihal cadangan bagi menjatuhkannya. Apabila Sultan Abdul Hamid mengetahuinya, apakah baginda akan berdiam diri? Pastinya tidak. Baginda akan memerintahkan kita supaya ditangkap atas tuduhan mahu merampas kuasa, lalu kita dihukum gantung sampai mati,” kata Anwar Basya.

“Orang yang menentang kita di Parlimen adalah Ali Basya. Saya bimbang dia yang akan menghadap sultan bagi melaporkan perkara ini. Oleh sebab itu, kita perlu menghapuskan dia terlebih dahulu. Apabila Ali Basya sudah tidak ada lagi dalam Majlis Parlimen, maka tidak ada siapa lagi yang berani membantah keputusan kita,” kata Jamal Basya pula.

“Sekiranya begitu, kita hapuskan sahaja Ali Basya. Kita

perintahkan tentera supaya menangkap serta menghukumnya," sokong Ayub Sabri.

Mereka menemui Mustafa, lalu memaklumkan perkara tersebut. Tidak lama kemudian Ali Basya pun ditangkap atas tuduhan terlibat dengan rusuhan pada 31 Mac lalu dan dihukum gantung.

"Wahai sahabatku, Jamal Basya dan Ayub Sabri. Adakah kamu sedar yang kita sudah melakukan satu kesilapan yang paling besar?" tanya Anwar Basya beberapa hari selepas persidangan itu.

"Pastinya ada kaitan dengan Sultan Abdul Hamid II yang kita singkirkan, bukankah bagitu?" jawab Jamal Basya.

"Kita tidak pernah mengenali Sultan Abdul Hamid II secara dekat. Kita dikelilingi oleh mereka yang memusuhi beliau. Sekarang leher kita sudah dijerat oleh musuh-musuh Islam. Orang-orang Freemason sudah menggunakan kita bagi kepentingan mereka. Apa yang kita lakukan hanya menguntungkan orang-orang Yahudi," kata Anwar Basya dengan rasa kesal yang teramat sangat.

"Memang benar wahai sahabatku. Kita sudah masuk ke dalam jerat orang-orang Yahudi. Kita sudah berjaya diperdayakan mereka hanya dengan beberapa keping wang lira emas. Mereka pernah menawarkan wang lira emas kepada Sultan Abdul Hamid II sebanyak 30 juta lira tetapi baginda menolaknya," kata Ayub Sabri pula yang juga melahirkan rasa kekesalannya.

Sultan Abdul Hamid II

Theodere Hertzl berasa sungguh gembira kerana usahanya yang mendapat sokongan daripada pemerintah Eropah sudah pun berjaya. Dia sudah menemui Napoleon II di Perancis, Ratu Victoria di London, Leopold di Bulgaria, Gullium di Jerman dan Franso Josef di Austria. Kesemua mereka memberikan sokongan penuh dan sanggup membantu pemimpin gerakan Yahudi itu bagi mewujudkan sebuah negara Yahudi di Palestin.

“Palestin berada di bawah pemerintahan Khalifah Uthmaniah. Kami akan memujuk Sultan Abdul Hamid supaya menyerahkan tanah itu kepada kami. Berapa harganya kami sanggup membayarnya,” kata Theodere Hertzl dalam usahanya meyakinkan pemimpin-pemimpin Eropah itu. Kemudian, dia memaklumkan kepada mereka apa yang sedang dirancangnya.

“Ekonomi Turki sekarang sedang meleset akibat peperangan. Negara itu sedang menanggung beban hutang yang banyak. Ini adalah masa yang paling sesuai

untuk kita mendekatinya," kata Theodere Hertzl.

Kemudian, dia menyambung lagi, "Kita perlu memberikan bantuan kewangan kepada Turki bagi memulihkan ekonomi serta membayar hutang-hutangnya. Dengan itu, mereka akan berasa terhutang budi kepada kita, seterusnya menganggap kita sebagai rakan baik dan bukannya sebagai musuh. Dengan itu, mudahlah untuk kita menjatuhkannya. Pepatah Yahudi ada mengatakan musuh mudah dikalahkan sekiranya kamu dapat mendekati mereka."

"Bukankah lebih baik sekiranya kita biarkan sahaja Turki dalam keadaan begitu? Akhirnya nanti, negara itu akan tumbang dengan sendirinya," kata Franso Josef.

"Kerajaan Uthmaniah di Turki tidak akan tumbang kerana rakyat memahami ekonomi mereka meleset kerana berlakunya peperangan. Rakyat akan bekerja keras bagi membangunkan semula ekonomi negara mereka. Berkemungkinan, dalam masa beberapa tahun lagi ekonomi mereka akan pulih semula. Ketika itu permusuhan mereka kepada kita semakin kuat dan kita tidak dapat menumbangkannya," kata Theodere Hertzl.

Kemudian, katanya lagi, "Sekiranya kita memberikan bantuan pasti mereka akan berasa terhutang budi kepada kita. Dengan itu, kita dapat mendekati mereka dengan mudah. Apabila kita sudah dapat mendampingi mereka, mudah untuk kita menjatuhkannya."

Akhirnya, Franso Josef yang pada mulanya tidak bersetuju dengan cadangan itu terpaksa akur dengan kebijaksanaan

pemimpin Yahudi antarabangsa itu.

Menurut perancangan Theodere Hertzl, dia akan menghadap Sultan Abdul Hamid bagi menawarkan bantuan kewangan dengan mengenakan syarat-syarat tertentu yang pastinya menguntungkan mereka untuk jangka panjang.

“Kita memerlukan peruntukan sebanyak 60 juta lira. 20 juta bagi memulihkan ekonomi Turki, 20 juta bagi melangsaikan hutang-hutangnya dan 20 juta lagi bagi mendapatkan Palestin,” kata Theodere Hertzl.

Pemimpin-pemimpin negara Eropah itu bersetuju dengan cadangan tersebut. Mereka sanggup memberikan jumlah wang yang diperlukan. Mereka sememangnya sudah lama bermusuhan dengan Kerajaan Uthmaniah. Mereka pernah berperang beberapa kali tetapi masih belum berjaya menumbangkannya. Oleh sebab itu, apabila Theodere Hertzl mengemukakan ada cara lain bagi menumbangkan Kerajaan Uthmaniah, mereka sepakat memberikan sokongan.

“Berusahalah dengan bersungguh-sungguh sehingga berjaya. Sekiranya rancangan kamu ini gagal, kamu tidak akan mendapat sokongan daripada kami lagi,” kata para pemimpin negara Eropah itu.

“Kami kaum Yahudi tidak pernah mengenal erti kecewa dan kalah. Sekiranya gagal, kami akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh sehingga berjaya,” kata Theodere Hertzl. Kemudian, dia pun pergi ke Istanbul ditemani Neolanski yang mempunyai hubungan baik

dengan Sultan Abdul Hamid.

“Sekiranya tuanku bersetuju menyerahkan Palestin kepada kaum Yahudi, kami sanggup membantu bagi melangsaikan hutang serta memulihkan ekonomi Turki. Negara-negara Eropah juga bersetuju mengikat perjanjian damai dan tidak akan berlaku lagi peperangan,” pujuk Neolanski yang menjadi jurubahasa Theodere Hertzl.

“Tawaran itu sungguh menarik tetapi mengapakah tanah Palestin yang perlu dijadikan syaratnya?” tanya Sultan Abdul Hamid.

“Bagi orang-orang Yahudi, Palestin adalah negeri yang dijanjikan untuk mereka seperti yang terkandung di dalam dalam kitab Taurat. Oleh sebab itu, mereka mahu kembali semula ke tanah itu,” jawab Neolanski.

“Adalah tidak benar sangkaan yang menyatakan Palestin itu hanya untuk orang Yahudi. Baitulmuqaddis itu adalah kiblat umat Islam yang pertama. Oleh sebab itu, Palestin juga adalah tanah milik orang Arab dan Islam,” kata Sultan Abdul Hamid.

Kemudian, katanya lagi, “Beritahu rakan kamu ini supaya jangan cuba sesekali mengambil Palestin kerana saya tidak akan memberinya walaupun hanya sejengkal. Palestin bukan milik saya tetapi milik rakyat saya. Nenek moyang saya sudah berjuang demi mendapatkannya. Mereka sudah mengorbankan nyawa dan darah mereka sendiri. Saya tidak akan menyerahkannya kepada sesiapa pun walau diberi timbunan harta. Sekiranya mereka mahu merampasnya dengan kekerasan, maka langkah dahulu

mayat saya."

Theodere Hertzl yang tidak faham bahasa Turki itu bertanya kepada Noelanski apa yang diperkatakan Sultan Abdul Hamid. Selepas mengetahui yang sultan tidak setuju, dia berasa marah, lalu bercakap dalam bahasa Yahudi.

"Beritahu orang tua yang degil ini, orang Yahudi akan terus berjuang bagi mendapatkan Palestin," kata Theodere Hertzl.

Neolanski yang berasa bimbang sekiranya sultan murka terpaksa berkata dalam bahasa Turki, "Sekiranya begitu kata tuanku, maka orang-orang Yahudi tidak akan mengambil Palestin. Mereka akan pergi ke Argentina."

Sultan Abdul Hamid berpuas hati dengan pengakuan itu, lalu melepaskan Theodere Hertzl dan Neolanski meninggalkan Turki dengan selamat. Namun begitu, pemimpin Yahudi itu masih tidak berputus asa. Dia menemui William II, iaitu kaisar Jerman yang menjadi sekutu rapat Turki. Theodere Hertzl berjaya memujuk kaisar Jerman itu supaya menyokong penempatan Yahudi di Palestin. Kemudian, sekali lagi orang-orang Yahudi menemui Sultan Abdul Hamid dengan diiringi wakil kaisar Jerman tetapi usaha mereka itu masih menemui titik kegagalan.

Theodere Hertzl memujuk Walliam II supaya melakukan kunjungan hormat ke Istanbul supaya dapat bertemu dengan Sultan Abdul Hamid. Dia juga turut serta dalam rombongan itu. Namun begitu, pada mulanya Sultan Abdul Hamid enggan bertemu dengan Theodere Hertzl tetapi

selepas dipujuk oleh wakil kaisar Jerman, akhirnya sultan bersetuju bertemu selama dua jam sahaja.

“Wahai tuanku, kami hanya memohon kebenaran bagi membuka beberapa buah bank di Istanbul dan Palestin. Dengan itu, sebagai balasannya kami sanggup memberikan 10 peratus keuntungan bank itu kepada tuanku,” kata Theodere Hertzl.

Sultan Abdul Hamid kelihatannya seperti tertarik apabila mendengar cadangan itu. Namun begitu, baginda masih enggan memberikan kata putus.

Melihat Sultan Abdul Hamid hanya berdiam diri dan sedikit pun tidak membantah yang seolah-olah bersetuju, maka Theodere Hertzl berkata lagi, “Terima kasih kerana tuanku bersetuju sekiranya kami membuka beberapa buah bank di sini dan di Palestin. Tuanku akan mendapat 10 peratus daripada keuntungannya. Namun begitu, ada satu lagi permintaan saya. Sekiranya tuanku bersetuju membenarkan orang-orang Yahudi tinggal di Palestin, maka kami bersetuju memberikan hadiah kepada tuanku sebanyak 20 juta lira,” pujuk Theodere Hertzl.

Sultan Abdul Hamid terus berdiam diri dan hanya mendengar kata-kata pemimpin Yahudi itu tanpa mengeluarkan sepatah perkataan pun. Selepas dua jam, maka Sultan Abdul Hamid pun meninggalkan bilik itu tanpa mengucapkan sepatah perkataan pun seperti sebelumnya. Theodere Hertzl berasa sungguh kecewa kerana dia tahu Sultan Abdul Hamid menolak tawarannya tetapi dia tetap tidak berputus asa. Dia terus berusaha bagi mendapatkan

Palestin.

Sultan Abdul Hamid II atau nama lengkapnya Abdul Hamid Khan II bin Sultan Abdul Majid Khan lahir pada hari Rabu, 21 September 1842. Baginda adalah putera kepada Sultan Abdul Majid daripada isterinya yang kedua. Ibunya meninggal dunia ketika beliau berusia tujuh tahun. Sejak kecil, beliau sememangnya sudah dididik dengan ilmu agama dan ilmu moden. Apabila sudah dewasa, Sultan Abdul Hamid II berjaya menguasai bahasa Turki, Arab dan Parsi. Baginda juga gemar membaca dan berkebolehan menulis syair.

Sebelum Sultan Abdul Hamid II menaiki takhta, bapa saudaranya, iaitu Sultan Abdul Aziz yang berkuasa. Beliau dibunuh oleh musuh politiknya, lalu digantikan dengan putera baginda Sultan Murad V tetapi beliau hanya mampu berkuasa selama 93 hari kerana tidak berkemampuan menjadi Khalifah.

Justeru, Sultan Abdul Hamid II pun dilantik menjadi sultan pada Ogos 1876 Masihi bersamaan 1293 Hijrah ketika berusia 34 tahun. Pada ketika itu, beliau mewarisi keadaan negara yang teruk akibat menanggung hutang yang banyak dan keadaan politik yang tidak stabil. Namun begitu, Sultan Abdul Hamid II dapat menjalankan tugasnya dengan baik dan beliau diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat, baik daripada kalangan ahli politik, intelektual mahupun rakyat jelata. Namanya sering disebut-sebut dalam khutbah Jumaat. Sokongan padu daripada seluruh kaum Muslimin sedikit sebanyak dapat mengurangkan tekanan Eropah ke atas pemerintahannya.

“Mulai sekarang, perlu ada perbezaan antara orang Islam, orang Kristian dan orang Yahudi. Orang Islam perlu berkumpul di masjid, orang Kristian pula berkumpul di gereja dan orang Yahudi berkumpul di sinagog. Semua akan dilayan dengan adil supaya tidak timbul persengketaan,” kata Sultan Abdul Hamid II.

Sejak itu, orang Kristian dan Yahudi bebas menjalankan kegiatan agama di tempat ibadat masing-masing tanpa gangguan daripada mana-mana pihak. Orang Islam, Kristian dan Yahudi dapat hidup bersama dalam suasana yang cukup harmoni.

Selepas memerintah selama 30 tahun, tekanan yang diterima daripada negara-negara Eropah semakin kuat kerana mereka sentiasa menyokong cita-cita kaum Yahudi bagi mendapatkan Palestin.

Kerajaan Perancis pernah mahu mengadakan pementasan teater yang diambil daripada hasil karya Voltaire yang bertajuk *“Muhammad dan Kefanatikan*”. Karya tersebut secara terang-terangan mencaci Rasulullah dan juga menghina Zainab, iaitu puteri Rasulullah. Apabila Sultan Abdul Hamid II mengetahuinya, maka beliau pun memberikan amaran kepada Perancis melalui dutanya di Paris supaya menghentikan pementasan tersebut ataupun menghadapi tindakan keras daripada pemerintah Uthmaniah. Pemerintah Perancis berasa gerun, lalu menghentikan pementasan teater itu.

Tidak berapa lama kemudian, kumpulan teater itu datang ke England bagi membuat pementasan di London. Sultan

Abdul Hamid II dengan pantas memberi amaran kepada England supaya membatalkannya walaupun pada mulanya mereka menolak dengan alasan tiket-tiket sudah pun dijual kepada orang ramai dan pembatalannya bertentangan dengan prinsip demokrasi.

Sultan Abdul Hamid II memberi amaran kepada England dengan berkata, “Sekiranya pementasan drama yang menghina Rasulullah itu diteruskan, saya tidak teragak-agak mengisytiharkan jihad akhbar atau jihad yang besar ke atas England kerana menghina Rasulullah.”

Akhirnya, kerajaan England terpaksa membatalkan pementasan drama tersebut walaupun mendapat bantahan daripada rakyatnya. Begitulah hebatnya Sultan Abdul Hamid sehingga digeruni kerajaan Eropah.

Walaupun Khalifah Uthmaniah berada dalam keadaan tenat tetapi baginda masih lagi dihormati di arena antarabangsa dan perkataan “jihad” sentiasa menggerunkan kuasa-kuasa besar Barat. Sultan Abdul Hamid juga masih mampu campur tangan bagi melindungi kepentingan umat Islam dalam urusan global. Kehebatan Sultan Abdul Hamid II diakui sendiri oleh pemerintah Eropah seperti Kaisar Wilhelm II (raja Jerman).

“Sepanjang hidup saya, saya sudah bertemu dengan ramai raja dan pemerintah. Saya dapati mereka lemah sekiranya dibandingkan dengan saya ataupun yang paling kuat sekali pun adalah setanding dengan saya tetapi apabila berhadapan dengan Sultan Abdul Hamid II, saya berasa gerun dan terasa diri ini kecil ketika berada di

hadapannya," kata Kaisar Wilhelm II, iaitu raja Jerman yang pernah bertemu dengan Sultan Abdul Hamid.

Seorang penulis Amerika, iaitu Anna Bowman Dodds yang pernah bertemu dengan Sultan Abdul Hamid II pula mengatakan yang bernama Sultan Abdul Hamid itu hanya berpakaian ringkas dengan janggut yang lebat tetapi masih mempunyai daya tarikan yang kuat.

"Sesiapa yang memandang wajah Sultan Abdul Hamid II pasti berasa gerun dan hormat. Beliau mempunyai daya tarikan yang istimewa," puji Anna Bowman Dodds.

Hanya kaum Yahudi yang terus memusuhi Khalifah Uthmaniah sejak dahulu lagi. Mereka berjaya mempengaruhi Britain supaya mengadakan persidangan yang berkaitan dengan rantau Balkan yang pada ketika itu berada di bawah pemerintahan kerajaan Uthmaniah. Persidangan itu dihadiri oleh kuasa-kuasa besar yang terdiri daripada Britain, Perancis, Rusia dan Jerman. Persidangan itu berlangsung selama empat minggu dan pada akhir persidangan, beberapa resolusi dibentangkan dan antaranya adalah mendesak Khalifah Uthmaniah supaya memperkenalkan reformasi-reformasi moden dalam sistem pemerintahannya.

Sultan Abdul Hamid dengan tegas menolak desakan itu, malahan sentiasa berusaha memperkukuhkan tenteranya bagi menghadapi ancaman negara-negara Eropah. Mereka membantu penduduk Kristian di rantau Balkan supaya memberontak menentang Khalifah Uthmaniah. Apabila Sultan Abdul Hamid mahu bertindak menghantar pasukan

tentera bagi meredakan pemberontakan itu, maka negara-negara Eropah mengugut mahu campur tangan. Kemudian, Rusia membantu rakyat Armenia membebaskan diri mereka daripada pemerintahan Khalifah Uthmaniah. Britain dan Perancis pula campur tangan di Bulgaria dengan alasan bagi menyelamatkan rakyat daripada penindasan Kerajaan Uthmaniah. Rusia juga mahukan sumber minyak yang banyak yang terdapat di kawasan yang didiami penduduk Islam. Salah satunya adalah wilayah Baku.

Akhirnya, Rusia berjaya menguasai seluruh wilayah Tajikistan. Britain pula membantu Mustafa untuk berkuasa di Turki dengan merancang menjatuhkan Khalifah Uthmaniah. Mereka menggunakan orang-orang Yahudi yang berpengaruh bagi menjayakan rancangan khianat itu.

Mula-mula, orang-orang Yahudi Rusia yang mendapat sokongan daripada pemerintah mengajukan permohonan kepada Sultan Abdul Hamid bagi mendapatkan keizinan tinggal di Palestin. Namun begitu, usaha itu gagal apabila Sultan Abdul Hamid dengan tegas tidak membenarkannya.

“Saya selaku pemerintah Khalifah Uthmaniah memaklumkan kepada seluruh kaum Yahudi yang mereka tidak dibenarkan tinggal mahupun menetap di Palestin,” titah Sultan Abdul Hamid II.

Orang-orang Yahudi berasa sungguh kecewa, lalu meminta Amerika Syarikat campur tangan. Theodere Hertzl, penulis Der Judenstaat (Negara Yahudi), iaitu pengasas negara Israel sekarang, berusaha menemui Sultan Abdul Hamid II bagi mendapatkan keizinan menjalankan perniagaan di

Palestin.

“Sesungguhnya, Palestin itu adalah milik rakyat Uthmaniah. Mereka tidak akan menyetujui permintaan kamu itu. Oleh hal yang demikian, simpanlah kekayaan kamu itu di dalam poket kamu sendiri,” tegas Sultan Abdul Hamid.

Theodere Hertzl tetap tidak berputus asa. Dia mengadakan persidangan kaum Yahudi di Switzerland bagi merumuskan strategi baru demi menghancurkan Khilafah Uthmaniah.

Sultan Abdul Hamid bertindak lebih tegas dengan mengeluarkan arahan melarang orang-orang Yahudi tinggal di Palestin lebih dari tiga bulan. Beliau juga mengharamkan penjualan tanah kepada kaum Yahudi. Theodere Hertzl menghadap Sultan Abdul Hamid sekali lagi dan berusaha memujuknya.

“Sekiranya tuanku bersetuju menarik semula larangan tersebut, kami bersetuju memberikan hadiah kepada tuanku sebanyak 150 juta paun sterling. Kami juga akan membayar kesemua hutang pemerintah Uthmaniah di samping membantu tuanku membangunkan armada laut, memberi pinjaman tanpa faedah dan mendirikan sebuah Universiti Uthmaniah di Palestin.

Sultan Abdul Hamid II dengan tegas menolak tawaran tersebut dengan berkata, “Saya tidak akan menyerahkan walaupun seinci pun tanah Palestin kerana ia bukan milik saya. Tanah itu adalah hak milik umat Islam. Umat Islam sudah berjihad demi kepentingan tanah ini dan mereka sudah menyiraminya dengan darah. Kamu kaum Yahudi, simpan sahaja harta kamu itu. Sekiranya Khalifah

Uthmaniah tidak wujud lagi suatu hari nanti, maka kamu boleh mengambil Palestin tanpa membayar apa-apa. Namun begitu, selagi saya masih hidup, saya lebih rela menusukkan pedang ke tubuh saya sendiri daripada menyerahkan tanah Palestin kepada kamu."

Sejak itu, kaum Yahudi melancarkan gerakan bagi menumbangkan Sultan Abdul Hamid. Mereka mengupah penjenayah bagi meletakkan bom di bawah kereta kuda yang dinaiki sultan tetapi mereka tetap gagal membunuhnya.

"Saya tahu nyawa saya terancam. Sekiranya saya mahu, boleh sahaja saya menerima tawaran mereka demi menyelamatkan diri saya sendiri tetapi untuk apa semua itu? Saya adalah Khalifah yang bertanggungjawab atas umat ini. Tempat saya adalah di sini. Di Istanbul dan bukannya di tempat lain," tegas Sultan Abdul Hamid.

Beliau tetap keluar dari kediamannya untuk pergi ke masjid untuk sembahyang berjemaah tanpa menghiraukan keselamatannya. Sering juga baginda menunggang kuda ditemani anaknya, iaitu Puteri Aishah tanpa dikawal pasukan tentera.

Musuh-musuh Sultan Abdul Hamid terus berusaha bagi menjatuhkannya. Mereka merancang berlakunya peristiwa 31 Mac yang membolehkan baginda dituduh bersubahat melakukannya.

"Wahai rakyat Uthmaniah, kita berkumpul ini bagi menyelamatkan negara dan Khalifah. Ketahuilah pembunuhan itu dilakukan oleh Sultan Abdul Hamid. Beliau

juga memerintahkan supaya al-Quran dibakar dan dipijak-pijak. Perbuatan itu sememangnya melampau dan atas sebab itulah kita perlu bertindak menghukumnya," kata ketua penunjuk perasaan.

Ekoran daripada peristiwa itu juga, majlis perwakilan rakyat mengadakan persidangan tergempar. Mereka juga mendesak Mufti Islam Muhammad Zhiyauddin mengeluarkan fatwa dengan menyatakan sultan yang melakukan kezaliman perlu diturunkan daripada takhta.

Pada 27 April 1909, seramai 240 anggota majlis perwakilan rakyat bersidang dan mereka mengambil keputusan memecat Sultan Abdul Hamid II berdasarkan fatwa yang berbunyi, "Sekiranya pemimpin kaum Muslimin mengambil kepentingan isu-isu keagamaan daripada buku perundangan dan mengumpulkan buku-buku tersebut, membazir wang negara dan terikat dengan perjanjian yang bertentangan dengan undang-undang Islam, membunuh, menangkap, mengusir rakyat tanpa alasan, kemudian sudah berjanji untuk berhenti melakukannya tetapi masih melakukannya lagi bagi merosakkan keadaan kaum Muslimin di seluruh dunia Islam, maka pemimpin ini perlu dilucutkan kuasanya. Sekiranya penghapusan kuasanya demi mendapatkan keadaan yang lebih baik daripada membiarkan dia daripada terus memerintah, maka dia mempunyai dua pilihan sama ada mengundurkan diri ataupun disingkirkan daripada takhtanya."

Fatwa itu dikeluarkan oleh Mufti Islam Muhammad Zhiyauddin Afandi yang disokong majlis perwakilan rakyat. Mereka melantik empat orang wakil bagi menyampaikan

keputusan itu kepada Sultan Abdul Hamid. Mereka terdiri daripada Emanuel Qarashu, ahli majlis perwakilan rakyat mewakili Salonika, Aaram, iaitu orang Armenia yang juga salah seorang ahli majlis perwakilan yang dilantik oleh Mustafa, As'ad Thubathani, iaitu orang Albania yang menjadi wakil bagi kawasan Darraj dan Arif Hikmat yang berasal dari Iraq.

Pada suatu malam, Sultan Abdul Hamid didatangi beberapa orang tetamu yang tidak diundang. Kedatangan mereka itu sememangnya membawa sejarah hitam kepada Khalifah Uthmaniah. Mereka menyampaikan keputusan perwakilan yang sudah bersetuju dan sebulat suara supaya Sultan Abdul Hamid II dilucutkan kuasanya. Disampaikan juga kepada sultan perihal fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh Hamdi Afandi Mali yang menyatakan Sultan Abdul Hamid tidak layak lagi memerintah.

"Kami datang bagi memaklumkan kepada tuanku, majlis perwakilan rakyat sudah membuat keputusan supaya tuanku disingkirkan daripada takhta kerana terlibat dalam peistiwa 13 Mac dan tragedi membakar al-Quran. Keputusan itu dibuat selepas fatwa dikeluarkan oleh mufti Islam," kata As'ad dengan nada suara yang tinggi dan kurang sopan.

"Saya percaya apa yang berlaku ini sebagai takdir. Oleh sebab itu, saya sedikit pun tidak berasa sedih dengan keputusan itu. Saya patuh dengan keputusan majlis tertinggi rakyat. Namun begitu, saya tegaskan di sini yang saya tidak terlibat dengan peristiwa 13 Mac itu. Saya juga tidak terlibat dengan peristiwa membakar al-Quran dan

memijak-mijaknya. Tindakan itu dilakukan oleh mereka yang memusuhi Khalifah," kata Sultan Abdul Hamid.

Kemudian Sultan Abdul Hamid berkata lagi, "Sekarang adalah masa yang tidak sesuai untuk kita membincangkan perkara ini kerana saya perlu menunaikan kewajipan saya kepada keluarga saya. Tidak bolehkah kita bincangkan perkara yang sangat penting ini esok pagi?" kata Sultan Abdul Hamid yang tidak selesa apabila menerima kedatangan tetamu yang bersikap biadab itu.

"Rakyat dan negara sudah memecat tuanku. Sekarang tuanku tidak ada kuasa lagi," kata Esat Basha dengan nada angkuh.

"Sekiranya benar rakyat dan negara sudah memecat saya, itu tidak ada masalah. Namun begitu, apa yang saya kesalkan adalah mengapa kamu membawa orang Yahudi ini masuk ke dalam kediaman saya?" kata Sultan Abdul Hamid dengan nada marah sambil menudingkan jarinya ke arah Emmanuel Carasso.

Emmanuel Carasso pernah menemani Theodere Hertzl ketika datang berjumpa dengan Sultan Abdul Hamid II bagi membuat tawaran mahu membeli tanah milik Sultan Abdul Hamid di Sancak, Palestin untuk dijadikan kediaman pendatang Yahudi. Namun begitu, permintaannya itu ditolak mentah-mentah oleh baginda.

"Sesungguhnya, saya sendiri tidak tahu, siapakah sebenarnya yang memilih kamu bagi menyampaikan berita ini kepada saya pada malam ini," kata Sultan Abdul Hamid.

“Majlis perwakilan tertinggi rakyat yang memilih kami. Sebenarnya, perkara ini sudah dimaklumkan kepada orang ramai melalui khutbah-khutbah Jumaat,” kata Esat Basya.

Baru Sultan Abdul Hamid perasan yang dia tidak dibenarkan datang ke masjid pada setiap kali tibanya hari Jumaat dengan alasan keselamatannya kian terancam. Helah itu digunakan bagi memaklumkan kepada orang ramai perihal tindakan pemecatannya.

“Saya tidak membantah keputusan itu dan saya hanya ada satu permintaan. Izinkan saya bersama-sama keluarga saya untuk terus tinggal di Istana Caragan ini. Anak-anak saya ramai. Mereka masih kecil dan saya sebagai ayah perlu menyekolahkan mereka,” kata Sultan Abdul Hamid yang cuba meminta pertimbangan. Beliau mempunyai sembilan orang anak lelaki dan tujuh orang anak perempuan.

Permintaan Sultan Abdul Hamid itu ditolak mentah-mentah oleh keempat-empat wakil tersebut. Mereka mahu pada malam itu juga, sultan bersama kaum keluarganya keluar dari istana hanya dengan sehelai sepinggang. Mereka dibawa ke stesen kereta api Sirkeci, lalu dibawa ke Salonika.

“Wahai ayahanda, ke manakah kita akan dibawa pergi? Mengapakah kita diarahkan keluar dari istana ini? Mengapakah mereka mengacukan senjata ke arah kita?” tanya anak-anak Sultan Abdul Hamid yang menangis ketakutan.

“Sabarlah wahai anak-anakku. Sekiranya Allah

menghendaki kematian bagi kita, maka redalah kita menghadapinya kerana kematian itu kesudahan untuk semua," kata Sultan Abdul Hamid sambil memujuk anak-anaknya.

Ketika itu mereka sedang dalam perjalanan dengan menaiki kereta api menuju ke Salonika. Tidak ada siapa pun yang tahu motif sebenar Mustafa memindahkan Khalifah terakhir Uthmaniah itu ke Salonika. Apa yang pasti, Sultan Abdul Hamid dan semua ahli keluarganya dipaksa meninggalkan bumi Khalifah Uthmaniah. Sejarah kegemilangan Khalifah Uthmaniah selama lebih 600 tahun ternyata sudah berakhir pada malam itu.

Puteri Aisyah dan juga Puteri Fatimah menangis kesejukan kerana kereta api meluncur laju dalam kedinginan malam. Mereka dibawa pergi dengan hanya sehelai sepinggang. Semua harta dan kekayaan dipaksa ditinggalkan di kediaman mereka.

"Sabarlah wahai anak-anakku, kaum kerabat kita tidak dapat melindungi kita daripada kezaliman orang-orang yang tidak dikenali ini. Oleh sebab itu, hanya kepada Allah tempat kita berserah," pujuk Sultan Abdul Hamid sedangkan wajahnya sendiri dibasahi air mata.

Mereka terus dibiarkan kesejukan sepanjang perjalanan sehingga sampai di Salonika. Kemudian, mereka dibawa ke sebuah istana lama Beylerbeyi yang terletak di pinggir bandar Salonika. Orang ramai tidak mengetahui Sultan Abdul Hamid dan keluarganya dikurung di situ. Kediaman itu dikawal rapi siang dan malam. Pintu dan tingkap

sentiasa dikunci dan tidak ada siapa pun dibenarkan keluar. Dengan itu, bermulalah episod penderitaan keluarga itu. Mereka dilayan seperti banduan yang paling ganas. Tidak dibenarkan bertemu ataupun bercakap dengan sesiapa pun. Malahan, makanan dan minuman diberikan ala kadar sahaja.

“Walaupun saya sudah disingkirkan daripada takhta tetapi saya masih punya harta di Istanbul. Benarkan saya menggunakan harta itu bagi membeli pakaian, makanan dan keperluan keluarga,” rayu Sultan Abdul Hamid.

“Baiklah, saya akan maklumkan permintaan itu kepada pihak atasan. Tunggu sahaja keputusan daripada mereka. Kami hanya menjalankan tugas,” kata Abdul Malik, iaitu ketua pengawal yang ditugaskan mengawal istana lama yang dijadikan penjara itu.

Tidak berapa lama kemudian, Sultan Abdul Hamid mendapat arahan supaya menyerahkan semua hartanya kepada pasukan tentera. Pada mulanya beliau enggan tetapi selepas diugut dan diancam dengan ugutan semua kaum keluarganya akan dibunuh, akhirnya beliau terpaksa menyerahkannya.

Hari-hari yang dilalui sultan dalam pembuangan dan pengasingan sungguh sedih dan memilukan. Beliau dan keluarganya sering kali diancam akan dibunuh dengan ancaman istana tua itu akan diledakkan dengan menggunakan bom. Pada suatu pagi, selepas selesai sembahyang subuh, Sultan Abdul Hamid memanggil puteranya yang bernama Abdul Rahman. Dia adalah ahli

waris terpenting selepas ketiadaan Sultan Abdul Hamid nanti.

“Wahai anak-anakku, ayahanda akan menyerahkan kesemua harta kita kepada pihak tentera kerana mereka memaksa menyerahkannya. Sekiranya ayahanda enggan, mereka mengugut akan membunuh kamu seorang demi seorang. Ayahanda lebih rela kehilangan harta daripada kehilangan kamu semua,” kata Sultan Abdul Hamid dalam nada sedih.

Selama enam tahun mereka semua tinggal di Istana Beylerbeyi yang sudah ditukar menjadi penjara itu. Mereka dilayan dengan begitu hina dan keji. Sultan Abdul Hamid tidak dibenarkan keluar walaupun untuk bersembahyang Jumaat. Pada hari raya pula, mereka tidak dibenarkan dikunjungi tetamu apatah lagi berkunjung ke rumah orang lain. Sultan Abdul Hamid yang sudah berumur disahkan menghidap penyakit paru-paru berair. Apabila penyakitnya sudah semakin kritikal, barulah dibawa seorang doktor bagi merawatnya.

“Maafkan saya, tuanku. Kedatangan saya sudah terlambat. Penyakit tuanku sudah berada pada tahap kritikal dan mungkin sukar untuk diubati,” bisik doktor yang merawat Sultan Abdul Hamid.

Doktor itu bertegas supaya Sultan Abdul Hamid mendapat rawatan di hospital di Istanbul. Beliau dibawa ke Istanbul tetapi anak-anaknya sudah pun dibawa keluar terlebih dahulu dari istana lama itu dan dipisah-pisahkan. Ada yang dibawa ke Perancis dan sebahagian lagi dibawa ke

London. Di tempat pembuangan yang asing itu, mereka dibiarkan menjadi pengemis.

Akhirnya, Sultan Abdul Hamid II menghembuskan nafas terakhir pada 10 Februari 1918. Pemergiannya diratapi seluruh penduduk Istanbul. Baru mereka sedar kezaliman yang sudah dilakukan oleh Mustafa tetapi nasi sudah menjadi bubur. Mereka tidak mampu berbuat apa-apa kerana diktator itu sudah pun berada di puncak kekuasaan.

Ketika Sultan Abdul Hamid digulingkan, orang-orang Yahudi berasa sungguh gembira. Mereka merayakannya seolah-olah menyambut perayaan keagamaan mereka. Apabila mendapat tahu Sultan Abdul Hamid sudah meninggal dunia, maka sekali lagi mereka bergembira. Mereka berkumpul dan berarak sebagai tanda meraikan kemenangan mereka di Salonika.

Pengkhianatan Mustafa Kamal Ataturk

Pada tahun 1912, tentera Itali menyerang Libya menyebabkan Mustafa Kamal Ataturk dihantar ke sana. Dengan hati yang berat, dia berkata kepada rakan-rakannya, “Peperangan ini adalah sia-sia. Langsung tidak ada faedahnya melainkan menipu rakyat dengan berkata kewajipan kepada negara perlu diberikan perhatian dan diutamakan.”

Oleh sebab itu, tidak hairanlah apabila sudah berada di Libya, Mustafa Kamal Ataturk tidak berjuang bersungguh-sungguh, malahan beliau menunjukkan sikap penakutnya apabila sering mengelakkan diri daripada bertempur dengan tentera Itali. Namun begitu, beliau bijak menyelamatkan dirinya dengan memberi laporan palsu kepada pihak atasan dengan mengatakan pasukan tentera di bawah pimpinannya sudah berjuang bersungguh-sungguh menentang musuh.

Pada tahun 1912, pertempuran meletus di Balkan apabila

tentera Bulgaria memberikan sokongan kepada puak penentang kerajaan Uthmaniah. Mustafa Kamal Ataturk diperintahkan membawa pasukan tenteranya bagi mempertahankan kepulauan Ghalaibulu. Beliau tidak berpuas hati dengan arahan tersebut. Tambahan pula, Fathi Aukiyar rakan setauliahnya dilantik sebagai ketua pemerintah pasukan tentera Turki di kepulauan tersebut. Namun begitu, beliau tidak dapat menolak arahan tersebut dan terpaksa pergi juga walaupun dengan hati yang berat.

Apabila Mustafa Kamal Ataturk dan pasukan tenteranya sampai di rantau Balkan itu, didapati pertempuran sedang meletus antara tentera Bulgaria dengan tentera Turki. Pada mulanya tentera Bulgaria cuba menakluk Chatalajah tetapi tidak berjaya kerana ditentang hebat oleh tentera Turki. Kemudian, mereka mencuba pula menakluk kepulauan Ghalaibulu.

Pemerintah Uthmaniah menghantar pasukan tentera tambahan bagi membantu mempertahankan kepulauan tersebut. Pasukan tentera tambahan itu dipimpin oleh Ali Fathi yang ketua pemerintahnya Anwar Basya. Ketika itu, pasukan tentera Turki sungguh bersemangat bagi mempertahankan kepulauan Ghalaibulu. Mereka mahu mengulangi kejayaan rakan mereka mempertahankan Chatalajah.

Mustafa Kamal Ataturk tidak mahu Anwar Basya mendapat pujian sekiranya tentera Turki berjaya mempertahankan kepulauan Ghalaibulu. Oleh sebab itu, beliau sanggup melakukan pengkhianatan dengan tidak mematuhi arahan Anwar Basya. Beliau sanggup berlaku khianat hanya

semata-mata mahu melepaskan dendamnya kepada Anwar Basya.

Beberapa hari sebelum tentera Bulgaria dan pemberontak Balkan menyerang kepulauan Ghalaibulu, Anwar Basya sudah pun mengadakan mesyuarat dengan ketua-ketua pasukan bagi merancang strategi menghapuskan musuh. Mereka merancang operasi yang dinamakan sebagai “perangkap labah-labah”.

Mustafa Kamal Ataturk turut hadir dalam taklimat tersebut. Mereka akan membiarkan musuh menyerang dari sebelah selatan Pantai Ghalaibulu kemudian mengepungnya dari tiga penjuru sebelum melakukan serangan hendap. Dalam diam-diam, Mustafa Kamal Ataturk menyuruh beberapa orang tenteranya berkawal di kawasan pantai tersebut supaya kelibat mereka dapat dilihat musuh dan menyebabkan mereka membatalkan hasrat mereka bagi melakukan serangan melalui kawasan tersebut.

Pihak musuh menukar strategi serangan dari arah timur dan berjaya menjadikan pertahanan tentera Turki menjadi kucar-kacir. Apabila pertempuran sedang berkecamuk, tiba-tiba Mustafa Kamal Ataturk memerintahkan pasukan tenteranya supaya berundur. Akibatnya, tentera musuh dapat mengalahkan dengan mudah pasukan tentera yang berada di bawah pimpinan Fathi Aukiyar dan Ali Fathi. Mereka terpaksa berundur dan kepulauan Ghalaibulu dapat ditawan musuh.

Sultan Muhammad memerintahkan tentera Turki supaya merampas semula kepulauan Ghalaibulu. Persiapan

dilakukan dengan melibatkan hampir 100 ribu tentera Turki yang setia kepada pemerintah. Mustafa Kamal Ataturk segera mengirim utusan bagi memaklumkan perkara itu kepada pihak musuh menyebabkan mereka segera berundur dari kepulauan Ghalaibuku.

Apabila Mustafa Kamal Ataturk mendapat tahu musuh sudah berundur dari kepulauan Ghalaibulu, beliau segera memimpin pasukan tenteranya, lalu berangkat ke kepulauan tersebut. Kemudian, beliau melaporkan pasukan tenteranya sudah berjaya menawan semula kepulauan Ghalaibulu dan musuh berjaya diundurkan. Nama Mustafa Kamal Ataturk mula mendapat perhatian ramai dan beliau dinaikkan pangkat menjadi jeneral ketika berumur 37 tahun.

Tidak berapa lama kemudian, tersebar berita penduduk wilayah Hijaz memberontak dan mereka mendapat bantuan daripada tentera British. Dengan itu, tanah suci Mekah dan Madinah sedang terancam. Sultan Muhamad pernah berkata yang beliau akan turun takhta sekiranya kedua-dua tanah suci itu ditawan musuh. Mustafa Kamal Ataturk diperintahkan supaya memimpin pasukan tentera Turki bagi mempertahankannya. Namun begitu, beliau menolak arahan itu dengan alasan pasukan tentera Turki di Hijaz yang bertanggungjawab mempertahankan kota suci Mekah dan Madinah.

Akibatnya, kawasan Hijaz terdedah kepada bahaya serangan musuh tetapi mujur pihak musuh membatalkan hasrat daripada terus melakukan serangan. Anwar Basya mengambil peluang itu bagi memburuk-burukkan Mustafa

Kamal Ataturk yang dianggapnya sebagai pengecut.

“Sepatutnya orang pengecut itu diturunkan pangkatnya. Sekiranya dia diangkat menjadi jeneral, dia pasti mahu menjadi sultan dan sekiranya dia sudah menjadi sultan, dia pasti mahu menjadi tuhan,” kata Anwar Basya.

Bagi mengekang pergerakan Mustafa Kamal Ataturk, Anwar Basya pun mencadangkan supaya pasukan tentera Turki di Balkan digabungkan di bawah seorang pemerintah. Mustafa Kamal Ataturk tidak bersetuju dengan cadangan itu, malahan enggan menurut arahan Anwar Basya. Beliau akhirnya memohon untuk bercuti selama tiga bulan dan permohonannya diluluskan.

Semasa bercuti, Mustafa Kamal Ataturk tidak pulang ke Salonika sebaliknya terus tinggal di Balkan dan menceburkan diri dalam perniagaan menjual kuda. Beliau berjaya menjual beberapa ekor kuda dengan mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda. Tidak ada siapa pun yang tahu dari mana beliau mendapatkan kuda-kuda tersebut. Ada yang mengatakan kuda-kuda itu hadiah daripada tentera British. Namun begitu, tidak ada siapa yang dapat membuktikan tuduhan itu.

Apabila kembali semula bertugas selepas tiga bulan bercuti, Anwar Basya mengarahkan Mustafa Kamal Ataturk menjadi pegawai pengiring kepada Putera Mahkota Wahiduddin yang mahu melawat Jerman. Beliau bersetuju dengan tugas itu kerana beliau mahu mengambil kesempatan bagi menjalin hubungan baik dengan putera mahkota itu. Namun begitu, Putera Mahkota Wahiduddin

atau Sultan Muhammad VI tidak menyukainya kerana Mustafa Kamal Ataturk terkenal dengan sikapnya yang kaki botol dan suka berfoya-foya. Walaupun begitu, beliau tetap berasa kagum dengan laporan yang mengatakan Mustafa Kamal Ataturk seorang pegawai tentera yang berani dan berkaliber.

Oleh sebab itulah, apabila tentera British menyerang Syria, Putera Mahkota Wahiduddin dengan mudahnya melantik Mustafa Kamal Ataturk bagi mengetuai tentera Turki. Selepas berlaku pertempuran yang hebat, akhirnya tentera Turki yang berada di bawah pimpinan Mustafa Kamal Ataturk mengalami kekalahan. Namun begitu, tentera British masih belum dapat menguasai Syria sepenuhnya kerana mendapat tentangan sengit daripada tentera tambahan Turki yang baru sahaja tiba di situ. Tiba-tiba, tentera British mengumumkan gencatan senjata. Mereka menghantar wakil bagi menemui Mustafa Kamal Ataturk.

Tidak ada siapa yang mengetahui apa yang dibincangkan oleh mereka. Namun begitu, beberapa hari kemudian, tentera British menghantar Jeneral Lembi ke Istanbul bagi merundingkan proses gencatan senjata. Sultan Muhammad bersetuju menerima kedatangan wakil Inggeris itu. Dalam perbincangan tersebut, Jeneral Lembi memuji-muji Mustafa Kamal Ataturk yang dianggapnya sebagai seorang pegawai tentera yang berani dan berwibawa. Malahan, Jeneral Lembi mencadangkan supaya Mustafa Kamal Ataturk dilantik menjadi pemimpin pasukan tentera Turki di barisan hadapan. Permintaan itu dipersetujui kerana Sultan Muhammad tidak mengetahui muslihat sebenar Jeneral Lembi itu.

Beberapa hari selepas bermulanya gencatan senjata, tiba-tiba Mustafa Kamal Ataturk membuat pengumuman tentera Turki akan digabungkan dengan tentera British bagi membolehkan mereka menjaga keselamatan di Syria. Selepas membuat pengumuman itu, Mustafa Kamal Ataturk dan pasukan tenteranya segera berundur dari barisan hadapan, lalu melarikan diri dari Syria. Akibatnya, seramai 100 ribu tentera Turki menjadi tawanan perang tentera British. Mereka tidak melawan kerana percaya dengan khabar angin yang mengatakan tentera Turki dan tentera British sudah bergabung sedangkan hakikat yang sebenarnya kedatangan tentera British itu adalah bagi menawan mereka.

Mustafa Kamal Ataturk dipersalahkan tetapi beliau menafikan sekeras-kerasnya dengan memberikan pelbagai alasan bagi menutup pengkhianatan yang sudah dilakukannya.

Namun begitu, tragedi itu sedikit pun tidak mem-buatkan kerajaan Uthmaniah mengaku kalah. Pihak pemerintah berazam bagi menebus semula kekalahan tersebut. Anwar Basya pula diberikan tanggungjawab di Balkan bagi merebut semula kota Adranah yang sudah ditawan musuh. Beliau berjaya menjalankan tugasnya dengan cemerlang. Selepas kota Adranah berjaya direbut semula, satu demi satu wilayah Balkan berjaya diamankan. Nama Anwar Basya menjadi sanjungan orang ramai sehingga dia dilantik menjadi menteri pertahanan.

Demi menjaga masa hadapan kerjayanya, Mustafa Kamal Ataturk sanggup melutut kepada Anwar Basya dengan

menemuinya dan seterusnya meminta maaf serta berjanji akan taat setia kepadanya. Mustafa Kamal Ataturk juga merayu supaya diberikan peluang bagi menunjukkan kebolehannya. Akhirnya, permintaan itu diterima oleh Anwar Basya. Mustafa Kamal Ataturk diberikan tugas membantu pasukan tentera Jerman yang menjadi sekutu Turki bagi mempertahankan Selat Cenah Qal'ah. Kemudian, pasukan tentera Turki digabungkan dengan tentera Jerman di bawah pimpinan Panglima Jerman Laiman Fon Sander. Mereka berjaya mempertahankan Selat Cenah Qal'ah daripada serangan musuh sekali gus menaikkan semula nama Mustafa Kamal Ataturk. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi brigedier jeneral.

Ketika itu Anwar Basya masih menjadi menteri pertahanan merangkap ketua panglima angkatan tentera Turki. Ternyata Mustafa Kamal Ataturk tidak senang apabila melihat kejayaan musuh politiknya itu. Beliau sering ingkar dengan arahan ketuanya dan mempengaruhi rakan-rakannya supaya turut menentang arahan Anwar Basya. Keadaan ini memaksa Anwar Basya menulis surat kepada Mustafa Kamal Ataturk dan antara kandungan surat itu adalah sekiranya beliau mahu berpolitik, beliau dinasihatkan supaya meletakkan jawatan dalam angkatan tentera. Mustafa Kamal Ataturk tidak menjawab surat itu dan berpura-pura menunjukkan taat setianya kepada pasukan tentera.

Satu demi satu wilayah jajahan Turki menuntut kemerdekaan dan satu demi satu pasukan tentera Brttish, Itali, Perancis dan Rusia ditempatkan di dalam wilayah Turki. Akhirnya, tentera British dan Perancis sampai juga

ke Istanbul, lalu memaksa sultan menandatangani perjanjian gencatan senjata. Ternyata, semua itu hanyalah helah pihak musuh yang mahu mengumpul kekuatan bagi menjatuhkan Khalifah Uthmaniah.

Akibat kegagalan tentera Turki menentang kemaraan tentera musuh itu menyebabkan Anwar Basya meletakkan jawatannya sebagai menteri pertahanan dan digantikan dengan Izzat Basya. Tidak berapa lama kemudian, Izzat Basya digantikan pula dengan Taufiq Basya.

Mustafa Kamal Ataturk berusaha keras bagi memujuk anggota perwakilan supaya mengembalikan semula jawatan itu kepada sahabatnya, Izzat Basya tetapi tidak berjaya. Mereka tetap dengan keputusan melantik Taufiq Basya sebagai menteri pertahanan. Mustafa Kamal Ataturk berasa sungguh kecewa. Namun begitu, beliau masih tidak berputus asa dengan berusaha mendekatkan dirinya dengan pihak istana. Mustafa Kamal Ataturk cuba melamar puteri sultan yang bernama Shabihah tetapi lamarannya ditolak. Oleh sebab merasakan yang dirinya semakin terpinggir, akhirnya Mustafa Kamal Ataturk menjalinkan hubungan baik dengan tentera British dan Perancis.

Semasa berada di Syria, Mustafa Kamal Ataturk sudah pun menjalinkan hubungan rahsia dengan Inggeris. Beliau juga yang memujuk sultan supaya menerima gencatan senjata dan perdamaian. Namun begitu, gencatan senjata itu hanya menguntungkan sebelah pihak. Tentera Inggeris dan Perancis terus menjalankan operasi menangkap pegawai Turki yang pernah memimpin pasukan tentera yang bertempur dengan mereka. Tangkapan itu dibuat dengan

alasan pegawai tentera Turki itu cuba menggugat proses gencatan senjata menyebabkan kerajaan Turki membenarkannya.

Ironinya, Mustafa Kamal Atarurk tidak pula ditangkap. Malahan, Mustafa Kamal Ataturk sering mengadakan majlis jamuan di rumahnya dan setiap kali majlis itu diadakan, beliau menjemput pegawai tentera Inggeris dan Perancis menghadirinya. Mereka kelihatan sering berbincang tetapi tidak ada siapa pun yang tahu apa yang mereka bincangkan. Tindakan itu dianggap wajar oleh pihak atasan kerana mereka menyangka Mustafa Kamal Ataturk berbuat begitu bagi memastikan gencatan senjata berjalan lancar dan akhirnya membawa kepada pengunduran tentera musuh dari wilayah Turki. Pegawai tentera Inggeris pula sering memuji-muji sikap Mustafa Kamal Ataturk apabila bertemu dengan sultan.

Tindak-tanduk Mustafa Kamal Ataturk itu tidak menyenangkan pegawai pemerintah tentera Turki termasuklah menteri pertahanan. Namun begitu, mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana sultan masih memandang baik Mustafa Kamal Atatruk.

Tiba-tiba di Anadhol, iaitu sebuah wilayah Turki yang penting bergolak akibat huru-hara yang dicetuskan oleh puak pemberontak yang mendapat sokongan daripada Inggeris dan Perancis. Mereka yang tidak senang dengan Mustafa Kamal Ataturk mencadangkan kepada Sultan supaya beliau dihantar ke Anadhol.

“Wilayah Anadhol sedang bergolak. Sekiranya wilayah itu

jatuh ke tangan musuh, pasti ia akan melemahkan semangat tentera Turki serta menimbulkan kemarahan rakyat. Oleh sebab itu, saya mahu kamu memimpin pasukan tentera Turki ke Anadhol," perintah Sultan Muhammad.

Mustafa Kamal Ataturk berfikir sejenak. Beliau tidak menyangka yang sultan akan memilih dirinya. Sekiranya diberi pilihan, pasti beliau tidak mahu ke Anadhol tetapi beliau sedar yang dirinya tidak dapat menolak perintah sultan. Akhirnya, Mustafa Kamal Ataturk pun mula membuat helah.

"Saya sedia menjalankan perintah tuanku. Namun begitu, kita memerlukan perbelanjaan yang banyak. Untuk itu, saya mohon diberikan 40 ribu keping syiling emas untuk perbelanjaan mempertahankan Anadhol," kata Mustafa Kamal Ataurk.

"Saya sanggup asalkan wilayah Anadhol dapat dipertahankan," kata sultan.

Kemudian, beliau pun memberikan 40 ribu keping syiling emas kepada Mustafa Kamal Ataturk.

"Ada satu lagi permintaan saya," ujar Mustafa Kamal Ataturk.

"Sila nyatakan, saya sedia mendengarnya," balas sultan.

"Saya perlukan surat perintah daripada tuanku bagi memudahkan saya menjalankan tugas di sana nanti," kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Kamu tuliskan surat itu dan saya akan menurunkan tandatangan,” balas sultan.

Dengan perasaan yang gembira, Mustafa Kamal Ataturk pun menulis surat tersebut, kemudian ditandatangani oleh sultan berserta cop mohornya. Dengan harta berjumlah 40 ribu keping syiling emas dan surat daripada sultan itu, membuatkan beliau berasa yakin untuk pergi ke Anadhol.

Apabila Anwar Basya mendapat tahu perkara itu, dia berasa susah hati, lalu mengirim surat kepada sultan yang berbunyi, “Sesungguhnya, pengiriman Mustafa Kamal Ataturk ke Anadhol akan menjadi permulaan musibah buat kita semua.”

Namun begitu, sultan langsung tidak menghiraukannya kerana menganggap itu hanyalah luahan perasaan orang yang tidak berpuas hati dengan kebolehan lawannya. Tambahan pula, baginda mendapat laporan yang menyatakan Mustafa Kamal Ataturk adalah saingan kepada Anwar Basya.

Ketika itu, tentera Yunani sudah pun menakluk pesisir laut Aijah. Kemudian, mereka menakluk pula kota Azmir. Apabila Mustafa Kamal Ataturk tiba di Samsun, iaitu daerah di Abadhol didapatinya penduduk tempatan juga sedang memberontak kerana menentang Khalifah Uthmaniah. Beliau tidak bertindak bagi meredakan pemberontakan itu tetapi mendekati mereka dengan cara yang lembut. Kemudian, beliau mengirim arahan kepada semua pasukan tentera Turki yang berada di Abadhol supaya jangan bertindak keras kepada pemberontak.

Kemudian, Mustafa Kamal Ataturk mengadakan satu pertemuan di Siwas yang dihadiri oleh semua wakil setiap pasukan tentera. Dalam pertemuan itu, beliau mengadakan beberapa usul antaranya menggabungkan semua pasukan tentera Turki di bawah perintahnya. Mereka tidak dibolehkan bertindak selagi belum mendapat arahan daripadanya.

Rauf Bik dan pemimpin kesatuan tentera, iaitu Rif'at Bik pada mulanya enggan menandatangani surat itu tetapi selepas didesak oleh Mustafa Kamal Ataturk, akhirnya mereka mengalah. Ternyata, rancangan itu tidak dipersetujui Ali Kamal, iaitu menteri dalam negeri. Dia mengutus surat pekeliling supaya tidak mematuhi arahan daripada Mustafa Kamal Ataturk itu. Malahan, pihak di Istanbul sudah mengeluarkan surat yang memaklumkan perihal perlucutan jawatan Mustafa Kamal Ataturk sebagai ketua pemerintah tentera Turki di Abadhol.

Pada 23 Ogos 1919, diadakan 'pertemuan Ardhrum' bagi memilih gabenor baru wilayah Ardhrum yang dihadiri oleh ketua-ketua pasukan tentera dan ketua-ketua wilayah. Mustafa Kamal Ataturk pergi ke Ardhrum bagi menghadiri pertemuan itu dengan memakai pakaian seragam tentera siap dengan darjah kebesaran yang diterimanya. Kedatangannya mendapat ejekan daripada para perwakilan kerana beliau sudah pun dilucutkan jawatannya sebagai ketua tentera.

Mustafa Kamal Ataturk menunjukkan surat perintah daripada sultan kepada semua perwakilan yang hadir. Kemudian, beliau pun berkata, "Saya mendapat perintah

daripada yang mulia sultan bagi memerintah Ardhrum. Oleh sebab itu, saya mencalonkan diri untuk jawatan gabenor ini dan perkara ini sudah dimaklumkan kepada sultan."

Akhirnya, perwakilan terpaksa bersetuju memilih Mustafa Kamal Ataturk sebagai gabenor Ardhrum. Kemudian, Mustafa Kamal Ataturk berusaha men-dapatkan sokongan penduduk Siwas pula. Beliau men-cadangkan supaya diadakan satu perjumpaan tetapi ditentang oleh pihak Istanbul. Malahan, Perancis sendiri berasa bimbang dengan sokongan yang diberikan kepada Mustafa Kamal Ataturk, lalu mengancam akan menyerang Siwas sekiranya pertemuan itu tetap diadakan. Keadaan ini mendorong gabenor Siwas menulis surat kepada Mustafa Kamal Ataturk supaya membatalkannya.

Mustafa Kamal Ataturk tetap berkeras supaya pertemuan itu diadakan juga. Daripada sembilan orang perwakilan, hanya lima orang yang hadir tetapi persidangan tetap diteruskan. Walaupun persidangan sudah berlangsung selama tiga hari tetapi mereka masih belum berjaya mendapat kata putus.

Akhirnya, pada hari yang keempat Mustafa Kamal Ataturk sendiri yang membuat keputusan dengan menyatakan keputusan pemimpin wilayah Anadhol mencerminkan sikap negara secara keseluruhannya. Tindakan yang lebih berani lagi dilakukan Mustafa Kamal Ataturk apabila beliau mengugut mahu memutuskan hubungan dengan Istanbul ataupun dengan erti kata lain wilayah Anadhol akan merdeka jika Sultan tidak mengiktiraf Mustafa Kamal

Ataturk sebagai Gabenor..

Apa yang berlaku di Anadhol itu benar-benar mengejutkan pemerintahan Turki. Mereka menjadi samakin tertekan apabila Inggeris dan Perancis yang pada mulanya seperti menyebelahi Turki kini bertukar haluan menyebelahi Mustafa Kamal Ataturk. Baginda terpaksa akur. Nama Mustafa Kamal Ataturk semakin terkenal.

Kini, destinasi terakhir Mustafa Kamal Ataturk adalah kembali ke Istanbul. Penduduk Istanbul menyambut baik kedatangan Mustafa Kamal Ataturk.

Pahlawan Yang Tidak Didendang

"Perang dunia pertama sudah meletus. British, Perancis dan Rusia sudah pun mengisytiharkan perang ke atas Jerman dan Austria," kata Anwar Basya dalam satu perjumpaan dengan golongan Turki muda.

"Saya yakin Jerman dan Austria akan memenangi peperangan ini. Tambahan pula, Jerman adalah sebuah negara yang maju dan kuat. Mereka mempunyai ramai tentera dan kelengkapan senjata," kata Jamal Basya pula yang pernah melawat Jerman.

"Sekiranya begitu, Turki perlu terlibat sama dalam peperangan ini. Kita perlu membantu Jerman menentang Inggeris, Perancis dan Rusia kerana mereka adalah musuh kita," kata Ayub Sabri pula.

Golongan muda Turki yang begitu berkobar-kobar semangat mereka bagi menjadikan negara mereka sebuah negara yang maju seperti Eropah menghantar wakil menemui Sultan Muhammad VI, lalu mendesaknya supaya

mengisytiharkan perang.

Pada mulanya Sultan Muhammad VI keberatan bagi menyertai peperangan tetapi selepas didesak oleh golongan muda Turki yang sudah melantiknya menjadi sultan, akhirnya baginda bersetuju. Sehubungan itu, umat Islam di seluruh pelosok dunia diseru supaya berjihad menentang Inggeris. Pihak Inggeris sudah pun memujuk Al-Husein Makmahun supaya menyebelahi Inggeris dengan berjanji akan membenarkannya memerintah sendiri negaranya. Dengan itu, berlakulah pertempuran antara orang-orang Turki dengan orang-orang Arab yang menyebelahi British. Selepas berlakunya perang selama empat tahun, akhirnya British, Perancis dan Rusia berjaya mengalahkan Jerman, Austria dan Turki.

British berjaya menduduki selatan Iraq dan Perancis pula berjaya menduduki Lebanon dan utara Syria. Rusia pula menguasai Istanbul, Selat Bhosporus dan Dardanil. Kemudian, British dan sekutunya mengadakan perjanjian Balfour pada 2 November 1917 Masihi bersamaan 13 Muharam 1326 Hijrah yang memberikan hak kepada orang-orang Yahudi bagi menduduki Palestin.

“Rakyat Turki berasa sungguh marah apabila Inggeris menyerahkan Palestin kepada orang-orang Yahudi kerana di sana terdapat Baitulmuqaddis yang menjadi kebanggaan umat Islam,” kata Amstrong dalam satu pertemuannya dengan Jeneral Huzention, iaitu ketua panglima pasukan tentera bersekutu di Istanbul.

Kemudian, dia berkata lagi, “Sekiranya muncul seorang

pemimpin yang meniupkan semangat jihad demi membebaskan Masjid Al-Aqsa, sudah pasti seluruh rakyat Turki dan umat Islam dari seluruh pelosok dunia bangun menentang kita. Sekiranya perkara itu benar-benar berlaku, kita sememangnya dalam bahaya. Kepentingan British, Perancis dan Rusia di seluruh pelosok dunia akan terjejas."

"Sultan Muhammad VI sendiri pernah mengisytiharkan jihad semasa berlakunya perang dunia pertama dan mereka tidak berjaya mengalahkan kita. Dengan itu, apa yang perlu dibimbangkan? Kita mempunyai kekuatan bagi menghancurkan mereka," kata Jeneral Huzention.

"Ketika itu umat Islam dan rakyat Turki tidak mengetahui apa matlamat perjuangan jihad mereka. Tambahan pula orang-orang Arab di Mesir dan tanah Hijaz menyebelahi pihak bersekutu tetapi sekarang keadaan sudah jauh berbeza. Mereka sudah memiliki satu matlamat, iaitu membebaskan Baitulmuqaddis. Mereka boleh bersatu dalam satu perjuangan jihad yang ternyata membahayakan kita," kata Amstrong dengan bersungguh-sungguh.

"Dia adalah ketua perisik yang paling dipercayai oleh kerajaan British. Oleh sebab itu, jangan ambil mudah laporannya," kata Jeneral Richard pula, iaitu penolong Jeneral Huzention yang turut hadir dalam perbincangan itu.

"Baiklah, saya akan mengambil perhatian serius laporan kamu itu. Sila kemukakan sekiranya kamu ada cadangan," kata Jeneral Huzention.

"Di Turki sekarang, ada seorang pemimpin agama yang sememangnya berpengaruh, iaitu Badiuzzaman Said An-

Nursi. Apa kata kita memujuknya supaya bekerjasama dengan kita," kata Amstrong memberikan cadangan.

"Adakah kamu kenal dengan lelaki itu?" tanya Jeneral Huzention kepada pembantunya.

"Dia seorang lelaki yang begitu teguh pendiriannya dan mempunyai anak murid dan pengikut yang ramai. Sekiranya kita dapat memujuknya pasti akan menguntungkan kita," jawab Jeneral Richard.

"Saya lebih suka sekiranya kita cari seseorang yang tidak kuat pegangan agamanya supaya mudah memberikan kerjasama kepada kita," kata Jeneral Huzention.

"Saya ada mengenali seorang pegawai tentera yang menepati kelayakan itu," kata Amstrong.

"Siapakah dia? Bagaimanakah sifat peribadinya?" tanya Jeneral Huzention.

"Namanya Mustafa Kamal. Saya mengenalinya ketika dia memimpin tentera Uthmaniah di Syria dan Palestin. Melalui kerjasama dengannya, maka tentera Inggeris berjaya memenangi pertempuran di Mesir, Syria dan Palestin. Dia sanggup berlaku khianat sekiranya diberikan wang," jawab Amstrong.

"Sekiranya begitu, dia jauh lebih berbahaya berbanding Badiuzzaman Said An-Nursi, lelaki yang dicadangkan sebelum ini," kata Jeneral Huzention.

"Saya sememangnya mengenali Mustafa Kamal itu. Dia seorang yang sanggup membelakangkan agama, kaki

botol dan suka berfoya-foya. Bukankah ciri-ciri itu yang tuan mahukan?" kata Amstrong sambil menceritakan peribadi Mustafa Kamal Ataturk.

"Dia memiliki rasa ego yang terlalu tinggi sehinggakan dia tidak mempunyai perasaan hormat kepada pemimpin yang lebih atas daripadanya. Saya juga lihat dia sering bertengkar dengan Anwar Basya, Jamal Basya dan pemimpin Parti Pembangunan dan Persatuan. Walaupun dia kelihatan hanyut dalam arus budaya hidup hedonisme tetapi dia memiliki kelicikan yang luar biasa." Demikian puji-pujian daripada Amstrong kepada Mustafa Kamal Ataturk sehingga berjaya menarik perhatian Jeneral Huzention.

"Sekiranya begitu, saya sememangnya tertarik dengan Mustafa Kamal. Adakan pertemuan antara saya dengannya," kata Jeneral Huzention yang akhirnya bersetuju memilih Mustafa Kamal Ataturk.

Amstrong menemui Mustafa Kamal Ataturk, lalu memujuknya supaya bertemu dengan Jeneral Huzention di Istanbul. Pada mulanya Mustafa Kamal Ataturk enggan menemui musuhnya itu tetapi Amstrong berjaya memujuknya.

"Jeneral Huzention sedang mencari seorang sahabat daripada kalangan tentera Turki yang sanggup menjalinkan kerjasama dengannya. Sebagai balasannya, dia sanggup memberikan apa sahaja kepada sahabatnya itu," pujuk Amstrong. Akhirnya, Mustafa Kamal Ataturk pun bersetuju.

Sehubungan itu, satu pertemuan rahsia diadakan antara Jeneral Huzention dengan Mustafa Kamal Ataturk. Dia

menyediakan minuman keras dan pelbagai makanan yang haram yang bertujuan bagi menguji Mustafa Kamal Ataturk. Ternyata, Mustafa Kamal Ataturk yang terkenal dengan ketagihan arak tidak menolak semua yang ada di hadapan matanya dan memakan apa sahaja yang dihidangkan kepadanya. Jeneral Huzention berasa sungguh gembira.

“Apakah tujuan kamu mengadakan pertemuan sulit dengan saya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Bagi menjalin persahabatan,” jawab Jeneral Huzention ringkas.

“Kita sedang bermusuhan kerana Turki masih berperang dengan Bristish. Kamu pula berada di Istanbul. Mustahil kita boleh bersahabat selagi peperangan ini tidak dihentikan,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya kamu menganggap saya musuh, mengapakah kamu sanggup datang bertemu dengan saya secara rahsia? Saya boleh menangkap dan membunuh kamu tanpa diketahui oleh sesiapa pun,” kata Jeneral Huzention.

“Tidak semudah itu rakan. Kamu seorang jeneral dan saya juga seorang jeneral. Saya tidak akan datang ke sini tanpa jaminan keselamatan. Sekiranya saya tidak pulang dalam masa satu jam dari sekarang, maka tempat ini akan menjadi medan pertempuran,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Saya yakin, Amstrong sudah memaklumkan kepada kamu tujuan perjumpaan kita ini. Kita akan menjadi sahabat secara rahsia sepertimana terjalinnya persahabatan kamu dengan Amstrong,” kata Jeneral Huzention.

“Menurut Amstrong, kamu sedang mencari seorang sahabat yang setia dan boleh dipercayai. Saya sedia menawarkan diri sekiranya mendapat faedah yang besar daripada persahabatan ini,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Dengan itu, terjalinlah persahabatan rahsia antara Jeneral Huzention dengan Jeneral Mustafa Kamal Ataturk. Persahabatan mereka direstui kerajaan British tetapi tidak diketahui kerajaan Uthmaniah. Beberapa hari kemudian, Mustafa Kamal Ataturk menemui Jeneral Huzention sekali lagi juga secara rahsia.

“Rakyat Turki mahu pasukan bersekutu menarik keluar tentera dari Istanbul. Mereka memberikan tempoh selama empat puluh hari mulai dari sekarang. Sekiranya arahan tidak dilaksanakan, maka serangan secara besar-besaran akan dilakukan,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Kemudian, katanya lagi, “Sepertimana yang kamu sedia maklum, Istanbul adalah lambang kemegahan dan kehormatan Turki. Di sini banyak tersimpan warisan sejarah silam. Di sini ada Masjid Biru, Aya Sofia dan makam Sultan Muhammad Al-Fateh dan makam Abu Ayub Al-Ansari. Rakyat Turki menganggap Istanbul sebagai tempat suci. Oleh sebab itu, mereka sanggup berjihad bagi mempertahankannya.”

“Sekiranya kami enggan, bagaimana?” tanya Jeneral Huzention.

“Pasti akan berlaku pertempuran secara besar-besaran. Istanbul akan bermandikan darah,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya kami setuju berundur apa pula faedahnya?” tanya Jeneral Huzention lagi.

“Persahabatan kita akan menjadi semakin erat. Saya sanggup memberikan kerjasama apabila diperlukan,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

“Kami bersetuju berundur dari Istanbul tetapi kami tidak akan lepaskan Mausil dan Allepo. Tentera Inggeris akan ditempatkan di Mausil dan tentera Perancis di Allepo, Syria,” kata Jeneral Huzention.

“Baiklah, saya bersetuju dan saya juga ada satu permintaan,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Nyatakanlah,” ujar Jeneral Huzention.

“Saya mahu disanjung sebagai pahlawan dan saya mahu pangkat saya dinaikkan sehingga menjadi ketua panglima tentera Uthmaniah,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Apakah bantuan yang boleh kami berikan?” tanya Jeneral Huzention.

“Saya dan juga pasukan saya akan menyerang kamu dan kita bertempur seketika yang kemudiannya kamu berundur dari Istanbul. Dengan itu, saya akan disanjung sebagai pahlawan kerana dapat mengundurkan tentera bersekutu dari Istanbul,” jawab Mustafa Kamal Ataturk. Jeneral Huzention bersetuju dengan cadangan tersebut.

Beberapa hari kemudian, Mustafa Kamal Ataturk pergi ke Anatolia, lalu berucap di hadapan orang ramai sambil menjunjung al-Quran.

“Perjuangan ini adalah jihad bagi membebaskan Istanbul daripada tentera bersekutu. Mereka sudah mencemarkan Masjid Aya Sofia dan Masjid Biru. Mereka juga mahu membongkar makam Sultan Muhammad Al-Fateh dan juga makam Abu Ayub Al-Ansari. Oleh sebab itu, adalah menjadi kewajipan saya bagi membebaskannya,” kata Mustafa Kamal Ataturk dengan penuh bersemangat. Orang ramai berasa gembira dan memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepadanya.

Kemudian, Mustafa Kamal Ataturk menjelajah ke tempat lain dengan tujuan yang sama. Beliau berjanji di hadapan orang ramai bagi membebaskan Istanbul daripada tentera bersekutu. Selepas berjaya meyakinkan orang ramai, Mustafa Kamal Ataturk pun memimpin pasukan tentera bagi membebaskan Istanbul.

Serangan olok-olok itu dilakukan pada waktu malam. Keesokan harinya, pasukan tentera bersekutu sudah berundur dari Istanbul. Penduduk Turki berasa sungguh gembira, lalu menyamakan pertempuran itu sama seperti Perang Ahzab apabila tentera Islam berjaya mengalahkan tentera bersekutu. Nama Mustafa Kamal Ataturk mula menjadi sebutan ramai.

Majlis Tertinggi Rakyat

"Wahai tuanku, satu-satunya cara bagi menyelamatkan negara kita daripada penjajahan asing adalah dengan mengajak rakyat bangkit dan terus berjuang menentang tentera asing yang sudah bertapak di negara kita ini," kata Mustafa Kamal Ataturk dalam satu pertemuan dengan Sultan Muhammad.

"Saya akan mengisytiharkan jihad supaya semua rakyat turut sama bangkit menentang penjajah," kata sultan yang bersetuju dengan cadangan itu.

"Wahai tuanku, sekiranya tuanku yang membuat seruan jihad, hanya mereka yang menyokong tuanku akan bangkit menentang penjajah. Rakyat yang tidak menyokong tuanku seperti pemberontak di Macedonia, Syria, Hijaz dan Anadhol tidak akan menghiraukannya," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Sekiranya begitu, apakah cadangan kamu?" tanya sultan.

"Kita bentuk satu Majlis Rakyat yang ahlinya terdiri

daripada semua kaum dan ketua wilayah. Dengan itu, apabila sesuatu keputusan dikeluarkan oleh ahli Majlis Rakyat, maka semua lapisan rakyat akan terlibat. Cara itu lebih berkesan bagi menentang penjajah," jawab Mustafa Kamal Ataturk.

Akhirnya, sultan bersetuju dengan cadangan itu, lalu memberikan surat izin kepada Mustafa Kamal Ataturk bagi mengadakannya. Beliau pun menghebahkan kepada orang ramai perihal pertemuannya dengan sultan serta cadangan penubuhan Majlis Rakyat. Bagi menarik perhatian orang ramai terutama sekali para alim ulama, maka beliau menetapkan penubuhan itu akan diadakan pada hari Jumaat bertempat di Masjid Jamek Haji Baram. Rakyat menyambut baik cadangan itu kerana matlamat mereka adalah untuk berjuang membebaskan negara mereka daripada kuasa asing.

Pada hari Jumaat itu, orang ramai berkumpul di Masjid Jamek Haji Baram bagi memberikan sokongan kepada Majlis Rakyat yang akan ditubuhkan. Menjelang waktu zuhur, Mustafa Kamal Ataturk dan pengiringnya pun tiba. Ketika itu azan pun dilaungkan. Orang ramai berada di tempat masing-masing sebagai menghormati seruan azan yang sedang dilaungkan tetapi Mustafa Kamal Ataturk dan para pengiringnya terus berjalan memasuki masjid. Apabila tiba di muka pintu utama, imam pun menahannya dengan berkata, "Sebaik-baiknya tunggu dahulu azan selesai dan doa dibacakan."

Mustafa Kamal Ataturk langsung tidak menghiraukan kata-kata imam itu dan beliau tetap melangkah masuk ke dalam

masjid.

“Siapakah yang memberikan kuasa kepada orang itu bagi menahan saya masuk?” kata Mustafa Kamal Ataturk kepada pengiringnya.

“Dia adalah imam masjid ini, tuan,” kata salah seorang pengiringnya.

“Saya lebih berkuasa daripada imam itu,” marah Mustafa Kamal Ataturk.

Seperti biasa, selepas selesai azan dilaungkan dan selepas mengerjakan sembahyang sunat, maka khatib pun naik ke atas mimbar bagi membacakan khutbah. Mustafa Kamal Ataturk sudah menetapkan khatib yang akan membaca khutbah adalah orang lain, iaitu salah seorang pembantunya. Dia akan membacakan teks khutbah yang sudah ditetapkan dan khutbah Jumaat pada hari itu penuh dengan puji-pujian kepada Mustafa Kamal Ataturk dan tujuan penubuhan Majlis Rakyat.

Selesai sembahyang Jumaat dan selepas doa selesai dibacakan, maka salah seorang pengiring Mustafa Kamal Ataturk tampil ke hadapan, lalu menerangkan sekali lagi tujuan penubuhan Majlis Rakyat itu supaya orang ramai menyokongnya. Ditunjukkan juga surat perintah daripada sultan yang memberikan kuasa penuh kepada Mustafa Kamal Ataturk bagi menubuhkannya. Orang ramai terus sahaja memberikan sokongan tanpa ada seorang pun yang membantah.

Kemudian, Mustafa Kamal Ataturk pun membentuk ahli

Majlis Rakyat yang terdiri daripada 380 orang. 115 orang pegawai yang pernah berkhidmat dengan Mustafa Kamal Ataturk. 61 orang terdiri daripada tokoh agama, 51 orang pegawai tentera, 46 orang petani dari semua daerah, 37 orang pedagang, 29 orang peguam, 15 orang doktor, lapan orang syeikh dan ulama, enam orang wartawan, 10 orang ketua kabilah dan dua orang bekas menteri. Lebih separuh daripada mereka adalah nama-nama yang dicalonkan sendiri oleh Mustafa Kamal Ataturk.

Pada kali pertama ahli Majlis Rakyat bersidang, Mustafa Kamal Ataturk pun mengambil kesempatan untuk berucap dengan membuat pengakuan yang beliau tunduk dan mengabdikan dirinya kepada Sultan Muhammad. Malahan, beliau juga menyatakan rasa terima kasih dan terhutang budi kepada sultan yang sudah merestui tindakannya mewujudkan Majlis Rakyat itu.

“Ahli-ahli Majlis Rakyat ini sebenarnya mewakili seluruh rakyat di bawah pemerintahan sultan. Kita yang akan menentukan perjuangan menentang tentera asing serta menuntut kemerdekaan,” kata Mustafa Kamal Ataturk dengan penuh semangat, lalu mendapat tepukan gemuruh daripada para perwakilan.

Selepas berakhirnya persidangan itu, semua ahli Majlis Rakyat pun memaklumkan kepada orang ramai terutama sekali di kawasan masing-masing. Rakyat menyambutnya dengan rasa gembira serta menaruh harapan yang tinggi supaya masa hadapan negara dan juga rakyat dapat diperjuangkan.

Anwar Basya yang ketika itu berada di sempadan Rusia berasa amat runsing dengan perkembangan tersebut. Dia yang sudah masak dengan tipu muslihat Mustafa Kamal Ataturk mengetahui niat sebenar lawannya itu. Kini, dia mempunyai dua pilihan. Pertama melarikan diri ke Rusia ataupun melakukan penentangan ke atas Mustafa Kamal Ataturk. Pada mulanya dia memilih bagi menentang tetapi dia sedar Mustafa Kamal Ataturk ketika itu sudah pun mendapat sokongan daripada rakyat Turki dengan slogannya berjuang demi sultan dan negara. Sesiapa sahaja yang menentangnya dianggap menderhaka.

Anwar Basya mengirim surat kepada Mustafa Kamal Ataturk bagi memohon maaf serta menyatakan hasratnya mahu menjalin persahabatan. Dia menyatakan keinginannya mahu berjuang walaupun hanya sebagai askar biasa.

“Saya berjanji akan taat setia kepada tuan dan membantu perjuangan kemerdekan tanah air,” kata Anwar Basya di dalam suratnya.

Mustafa Kamal Ataturk menolak permintaan itu kerana beliau dapat membaca niat sebenar lawannya itu. Malahan, beliau menyuruh supaya Anwar Basya menyerah diri dan pulang semula ke Istanbul dengan segera. Anwar Basya menolak arahan itu kerana dia sendiri tahu akibat yang sedang menunggunya.

Sebagai ketua Majlis Rakyat, Mustafa Kamal Ataturk diberikan kuasa bagi menentukan dasar perjuangan. Bagi menghadapi tentera Rusia yang sudah menduduki

beberapa wilayah kerajaan Uthmaniah, maka Mustafa Kamal Ataturk mengirim wakil menemui pemimpin Rusia dengan menawarkan perdamaian. Beliau rela menerima syarat daripada pihak Rusia yang mahu Turki melepaskan beberapa wilayahnya kepada Rusia. Beliau juga bersetuju ditubuhkan parti komunis di Turki. Pihak Rusia pula sudah memberikan bantuan berupa senjata dan wang kepada Mustafa Kamal Ataturk.

Tidak berapa lama kemudian, Mustafa Kamal Ataturk mengharamkan parti komunis di Turki apabila mendapat bantahan daripada rakyat Turki yang menganggap komunis itu bertentangan dengan agama Islam. Tambahan pula, tindakan Mustafa Kamal Ataturk membenarkan penubuhan parti komunis di Turki itu mendapat bantahan keras daripada British dan Perancis. Apabila parti komunis itu diharamkan, maka British dan Perancis pula yang memberikan bantuan.

Buat sementara waktu, ancaman daripada Rusia, British dan Perancis dapat diredakan dengan adanya perjanjian damai dan gencatan senjata. Namun begitu, muncul pula ancaman baru daripada tentera Greek. Mereka sudah melancarkan serangan besar-besaran sehingga dapat melumpuhkan tentera Turki di Macedonia. Bagi menghadapi tentera Greek itu, Majlis Rakyat membentuk pasukan tentera Majlis Negara dan sukarelawan rakyat. Seruan itu mendapat sambutan penduduk Anadhol yang sejak dari mula menyokong Mustafa Kamal Ataturk. Mereka menyatakan ikrar untuk berjuang demi membela bangsa dan negara.

Bagi menghadapi tentera Greek itu, Mustafa Kamal Ataturk melantik Izzuddin Basya dan Ishmet Inunu memimpin pasukan tentera dan sukarelawan menghadapi tentera Greek. Dengan itu, tercetuslah Perang Inunu pertama yang dimenangi pihak Turki. Izzuddin Basya terbunuh tetapi Ishmet Inunu selamat dan kembali membawa kemenangan.

Tidak berapa lama kemudian, iaitu pada 22 Mac 1921, tentera Greek menyerang sekali lagi yang membawa kepada Perang Inunu kedua. Kali ini, Mustafa Kamal Ataturk melantik Ishmet Basya dan Nazhim Bik. Pertempuran kali ini dimenangi tentera Greek.

Tentera Greek terus mengumpul kekuatan, lalu melakukan serangan besar-besaran sehingga tercetusnya Perang Shaqariya. Fauzi Basya diberikan tanggungjawab memimpin tentera Turki. Selepas berlakunya pertempuran yang sengit, akhirnya tentera Turki mengalami kekalahan. Fauzi Basya dipanggil pulang bagi membuat laporan kepada ahli Majlis Rakyat.

“Wahai tuan-tuan sekalian, tentera kita sudah berperang dengan gagah berani demi menentang pasukan tentera Greek. Kami mengalami kekalahan disebabkan jumlah musuh yang lebih ramai serta mempunyai kelengkapan senjata yang lebih kuat berbanding kami. Tentera musuh sedang mara dan saya mencadangkan supaya dikosongkan kota Ankara dan pusat pemerintahan dipindahkan ke kota Qaishara,” lapor Fauzi Basya di samping memberikan cadangannya.

Namun begitu, cadangannya itu dibantah oleh ahli Majlis Rakyat. Mereka tidak bersetuju kota Ankara diserahkan kepada musuh dengan percuma tanpa perlawanan. Mereka juga menuduh Fauzi Basya sebagai seorang penakut dan pengkhianat. Bagi meredakan keadaan, Fauzi Basya pun mengaku kesilapannya dan bersedia menerima hukuman.

Kemudian, ahli Majlis Rakyat mengambil keputusan menghantar pasukan tentera tambahan bagi menghadapi tentera Greek. Mereka sebulat suara melantik Mustafa Kamal Ataturk memimpinnya tetapi beliau menolaknya dengan pelbagai alasan.

“Adakah kamu mahu menjatuhkan saya dengan pelantikan ini? Saya tidak akan menerimanya,” bentak Mustafa Kamal Ataturk.

“Ahli Majlis Rakyat sebulat suara melantik tuan menjadi ketua tentera pasukan Turki. Kami berpendapat hanya tuan yang paling layak,” kata Ishmet Inunu.

“Saya tidak boleh membuat keputusan dengan terburu-buru. Esok saya akan berikan jawapannya,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Keesokan harinya, Mustafa Kamal Ataturk berkata kepada ahli Majlis Rakyat, “Saya sanggup menggalas tugas ini dengan syarat, saya berkuasa sepenuhnya sebagai ketua pasukan tentera Turki.”

Permintaan itu dipersetujui ahli Majlis Rakyat dan keesokan harinya, Mustafa Kamal Ataturk berangkat ke Shaqariya

bagi memimpin tentera Turki menghadapi tentera Greek. Apabila sampai di sana, pertempuran sengit sedang berlaku antara tentera Turki dengan tentera Greek. Namun begitu, masih belum ada tanda-tanda pasukan mana yang akan menang. Keesokan harinya, pasukan tentera Greek menyerang secara besar-besaran. Tentera Turki berjuang dengan gigih dan berani walaupun pada suatu ketika barisan di hadapan sudah kehabisan peluru dan mereka hanya menggunakan pisau dan bayonet.

Sebelum kedatangan Mustafa Kamal Ataturk, pasukan tentera Turki sudah pun melakukan serangan besar-besaran ke atas tentera Greek. Tentera Turki dibahagikan kepada dua pasukan penyerang dan satu pasukan lagi bertindak sebagai pendukung yang memberikan sokongan dan membantu pasukan yang diasak musuh ketika bertempur. Pasukan pertama dipimpin oleh Ali Ihsan Basya, iaitu seorang pegawai tentera yang terkenal dengan keberanian dan kebijaksanaannya di medan perang. Pasukan kedua pula dipimpin oleh Syauqi Basya. Manakala pasukan pendukung pula dipimpin oleh Ishmet Basya. Ketua pemerintah ketiga pasukan itu adalah Fauzi Basya. Pasukan pertama dan kedua menyerang wilayah Azmir secara besar-besaran dengan semangat juang yang tinggi. Ketika pertempuran sedang memuncak, Mustafa Kamal Ataturk pun tiba di situ.

“Di manakah Fauzi Basya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

Fauzi Basya adalah pemimpin pasukan tentera Turki sebelum kedatangan Mustafa Kamal Ataturk.

“Panggil dia sekarang juga,” arah Mustafa Kamal Ataturk.

Selepas Fauzi Basya datang menghadap, lalu dimarahinya dengan berkata, “Pasukan tentera kita sedang berperang dengan musuh dan kamu pula sedang membaca al-Quran?”

“Saya sudah menyerahkan kepimpinan kepada tuan dan disebabkan tuan masih belum memberikan apa-apa arahan, maka saya mengambil kesempatan bagi membaca al-Quran,” kata Fauzi Basya.

Mustafa Kamal Ataturk kelihatan tidak senang hati mendengar jawapan itu. Beliau segera mengarahkan Fauzi Basya memeriksa pasukan tentera di barisan hadapan.

Tentera Greek sudah melakukan serangan selama 10 hari tetapi mereka masih belum berjaya mengalahkan tentera Turki. Pada hari ke-10 itu, mereka mengambil keputusan berundur secara berperingkat-peringkat. Fauzi Basya yang melihat keadaan itu terus mengarahkan supaya pasukan tentera Turki memperhebatkan lagi serangan. Tiba-tiba, Mustafa Kamal Ataturk mengarahkan pasukan tentera Turki supaya berundur.

“Jangan berundur! Teruskan serangan!” teriak Fauzi Basya apabila melihat pasukan Turki berundur.

“Tuan Mustafa Kamal Ataturk yang memberikan arahan,” kata Ali Basya. Fauzi Basya berasa sungguh marah, lalu menemui Mustafa Kamal Ataturk.

“Mengapakah pasukan kita diarahkan supaya berundur?”

marah Fauzi Basya.

“Saya lihat pasukan kita tidak ada harapan lagi untuk menang. Bagi mengelakkan lebih ramai tentera yang terkorban, saya arahkan supaya berundur,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Tuan tidak tahu situasi yang sebenar. Saya yang tahu kerana saya berada di barisan hadapan. Sepatutnya tuan berbincang dengan saya terlebih dahulu sebelum mengeluarkan arahan,” kata Fauzi Basya.

“Apa yang sudah berlaku di barisan hadapan?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Pasukan musuh sudah mula berundur secara berperingkat-peringkat. Serangan yang dilakukan dari sebelah utara hanya bagi melindungi pengunduran mereka,” kata Fauzi Basya.

Mustafa Kamal Ataturk terdiam.

Fauzi Basya kembali semula ke barisan hadapan, lalu mengarahkan pasukan tentera Turki supaya terus menyerang dan akhirnya tentera Greek berundur dari Shaqaria. Kemudian, Mustafa Kamal Ataturk pulang ke Ankara dengan mendabik dada dan mengaku beliaulah yang memimpin pasukan tentera Turki sehingga berjaya mencapai kemenangan.

“Saya sudah berjasa besar kerana berjaya menyelamatkan tanah air kita daripada penaklukan tentera Greek. Musuh sudah dapat dihancurkan dan ternyata mereka tidak akan

menyerang kita lagi," kata Mustafa Kamal Ataturk dalam satu perjumpaan dengan ahli Majlis Rakyat.

"Namun begitu kami ada mendapat laporan, tuan mengarahkan tentera kita supaya berundur ketika pertempuran sedang memuncak. Bolehkah tuan perjelaskan kepada kami?" tanya Sayyid Ali Syukri.

"Saya bersumpah bukan itu yang saya maksudkan. Saya berteriak mengatakan musuh berundur tetapi mereka menyangka sebaliknya," jawab Mustafa Kamal Ataturk dengan helahnya yang sungguh licik.

"Kami mendapat laporan itu daripada Fauzi Basya. Dia mengaku yang memimpin pasukan tentera kita berjuang bermati-matian sehingga mencapai kemenangan," sanggah Sayyid Ali Syukri.

"Fauzi Basya sudah tua. Dia juga mengalami gangguan pendengaran akibat kecederaan yang dialaminya. Ahli Majlis Rakyat melantik saya menjadi ketua pasukan tentera. Adakah munasabah Fauzi Basya pula yang menjadi pemimpinnya? Sebelum saya datang, pertempuran antara tentera Greek dengan tentera kita sudah berlanjutan selama 10 hari. Ketika itu Fauzi Basya yang memimpin angkatan tentera dan tidak pernah mencapai kemenangan, malahan hampir mengalami kekalahan. Oleh sebab itu, tuan-tuan semua melantik saya supaya mengambil alih peranannya. Adakah selepas berjaya, jasa-jasa saya dilupakan begitu sahaja?" marah Mustafa Kamal Ataturk.

"Kami tidak akan sesekali melupakan jasa tuan itu. Rakyat

Turki akan mengenang jasa tuan hingga ke hari khiamat," kata Ishmet Inunu.

"Sejak dari dahulu hingga sekarang adalah lumrah selepas ketua tentera pulang dari medan perang membawa kemenangan, maka dia akan diberikan anugerah. Saya juga mahu menuntut anugerah itu," kata Mustafa Kamal Ataturk berterus terang.

"Anugerah apakah yang tuan mahukan?" tanya Sayyid Ali Syukri dengan rasa kurang senang.

"Saya mahu dianugerahkan gelaran Ghazi. Selain itu, saya mahu diberikan empat juta lira sebagai sagu hati atas jasa saya," jawab Mustafa Kamal Ataturk dengan berterus terang.

"Memberikan anugerah Ghazi tidak menjadi masalah. Namun begitu, saya membantah anugerah empat juta lira kerana negara sendiri mengalami masalah kekurangan wang yang ternyata banyak diperuntukkan untuk perbelanjaan perang," kata Sayyid Ali Syukri. Ternyata, kata-katanya itu mendapat sokongan daripada ahli Majlis Rakyat yang lain.

"Baiklah, sekiranya begitu saya kurangkan menjadi tiga juta lira sahaja," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Lebih baik duit itu digunakan bagi membeli peralatan senjata, makanan dan membantu balu-balu tentera," bantah Sayyid Ali Syukri.

"Baiklah, memandangkan saya ini orang yang bertimbang

rasa, saya memohon supaya diberikan satu juta lira sahaja," kata Mustafa Kamal Ataturk.

Selepas mengadakan perbincangan, akhirnya ahli Majlis Rakyat mengambil keputusan memberikan anugerah Ghazi kepada Mustafa Kamal Ataturk tetapi menolak permintaan pemberian wang sagu hati.

Selepas itu, Mustafa Kamal Ataturk pergi menghadap Sultan Abdul Hamid bagi memaklumkan Majlis Rakyat sudah menganugerahkan gelaran Ghazi atau Pahlawan Medan Perang kepadanya.

"Mereka mahu memberikan hadiah berupa wang tetapi saya menolaknya kerana saya memahami situasi kewangan negara kita sekarang yang menghadapi masalah kesan daripada peperangan," kata Mustafa Kamal Ataturk yang mahu membuatkan sultan berasa bangga kepadanya.

"Pintalah apa sahaja yang kamu mahukan daripada saya. Kamu pasti akan mendapatnya," kata sultan.

"Wahai tuanku, saya hanya mahu sokongan daripada tuanku supaya dapat terus memimpin Majlis Rakyat kerana mereka perlukan kepimpinan daripada saya," kata Mustafa Kamal Ataturk.

Dengan mudah sultan bersetuju dengan permintaan itu kerana beliau sememangnya tidak mengetahui niat sebenar Mustafa Kamal Ataturk. Dengan adanya surat sokongan daripada sultan, ternyata beliau akan terus dapat menguasai Majlis Rakyat. Beberapa hari kemudian,

Mustafa Kamal Ataturk memanggil ahli Majlis Rakyat bagi mengadakan perjumpaan. Beliau membacakan surat daripada sultan itu supaya diketahui ramai.

“Saya akan terus menjadi ketua tentera pasukan Turki dan mempengerusikan Majlis Rakyat ini,” beritahu Mustafa Kamal Ataturk dan tidak ada seorang pun yang membantah.

Seminggu kemudian, Mustafa Kamal Ataturk memanggil mesyuarat sekali lagi. Beliau membuat kejutan dengan memakai topi koboi bagi menggantikan tarbus yang biasa dipakai oleh orang Turki. Sayyid Ali Syukri yang kurang senang melihatnya segera menyindir.

“Adakah tuan sudah tidak suka lagi meletakkan sesuatu yang dibanggakan orang Turki di atas kepala tuan?” tanya Ali Syukri.

“Adakah terdapat larangan untuk saya memakai topi ini?” tanya Mustafa Kamal Ataturk pula.

“Topi yang tuan pakai itu tidak boleh dipakai semasa bersembahyang kerana bingkainya menghalang ketika bersujud,” jawab Ali Syukri.

“Adakah kamu pernah melihat saya memakainya ketika saya bersembahyang?” tanya Mustafa Kamal Ataturk lagi.

Kemudian, katanya lagi, “Saya hanya memakainya ketika mengadakan mesyuarat dan saya mahu pada mesyuarat akan datang semua yang hadir diwajibkan memakai topi seperti yang saya pakai ini.”

Ali Syukri berasa sungguh marah, lalu berkata, “Saya tidak akan memakainya dan tidak ada sesiapa pun yang boleh memaksa saya.”

Kemudian, kata Ali Syukri lagi, “Saya mahu memberikan satu cadangan yang sepatutnya diterima oleh majlis ini, seterusnya dijadikan peraturan dan undang-undang.”

“Undang-undang apa?” herdik Mustafa Kamal Ataturk sebelum sempat Sayyid Ali Syukri menghabiskan kata-katanya.

“Seperti yang kita sedia maklum, rakyat memandang hormat kepada kita yang menjadi ahli majlis tertinggi rakyat. Oleh sebab itu, kita perlu menjaga maruah diri dan tatasusila. Salah satu perbuatan yang dapat menjatuhkan maruah dan dipandang hina adalah meneguk arak ketika berada di khalayak ramai. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya dibuat satu peraturan atau undang-undang yang menetapkan semua ahli majlis tertinggi rakyat tidak boleh menjadi ketagih arak. Sesiapa sahaja yang meminum arak di khalayak ramai, maka akan dipecat,” jelas Ali Syukri.

Mustafa Kamal Ataturk berasa sungguh marah dan tersinggung kerana sedar kata-kata itu ditujukan kepada dirinya, lalu beliau pun berkata, “Sekiranya undang-undang itu diterima, saya yakin lebih daripada separuh ahli Majlis Rakyat ini akan dipecat. Oleh sebab itu, saya menolaknya.”

Dengan itu, tercetuslah pertengkaran antara Ali Syukri dengan Mustafa Kamal Ataturk. Ada yang menyokong Mustafa Kamal dan ada pula yang menyokong Ali Syukri.

Akhirnya, perjumpaan itu terpaksa ditangguhkan.

Sejak itu, setiap kali diadakan perjumpaan atau mesyuarat majlis tertinggi rakyat pasti terjadi pertengkaran antara Ali Syukri dengan Mustafa Kamal Ataturk. Puncak pertengkaran adalah apabila Mustafa Kamal Ataturk membuat peraturan yang menetapkan supaya semua ahli majlis tertinggi rakyat diwajibkan memakai topi barat dan memakai kot ketika menghadiri mesyuarat.

“Tidak ada siapa yang lebih berkuasa melebihi majlis tertinggi rakyat. Semua keputusan perlu ditentukan oleh majlis ini termasuk peraturan berpakaian,” marah Ali Syukri.

“Saya yang membentuk majlis ini dan saya juga berhak bagi menentukan matlamatnya,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Saya akan terus menentangnya sekiranya peraturan yang tuan buat itu tidak bersesuaian dengan ajaran Islam,” kata Ali Syukri.

Mesyuarat majlis tertinggi rakyat pada hari itu terpaksa ditangguhkan lagi apabila Musatafa Kamal Ataturk dan juga Sayyid Ali Syukri bertelagah sesama sendiri. Masing-masing tidak mahu mengalah. Mustafa Kamal Ataturk sedar Ali Syukri akan menjadi penentangnya. Beliau pun mencari ikhtiar bagi mengatasi masalah tersebut.

“Saya tidak dapat menjalankan tugas saya dengan sempurna selagi Ali Syukri masih berada dalam majlis tertinggi rakyat,” kata Mustafa Kamal Ataturk semasa

berbincang dengan Thubal Uthman, iaitu seorang penyokong setianya.

“Sekiranya begitu tuan, singkirkan sahaja dia,” cadang Thubal Uthman.

“Sekiranya tindakan itu dilakukan, lebih mudah untuknya menentang saya. Orang ramai pasti mudah dipengaruhinya,” kata Musatafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya begitu tuan, pujuk dia supaya mengubah pendiriannya. Berikan apa sahaja yang dipintanya asalkan dapat menutup mulutnya,” kata Thubal Uthman mengemukakan cadangannya yang kedua.

“Saya tidak akan memujuk dan memberikan makanan kepada anjing yang sudah menggigit kaki saya,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya begitu, lebih baik ditamatkan sahaja riwayat hidupnya,” kata Thubal Uthman.

“Saya bersetuju dengan cadangan itu. Adakah kamu sanggup melakukannya,” wajah Mustafa Kamal Ataturk kelihatan penuh mengharap.

“Saya sanggup sekiranya tuan yang mengarahkan saya,” kata Thubal Uthman.

“Bagaimanakah kamu mahu melakukannya?” tanya Musatafa Kamal Ataturk lagi.

“Saya akan membunuh dan menanam mayatnya supaya tidak dapat dikesan oleh sesiapa pun,” jawab Thubal

Uthman.

“Saya bersetuju,” kata Mustafa Kamal Ataturk dengan wajah gembira. Perbualan mereka itu didengar oleh Maya, iaitu seorang perempuan tukang masak.

Beberapa hari kemudian, Thubal Uthman datang menemui Ali Syukri, lalu menyatakan tujuannya.

“Sudah berlaku perbalahan yang hebat antara tuan dengan Mustafa Kamal Ataturk. Sekiranya dibiarkan, pasti menjadi permusuhan sedangkan rakyat menaruh harapan yang besar kepada tuan berdua. Oleh sebab itu, saya mahu mendamaikan kamu berdua,” kata Thubal Uthman.

“Saya tidak mahu berdamai selagi dia bersikap diktator dan benci kepada Islam,” tegas Ali Syukri.

“Mustafa Kamal Ataturk sudah menyedari kesilapannya. Oleh sebab itu, dia menyuruh saya datang ke mari bagi menjemput tuan untuk bertemu dengannya sekarang juga. Sekiranya tuan bersetuju, saya yakin perkara yang mudah ini dapat diselesaikan,” pujuk Thubal Uthman.

“Baiklah, saya setuju dan saya akan membawa beberapa orang rakan bagi mengiringi perjalanan saya,” kata Ali Syukri.

“Perkara ini adalah rahsia kita bertiga sahaja. Oleh sebab itu, adalah lebih baik tuan seorang sahaja yang pergi. Saya yang akan menemani tuan,” pujuk Thubal Uthman.

“Tidak mungkin saya datang ke sana seorang diri. Sekiranya kamu mahu pertemuan itu diadakan, maka

patuhi syarat saya ini," tegas Ali Syukri.

Thubal Uthman terpaksa bersetuju dengan permintaan itu. Dia memaklumkannya kepada Mustafa kamal Ataturk.

"Tidak mengapa, untuk kali pertama ini kita sambut kedatangannya dengan baik. Untuk kali kedua nanti, barulah kita tamatkan riwayat hidupnya," kata Mustafa Kamal Ataturk.

Apabila Ali Syukri dan rakan-rakannya datang, mereka pun disambut dengan begitu mesra oleh Mustafa Kamal Ataturk. Mereka dijamu dengan pelbagai makanan dan minuman.

"Semoga dengan kedatangan kamu ini akan terjalin tali persahabatan yang erat antara kita. Semoga selepas ini tidak terjadi lagi pertengkaran antara kita ketika berada dalam mesyuarat majlis tertinggi rakyat," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Tuan mungkin tersilap orang. Sahabat saya, Ali Syukri ini lebih berani mengkritik sesiapa yang sudah menjadi sahabatnya. Semakin rapat kami bersahabat, semakin tegas dia mengkritik sekiranya ada yang tidak berkenan di hatinya," kata Abdullah, iaitu rakan kepada Ali Syukri.

Mustafa Kamal Ataturk kelihatan terdiam apabila mendengar kata-kata itu. Perasaan benci dan dendam kesumatnya kepada Ali Syukri semakin mendalam.

Tawaran Perdamaian

Suasana di dalam bilik mesyuarat menjadi semakin hangat dan tegang apabila semua yang hadir meluahkan rasa marah kepada Inggeris yang menempatkan pasukan tenteranya di Mausil, Iraq, manakala Perancis di Alleppo, Syria.

“Rakyat Turki sudah sanggup berjihad bagi membebaskan negara kita daripada musuh. Mereka hanya menunggu pengisytiharan jihad akhbar daripada Sultan Muhammad. Selepas pengisytiharan itu dibuat, maka seluruh rakyat Turki dan umat Islam di seluruh pelosok dunia akan bangkit menentang Inggeris dan Perancis,” kata Ali Syukri, wakil dari wilayah Tharabazun.

“Saya bersetuju dengan kata-kata Ali Syukri itu. Kita juga boleh kerahkan pasukan tentera bagi merampas Mausil dan Syria. Tentera Inggeris dan Perancis perlu dihalau keluar dari situ,” kata Hassan pula.

“Saya menyokong cadangan itu. Kita masih mempunyai

pasukan tentera yang kuat dan ramai bilangannya. Sekiranya perlu, kita sanggup menghantar seratus ribu tentera bagi merampas Mausil dan Syria," sokong Ishmet Inunu pula. Dia adalah bekas ketua pasukan Tentera Darat Turki sebelum dilantik menjadi ahli Majlis Rakyat. Dia juga penyokong kuat Mustafa Kamal Ataturk.

Kemudian, kata Ishmet Inunu lagi, "Kita mempunyai seorang pahlawan yang kehebatannya sama seperti Khalid Al-Walid. Semasa Al-Ghazi memimpin pasukan tentera Turki, mereka tidak pernah dapat dikalahkan musuh. Meraka berjaya meraih kemenangan setiap kali bertempur. Oleh sebab itu, saya yakin sekiranya Al-Ghazi yang memimpin tentera Turki dengan mudah tentera Inggeris dan tentera Perancis itu dapat dihalau keluar dari Mausil dan Syria."

Ali Syukri berasa tidak senang hati apabila mendengarnya, lalu berkata. "Khalid Al-Walid mendapat gelaran saifullah atau pedang Allah. Hanya dia seorang yang mendapat gelaran itu. Sayidina Abu Bakar juga pernah berkata, 'Tidak ada lagi wanita yang mampu melahirkan Khalid Al-Walid.'."

"Sekiranya Khalid Al-Walid digelar pedang Allah, maka lelaki yang hebat ini digelar Al-Ghazi," kata Ishmet Inunu sambil tersenyum memandang Mustafa Kamal Ataturk.

"Gelaran pedang Allah itu dikurniakan oleh Allah kepada Khalid Al-Walid. Gelaran Al-Ghazi itu dimintanya sendiri. Sesiapa pun boleh mendapatkannya," balas Ali Syukri.

Mustafa Kamal Ataturk berasa tersinggung, lalu berkata dengan nada suara yang tinggi, "Dalam kalangan ahli

majlis perwakilan rakyat ini hanya kamu seorang yang sering menghina saya. Sekiranya kamu benar-benar membenci saya dan tidak boleh memberikan sokongan, maka berhenti sahaja daripada menjadi ahli majlis supaya dapat digantikan dengan orang lain."

"Saya berada di sini mewakili wilayah Tharabazun. Mereka yang memilih saya bagi menduduki kerusi ini. Hanya penduduk Tharabazun yang berhak menyuruh saya berhenti," marah Ali Syukri pula.

Dengan itu, berlakulah pertengkaran antara Mustafa Kamal Ataturk dengan Ali Syukri. Namun begitu, mujur dapat ditenangkan oleh ahli perwakilan yang lain.

"Kita sedang diancam musuh dan negara kita sudah dijajah oleh mereka. Oleh sebab itu, kita perlu bersatu menghadapi mereka. Sekiranya kita saling bermusuhan, maka mudahlah musuh menguasai kita," kata Ridha Nur yang cuba memujuk kedua-dua mereka supaya tidak bertengkar lagi.

Tiba-tiba seorang pengawal masuk, lalu berkata, "Ada dua orang lelaki mahu berjumpa dengan Al-Ghazi."

"Siapa?" tanya Mustafa Kamal Ataturk. Nada suaranya masih keras.

"Matir Salam dan Hayim Na'um," jawab pengawal itu.

Mustafa Kamal Ataturk segera keluar meninggalkan bilik mesyuarat bagi mendapatkan kedua-dua lelaki itu. Mesyuarat pun terpaksa ditangguhkan.

“Lelaki yang kamu gelar Khalid Al-Walid itu lebih mengutamakan lelaki Yahudi itu daripada negaranya sendiri,” sindir Ali Syukri sambil memandang muka Ishmet Inunu.

“Saya yakin kedatangan dua lelaki Yahudi itu juga mahu membantu kita menyelamatkan Turki,” kata Ishmet Inunu.

“Kamu kenal siapa Matir Salam dan Hayim Na’um?” tanya Ali Syukri.

“Matir Salam itu orang yang bertanggungjawab menubuhkan Bank Uthmani dan Bank Salanik di Turki. Hayim Na’um pula adalah pendeta Yahudi yang terkenal di Istanbul. Kedua-dua lelaki itu berkawan baik dengan Al-Ghazi Mustafa Kamal Ataturk,” jawab Ishmet Inunu.

“Adakah kamu tahu Bank Uthmani itu dipunyai oleh Inggeris dan Perancis? Mereka yang menaman modalnya supaya bank itu dapat beroperasi di Turki,” kata Ali Syukri.

“Itu membuktikan Inggeris dan Perancis tidak mahu bermusuhan dengan kita. Mereka sanggup menanam modal di Turki dengan menubuhkan Bank Uthmani dan Bank Salanik,” puji Ishmet Inunu.

“Dengan adanya bank itu, maka orang Inggeris dan Perancis dapat tinggal di Turki. Mereka menjadi pekerja bank tetapi dalam masa yang sama menjadi mata-mata Inggeris dan Perancis. Akhirnya nanti, mereka menjajah seluruh tanah air kita,” kata Ali Syukri.

Kesudahannya, berlakulah pula pertengkaran antara Ali

Syukri dengan Ishmet Inunu. Ada yang menyokong Ali Syukri tetapi lebih ramai yang menyokong Ishmet Inunu kerana dia adalah pembantu kanan kepada Mustafa Kamal Ataturk.

Di luar bilik mesyuarat pula sedang berlangsung perbincangan sulit antara Mustafa Kamal Ataturk dengan dua lelaki Yahudi itu.

“Tuan perlu menghalang majlis daripada mengambil keputusan untuk berperang dengan Inggeris dan Perancis. Sekiranya ia benar-benar berlaku, Turki akan hancur kerana Inggeris dan Perancis dibantu oleh Amerika, Itali, Jepun dan banyak lagi negara Barat dan Eropah. Mereka akan bersatu menyerang Turki sedangkan Turki hanya bersendirian,” pujuk Matir Salam.

“Ahli majlis perwakilan tidak dapat menahan marah apabila Inggeris bertapak di Mausil dan Perancis di Syria. Mereka mahu mengerah 100 ribu tentera bagi merebut semula wilayah Turki itu,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya Turki kalah nanti, maka seluruh Turki akan diambil oleh Brirtish dan Perancis. Oleh sebab itu, adalah lebih baik hilang dua wilayah daripada hilang seluruh wilayah,” pujuk Hayim Na’um pula. Dia adalah seorang pendeta Yahudi yang terkenal dengan kecerdikannya.

“Bagaimanakah saya mahu meyakinkan mereka semua?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Saya mencadangkan supaya Turki mengikat perjanjian damai dengan mereka,” cadang Matir Salam.

“Tindakan itu adalah sesuatu yang mustahil kerana semua rakyat Turki sudah mula mahu berjihad menentang Inggeris dan Perancis,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya tuan mahu menerima cadangan ini, maka kami akan membantu tuan bagi menjadi pemimpin nombor satu Turki,” pujuk Hayim Na’um.

“Tindakan itu juga adalah sesuatu yang mustahil kerana sultan masih ada. Saya tidak boleh menjadi sultan,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya Sultan Abdul Hamid II dapat digulingkan, maka tuan juga pasti dapat menggulingkan Sultan Muhammad. Kemudian, laluan tuan bagi menjadi presiden semakin mudah,” bisik Matir Salam.

“Tindakan itu adalah sesuatu yang mustahil,” bisik Mustafa Kamal Ataturk.

“Selain kami orang Yahudi, tuan juga akan dibantu oleh musuh-musuh Turki yang sudah menjadi sahabat tetapi dengan syarat, perlu diadakan perjanjian perdamaian. Selepas itu, mereka yang menjadi musuh akan menjadi sahabat. Tuan akan kami angkat menjadi Presiden Turki yang pertama,” pujuk Matir Salam.

“Kata-kata kamu itu membuatkan saya berasa tertarik. Saya akan pujuk ahli majlis perwakilan supaya bersetuju untuk berdamai,” kata Mustafa Kamal Ataturk yang akhirnya berjaya dipujuk.

“Kami sudah memilih Luzan di Switzerland menjadi tempat

pertemuan wakil Turki dengan wakil pihak Inggeris dan sekutunya," kata Matir Salam.

"Kamu sudah rancang perkara ini?" tanya Mustafa Kamal Ataturk.

"Kami mempunyai ramai kenalan. Apa sahaja yang berlaku di Turki, kami sudah pun mengetahuinya. Oleh sebab itu, kami dihantar bagi mengemukakan tawaran ini. Sekiranya tuan menolak, pasti tuan akan berasa menyesal seumur hidup," jawab Matir Salam.

Mustafa Kamal Ataturk tidak ada pilihan lain me-lainkan bersetuju dengan tawaran tersebut.

"Perkara ini sememangnya penting kerana melibatkan masa hadapan Turki. Oleh sebab itu, saya sendiri akan pergi sebagai wakil Turki," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Sebaik-baiknya tuan jangan pergi. Hantar sahaja wakil tuan supaya tuan tidak dipersalahkan di kemudian hari," pujuk Hayim Na'um.

"Baiklah," ujar Mustafa Kamal Ataturk.

Beberapa hari sebelum itu, Lord Kerzon dan Niominiar, iaitu wakil kerajaan Inggeris sudah pun menemui Matir Salam di Istanbul. Mereka membawa misi penting daripada kerajaan Inggeris.

"Kerajaan British mahu masalah ini diselesaikan melalui hubungan politik dan bukannya peperangan. Oleh sebab itu, kita perlu berusaha bagi memujuk Sultan Muhammad supaya tidak mengisytiharkan jihad akhbar," kata Lord

Kerzon yang sudah diberikan tanggungjawab oleh kerajaan British.

“Adakah kerajaan British sudah tidak mampu lagi berperang?” tanya Matir Salam.

“Kami mampu berperang dengan Turki tetapi kami tidak mampu berperang dengan umat Islam di seluruh pelosok dunia. Tambahan pula, British mempunyai tanah jajahan yang ramai penduduknya yang beragama Islam. Sekiranya umat Islam di negeri jajahan kami memerangi Inggeris, sudah pasti menyulitkan kami bagi menghadapinya,” jawab Lord Kerzon.

“Esok akan diadakan perhimpunan ahli majlis tertinggi rakyat Turki. Sekiranya mereka membuat keputusan berperang, maka Sultan Muhammad pasti mengisytiharkan jihad akhbar. Oleh sebab itu, kami mahu mereka tidak membuat keputusan yang menyulitkan kami,” kata Niominiar.

“Ternyata pihak Inggeris mempunyai pasukan perisik yang hebat sehingga mengetahui segala-galanya yang berkaitan dengan Turki melainkan satu perkara,” kata Matir Salam seperti berteka- teki.

“Apakah perkara itu?” tanya Lord Kerzon.

“Perihal lelaki yang bernama Mustafa Kamal Ataturk,” jawab Matir Salam sambil tersenyum.

“Kamu sebenarnya yang silap. Kami sudah mengenali lelaki itu sejak dia berkhidmat di Syria. Dia yang membantu

memenangi pertempuran sehingga kami dapat menawan seratus ribu tentera Turki. Sejak itu, pasukan tentera Turki mulai lemah," kata Lord Kerzon sambil tersenyum.

"Kami juga yang membantu menaikkan nama Mustafa Kamal Ataturk sehingga dia disanjung tinggi oleh rakyat Turki dan mendapat gelaran Al-Ghazi," kata Niominiar.

"Kemenangan pasukan tentera Turki yang dipimpin Mustafa Kamal Atatruk dalam beberapa siri pertempuran dengan tentera British sengaja kami atur bagi menaikkan nama lelaki itu. Oleh sebab itu, sehingga kini kami masih mempunyai hubungan yang baik dengan Mustafa Kamal Ataturk. Malahan, dia sering menghubungi kami secara rahsia bagi meminta pendapat kami perihal apa yang perlu dilakukannya," kata Lord Kerzon.

"Kedatangan tuan ke mari mahu berjumpa Mustafa Kamal Ataturk ataupun Sultan Muhammad?" tanya Matir Salam.

"Urusan yang kami lakukan dengan Mustafa Kamal Ataturk adalah secara rahsia. Oleh sebab itu, kami mahu kamu yang menemuinya dengan membawa misi kami," jawab Lord Kerzon.

"Apakah misi yang tuan bawa?" tanya Hayim Na'um.

"Menghalang majlis perwakilan rakyat mengisytiharkan perang dan juga menghalang Sultan Muhammad daripada mengisytiharkan jihad akhbar," jawab Lord Kerzon.

"Orang yang paling berpengaruh di Turki sekarang ini adalah Mustafa Kamal Ataturk dan bukannya Sultan

Muhammad. Hanya dia yang dapat mempengaruhi rakyat Turki, ahli majlis perwakilan rakyat dan juga sultan," kata Matir Salam.

"Oleh sebab itu, kami mahu kamu berdua menemui Mustafa Kamal Ataturk. Pertemuan itu perlu diadakan pada hari persidangan majlis perwakilan rakyat," kata Lord Kerzon.

"Bagaimana sekiranya lelaki itu tidak mahu menemui kami?" tanya Matir Salam.

"Jangan bimbang kerana kami sudah menghantar utusan bagi memaklumkan perkara itu kepada Mustafa Kamal Ataturk. Dia akan meninggalkan majlis persidangan apabila kamu datang," jawab Lord Kerzon.

Selepas berbincang dengan dua lelaki Yahudi itu, maka Mustafa Kamal Ataturk pun masuk semula ke dalam bilik mesyuarat. Kemudian, beliau memujuk ahli majlis perwakilan rakyat supaya menerima tawaran perdamaian.

"Kedua-dua lelaki Yahudi itu membawa tawaran daripada musuh kita yang mahu mengajak berdamai. Dalam Islam juga kita tidak boleh menolak permintaan musuh apabila mereka mengajak berdamai," kata Mustafa Kamal Ataturk, lalu memujuk ahli majlis menerima tawaran itu.

"Saya bersetuju dengan syarat wakil kita bagi merundingkan perdamaian itu dipilih oleh majlis ini," kata Ali Syukri, lalu mengemukakan cadangannya.

Mustafa Kamal Ataturk bersetuju dengan cadangan itu, lalu

dilantik tiga orang wakil, iaitu Ishmet Basya, Menteri Luar Turki, Dr. Ridha Nur, Menteri Kesihatan Turki dan Hassan Saqa, Menteri Kewangan Turki. Mereka bertiga diamanahkan supaya menjaga kepentingan Turki bagi mengelakkan diperdaya oleh musuh.

Ahli majlis perwakilan rakyat juga bersetuju supaya perkara itu dimaklumkan terlebih dahulu kepada sultan. Mustafa Kamal Ataturk menawarkan diri bagi menghadap sultan.

“Saya bersetuju diadakan perjanjian perdamaian tetapi kita tidak boleh terburu-buru. Kita perlu mengadakan beberapa siri perbincangan terlebih dahulu sebelum menandatangani perjanjian. Kita perlu tahu syarat-syarat perjanjian tersebut. Sekiranya perdamaian tanpa syarat saya bersetuju tetapi sekiranya perjanjian perdamaian dengan bersyarat, perlu dinyatakan terlebih dahulu syarat-syaratnya. Sekiranya merugikan kita, lebih baik jangan berdamai,” tegas Sultan Muhammad yang sememangnya sudah masak dengan tipu helah musuh-musuhnya.

“Sekiranya tawaran perdamaian ini kita tolak, bermakna akan berlaku peperangan. Kita akan bersendirian bagi menentang musuh yang ramai,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Sia-sia sahaja kamu mendapat gelaran Al-Ghazi tetapi penakut. Sekiranya berlaku peperangan, saya akan mengisytiharkan jihad akhbar. Dengan ini, semua umat Islam di seluruh pelosok dunia akan menentang musuh-musuh kita,” tegas Sultan Muhammad.

“Namun begitu, alangkah baiknya sekiranya kita cuba

mengelakkan daripada berlakunya peperangan kerana tindakan itu hanya membawa kepada kemusnahan harta dan nyawa. Bukankah Islam sendiri menyuruh kita berdamai apabila musuh mahu berdamai?" kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Memang benar tetapi jangan sampai musuh menipu kita," kata Sultan Muhammad.

Mustafa Kamal Ataturk berasa sungguh kecewa kerana Sultan Muhammad tidak mahu menurut kata-katanya. Dendamnya kepada Sultan Muhammad juga semakin membara.

"Perkara ini tidak boleh dilengah-lengahkan lagi. Pihak Inggeris dan sekutunya mahu diadakan segera pertemuan bagi menandatangani surat perjanjian di Luzan," desak Matir Salam dan Hayim Na'um.

"Sultan mahu tempat pertemuan itu diadakan di Istanbul dan bukannya di Luzan, Switzerland," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Tempat pertemuan tidak boleh diubah lagi kerana mereka mahu majlis perjanjian itu diadakan di tempat berkecuali," tegas Matir Salam yang bekerja bagi pihak Inggeris.

"Sultan Muhammad juga mahu mengetahui terlebih dahulu sama ada perjanjian damai itu tanpa syarat ataupun dengan bersyarat," kata Mustafa Kamal lagi.

"Pastinya dengan bersyarat. Mustahil pihak Inggeris mahu berdamai tanpa syarat," balas Matir Salam.

“Apakah syaratnya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Inggeris dan Perancis sekarang berada di kedudukan yang kuat. Mereka pastinya mahukan syarat perdamaian yang menguntungkan mereka,” jawab Hayim Na’um.

“Sekiranya merugikan Turki sudah pasti tidak akan dipersetujui oleh Sultan Muhammad,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Pasti menguntungkan Turki,” pujuk Hayim Na’um.

“Sekiranya kamu mahu berdamai, Turki akan di-berikan kemerdekaan. Kamu boleh memerintah sendiri negera kamu tanpa campur tangan daripada pihak luar. Seterusnya, tidak berlaku lagi peperangan,” pujuk Matir Salam.

“Saya bersetuju dan ahli majlis perwakilan rakyat juga bersetuju. Namun begitu, halangan utama adalah Sultan Muhammad. Beliau masih dihormati oleh rakyat Turki,” keluh Mustafa Kamal Ataturk.

“Singkirkan sahaja beliau daripada takhta,” desak Matir Salam.

“Kami akan membantu kamu bagi menjatuhkannya,” kata Hayim Na’um pula.

“Saya pernah menjatuhkan Sultan Abdul Hamid dan Sultan Muhammad V. Sekarang giliran Sultan Muhamad 1V pula,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Sebelum kita singkirkan sultan yang terakhir Khalifah

Uthmaniah, elok kita hapuskan musuh kita yang terdekat dahulu. Dia adalah orang yang paling kuat menentang kita di majlis tertinggi rakyat," kata Thubal Uthman, iaitu penyokong kuat kepada Mustafa Kamal Ataturk.

"Benar kata kamu itu. Saya juga sudah lama menyimpan dendam kepadanya," kata Mustafa kamal Ataturk, lalu menyatakan persetujuannya.

"Sekiranya begitu, kita hapuskan sahaja Ali Syukri. Kita perintahkan tentera bagi menangkap serta meng-hukumnya," sokong Thubal Uthman.

"Orang ramai pasti menuduh kita yang mengaturnya. Oleh sebab itu, saya lebih suka Ali Syukri dihilangkan secara misteri tanpa sesiapa pun yang mengetahui untung nasibnya," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Sekiranya tuan ada rancangan, beritahu sahaja kepada saya dan saya pasti bersetuju," kata Thubal Uthman.

"Pujuk Ali Syukri supaya datang menemui saya sekali lagi. Kali ini pastikan dia datang seorang diri sahaja. Katakan kepadanya, saya mahu menjemputnya datang kerana ada maklumat sulit yang berkaitan dengan hal ehwal keselamatan negara yang mahu dibincangkan. Oleh sebab itu, dia perlu datang seorang diri sahaja. Semasa kami sedang berbual-bual nanti, kamu perlu menikamnya dengan pisau dari arah belakang. Mayatnya pula perlu ditanam di tepi pantai supaya tidak ditemui oleh sesiapa pun," jelas Mustafa Kamal Ataturk.

Thubal Uthman menyatakan kesanggupannya. Dia

menemui Ali Syukri, lalu memujuknya supaya menemui Mustafa Kamal Ataturk.

“Ada maklumat sulit yang berkaitan dengan hal ehwal keselamatan negara yang mahu dibincangkan Al-Ghazi dengan tuan. Oleh sebab itu, jangan sesekali tuan menghampakan harapannya,” pujuk Thubal Uthman.

“Mengapakah tidak dimaklumkan sahaja kepada semua ahli majlis tertinggi rakyat?” tanya Ali Syukri pula.

“Sebelum dibincangkan dalam majlis tertinggi rakyat, Mustafa Kamal Ataturk mahu maklumat sulit itu dibincangkan dengan tuan terlebih dahulu. Beliau mahu berbincang dengan tuan secara baik. Dengan itu, tidak wujud lagi pertengkaran antara tuan dengannya dalam majlis tertinggi rakyat,” pujuk Thubal Uthman.

“Saya akan terus menentangnya sekiranya dia terus bersikap biadab,” kata Ali Syukri.

“Dalam pertemuan itu nanti, tuan boleh berterus terang bagi menyatakan apa sahaja yang tuan suka dan apa yang tuan tidak suka. Dengan itu, beliau akan lebih berhati-hati dalam tindak- tanduk dan juga percakapannya,” pujuk Thubal Uthman.

Oleh sebab kebijaksaannya memujuk, akhirnya Ali Syukri bersetuju menemui Mustafa Kamal Ataturk di satu tempat rahsia, iaitu di istana tepi laut. Kedatangan tetamunya itu disambut baik oleh Mustafa Kamal Ataturk. Mereka dibawa ke dalam sebuah bilik yang menghadap ke arah laut.

“Bilik ini sesuai untuk kita berbincang sambil menikmati pemandangan di tepi laut,” kata Mustafa Kamal Ataturk dengan berpura-pura bersikap ramah.

Mustafa Kamal Ataturk dan Ali Syukri duduk di atas kerusi dan mereka menghadap ke arah Selat Bhosporus. Sedang kedua-duanya asyik berbual, Thubal Uthman datang dengan membawa minuman. Selepas meletakkan minuman itu di atas meja, dia pun pergi ke belakang sekali lagi.

Thubal Uthman berdiri di belakang Ali Syukri. Pada ketika itu, Ali Syukri tidak mengesyaki apa-apa pun dan terus sahaja berbual-bual sambil memandang ke arah laut. Tiba-tiba, Thubal Uthman mengeluarkan pisau dari dalam saku seluarnya, lalu menikam Ali Syukri berkali-kali. Ali Syukri meninggal dunia di situ juga.

“Saya mahu mayat ini ditanam dengan segera. Jangan sampai dilihat oleh sesiapa pun,” pesan Mustafa Kamal Ataturk.

“Lubangnya sudah saya sediakan. Saya sendiri yang akan mengangkat mayat ini dan menanamnya. Tuan jangan bimbang kerana tidak akan ada siapa pun yang akan melihatnya,” kata Thubal Uthman.

Kemudian, dia membawa mayat Ali Syukri ke satu kawasan yang agak jauh dari pantai, lalu menanamnya. Selepas selesai melakukan kerja-kerja itu, dia pun pergi menemui Mustafa Kamal Ataturk bagi memaklumkan kerjanya sudah selesai. Dia diberikan 10 ribu lira sebagai upah melakukan kerjanya itu.

Kehilangan Ali Syukri secara misteri menjadi heboh serta menarik perhatian orang ramai sehingga dibawa ke mesyuarat ahli majlis tertinggi rakyat.

“Ali Syukri adalah salah seorang ahli majlis tertinggi rakyat. Oleh sebab itu, kita perlu mendesak pihak pemerintah supaya berusaha mencarinya sama ada dia masih hidup ataupun sudah meninggal dunia,” kata salah seorang ahli majlis tertinggi rakyat.

“Saya sokong kerana perkara ini adalah penting. Sekiranya perkara ini didiamkan, tidak mustahil esok giliran kita pula yang hilang dan sama sekali tidak dipedulikan,” kata salah seorang ahli majlis tertinggi rakyat.

Akhirnya, majlis tertinggi rakyat sebulat suara bersetuju bagi menghantar surat kepada Sultan Muhammad supaya menjalankan siasatan berkaitan kes kehilangan Ali Syukri. Mustafa Kamal Ataturk mula berasa cemas dan bimbang sekiranya Thubal Uthman ditangkap, maka rahsia pembunuhan itu akan terbongkar. Beliau pula akan dituduh menjadi perancangnya. Akhirnya, Mustafa Kamal Ataturk pun mengupah seorang pengawalnya bagi menembak Thubal Uthman yang ketika itu sedang dalam perjalanan pulang ke rumah.

“Aku yakin Ali Syukri dan Thubal Uthman dibunuh oleh mereka yang mahu membalas dendam kepada kita serta menimbulkan huru-hara. Ali Syukri mungkin sudah dibunuh dan mayatnya dibuang entah di mana. Thubal Uthman pula ditembak dari jarak dekat dan pembunuhnya masih belum dapat ditangkap,” beritahu Mustafa Kamal Ataturk kepada

majlis tertinggi rakyat.

“Apakah tujuan pembunuhan ini dilakukan? Siapakah yang melakukannya? Mengapakah kami, iaitu ahli majlis tertinggi rakyat yang menjadi pilihan dan juga sasaran mereka?” tanya Ishmet Inunu pula.

“Berdasarkan siasatan awal yang dilakukan oleh pihak tentera, mereka mendapat maklumat ada daripada kalangan ahli majlis tertinggi rakyat yang terlibat dalam kes pembunuhan itu. Besar kemungkina mereka yang menjadi perancangnya. Oleh sebab itu, nyawa ahli majlis tertinggi rakyat benar-benar dalam keadaan bahaya. Pihak tentera mencadangkan supaya semua ahli majlis tertinggi rakyat meletak jawatan bagi memudahkan mereka meneruskan siasatan,” jawab Musatafa Kamal Ataturk.

Tidak ada siapa pun yang membantahnya kerana mereka percaya dengan kata-kata Mustafa Kamal Ataturk. Selepas kesemua mereka meletak jawatan, maka dipilih pula ahli yang yang nama mereka ditentukan oleh Mustafa Kamal Ataturk sendiri. Jumlah mereka dikurangkan menjadi 158 orang sahaja. Kesemua mereka terdiri daripada pegawai tentera yang pernah berkhidmat dengan Mustafa Kamal Ataturk. Dalam masa yang sama, mereka terus memegang jawatan dalam tentera.

“Saya memilih ahli majlis tertinggi rakyat daripada kalangan pegawai tentera bagi menjamin keselamatan mereka. Walau bagaimanapun, jawatan mereka dalam angkatan tentera masih dikekalkan dan saya sendiri yang memilih mereka bagi memudahkan tugas saya,” beritahu Mustafa

Kamal Ataturk.

Apabila ahli majlis tertinggi rakyat yang baru dilantik terdiri daripada mereka yang menyokong Mustafa Kamal Ataturk, maka mudahlah untuknya membuat keputusan dan tidak akan ada sesiapa lagi yang membantahnya. Tindakan pertama yang mahu dilakukan Mustafa Kamal Ataturk adalah bagi menjatuhkan Sultan Abdul Majid atau Sultan Muhamad VI.

Berakhirnya Zaman Kegemilangan Uthmaniah

Pada 29 November 1923 Masihi bersamaan 1341 Hijrah, seluruh rakyat Turki memberikan perhatian kepada persidangan Dewan Perwakilan Nasional Turki yang sedang berlangsung di kota Istanbul. Mereka sedar persidangan tersebut sememangnya penting bagi menentukan masa hadapan negara Turki.

Beberapa bulan sebelum persidangan tersebut berlangsung, Mustafa Kamal Ataturk dan para penyokongnya sudah menjelajah di seluruh negara Turki bagi memaklumkan kepada orang ramai perihal cadangan mahu menjadikan Turki sebuah negara republik. Rakyat menyokong cadangan tersebut kerana matlamat utamanya adalah demi menjaga kesucian agama Islam dan juga Khalifah Uthmaniah.

Mereka menanti dengan penuh sabar dan debaran sama ada ahli Dewan Perwakilan Nasional Turki meluluskan cadangan tersebut ataupun tidak. Namun begitu, apa yang

lebih penting adalah siapa yang bakal dipilih menjadi Presiden Turki yang pertama. Tiga tokoh yang nama mereka sudah dicalonkan adalah Mustafa Kamal Ataturk, Ishmet Inunu dan juga Anwar Basya. Namun begitu, majoriti rakyat Turki berharap supaya Mustafa Kamal Ataturk akan dipilih kerana beliau baru sahaja mendapat gelaran Al-Ghazi. Beliau juga pernah digelar sebagai Khalid Al-Walid Turki.

Bagi meyakinkan rakyat Turki persidangan ahli Dewan Perwakilan Nasional Turki itu mendapat perkenan Sultan Abdul Majid, maka beliau pun turut dijemput hadir. Beliau datang dengan memakai serban seperti yang dipakai oleh Muhammad Al-Fateh serta menyandang pedang Sultan Sulaiman Al-Qanuni. Sultan Abdul Majid diletakkan di satu tempat khas bagi mengikuti perjalanan persidangan tersebut.

Sehari sebelum persidangan, Mustafa Kamal Ataturk menjemput semua ahli dewan perwakilan nasional Turki datang ke kediamannya. Mereka dijamu dengan pelbagai jenis hidangan. Kemudian, mereka juga diberikan hadiah sebagai tanda penghargaan. Pada masa itulah, para pengikut setia Mustafa Kamal Ataturk memujuk ahli dewan perwakilan nasional Turki supaya memilih Mustafa Kamal Ataturk sebagai presiden. Dalam ucapannya semasa persidangan itu, Mustafa Kamal Ataturk menyampaikan cita-citanya mahu menjadikan Turki sebagai sebuah negara Islam yang maju seperti negara Barat.

“Selepas Turki menjadi negara republik, maka pelabur dari luar negara termasuklah negara Asia, Barat dan Eropah

akan datang melabur di negara kita. Dengan cara itu, Turki akan maju setanding dengan negara Inggeris, Jerman dan Perancis. Agama Islam akan terus berkembang kerana kita akan memeliharanya. Sultan pula akan terus berada di atas takhtanya kerana sultan adalah tonggak negara," kata-kata Mustafa Kamal Ataturk itu memukau seluruh ahli dewan perwakilan nasional Turki.

Apa yang lebih mengejutkan adalah apabila dua orang tokoh yang namanya dicalonkan bagi merebut jawatan presiden tiba-tiba mengumumkan penarikan diri mereka pada saat-saat akhir sebelum pengundian dijalankan. Dengan itu, Mustafa Kamal Ataturk secara automatik menang tanpa bertanding. Orang ramai juga berasa gembira dengan pemilihan itu. Mereka menaruh harapan yang besar kepada Mustafa Kamal Ataturk supaya beliau mengotakan janji-janjinya.

Selain Mustafa Kamal Ataturk, rakyat Turki juga menghormati Sultan Abdul Majid. Beliau adalah Sultan Uthmaniah yang ke-36. Nama penuh beliau adalah Sultan Abdul Majid bin Sultan Abdul Aziz. Beliau dilantik menjadi sultan bagi menggantikan Sultan Muhammad Resyad yang melarikan diri ke Malta. Punca Sultan Muhammad Resyad melarikan diri kerana beliau takut menerima nasib yang sama seperti Sultan Abdul Hamid II yang dijatuhkan daripada takhtanya, kemudian dikurung bersama keluarganya di dalam sebuah istana lama di Salonika.

Sultan Abdul Majid dilantik anggota majlis syura yang terdiri daripada para ulama Turki. Mereka memilih baginda kerana baginda adalah seorang yang baik akhlaknya dan

terpelajar. Pada setiap hari Jumaat, Sultan Abdul Majid datang ke masjid untuk berjumpa dengan orang ramai serta bersembahyang Jumaat. Beliau memakai serban seperti serban yang pernah dipakai oleh Sultan Muhammad Al-Fateh. Selain itu, beliau juga sering menyandang pedang Sultan Sulaiman Al- Qanuni.

Sultan Sulaiman Al-Qanuni dilantik menjadi sultan ketika berumur 26 tahun. Beliau adalah seorang yang kuat semangat dan sabar apabila menghadapi penentangan daripada mereka yang tidak menyukainya. Dengan kesabaran serta kecerdikannya, maka akhirnya semua penentangnya tidak berani menentangnya lagi. Kemudian, beliau meluaskan kawasan pemerintahan sehingga ke Rhodesia. Beliau juga menjalin hubungan yang baik dengan Perancis sehingga tidak pernah tercetusnya peperangan.

Sultan Abdul Majid mahu mencontohi Sultan Sulaiman Al-Qanuni. Beliau tahu terdapat pelbagai dugaan yang terpaksa dihadapi. Ramai pula penentang yang mahu melihat kejatuhannya. Oleh sebab beliau sentiasa cuba mendekati rakyat, menjadikan beliau begitu dihormati dan disayangi oleh seluruh rakyatnya.

Mustafa Kamal Ataturk yang sikap semula jadinya tidak mahu ada orang lain yang melebihi dirinya berasa kurang senang dengan penghormatan yang diberikan oleh orang ramai kepada Sultan Abdul Majid.

“Saya mendapat maklumat ada percubaan bagi membunuh tuanku. Mereka dijangka melakukannya ketika tuanku

dalam perjalanan pergi ke masjid ataupun pulang dari masjid. Oleh sebab itu, saya menasihatkan tuanku supaya jangan pergi ke mana-mana lagi," kata Mustafa Kamal Ataturk dalam satu pertemuan dengan Sultan Abdul Majid.

"Hanya Tuhan yang berkuasa menghidup ataupun mematikan saya. Oleh itu, saya berserah hanya kepada-Nya," kata Sultan Abdul Majid.

"Sekiranya tuanku terbunuh ataupun cedera, maka kami yang akan dipersalahkan. Orang ramai berasa bimbang keselamatan mereka. Oleh sebab itu, sebagai presiden saya tidak mahu dipersalahkan," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Sembahyang Jumaat itu hukumnya wajib bagi orang lelaki yang cukup syaratnya. Oleh sebab itu, tidak ada yang boleh menghalang saya bagi menunaikannya," tegas Sultan Abdul Majid.

"Sembahyang Jumaat boleh dikecualikan dalam keadaan tertentu. Contohnya, orang yang sakit ataupun bimbang keselamatannya terancam. Oleh sebab sudah ada ancaman mahu membunuh tuanku, maka tuanku boleh sembahyang di rumah sahaja," kata Mufti Islam Muhammad Zhiayauddin Afandi yang turut dibawa berjumpa dengan Sultan Abdul Majid. Dia juga yang mengeluarkan fatwa Sultan Abdul Hamid II perlu digulingkan.

"Mulai hari ini, tuanku tidak dibenarkan lagi keluar dari istana. Tuanku tidak dibenarkan lagi pergi ke masjid walaupun pada hari Jumaat dan tuanku juga tidak boleh

lagi bertemu dengan orang ramai," kata Mustafa Kamal Ataturk.

Sejak itu, Sultan Abdul Majid tidak pernah lagi kelihatan keluar dari istana. Malahan, kediamannya juga dikawal ketat oleh pihak tentera menyebabkan orang ramai tidak boleh menemuinya. Kemudian, satu demi satu hak keistimewaan sultan dihapuskan. Pada suatu hari, Mustafa Kamal Ataturk didatangi Matir Salam dan Hayim Na'um.

"Adakah tuan sudah lupa janji yang pernah diucapkan sebelum menjadi presiden?" tanya Matir Salam.

"Saya tidak pernah lupa," jawab Mustafa Kamal Ataturk.

"Pihak Inggeris sedang menunggu kedatangan wakil tuan ke Luzan bagi menandatangani perjanjian damai. Kedatangan kami bagi mengingatkan tuan presiden yang Inggeris akan mengambil sikap bermusuhan sekiranya tuan menolaknya," kata Hayim Na'um pula.

"Saya akan menghantar wakil pada bulan hadapan," janji Mustafa Kamal Ataturk.

Kemudian, katanya lagi, "Saya harap selepas perjanjian damai nanti, Inggeris tidak mungkir janji bagi mengeluarkan tenteranya dari Turki serta memberikan kemerdekan kepada kami bagi memerintah negara ini."

"Inggeris mahukan dua syarat dipenuhi. Pertama, serahkan Mausil kepada Inggeris dan kedua, mereka mahu Turki hanya diperintah oleh seorang presiden," kata Matir Salam.

"Maksud kamu, sistem Khalifah Uthmaniah di-hapuskan?"

tanya Mustafa Kamal Ataturk yang mahukan kepastian.

“Adakah tuan mahu negara ini diperintah oleh dua orang pemimpin? Seorang presiden dan seorang lagi sultan? Kapal kecil yang belayar di tengah-tengah lautan juga akan karam sekiranya mempunyai dua orang nakhoda,” kata Matir Salam.

“Singkirkan sultan supaya kuasa hanya berada di tangan presiden,” kata Hayim Na’um.

“Sebenarnya, saya juga sedang merancang bagi menyingkirkan Sultan Abdul Majid. Saya juga semakin membencinya,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Lakukan sekarang dan jangan buang masa lagi. Di samping itu, pastikan sistem khalifah dihapuskan sepenuhnya dan tidak ada lagi penggantinya,” pesan Matir Salam.

Pada 3 Mac 1924, Mustafa Kamal Ataturk mengadakan sidang khas Dewan Perwakilan Nasional Turki. Beliau berucap dengan panjang lebar perihal permintaannya supaya memutuskan semua hal yang berhubungan dengan Islam dari Turki, menghapuskan sistem khalifah Islam buat selama-lamanya, mengusir sultan, keluarganya serta penyokongnya keluar dari Turki dan juga harta mereka dirampas di samping menukar undang-undang Islam dengan undang-undang Barat. Cadangannya itu disokong sebulat suara oleh ahli dewan perwakilan tanpa adanya bantahan.

Barulah rakyat Turki sedar siapa Mustafa Kamal Ataturk

yang sebenarnya. Rasa kasih dan sayang serta hormat mereka bertukar menjadi benci. Namun begitu, semuanya sudah terlambat ibarat nasi sudah menjadi bubur. Mustafa Kamal Ataturk sudah pun berkuasa penuh dan boleh melakukan apa sahaja tanpa ada sesiapa pun yang boleh menghalangnya.

Pada tahun 1925, penduduk wilayah tenggara Turki memberontak tetapi mereka berjaya ditumpaskan dengan menggunakan kekuatan tentera. Ekoran kejadian itu, masjid ditutup dengan alasan menjadi tempat atau medan bagi menentang pemerintah. Masjid Aya Sofia pula dijadikan muzium, manakala Masjid Al-Fateh dijadikan gudang dan hanya Masjid Abu Ayub Al-Ansari yang tidak berjaya ditutup.

Pada tahun 1926, hukum Islam digantikan dengan hukum Swis. Tarikh Hijrah pula digantikan dengan tarikh Masihi. Huruf Jawi digantikan dengan huruf Latin atau Rumi. Kaum wanita disuruh berpakaian seperti wanita Barat, manakala kaum lelaki tidak dibenarkan memakai serban. Seterusnya, al-Quran diterjemahkan ke dalam bahasa Turki dan azan juga dilaungkan dalam bahasa Turki. Penduduk Manyamin memberontak tetapi berjaya ditumpaskan oleh tentera Turki.

Ahmad Syauqi, iaitu penyair terkenal Turki yang pernah menyanjung Mustafa Kamal Ataturk dalam bait-bait puisinya mula menunjukkan kebenciannya. Pada suatu ketika dahulu, dia pernah menyamakan Mustafa Kamal Ataturk dengan Khalid Al-Walid. Bait-bait puisi hasil nukilannya adalah sepertimana berikut.

Allahuakbar

Penaklukan demi penaklukan sungguh mengagumkan

Wahai Khalid Al-Walid Turki

Berjuanglah seperti Khalid Arab

Ahmad Syauqi juga pernah menyamakan Mustafa Kamal Ataturk dengan Salahuddin Al-Ayubi menerusi puisinya yang berbunyi sepertimana berikut.

Kamu tempuhi perjuangan para budiman di Jerusalem

Di mana musuh berjuang tanpa mengenal hukum dan kesopanan

Kamu meraih kemenangan demi kemenangan

Seperti Putera Ayubi

Malahan, Mustafa Kamal Ataturk pernah disamakan dengan pahlawan-pahlawan Perang Badar menerusi puisinya sepertimana berikut.

Pada hari Badar

Di mana kebenaran menari dengan gembira

Hari ini kita menari sambil mengucap

Selamat pulang wahai pahlawan Badar

Selepas Ahmad Syauqi benar-benar mengetahui siapa Mustafa Kamal Ataturk yang sebenarnya, maka dia pun mengubah bait-bait puisinya.

Kini irama pengganti menjadi ratapan

Kita meratap di tengah-tengah kegembiraan

Kamu kafankan malam pengantin

Dan kamu pergi tatkala pagi menjelang

Mimbar dan laungan azan melambaimu

Sedang takhta meratap menangisi pemergianmu

Dari India hingga ke Mesir terdengar ratapan

Menangisi pemergianmu

Syam, Iraq dan Parsi tertanya-tanya

Mengapakah Khalifah dihapuskan daripada bumi ini?

Alangkah malangnya

Selepas merdeka dikubur hidup

Dibunuh tanpa melakukan kesalahan

Ahmad Syauqi juga semakin berani menyelar Mustafa Kamal Ataturk dengan menulis sebuah puisi yang ternyata mendapat perhatian ramai.

Kemuliaan sudah tergelincir dalam kebinasaan

Kini tiada lagi harapan mengiringi pemergiannya

Khalifah dimusnahkan tanpa pembelaan

Mereka tidak mahu lagi kaum Muslimin wujud

Mereka menjadi kelompok besar dalam kesesatan

Kutatap diriku, bangsaku dan tanah airku

Semuanya lenyap sekelip mata

Apabila seorang yang kejam menjadi pemimpin

Orang-orang yang merdeka menjadi hamba

Perjanjian Luzan

Selepas lima bulan dilantik menjadi Presiden Turki yang pertama dan selepas 20 hari Khalifah Uthmaniah dihapuskan, maka Mustafa Kamal Ataturk pun menghantar tiga orang wakilnya ke Luzan, Switzerland bagi merundingkan perdamaian dengan Inggeris dan sekutunya.

“Keadaan di dalam negeri masih belum aman kerana puak pemberontak dijangka melakukan keganasan pada bila-bila masa sahaja. Oleh sebab itu, saya tidak boleh meninggalkan Turki. Kamu bertiga adalah wakil saya bagi merundingkan perjanjian damai dengan Inggeris di Luzan,” kata Mustafa Kamal Ataturk yang memberikan amanat kepada tiga orang wakil tersebut.

Mereka terdiri daripada Ishmet Basya, Menteri Luar Turki, Dr. Ridha Nur, Menteri Kesihatan Turki dan Hassan Saqa, Menteri Kewangan Turki. Mereka diamanahkan supaya mengutamakan kepentingan Turki dan dinasihatkan supaya jangan mudah terpedaya dengan musuh.

“Tugas kamu ke Luzan adalah demi mendapatkan kemerdekaan negara kita. Lakukan apa sahaja, asalkan mereka bersetuju menarik keluar tentera mereka dari Istanbul,” pesan Mustafa Kamal Ataturk.

“Bagaimanakah sekiranya mereka mengenakan syarat yang merugikan kita?” tanya Ishmet Basya pula.

“Kemerdekaan negara kita adalah jauh lebih berharga daripada segala-galanya walaupun kita terpaksa kehilangan Istanbul. Oleh sebab itu, jangan terlalu berkeras dengan mereka. Hadapi mereka di meja perundingan dengan cara yang lembut,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

Beberapa hari sebelum itu, Mustafa Kamal Ataturk didatangi Matir Salam dan Hayim Na’um. Kedua-dua lelaki Yahudi itu bekerja dengan Inggeris dan menjadi orang tengah bagi mewujudkan perdamaian.

“Syarat pertama Inggeris sudah pun tuan penuhi. Ucapan setinggi-tinggi tahniah daripada kami atas kejayaan tuan menghapuskan Khalifah Uthmaniah,” kata Matir Salam dengan gembira.

“Inggeris, Perancis dan Rusia sudah berusaha bagi menumbangkan Khalifah Uthmaniah selama berpuluh-puluh tahun tetapi tidak pernah berjaya tetapi tuan dapat menumbangkannya dalam masa sehari sahaja. Alangkah hebatnya Tuan Presiden Mustafa Kamal Ataturk,” puji Hayim Na’um pula.

“Ternyata, tuan sudah memberikan hadiah yang paling berharga kepada umat Kristian di seluruh dunia. Jasa tuan

itu mendapat pujian dan sanjungan daripada mereka," kata Matir Salam sambil tertawa.

"Oleh sebab itu, sepatutnya Inggeris tidak perlu lagi mengenakan sebarang bentuk syarat. Alangkah baiknya sekiranya wujud perdamaian tanpa syarat," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Syarat pertama yang begitu sukar, iaitu menghapuskan Khalifah Uthmaniah dapat tuan laksanakan dengan begitu mudah. Apatah lagi syarat kedua, iaitu menyerahkan Iraq kepada Inggeris, manakala Syria kepada Perancis, pasti lebih mudah, bukankah begitu?" kata Matir Salam.

"Bagi saya, syarat kedua itu yang paling sukar kerana melibatkan kepentingan rakyat. Orang ramai pasti tidak bersetuju sekiranya kami serahkan Iraq kepada Inggeris dan Syria kepada Perancis. Saya yakin rakyat Turki sanggup berjihad bagi merebutnya semula," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Jangan bimbang kerana kuasa mutlak sekarang sudah berada di tangan tuan. Sekiranya perlu menggunakan kekuatan tentera bagi memaksa rakyat Turki menerima perjanjian damai ini, kami sedia menghulurkan bantuan" kata Hayim Na'um.

"Saya ada cara saya yang tersendiri bagi menyelesaikan masalah ini. Saya yakin saya akan berjaya menyelesaikannya," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Boleh kami tahu apakah perancangan tuan itu? Mungkin kami boleh membantu kejayaannya," kata Hayim Na'um.

“Saya rahsiakan syarat perjanjian damai ini daripada pengetahuan tiga wakil saya ke Luzan. Biar mereka sendiri yang membuat keputusan. Sekiranya terdapat bantahan nanti, mereka bertiga yang akan dipersalahkan,” beritahu Mustafa Kamal Ataturk dengan rasa bangga.

“Tuan sememangnya bijak. Tidak sia-sia usaha kami supaya tuan menjadi Presiden Turki,” kata Matir Salam.

Oleh sebab itu, tiga orang wakil yang pergi ke Luzan tidak mengetahui apa-apa syarat perjanjian yang akan diminta Inggeris, manakala British pula sudah menghantar Lord Kerzon sebagai wakil mereka.

Lord Kerzon sudah diingatkan oleh Perdana Menterinya yang kerajaan British bersetuju menarik keluar pasukan tenteranya dari Istanbul dengan syarat wilayah Mausil yang kaya dengan minyak diserahkan kepada mereka.

Dalam perundingan itu, Lord Kerzon sudah pun berterus terang kepada wakil Turki, iaitu salah satu syarat perdamaian adalah kawasan Mausil di Iraq perlu diserahkan kepada British.

“Kami mahu perjanjian perdamaian tanpa syarat. Kami juga tidak mahu kehilangan Mausil, iaitu wilayah yang kaya dengan sumber minyak,” kata Ishmet Basya.

“Kami mahukan wilayah Mausil bukan kerana minyak tetapi kawasan tersebut sudah dijadikan markas tentera British di Timur Tengah,” kata Lord Kerzon.

Pusingan pertama perundingan perjanjian damai berakhir

tanpa sebarang persetujuan dan mereka mengambil keputusan untuk pulang ke negara masing-masing. Sebelum berangkat pulang, Lord Kerzon menemui Ishmet Basya, lalu berbisik ke telinganya, “Mausil itu adalah kawasan tandus yang kering-kontang. Apakah yang kamu dapat sekiranya kamu mengambilnya? Lebih baik kamu ambil Syria yang tanahnya subur. Kami akan membantu kamu dan hanya dengan sekali serangan, pasti kami dapat merebutnya semula,” bisik Lord Kerzon.

“Adakah kamu mahu kami berperang dengan Perancis?” tanya Ishmet Basya.

“Sekiranya kamu merebut Mausil, pasti kamu akan berperang dengan Inggeris. Tentera kami sudah berada di Istanbul,” jawab Lord Kerzon.

“Adakah kamu tahu yang rakyat Turki sedang mengumpul kekuatan bagi mengusir tentera kamu dari situ?” tanya Ishmet Basya pula.

“Kami cuba mengelak daripada berlakunya per-tempuran. Oleh sebab itulah kami tawarkan perdamaian,” jawab Lord Kerzon.

“Syarat kamu itu akan membuatkan rakyat Turki berpecah belah. Ada yang menyokong dan pasti ada yang akan menentang,” kata Ishmet Basya.

“Akhirnya, mereka akan menyokong dan bersetuju dengan syarat yang kami mahukan,” ujar Lord Kerzon sambil tersenyum.

Ishmet Basya, Rhida Nur dan Hassan Saqa pulang ke Turki, lalu menghadap Mustafa Kamal Ataturk bagi membuat laporan.

“Pihak lawan mahukan wilayah Mausil sebagai syarat Perjanjian Luzan. Kami tidak dapat menerimanya menyebabkan pertemuan terpaksa ditangguhkan,” beritahu Ishmet Basya kepada Mustafa Kamal Ataturk.

“Kami yakin sejak dari awal lagi pihak Inggeris mahukan Mausil kerana di sana ada sumber minyak. Namun begitu, Kerzon menafikannya dengan mengatakan masalah Mausil tidak ada kaitannya dengan minyak. Berkali-kali dia mengulanginya dengan mengatakan bukan kerana minyak. Sekiranya begitu, pasti ada perkara lain yang lebih berharga daripada minyak,” kata Ridha Nur pula.

“Kami berpendapat Mausil adalah kawasan yang sememangnya strategik. Sesiapa sahaja yang dapat menguasai Mausil, maka mereka akan dapat menguasai Baghdad. Sekiranya kita bersetuju menyerahkan Mausil, bererti kita juga menyerahkan Baghdad dan seluruh Iraq kepada British. Oleh sebab itu, kami dengan tegas menolaknya,” kata Hassan Saqa.

Mustafa Kamal Ataturk kelihatan tenang sahaja apabila mendengar laporan daripada ketiga-tiga orang wakilnya itu. Malahan, beliau tidak kelihatan marah ataupun berdukacita sepanjang pertemuan itu. Selepas ketiga-tiga mereka selesai menyampaikan laporan pertemuan masing-masing ketika berada di Luzan, maka Mustafa Kamal Ataturk pun bertanya, “Sekiranya begitu, apakah perancangan kamu

sekarang? Saya tidak mahu perbincangan yang berkaitan dengan perjanjian perdamaian itu dihentikan. Ia perlu diteruskan sehingga mencapai kejayaan."

"Apa yang pasti, kita masih mempunyai banyak pilihan. Pertama, rebut Mausil dengan kekerasan. Sekiranya itu pilihan kita, maka kita terpaksa berperang sekali lagi dengan Inggeris dan Perancis. Itu tidak akan menjadi masalah kerana rakyat Turki sanggup berjihad walau hanya dengan bersenjatakan pisau. Pilihan kedua, kita tawarkan hak mencari dan menggali minyak kepada Inggeris tetapi kawasan Mausil tetap menjadi hak milik kita," jawab Ishmet Basya.

"Saya lebih bersetuju dengan cara yang kedua. Kita hantar wakil ke London dan buat tawaran terus kepada kerajaan British berkaitan dengan pemberian hak mencari gali minyak di Mausil," sokong Ridha Nur pula.

"Saya juga bersetuju dengan cara itu," Hassan Saqa juga memberikan persetujuan.

"Sekiranya begitu, kamu boleh usahakan dan kita sama-sama lihat bagaimana hasilnya," kata Mustafa Kamal Ataturk. Beliau kelihatan acuh tidak acuh sahaja seolah-olah sudah mengetahui apa hasilnya nanti.

Kedatangan utusan dari Turki itu langsung tidak diendahkan oleh kerajaan British. Malahan, mereka menyatakan sudah memberi tanggungjawab itu kepada Lord Kerzon.

"Kamu sudah membelakangi Lord Kerzon. Oleh sebab itu,

kami tidak dapat menerimanya," beritahu wakil kerajaan Inggeris.

Mereka pulang ke Turki dengan perasaan hampa. Kemudian, Mustafa Kamal Ataturk tetap menyuruh mereka mengatur pertemuan kedua di Luzan, Switzerland.

"Matlamat utama kita adalah bagi memastikan British mengundurkan tenteranya dari Istanbul dan memberikan kita kemerdekaan serta kebebasan memerintah sendiri negara ini. Sekiranya mereka tetap berkeras mahukan Mausil, maka berikan sahaja kepada mereka. Malahan, sekiranya mereka mahukan Istanbul sekali pun, kita sanggup berikan kepada mereka apatah lagi Mausil," pesan Mustafa Kamal Ataturk kepada tiga orang wakil itu sebelum berlepas ke Luzan.

"Mungkin dia dalam keadaan mabuk kerana baru sebentar tadi dia meneguk arak," bisik Hassan Saqa ke telinga Ridha Nur.

"Saya tidak percaya kata-kata pengecut itu keluar dari mulut Presiden Turki yang pernah mendapat gelaran Al-Ghazi," balas Ridha Nur pula.

"Wahai tuan presiden yang kami hormati, kawasan Mausil kaya dengan minyak. Sekiranya kawasan itu terlepas ke tangan Inggeris, mereka akan menjadi kaya-raya sedangkan kita terus miskin," kata Ishmet Basya dengan nada suara yang lunak bimbang dimarahi oleh presiden.

"Sekiranya kita mendapat Mausil, apakah yang mampu kita lakukan? Apa yang pasti, kita masih belum ada

kemampuan bagi menggali minyak. Kita juga tidak mempunyai tenaga kerja yang mahir. Oleh sebab itu, biarkan sahaja mereka mengambilnya," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Bagaimanakah pula dengan Perancis di Syria?" tanya Ishmet Basya lagi.

"Apa yang penting adalah kemerdekaan. Kita masih mempunyai kawasan yang luas untuk diperintah. Biarkan sahaja mereka mengambil Mausil dan Syria," jawab Mustafa Kamal Ataturk dengan wajah serius.

"Adakah ini arahan daripada tuan presiden?" tanya Ishmet Basya yang mahukan kepastian.

"Saya bertanggungjawab ke atas negara Turki. Adakah kamu tidak sanggup memikul tanggungjawab hanya untuk sebuah perjanjian?" tanya Mustafa Kamal Ataturk pula.

Barulah mereka sedar keputusan perundingan di Luzan itu sudah pun ditentukan oleh Mustafa Kamal Ataturk. Mereka tidak perlu lagi mempertahankan apa yang sepatutnya dipertahankan. Ishmet Basya, Ridha Nur dan Hassan Saqa berangkat ke Luzan dengan perasaan yang dukacita. Mereka ibarat pahlawan yang sudah diikat tangan dan ditutup mulutnya.

Persidangan kali kedua di Luzan memperlihatkan pihak Inggeris disertai lapan buah negara termasuklah Perancis, Amerika, Jerman, Itali, Jepun dan beberapa buah negara Eropah. Manakala Turki hanya datang bersendirian.

“Saya berasa sungguh dukacita kerana mereka sudah membelakangi saya dengan menghantar wakil ke London bagi memberikan satu tawaran yang sungguh memalukan. Mereka juga tidak mendapat apa-apa, malahan pulang dengan tangan kosong. Apa yang pasti, tindakan mereka itu adalah kurang bijak dan juga kurang waras kerana saya sudah diberikan tanggungjawab bagi menyelesaikan masalah Mausil. Tidak ada seorang pun melainkan saya yang dapat menyelesaikan perkara ini,” kata Lord Kerzon dengan nada marah.

“Mereka pergi ke London hanya mahu melawat muzium,” dalih Ridha Nur yang berasa tidak tahan mendengar kata-kata Lord Kerzon itu.

“Sekiranya Tuhan menghendaki saya, boleh sahaja saya menyambut kedatangan mereka di London dan menemani mereka pergi ke muzium,” tempelak Lord Kerzon dan disambut dengan ketawa mengejek anggota-anggota perwakilan yang lain.

Selepas berpuas hati kerana dapat mempersendakan tiga orang wakil Turki itu, maka Lord Kerzon pun keluar dari tempat persidangan dengan alasan ada urusan yang lebih penting. Dia menyerahkan tugasnya kepada pembantunya yang bernama Niominiar.

Kini, giliran Niominiar pula yang mencerca per-wakilan Turki itu. Dia mengakhiri ucapannya dengan satu ancaman, iaitu mereka tidak dibenarkan pulang ke Turki sekiranya tidak bersetuju dengan syarat perjanjian itu sedangkan tiga orang perwakilan itu tidak berani bersuara bagi

mempertahakan diri kerana sudah dipesan oleh Mustafa Kamal Ataturk.

“Kita tandatangani sahaja perjanjian itu,” bisik Ishmet Basya kepada Ridha Nur dan Hasan.

“Aku bimbang dituduh penakut dan penghianat,” balas Ridha Nur pula.

“Jangan bimbang kerana kita perlu berani. Sekiranya kita bersetuju, pasti tidak berlaku sesuatu yang serius kerana kita dilindungi oleh tuan presiden. Sebaliknya, sekiranya kita pulang dengan merosakkan perjanjian ini, pasti kita tidak disenanginya,” kata Ishmet Basya.

Akhirnya, mereka bersetuju dengan syarat-syarat Perjanjian Luzan. Berita itu pun segera disampaikan kepada Mustafa Kamal Ataturk. Beliau berasa sungguh gembira, lalu membuat persiapan bagi menyambut kepulangan tiga orang perwakilan itu. Kepulangan mereka disambut sebagai pahlawan walaupun hakikatnya mereka baru sahaja menyerahkan kehormatan negara kepada pihak musuh.

Atas Nama Revolusi

Pada 30 November 1923, Mustafa Kamal Ataturk mengadakan satu mesyuarat luar biasa ahli majlis tertinggi rakyat. Dalam mesyuarat tersebut, beliau mencadangkan supaya negara Turki dijadikan sebuah republik, manakala Mustafa Kamal Ataturk menjadi presiden. Tidak ada seorang pun yang membantah, malahan mendapat sokongan penuh kerana sebelum mesyuarat bermula, Mustafa Kamal Ataturk sudah pun menemui mereka bagi menyatakan cadangannya itu. Oleh sebab itu, apabila dikemukakan dalam mesyuarat, dengan mudahnya cadangannya itu mendapat sokongan penuh daripada ahli majlis tertinggi rakyat.

Pada 1 Disember 1923, pengisytiharan Turki menjadi sebuah republik diadakan dengan rasminya dengan tembakan meriam sebanyak 101 das. Pada ketika itu, barulah orang ramai mula membuat bantahan. Mereka mempersoalkan mengapa pengisytiharan Turki menjadi sebuah negara republik dibuat secara terburu-buru dan hanya diputuskan oleh ahli majlis tertinggi rakyat.

“Rakyat tidak dimaklumkan terlebih dahulu. Ketua-ketua agama dan kaum tidak dibawa berbincang dan apa yang lebih mengejutkan adalah sultan sendiri tidak dimaklumkan terlebih dahulu,” kata Maulana Syamir yang menyatakan bantahannya.

“Saya juga berasa hairan mengapa pengisytiharan itu dilakukan dengan tembakan meriam 101 das. Sepatutnya diadakan bacaan doa kerana itu adalah lebih sesuai dengan Islam,” kata imam Masjid Aya Sofia pula.

“Mengapakah negara kita dijadikan negara republik? Mengapakah perlunya ada presiden sedangkan kita sudah ada sultan,” kata yang lain pula.

“Hanya sultan yang boleh membatalkan pengisytiharan itu dan hanya sultan juga yang boleh melucutkan semula jawatan Mustafa Kamal Ataturk,” kata yang lain pula.

Mereka menemui Sultan Abdul Hamid bagi mengemukakan bantahan itu dan seterusnya memohon kepada beliau supaya mengembalikan semula keadaan asal serta membatalkan jawatan presiden.

Apabila Mustafa Kamal Ataturk mendapat tahu perkara itu, beliau pun pergi ke Azmir dengan bertemankan Perdana Menterinya, iaitu Rahmat Basya, Panglima Angkatan Tentera Fauzi Bik, Menteri Pertahanan Turki, iaitu Kazhim Basya dan beberapa orang lagi.

“Saya mendapat laporan Sultan Abdul Hamid tidak bersetuju negara ini dijadikan sebagai negara republik. Jawatan saya sebagai presiden juga akan dilucutkan.

Adakah beliau yang lebih berkuasa daripada ahli majlis tertinggi rakyat? Apa yang pasti, saya yang lebih berkuasa daripada sultan, bukankah begitu?" kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Kita perlu bertindak pantas sebelum sultan membuat pengisytiharan kepada orang ramai," kata Rahmat Basya.

"Sekiranya perlu, saya akan kerah pasukan tentera," kata Fauzi Bik.

"Saya menyokong apa sahaja tindakan kamu," kata menteri pertahanan, iaitu Kazhim Basya.

"Saya mahu sultan digulingkan dan perlu dibawa keluar dari istananya. Sekiranya berlaku pemberontakan, maka gunakan tentera bagi menghalangnya," kata Kamal Mustafa Ataturk. Kesemua menyatakan persetujuan.

Kemudian, Mustafa Kamal Ataturk berkata lagi, "Saya mahu Kementerian Syariat dan Kementerian Wakaf juga dihapuskan. Kementerian Pelajaran pula perlu menyusun program baru supaya sesuai dengan semangat republik. Yang ada di Turki hanyalah sekolah moden. Dengan itu, sekolah agama akan ditutup."

"Kami bersetuju tetapi bagaimanakah pula dengan pandangan ahli majlis tertinggi rakyat nanti? Adakah mereka akan bersetuju?" tanya Kazhim Basya.

"Perkara itu kamu jangan bimbang kerana saya yang akan berurusan dengan mereka. Apa yang penting sekarang ini adalah saya perlu mendapatkan persetujuan dan sokongan

daripada kamu terlebih dahulu," jawab Mustafa Kamal Ataturk.

Beberapa hari kemudian, Mustafa Kamal Ataturk mengemukakan perkara itu kepada ahli majlis tertinggi rakyat. Ramai yang menyokong tetapi tetap ada yang membantahnya.

"Saya memohon bagi menjadi ahli majlis sepenuh masa. Dengan itu, saya mahu melepaskan jawatan saya dalam angkatan tentera," kata Kazhim Qarrah Bakr, iaitu seorang panglima angkatan tentera.

"Saya juga mahu mengikut jejak langkahnya," kata Ali Fuad Basya.

"Saya juga," kata Rif'at Basya.

Mereka bertiga menghantar surat perletakan jawatan dalam angkatan tentera. Tindakan itu diikuti pula oleh Rauf Orbay dan Ja'afar Tayyar yang mewakili Pertubuhan Islam dalam angkatan tentera Turki.

Mustafa Kamal Ataturk dapat menghidu bahaya yang sedang menunggunya daripada kalangan ahli majlis tertinggi rakyat. Dengan itu, disuruhnya semua pegawai tentera yang menjadi ahli majlis meletak jawatan supaya dapat menumpukan sepenuh masa dan perhatian pada angkatan tentera. Tempat mereka digantikan oleh mereka yang benar-benar dipercayai oleh Mustafa Kamal Ataturk sendiri.

"Sesungguhnya, orang-orang kafir akan datang. Mereka

akan memaksa kamu semua memakai topi koboi, memijak-mijak al-Quran dan merogol isteri-isteri, ibu-ibu dan anak-anak gadis kamu semua," kata Lord Carington, iaitu wakil Inggeris yang dihantar bagi menemui Mustafa Kamal Ataturk.

Kemudian, katanya lagi, "Bukankah tuan presiden yang mengucapkan kata-kata itu bagi membakar semangat jihad rakyat Turki? Hasilnya, mereka berjaya mengalahkan orang-orang Greek."

"Memang benar saya yang mengucapkan kata-kata itu setiap kali berjumpa dengan orang ramai. Apa yang pasti, mereka dengan sukarela menawarkan diri untuk berperang," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Namun begitu, kata-kata itu tidak dapat mengalahkan tentera British. Akhirnya, Turki mengaku kalah, lalu termeterainya perjanjian damai," kata Lord Carington sambil tersenyum.

"Tentera Turki masih sanggup berperang tetapi saya yang mencadangkan supaya diadakan gencatan senjata dan perdamaian," kata Mustafa Kamal Ataturk pula.

"Selepas perang dapat dihentikan, maka apakah gunanya lagi kata-kata itu bagi tuan?" tanya Lord Carington lagi.

"Kata-kata itu hanya sesuai diucapkan ketika berlakunya peperangan. Selepas wujudnya perdamaian, kata-kata itu perlu dibuang sahaja. Tambahan pula, sebahagian daripada tentera Turki sudah pun pulang ke rumah masing-masing dan hanya sebahagian sahaja lagi yang masih

bertugas mengawal negara," jawab Mustafa Kamal Ataturk.

"Tidakkah tuan presiden sedar tindakan itu ibarat mengajar anak serigala memakan daging. Akhirnya nanti, mereka akan menerkam tuannya sendiri," kata Lord Carington.

"Apakah maksud kamu?" tanya Mustafa Kamal Ataturk.

"Wahai tuan presiden, saya dihantar oleh kerajaan British bagi mengingatkan tuan, di hadapan tuan sekarang ini hanya ada dua pilihan, iaitu sama ada membawa negara Turki ke arah Islam ataupun sekular. Sekiranya tuan menuju ke arah Islam, pastinya tuan perlu bersedia untuk berperang dengan kami sekali lagi. Sekiranya ke arah sekular, maka tuan hanya perlu ikut cara kami dan kami tidak akan menganggu negara tuan," jawab Lord Carington.

Kemudian, katanya lagi, "Sekiranya tuan presiden menuju ke arah Islam, maka tuan tidak boleh lagi meneguk arak, berfoya-foya dengan perempuan cantik dan sebagainya. Tuan perlu memakai jubah dan serban seperti yang dipakai oleh Sultan Muhammad Al-Fateh."

"Saya mahu negara Turki maju seperti negara kamu. Oleh sebab itu, saya memilih mengikut cara kamu," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Sekiranya begitu, tuan perlu menyuruh rakyat Turki supaya memakai topi koboi, memijak al-Quran dan jadikan pergaulan mereka semakin bebas," kata Lord Carington memberikan cadangan.

"Itu adalah sesuatu yang mustahil," sanggah Mustafa

Kamal Ataturk.

“Itu sahaja caranya sekiranya kamu mahu membawa rakyat Turki hidup bersama kami. Kenalkan kepada mereka dengan kehidupan sekular,” pujuk Lord Carington.

Kata-kata Lord Carington itu membuatkan Mustafa Kamal Ataturk berfikir panjang. Selama beberapa hari beliau memikirkannya. Akhirnya, beliau nekad bagi melaksanakannya.

“Tulis kata-kata saya ini di dalam buku catatan kamu,” arah Mustafa Kamal Ataturk kepada jurutulisnya, iaitu Mazhar Mufid dan Tsariyya.

Apabila Mazhar Mufid sudah bersedia memegang pen dan buku catatannya, maka Mustafa Kamal Ataturk pun berkata, “Mustafa Kamal Ataturk selaku Presiden Turki akan mengambil tindakan penting. Pertama, negara ini akan menjadi sebuah negara republik. Kedua, beliau akan mengambil tindakan ke atas sultan dan juga keluarganya. Ketiga, wanita Turki dibolehkan menanggalkan hijab dan keempat dihapuskan pemakaian serban dan kita akan memakai topi koboi seperti bangsa yang maju.”

Tiba-tiba, tangan Mazhar menggigil bagi menulisnya sehingga pen yang dipegangnya terjatuh. Apabila melihat keadaan itu, Mustafa Kamal Ataturk pun bertanya, “Mengapakah kamu tidak menulisnya?”

“Saya berasa sungguh gementar seperti sedang bermimpi,” jawab Mazhar Mufid.

“Kamu tidak bermimpi. Ia akan menjadi kenyataan tidak lama lagi. Teruskan sahaja menulis di dalam buku catatan itu,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Baiklah wahai tuan presiden,” kata Mazhar Mufid, lalu bersedia bagi menyambung catatannya.

“Tindakan saya yang kelima, kita akan menggunakan sepenuhnya huruf Latin bagi menggantikan huruf Arab,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Tiba-tiba, Mazhar Mufid berasa pandangannya berpinar-pinar. Dia berhenti menulis, lalu berkata, “Wahai tuan presiden. Saya sudah letih. Bolehkan kita berehat terlebih dahulu?”

“Baiklah. Namun begitu, pastikan buku catatan itu tidak dibaca oleh orang lain melainkan kita bertiga sahaja,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Malam itu, beliau tidur lena kerana sudah mencatatkan lima tindakan yang akan diambilnya. Keesokannya hari-nya, beliau bangun daripada tidur seperti biasa dan bersiap-siap pergi ke pejabat.

“Sultan Muhammad Al-Fateh memakai serban apabila keluar dari kediamannya. Tuan juga perlu memakainya supaya kelihatan segak dan bergaya,” kata Fatma, iaitu setiausaha peribadi Mustafa Kamal Ataturk.

“Saya tidak akan memakainya kerana sudah tidak sesuai lagi pada zaman ini. Saya lebih suka memakai topi koboi,” kata Mustafa Kamal Ataturk pula.

“Tuan akan dibenci oleh golongan agama kerana mereka menganggap memakai topi koboi itu hukumnya haram,” kata Fatma.

“Benarkah begitu? Siapakah tokoh agama yang paling berpengaruh sekarang ini?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Pastinya Hassan Fahmi, iaitu seorang mufti di Istanbul. Dia juga dikenali dengan nama mufti berjanggut merah,” jawab Fatma.

“Suruh dia datang menemui saya hari ini juga,” arah Mustafa Kamal Ataturk.

Sebaik sahaja Mufti Hassan Fahmi datang menghadap, maka Mustafa Kamal Ataturk pun terus menunjukkan topi koboi yang diberikan oleh Lord Carington, lalu beliau bertanya, “Apakah pendapat kamu perihal topi koboi ini?”

“Topi ini adalah pakaian orang Barat yang bukan Islam,” jawab Mufti Hassan Fahmi.

“Adakah Islam mewajibkan kamu memakai serban ini?” tanya Mustafa Kamal Ataturk sambil menunjuk serban yang dipakai oleh mufti itu.

“Hukumnya tidak wajib. Ramai yang memakai serban ini kerana ia pernah dipakai oleh Sultan Muhammad Al-Fateh,” jawab Mufti itu lagi.

“Sekiranya saya memakai topi koboi ini, adakah hukumnya berdosa?” tanya Mustafa Kamal Ataturk lagi.

“Tidak berdosa kerana larangan memakainya tidak

terdapat dalam al-Quran dan hadis," jawab Mufti Hassan Fahmi.

"Sekiranya begitu, saya mahu kamu memakainya," kata Mustafa Kamal Ataturk, lalu memberikan topi koboi itu kepada Mufti Hassan Fahmi. Dia pun memakainya.

Tidak berapa lama kemudian, Mustafa Kamal Ataturk mengarahkan pegawainya membeli topi koboi dari Eropah dalam jumlah yang banyak. Kemudian, dibangunkan pula beberapa buah perusahaan membuat topi koboi di Ankara.

Pada suatu hari, Mustafa Kamal Ataturk pergi melawat Istanbul. Beliau dan juga kesemua pengiringnya memakai topi koboi. Orang ramai juga diminta memakainya. Apa yang menarik adalah mereka boleh mendapatkan topi koboi itu secara percuma.

"Mengapakah tuan memilih Istanbul bagi menunjukkan topi koboi ini? Mengapakah bukan di Azmir?" tanya Falih Rifqi.

"Penduduk kota Azmir sudah sering kali melihat kedatangan saya dengan memakai topi koboi ini. Penduduk kota Istanbul ini baru pertama kali. Mereka pasti terpesona apabila melihat penampilan saya apabila memakai topi koboi ini," jawab Mustafa Kamal Ataturk dengan bangganya.

Kemudian, katanya lagi, "Pada suatu masa dahulu, Sultan Muhammad Al-Fateh datang ke sini dengan memakai serban. Sekarang giliran saya pula datang ke sini dengan memakai topi koboi pula. Pada pendapat kamu, siapakah yang lebih hebat?" tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Ternyata, tuanlah yang lebih hebat,” jawab Falih Rifqi. Mustafa Kamal Ataturk berasa senang hati apabila mendengarnya.

Tidak berapa lama kemudian, Mustafa Kamal Ataturk mengeluarkan surat pekelilling yang mengarahkan orang ramai supaya memakai topi koboi. Kemudian, disusuli pula arahan yang melarang pemakaian serban. Tindakan itu mendapat bantahan daripada orang ramai. Namun begitu, Mufti Hassan Fahmi menyokongnya dengan memberikan pelbagai alasan.

Bantahan paling keras berlaku di Siwas dan Ardhrum. Para pemimpin agama dan golongan tua mengatakan memakai topi koboi itu hukumnya haram kerana bertentangan dengan sunah nabi. Mustafa Kamal Ataturk segera menghantar pasukan tentera bagi menangkap mereka yang menentangnya. Malahan, sesiapa sahaja yang memakai serban ditangkap, lalu dijatuhkan hukuman gantung di hadapan khalayak ramai.

“Saya tetap mengatakan memakai topi koboi itu hukumnya haram,” kata Syeikh Abdullah dengan suara yang lantang tanpa sedikit pun berasa takut.

“Adakah memakai baju kemeja dan kot juga hukumnya haram?” tanya Kailij Ali, iaitu orang suruhan Mustafa Kamal Ataturk.

“Topi koboi adalah lambang orang-orang Kristian. Seperti juga tanda salib, orang Islam tidak boleh memakainya. Selain itu, memakai topi koboi ketika sembahyang akan menghalang dahi ketika bersujud dan tujuan utama

Mustafa Kamal Ataturk mengharamkan pemakaian serban sebenarnya adalah bagi menjauhkan rakyat Turki daripada Islam," jawab Syeikh Abdullah dengan berani.

"Bawa dia ke tempat hukuman gantung," arah Kailij Ali.

Selepas Syeikh Abdullah dibawa ke tempat hukuman gantung dan apabila lehernya sudah pun diikat dengan tali, maka Kailij Ali berkata lagi, "Saya mahu kamu mati dengan memakai topi koboi."

Lantas, dia pun memakaikan topi koboi itu di kepala Syeikh Abdullah. Kemudian, dia pun digantung sehingga mati dan mayatnya dibiarkan sahaja supaya menjadi tontonan orang ramai. Akhirnya, undang-undang memakai topi koboi itu dapat dilaksanakan sepenuhnya selepas kira-kira sepuluh ribu orang penentangnya mati ditali gantung.

"Selepas ini, saya mahu mewujudkan revolusi pendidikan," beritahu Mustafa Kamal Ataturk semasa mesyuarat dengan anggota kabinetnya. Kemudian, diterangkan pula makna revolusi pendidikan yang dimaksudkannya itu.

"Bagi melahirkan pelajar yang maju mengikut peredaran zaman, maka mata pelajaran bahasa Inggeris, matematik, ilmu sains dan juga sastera Inggeris akan dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah. Namun begitu, pelajaran agama Islam dan bahasa Arab tidak akan diajar lagi di sekolah. Hal ini bermakna sekolah agama akan ditutup," kata Mustafa Kamal Ataturk.

Kemudian katanya lagi, "Bagi mempelajari ilmu kemajuan seperti bahasa Inggeris dan ilmu sains, maka tulisan Jawi

akan dihapuskan dan digantikan dengan tulisan Rumi."

"Orang ramai pasti menentang terutama sekali para guru dan juga ibu bapa pelajar," kata Ishmet Inunu pula.

"Sesiapa sahaja yang menentang revolusi perlu dihapuskan. Sekiranya separuh daripada rakyat Turki menentangnya, saya rela mereka dihapuskan supaya yang tinggal hanyalah penyokong revolusi," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Kemudian, Mustafa Kamal Ataturk mengarahkan para cerdik pandai Turki bagi menterjemahkan undang-undang Perancis dan Swis ke dalam bahasa Turki.

"Inilah undang-undang yang paling sesuai untuk rakyat Turki," kata Mustafa Kamal Ataturk, lalu menyatakan tekadnya mahu menggantikan peranan undang-undang Islam.

Pada suatu hari, Mustafa Kamal Ataturk didatangi seorang pekerjanya bagi mengadukan masalahnya.

"Wahai tuan presiden yang bijaksana, saya mahu berkahwin dengan seorang gadis tetapi terhalang kerana kami saudara sesusuan. Namun begitu, kami sudah saling jatuh cinta. Bagaimanakah kami mahu mengatasi masalah ini?" kata pemuda itu bagi meluahkan rasa dukacitanya.

"Apakah maksud kamu dengan saudara sesusuan itu?" tanya Mustafa Kamal Ataturk.

"Semasa kami kecil dahulu, ibu gadis itu pernah menyusukan saya. Dalam masa yang sama, ibu saya juga

pernah menyusukan gadis itu. Tambahan pula, kami berjiran dan hubungan kami sudah seperti adik-beradik," jawab pemuda itu.

Mustafa Kamal Ataturk memanggil Dr. Redza yang diberikan tanggungjawab bagi menterjemahkan undang-undang Barat ke dalam bahasa Turki.

"Adakah undang-undang Barat juga melarang perkahwinan saudara sesusuan?" tanya Mustafa Kamal Ataturk.

"Perkara yang berkaitan dengan larangan berkahwin dengan saudara sesusuan, memang terdapat persamaan antara undang-undang Islam dengan undang-undang Barat. Contohnya, gereja Perancis melarangnya, begitu juga dengan undang-undang Swis. Mereka juga melarang berkahwin dengan saudara sesusuan," jawab Dr. Ali Redza selepas mengkaji undang-undang yang berkaitan saudara sesusuan.

"Mulai sekarang, saya mahu undang-undang yang lapuk itu diubah. Rakyat Turki dibenarkan berkahwin dengan saudara susuannya," kata Mustafa Kamal Ataturk.

Sekolah agama sudah wujud di Turki sejak 600 tahun yang lalu dan pastinya sukar bagi menutupnya melainkan dengan paksaan dan ugutan. Mustafa Kamal Ataturk sedar akan perkara itu. Namun begitu, beliau tetap mahu melaksanakannya atas nama revolusi.

Pada suatu hari, beliau melawat sebuah sekolah agama di Ankara tanpa memaklumkannya terlebih dahulu kepada pihak sekolah tersebut. Kedatangan Presiden Turki itu

pastinya mengejutkan pihak sekolah. Sebaik sahaja tiba di situ, Mustafa Kamal Ataturk segera masuk ke dalam sebuah kelas yang ketika itu gurunya sedang mengajar bahasa Arab.

“Apakah yang sedang kamu ajar wahai tuan syeikh?” tanya Mustafa Kamal Ataturk kepada guru yang sedang mengajar itu.

“Bahasa Arab,” jawab guru itu.

“Wahai tuan syeikh, negara kita sekarang sedang diancam musuh. Kami perlukan pemuda-pemuda ini untuk pergi berperang di barisan hadapan. Mereka tidak perlu diajar dengan bahasa Arab kerana bahasa Arab bukan bahasa ilmu lagi. Bahasa Arab juga tidak dapat digunakan bagi melawan musuh. Saya mahu sekolah ini ditutup,” arah Mustafa Kamal Ataturk.

Kemudian, beliau dan juga para pengiringnya singgah di sebuah sekolah yang lain pula. Ketika itu, mudir atau guru besar yang memakai serban sedang mengajar al-Quran. Apabila mendapat tahu kedatangan pemimpin nombor satu Turki itu, maka guru besar tersebut segera menanggalkan serban yang dipakainya dan menyuruh anak-anak muridnya menyimpan al-Quran di dalam meja.

“Apakah yang kamu ajarkan tadi?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

Dengan wajah yang cemas, guru al-Quran itu menjawab, “Saya sedang mengajar mata pelajaran ilmu alam.”

Mustafa Kamal Ataturk naik angin, lalu berkata dengan nada suara yang tinggi, “Kamu memang syaitan yang sanggup menipu pemimpin kamu di hadapan anak-anak murid kamu. Kamu tidak layak mengajar di sekolah ini.”

“Tuan presiden, dia adalah pengasas sekolah agama ini. Dia juga yang menjadi guru besar,” kata salah seorang guru.

“Saya mahu sekolah ini ditutup dan para pelajarnya dipindahkan ke sekolah moden,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Keesokan harinya, sekolah itu dikawal oleh pasukan tentera dan para pelajar diarahkan berpindah ke sekolah lain. Sesiapa yang ingkar akan dihukum. Kemudian, Mustafa Kamal Ataturk mengeluarkan surat pekeliling yang memerintahkan semua sekolah agama ditutup. Tulisan Rumi juga mula diwajibkan diajar di semua sekolah.

Tidak berapa lama kemudian, keluar pula arahan menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Turki dengan tulisan Rumi. Al-Quran bertulisan Arab daripada naskhah asal diperintahkan supaya dibakar. Namun begitu, masih ada yang ingkar dengan arahan itu, lalu terus membaca naskhah al-Quran yang asal. Antara mereka yang ingkar itu adalah Al-Hafiz Syeikh Abdullah, iaitu seorang yang hafal al-Quran. Setiap hari, dia membacanya di Masjid Biru sehingga ada yang melapornya kepada Mustafa Kamal Ataturk. Al-Hafiz Syeikh Abdullah pun ditangkap, lalu dihadapkan kepada Mustafa Kamal Ataturk.

“Apakah yang menyebabkan kamu ingkar dengan arahan

saya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Ini adalah wahyu Allah yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad. Sesiapa yang membacanya mendapat pahala,” jawab Al-Hafiz Syeikh Abdullah.

“Apakah bezanya antara Nabi Muhammad dengan saya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk lagi.

“Nabi Muhammad dikurniakan mukjizat. Antara mukjizatnya adalah apabila beliau berjalan, awan akan sentiasa melindunginya daripada terik panas mentari sedangkan tuan hanya dilindungi oleh payung,” jawab Al-Hafiz Abdullah dengan berani.

Mustafa Kamal Ataturk berasa sungguh marah, lalu mengarahkan pengawalnya menangkap lelaki itu dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

“Mereka yang menentang Ataturk bererti menentang revolusi dan juga sama seperti menentang Turki,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Pada suatu hari, Mustafa Kamal Ataturk dijemput ke satu majlis pidato yang bertemakan revolusi. Antara pemidatonya adalah Shafwat Arikan. Dalam pidatonya yang berjaya menarik perhatian ramai itu, dia ada menyebut perkataan Ataturk, iaitu berhala yang disembah oleh orang-orang Turki sebelum kedatangan Islam. Mustafa Kamal Ataturk tertarik dengan perkataan itu, lalu mencadangkan kepada majlis mesyuarat supaya memberikan gelaran itu kepadanya. Selepas dibahaskan dengan panjang lebar kerana pada mulanya ada yang tidak

setuju tetapi disebabkan permintaan itu datangnya daripada presiden mereka sendiri, maka permintaan itu akhirnya terpaksa diterima.

“Saya lebih suka nama saya Kamal Ataturk dengan tanpa menyebut Mustafa,” katanya.

Pada suatu hari, Mustafa Kamal Ataturk berkunjung ke Azmir. Beliau disambut oleh beberapa orang wanita di hadapan istananya. Salah seorang wanita itu bernama Latifah Hanim yang berasal daripada keluarga Asyakzadah yang sudah menerima pendidikan Yunani tetapi masih memelihara kehormatan dirinya dengan memakai pakaian yang menutup aurat.

Apabila melihat sahaja wanita itu, maka Mustafa Kamal Ataturk pun menegurnya dengan berkata, “Adakah kamu tidak tahu yang saya sudah pun membenarkan wanita untuk tidak lagi memakai pakaian sebegini?”

“Saya tahu akan hal itu tetapi sebagai wanita daripada keluarga terhormat di Azmir, saya hanya mendedahkan aurat saya kepada lelaki yang menjadi suami saya,” jawab Latifah Hanim.

Ternyata jawapan itu mencabar kelelakian Mustafa Kamal Ataturk, lalu beliau pun berkata, “Bagaimanakah sekiranya saya mahu mengahwini kamu?”

“Jumpa ayah dan ibu saya terlebih dahulu,” jawab Latifah Hanim kerana menyangka kata-kata Mustafa Kamal Ataturk itu hanyalah gurauan semata-mata.

Mustafa Kamal Ataturk yang pantang dicabar segera berjumpa ayah Latifah Hanim bagi menyatakan keinginannya mahu melamar anak gadisnya. Tambahan pula, sebelum itu sudah beberapa kali ahli majlis mencadangkan supaya beliau berkahwin bagi menyempurnakan kehidupannya.

Bagi keluarga Latifah Hanim, mereka sendiri sudah tahu yang Mustafa Kamal Ataturk bukanlah seorang lelaki yang baik akhlaknya yang boleh dijadikan menantu. Namun begitu, mereka sedar sekiranya mereka menolak permintaan itu, pasti ada musibah yang menimpa keluarga mereka. Sebagai presiden yang perintahnya perlu sentiasa dipatuhi, beliau boleh sahaja memerintahkan supaya Latifah Hanim dibawa ke kediamannya seperti yang biasa dilakukannya apabila tertarik dengan seseorang wanita muda.

“Semoga anak kita dapat membentuk suaminya menjadi baik,” itu sahaja yang dapat diucapkan oleh ayah Latifah Hanim.

Tidak berapa lama kemudian, berlangsung perkahwinan antara Mustafa Kamal Ataturk dengan Latifah Hanim. Ramai yang terkejut kerana Presiden Turki itu memilih seorang wanita yang memakai jubah dan bertudung sebagai isterinya sedangkan beliau sudah pun melarang wanita memakai pakaian seperti itu.

Ternyata Mustafa Kamal Ataturk bukanlah lelaki yang diidam-diamkan oleh Latifah Hanim. Beliau sememangnya sudah ketagih arak dan akan meneguk minuman

kegemarannya itu sebelum tidur dan selepas bangun tidur sehingga mabuk. Latifah Hanim juga tidak pernah melihatnya mengerjakan sembahyang lima waktu dan berpuasa dalam bulan Ramadan. Namun begitu, sebagai wanita yang terpelajar, Latifah Hanim tetap bersabar melayan kerenah suaminya dengan harapan suatu hari nanti beliau akan berubah.

Ketika masih berada di Azmir dan baru beberapa hari perkahwinan mereka dilangsungkan, tiba-tiba Mustafa Kamal Ataturk mengadu sakit perut. Doktor menasihatkannya supaya terus berehat di Azmir dan jangan pulang dahulu ke Ankara. Latifah Hanim adalah seorang gadis yang masih belum pernah disentuh oleh mana-mana lelaki yang sanggup menyerahkan jiwa raganya kepada suaminya. Namun begitu, Mustafa Kamal Ataturk yang pernah meniduri ramai wanita menganggap wanita yang baru dinikahinya itu langsung tidak menarik kerana kurangnya pengalaman di samping seleranya yang suka bertukar-tukar pasangan.

Pada malam itu, Latifah Hanim terlebih dahulu masuk ke dalam bilik tidur sedangkan suaminya masih berada di ruang tamu kerana sedang asyik meneguk minuman kegemarannya. Apabila menjelang tengah malam, barulah Mustafa Kamal Ataturk masuk ke dalam bilik tidur, lalu mengejutkan isterinya yang sedang nyenyak tidur.

“Silakan wahai suamiku,” ucap Latifah Hanim yang menyangka suaminya memerlukannya.

“Latifah, saya teringin mahu menunggang kuda. Temankan

saya keluar dan mari kita menunggang kuda bersama-sama," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Bukankah kakanda sakit?" tanya Latifah Hanim.

"Sakit saya sudah sembuh," jawab Mustafa Kamal Ataturk ringkas.

"Sekiranya begitu, lebih baik kita tidur sahaja kerana sekarang sudah larut malam," kata Latifah Hanim yang semakin pelik dengan perangai suaminya.

"Dalam suasana begini, saya benar-benar teringin mahu menunggang kuda," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Sekiranya begitu keinginan kakanda, maka adinda akan turutkan," ujar Latifah Hanim, lalu menghubungi pembantunya supaya menyediakan dua ekor kuda.

Kemudian, semua pengawal dan pembantu Mustafa Kamal Ataturk turut dikejutkan daripada tidur bagi mengiringi perjalanannya menunggang kuda di sekitar kawasan Azmir.

"Kuda sudah siap sedia wahai tuan presiden," kata pengendali kuda dengan penuh rasa hormat sebagai menyambut kedatangan Mustafa Kamal Ataturk.

"Adakah kamu mengendalikan kuda ini dengan menggunakan cemeti?" tanya Mustafa Kamal Ataturk apabila melihat pengendali kuda itu memberikannya cemeti.

"Sudah tentu wahai tuan presiden. Adakah mungkin kuda

boleh dikendalikan tanpa cemeti?" tanya pengendali kuda itu.

"Adakah kamu belum pernah melihatnya?" tanya Mustafa Kamal Ataturk lagi.

"Saya belum pernah melihat orang menunggang kuda tanpa memegang cemeti," jawab pengendali kuda.

"Saya boleh melakukannya," kata Mustafa Kamal Ataturk, lalu menunggang kuda itu tanpa memegang cemeti.

"Bukankah saya sudah katakan yang saya boleh menunggang kuda ini tanpa memegang cemeti?" tanya Mustafa Ataturk dengan bangga.

"Wahai tuan presiden, ternyata tuan lebih hebat daripada semua penunggang kuda," jawab pengendali kuda itu dengan rasa kagum.

Kemudian, Mustafa Kamal Ataturk pun menunggang kuda dengan diiringi oleh para pengawal dan juga pembantunya pada malam yang semakin larut itu. Mereka berjalan dari lorong ke lorong di sekitar Azmir. Orang lain merasakan apa yang dilakukan oleh pemimpin nombor satu Turki itu adalah sesuatu yang ganjil. Namun begitu, Mustafa Kamal Ataturk melakukannya dengan rasa gembira. Beliau kelihatannya lebih seronok menunggang kuda pada lewat malam berbanding bersama dengan isterinya yang baru sahaja dinikahinya itu.

Keesokan harinya, Mustafa Kamal Ataturk memaklumkan kepada pembantunya yang beliau mahu pulang semula ke

kediamannya di Istana Janqaya. Kepada Latifah Hanim, beliau hanya berkata, “Saya mahu pulang ke istana saya. Sekiranya kamu mahu ikut, dipersilakan dan sekiranya kamu mahu terus tinggal di sini, saya fikir pilihan kamu itu adalah pilihan yang terbaik.”

“Seorang isteri perlu sentiasa berada di sisi suaminya. Saya akan ikut sama pulang ke Janqaya,” kata Latifah Hanim.

Istana Janqaya yang dijadikan kediaman Mustafa Kamal Ataturk itu lebih layak dipanggil sebagai tempat hiburan sahaja kerana di dalamnya ada disediakan kelab malam, bar, dewan tari-menari dan sebagainya. Latifah Hanim pasti tidak berasa selesa dengan keadaan itu. Dia sudah cuba menasihati suaminya tetapi tidak berjaya. Malahan, keadaan suaminya menjadi semakin liar. Setiap malam beliau akan menghabiskan masanya dengan majlis tari-menari, meneguk arak dan berfoya-foya dengan wanita yang jelita. Latifah Hanim diibaratkan seperti tunggul sahaja. Ternyata, perkahwinannya itu hanya bagi melengkapkan hidupnya sebagai pemimpin yang sudah mempunyai isteri.

Namun begitu, akhirnya perbuatan keji Presiden Turki yang pertama itu terbongkar juga apabila Latifah Hanim diserang penyakit sifilis atau kencing bernanah. Doktor yang merawatnya bernama Kan’an Taufik, iaitu sepupu kepada Khalid Dhiya merangkap bapa saudara kepada Latifah Hanim.

Di hadapan doktor yang merawatnya dan juga di hadapan

bapa saudaranya, Latifah Hanim bersumpah yang dia tidak pernah mengadakan hubungan seks dengan lelaki lain kecuali dengan suaminya, Mustafa Kamal Ataturk. Itu pun dilakukan sekali sahaja sepanjang tempoh perkahwinan mereka. Latifah Hanim juga menceritakan kisah suaminya yang lebih suka tidur dengan wanita-wanita pelayan nafsunya berbanding tidur bersamanya. Oleh sebab itu, dia dijangkiti penyakit kelamin dan kemudiannya dipindahkan kepada isterinya.

Mustafa Kamal Ataturk berasa sungguh marah dengan tuduhan yang dilemparkan oleh Latifah Hanim itu, lalu mengugut akan menceraikannya. Sebelum itu, Mustafa Kamal Ataturk sudah pun menggubal undang-undang perceraian yang menyatakan suami isteri hanya boleh bercerai dengan persetujuan bersama. Dengan erti kata lain, kuasa menjatuhkan talak itu bukan pada suami tetapi beliau sendiri yang mahu melanggar undang-undang itu dengan menyatakan kuasa menceraikan Latifah Hanim itu berada di tangannya dan bukannya atas dasar persetujuan bersama.

Pada mulanya Mustafa Kamal Ataturk cuba menyembunyikan penyakit kelamin yang dihidapinya. Namun begitu, penyakitnya itu sekiranya dibiarkan semakin lama, maka semakin merebak. Akhirnya, ternyata Mustafa Kamal Ataturk tidak mampu bertahan lagi, lalu beliau pun pergi mendapatkan rawatan di luar negara bagi menutup rahsianya. Selepas pulih daripada penyakit itu, kelakuan Mustafa Kamal Ataturk mula berubah. Beliau lebih tertarik kepada anak-anak lelaki remaja yang belum tumbuh janggut.

Dengan kuasa yang ada padanya, Mustafa Kamal Ataturk memindahkan beberapa orang pekerja wanita yang selama ini menjadi pelayan di istananya bagi digantikan dengan beberapa orang anak muda remaja. Seorang daripada mereka bernama Wadad bin Khalid Dhiya', iaitu seorang anak muda yang tampan, belum tumbuh janggut dan berkulit bersih. Mustafa Kamal Ataturk menjadi begitu rapat dengannya. Kedua-dua mereka sering menghabiskan masa bersama dan berdua-duaan di dalam bilik. Tidak ada siapa yang tahu apa yang mereka lakukan apabila berada di dalam bilik tersebut. Namun begitu, akhirnya tembelang mereka pun pecah.

Pada suatu hari, adik kandung Latifah Hanim yang bernama Ismail dan isterinya, Malahat datang berkunjung ke Istana Janqaya. Kedua-dua mereka bermalam di istana tersebut. Oleh sebab merasakan ada orang luar di kediaman itu, Mustafa Kamal Ataturk pun berasa tidak selesa, lalu mengajak Wadad keluar kononnya bagi menghirup udara segar.

Tidak berapa lama kemudian, Ismail dan Malahat juga turut keluar berjalan-jalan di kawasan luar istana bagi menghirup udara segar. Tanpa diduga, mereka terserempak dengan Mustafa Kamal Ataturk dan juga Wadad yang sedang asyik melakukan hubungan terlarang sesama mereka. Oleh sebab terlalu marah apabila melihat perbuatan terkutuk itu, maka Ismail pun memanggil Latifah Hanim bagi menyaksikan sendiri perlakuan suaminya.

"Saya sudah lama tahu perbuatan keji kamu ini. Namun begitu, saya tetap bersabar. Apa yang pasti kali ini, saya

sudah tidak mampu bersabar lagi. Kamu sememangnya lelaki binatang yang bertopengkan manusia," jerit Latifah Hanim, lalu menangis.

"Kamu sengaja membawa saudara kamu ini bagi menfitnah saya. Kami hanya duduk berbual-bual dan kami tidak melakukan apa-apa yang terlarang," dalih Mustafa Kamal Ataturk yang cuba menutup kesalahannya.

"Mata saya sendiri yang melihat perbuatan terkutuk kamu itu bersama pemuda ini. Adik dan juga ipar saya ini juga turut menjadi saksinya," marah Latifah Hanim.

"Saya menjadi saksi pertama yang melihat perbuatan kamu yang terkutuk itu," tegas Ismail.

Mustafa Kamal Ataturk menjadi bertambah marah, lalu beliau mengeluarkan pistol kerana mahu menembak Ismail. Mujur, Latifah Hanim segera melindungi adiknya itu dengan badannya sendiri.

"Tembak saya dahulu wahai binatang!" jerit Latifah Hanim.

Mustafa Kamal Ataturk yang tidak dapat menahan rasa marahnya pun melepaskan tembakan tetapi tidak mengenai sasaran kerana tangannya segera dipegang oleh Bakr, iaitu seorang pembantu istana.

"Sekiranya tuan presiden membunuh mereka, keluarga mereka pasti menuntut bela sekarang juga," kata Bakr.

Kebetulan pula di istana itu sudah ada beberapa orang ahli keluarga Latifah Hanim selain Ismail dan isterinya. Ada antara mereka yang bekerja sebagai tukang kebun,

pengawal dan sebagainya. Oleh sebab bimbang tindak balas daripada keluarga Latifah Hanim yang sudah ramai berada di situ, maka Mustafa Kamal Ataurk segera berlalu pergi dari situ. Beliau segera pergi ke rumah Ishmet Inunu.

“Saya mahu menceraikan isteri saya, Latifah Hanim sekarang juga,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Bagaimanakah dengan peruntukan undang-undang perceraian yang baru kita pinda?” tanya Ishmet Inunu.

“Saya mahu kabinet meluluskan perceraian saya dan hantar Latifah Hanim pulang ke Azmir,” arah Mustafa Kamal Ataturk.

Keesokan harinya, Ishmet Inunu memanggil semua anggota kabinet bermesyuarat dan mereka semua sebulat suara meluluskan permohonan perceraian antara Musatafa Kamal Ataturk dengan Latifah Hanim yang kononnya atas dasar persetujuan bersama. Kemudian, Latifah Hanim pun dihantar pulang ke Azmir.

“Kamu akan diperlakukan oleh lelaki binatang itu lebih hina daripada aku,” marah Latifah Hanim kepada Ishmet Inunu yang menghantarnya pulang.

“Saya akan terus berbuat baik kepadanya,” kata Ishmet Inunu.

“Percayalah, sekiranya kamu terlambat berpura-pura bersikap baik dengannya walau sedetik pun, kamu juga akan menerima nasib yang sama seperti saya bahkan lebih teruk daripada itu. Ternyata, lelaki itu tidak mengenal belas

kasihan. Kamu hanyalah boneka bagi membolehkannya terus berkuasa," marah Latifah Hanim.

Beberapa hari kemudian, Mustafa Kamal Ataturk menghantar beberapa orang pengawal yang lengkap bersenjata ke rumah Latifah Hanim. Mereka membawa wang sebanyak lima puluh ribu lira bagi diberikan kepada bekas isteri kepada Mustafa Kamal Ataturk itu.

"Presiden juga mengarahkan kami supaya menyampaikan surat ini," kata seorang pengawal.

Latifah Hanim pun membuka surat itu, lalu membacanya. Mukanya tiba-tiba berubah menjadi pucat lesi dan tubuhnya menggeletar ketakutan. Surat itu berupa ancaman daripada Mustafa Kamal Ataturk yang berbunyi, "Sekiranya kamu mendedahkan rahsia saya kepada orang lain, maka akan saya perintahkan mereka supaya membunuh kamu."

Sejak itu, Latifah Hanim tidak keluar rumah dan sentiasa menutup mulutnya daripada menceritakan kelakuan bekas suaminya itu. Mustafa Kamal Ataturk pula selepas ketiadaan Latifah Hanim semakin bebas berbuat sesuka hatinya. Selama Latifah Hanim berada di istana itu, dia sahajalah yang sering memprotes tingkah laku suaminya. Kini, sudah tidak ada sesiapa lagi yang berani menegurnya. Mustafa Kamal Ataturk menjadi semakin ketagihan arak. Setiap hari beliau pasti meminumnya tidak ubah seperti bayi meminum susu. Beliau juga tidak segan silu lagi meminumnya di khalayak ramai.

"Ternyata minuman ini pernah juga diminum oleh sultan

dan khalifah yang terdahulu. Namun begitu, mereka meminumnya secara bersembunyi. Kini, saya mahu meminumnya secara terang-terangan," katanya dengan angkuh di hadapan khalayak ramai sambil mengangkat gelas yang berisi arak, lalu diteguknya.

Pada suatu hari, Mustafa Kamal Ataturk bersama pemandunya singgah di sebuah Sekolah Perempuan Darul Mu'allimat. Syahanadah Hanim, iaitu pengetua sekolah tersebut menyambut kedatangan Presiden Turki itu dengan penuh rasa hormat.

"Kedatangan saya ke sini bukanlah bertujuan mahu melihat cara kamu mengajar dan bukan juga bagi bertanyakan perihal kemajuan sekolah ini. Saya hanya mahu melihat wajah pelajar yang mampu menarik hati saya," beritahu Mustafa Kamal Ataturk berterus terang.

Kemudian, beliau pun masuk ke dalam sebuah kelas bagi melihat pelajar-pelajar perempuan yang ada di situ. Ternyata, beliau tertarik dengan seorang pelajar.

"Mahukah kamu menjadi anak angkat saya?" tanya Mustafa Kamal Ataturk.

Tawaran itu pastinya menggembirakan pelajar tersebut kerana berpeluang menjadi anak angkat kepada seorang presiden. Kemudian, pelajar itu pun dibawa ke tempat penginapannya. Selepas beberapa hari, khabar berita berkaitan dengan pelajar tersebut masih belum kedengaran menyebabkan Syahanadah Hanim memaklumkan perkara itu kepada ibu bapa pelajar tersebut. Mereka pun mengadukan perkara itu kepada Sayyid Hamid Shubhi,

iaitu Menteri Pelajaran Turki.

“Beliau menganggap pelajar perempuan itu sebagai anaknya, lalu dibawanya pergi. Saya tidak dapat berbuat apa-apa,” kata Menteri Pelajaran Turki itu.

“Sekiranya begitu, saya mahu adukan hal ini kepada wakil majlis,” kata Syahanadah Hanim, lalu menceritakan perkara itu kepada salah seorang wakil majlis yang dikenalinya.

Berita itu dengan cepat menjadi buah mulut orang ramai sehingga ahli majlis mahu mengemukakannya dalam mesyuarat tergempar bagi membincangkan perkara tersebut. Mustafa Kamal Ataturk berasa takut, lalu menyuruh salah seorang pegawai tenteranya menikahi pelajar tersebut dan sebagai balasannya pegawai tentera itu pun dinaikkan lagi pangkatnya.

Peristiwa itu langsung tidak menginsafkan Mustafa Kamal Ataturk. Malahan, ketagihannya kepada wanita muda semakin menggila. Pada suatu hari, beliau berkunjung ke Kunih, lalu singgah di sebuah sekolah. Di situ terdapat seorang guru pelatih yang masih muda bernama Fatma. Mustafa Kamal Ataturk dengan mudahnya tertarik dengan guru pelatih itu.

“Mahukah kamu bekerja dengan saya bagi menjadikan kehidupan kamu lebih baik daripada seorang guru?” tanya Mustafa Kamal Ataturk. Apabila pelawaan itu datangnya daripada presiden nombor satu negara, maka sudah pastilah guru muda itu bersetuju. Justeru, dia pun dibawa pulang ke tempat kediaman Mustafa Kamal Ataturk.

Tidak berapa lama kemudian, Mustafa Kamal Ataturk melawat pula sebuah sekolah di Azmir. Ternyata dengan mudahnya beliau terpikat dengan seorang pelajar yang bernama Affah Hanim, lalu dipujuknya gadis itu supaya mengikutnya pulang. Mustafa Kamal Ataturk menjadikan wanita ibarat pakaian yang hanya dipakai ketika masih baru dan kemudian digantikan pula dengan yang lain apabila sudah jemu dipakai.

Apabila sudah terasa jemu dengan Fatma, lalu dihantarnya guru itu belajar di Eropah dengan diberikan biasiswa daripada harta negara. Begitu juga halnya dengan Affah Hanim, dia dihantar ke luar negara kononnya bagi menyambung pelajaran. Apa yang pasti tindakan yang sama akan dilakukan oleh Mustafa Kamal Ataturk kepada setiap wanita muda yang menjadi mangsanya.

Kebuasan nafsu seks Mustafa Kamal Ataturk semakin menggila apabila ada menteri dan pegawai tinggi yang sanggup menyerahkan isteri kepadanya untuk bermalam bersama bagi mendapatkan kenaikan pangkat. Seorang peguam yang bernama Luthfi yang berkahwin dengan seorang wanita cantik dari Bulgaria sanggup menyerahkan isterinya demi mendapatkan bantuan perniagaan di wilayah Barun. Akhirnya, salah seorang ahli majlis tertinggi rakyat yang bernama Nuri yang mewakili kota Kotahiya turut menjadi orang suruhan Mustafa Kamal Ataturk bagi mendapatkan wanita baru.

Dalam satu perjumpaan ahli majlis tertinggi rakyat, tiba-tiba Nuri bertanya kepada Sayyid Rasim yang duduk di sebelahnya, “Adakah tuan ternampak kelibat Dr. Umar

Syauqi?”

“Apakah halnya dengan dia?” tanya Sayyid Rasim yang mewakili kota Siwas.

“Dia sudah berjanji mahu memberikan anak perempuan Mufid Bik kepada Ataturk. Kami sudah pun berikan kepadanya sebuah kereta bagi mengambilnya tetapi hingga kini, batang hidungnya masih lagi belum kelihatan,” jawab Nuri.

Tidak berapa lama kemudian, Dr. Umar Syauqi pun muncul dengan membawa seorang anak gadis muda, lalu diserahkannya kepada Nuri. Kemudian, Nuri pun membawa gadis itu ke kediaman Mustafa Kamal Ataturk. Sayyid Rasim berasa jijik dengan perbuatan rakannya, lalu menceritakan kepada rakan-rakannya.

Ternyata, semua ahli majlis tertinggi rakyat melainkan Nuri dan Dr. Umar Syauqi menentang sekeras-kerasnya perbuatan itu. Mereka mengambil sikap tidak mahu lagi bertegur sapa dengan Dr. Umar Syauqi. Apabila menyedari dirinya sudah dipinggirkan oleh rakan-rakannya, Dr. Umar Syauqi berasa susah hati, lalu mengadukan perkara itu kepada Mustafa Kamal Ataturk. Apabila dibuat siasatan, akhirnya dia menemukan jawapannya yang berpunca daripada pertanyaan Nuri kepada Sayyid Rasim. Bagi menutup rahsia itu, Mustafa Kamal Ataturk memecat kedua-dua orang suruhannya itu daripada menjadi ahli majlis.

Atas nama pemimpin revolusi rakyat, Mustafa Kamal Ataturk meminta majlis tertinggi rakyat supaya memberikan

kuasa penuh kepadanya untuk bertindak dalam semua bidang termasuklah kewangan. Dengan itu, mudahlah untuk Mustafa Kamal Ataturk bagi mendapatkan bantuan kewangan daripada British selepas Turki bersetuju menyerahkan Iraq yang kaya dengan sumber asli kepada Inggeris. Kemudian, Turki bersetuju pula menyerahkan Azerbaijan kepada Rusia dengan cara tipu muslihat yang keji.

Khalil Basya dihantar oleh Mustafa Kamal Ataturk ke Azerbaijan dengan mengarahkan mereka supaya membenarkan tentera Rusia masuk dengan alasan kononnya bagi membantu tentera Turki menentang Inggeris. Selepas dibenarkan masuk, tentera Rusia terus menetap di situ dan enggan keluar dari situ.

Selain itu, orang-orang Islam dari India atau India Muslim sudah pun menghantar wang yang banyak bagi membantu Kerajaan Uthmaniah menentang British. Semua harta itu dijadikan milik peribadi oleh Mustafa Kamal Ataturk. Bagi menjaga hartanya itu, maka ditubuhkan Bank Is Bankasi. Perkara itu pernah dibangkitkan oleh ahli majlis tertinggi rakyat. Dengan rasa marah, Mustafa Kamal Ataturk pun berkata, “Semua harta yang kamu sebut itu dikirimkan kepada saya. Oleh sebab itu saya yang berhak memilikinya. Tujuan saya menubuhkan Bank Is Bankasi adalah bagi membantu rakyat Turki dan saya tidak mahu perkara ini dipersoalkan lagi.”

Selain memiliki simpanan wang tunai yang tenyata banyak, Mustafa Kamal Ataturk juga memilki beratus-ratus hektar tanah di Ankara yang semuanya dirampas daripada rakyat

yang terkorban semasa perang dengan alasan kesemua tanah itu sudah menjadi hak milik negara.

Namun begitu, kesemua tanah yang dirampasnya itu dinamakan atas namanya sendiri. Kemudian, tanah itu dijual kepada Kementerian Wakaf sedangkan wang itu sepatutnya digunakan bagi membantu fakir miskin. Selepas wang Kementerian Wakaf itu habis digunakan bagi membeli tanah milik Mustafa Kamal Ataturk, maka kementerian itu pun dihapuskan.

Kota Konstantinopel

Sejarah kota Konstantinopel bermula pada tahun 330 Masihi apabila Kaisar Byzantium Constantine memindahkan kotanya dari Rom ke Konstantinopel (Turki). Dengan itu, kerajaan Rom berpecah menjadi dua bahagian, iaitu satu di Rom yang dikenali dengan mazhab Kristian Roman Katolik dan satu lagi di Konstantinopel yang dikenali dengan mazhab Ortodoks.

Kota Konstantinopel menjadi kebanggaan kerajaan Rom Timur kerana kedudukannya yang strategik di antara Eropah dan Asia. Kota itu juga terletak di antara pertemuan tiga laut, iaitu Selat Bosphorus, laut Marmara dan Tanduk Emas. Kota itu juga dikelilingi oleh Sungai Likus. Pada sebelah daratan pula dipasang dua pagar yang kukuh bagi menghalang serangan musuh dari darat. Pada bahagian pintu masuk, Tanduk Emas pula dipasang dengan rantai yang besar bagi menghalang kapal musuh menyerang dari arah laut. Hal ini menjadikan kota Konstantinopel sebuah kota yang paling selamat dan terpenting.

Kerajaan Rom Timur atau Byzantine pada masa itu adalah kuasa terbesar dunia selepas Parsi berjaya ditumbangkan oleh tentera Islam. Kerajaan Rom Timur itu meliputi negeri-negeri Eropah, Asia Kecil, Syria, Palestin, Mesir dan kawasan di kepulauan Mediterranean dan kepulauan Corsica serta Sicily.

Oleh sebab begitu hebatnya kota Konstantinopel, maka Napaleon Bonaparte pernah berkata, “Sekiranya dunia ini adalah sebuah negara, maka Konstantinopel inilah yang paling layak menjadi ibu negaranya.”

Beliau berkata lagi, “Sekiranya saya dapat menguasai Konstantinopel, maka mudahlah saya menguasai dunia.”

Sesungguhnya, Nabi Muhammad terlebih dahulu memperkatakan perihal Konstantinopel sebelum Napaleon Bonaparte. Rasulullah berkata, “Sudah dibuka kepada saya negeri Syam (atau Rom Timur). Demi Allah, saya sudah melihat istana-istananya yang merah pada saat ini.”

Rasulullah berkata lagi yang bermaksud, ”Kota Konstantinopel akan jatuh ke tangan seorang ketua yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik.”

Oleh sebab itu, umat Islam berlumba-lumba bagi memastikan hadis Rasulullah itu benar-benar menjadi kenyataan dengan harapan penaklukan kota Konstantinopel berlaku pada zaman mereka. Sayidina Uthman bin Affan dan Sayidina Ali bin Abi Talib pernah menghantar pasukan peninjau bagi mengumpul maklumat sebelum serangan secara besar-besaran dilancarkan. Namun begitu, usaha mereka itu gagal dilaksanakan

apabila berlaku pergolakan politik dalam negeri. Kedua-dua pemimpin itu akhirnya syahid apabila dibunuh oleh mereka yang menentang.

Pada tahun 44 Hijrah, Muawiyah bin Abu Sufian cuba menakluk kota Konstantinopel tetapi gagal. Kemudian, Sultan Sulaiman bin Abdul Malik pada tahun 98 hijrah tetapi percubaannya juga gagal. Usaha tersebut tetap diteruskan pada zaman kerajaan Abbasiyah di bawah pimpinan Khalifah Harun Al-Rasyid tetapi masih gagal juga.

Menurut catatan sejarah, sebanyak 12 kali pihak Islam cuba menakluknya tetapi gagal. Kali yang ke-13 barulah mereka berjaya menaklukinya, iaitu selepas lebih 800 tahun hadis itu diucapkan Rasulullah dan barulah ia benar-benar menjadi kenyataan. Penaklukan itu berjaya dilakukan oleh Sultan Muhammad Al-Fateh. Beliau ketika itu baru berumur 21 tahun tetapi sudah berupaya memimpin 250 ribu tentera bagi menakluk kota Konstantinopel.

Bagi meruntuhkan tembok kota Konstantinopel yang kukuh dan tebal itu, Sultan Muhammad Al-Fateh mendapatkan bantuan seorang lelaki Greek yang bernama Urban yang mahir membuat meriam. Maharaja Constantine pernah menyuruh lelaki itu membuat senjata tersebut tetapi dia enggan menyebabkan dia dikurung di dalam bilik penjara bawah tanah. Sultan Muhammad Al-Fateh mengarahkan tenteranya supaya menggali terowong bagi membantu Urban meloloskan dirinya. Selepas dipujuk, maka Urban pun bersetuju membuatkan meriam untuk digunakan tentera Islam bagi meruntuhkan tembok kota Konstantinopel.

Maharaja Constantine tidak berdiam diri. Beliau memerintahkan tenteranya supaya membina tembok yang lebih tebal dan kukuh supaya tidak dapat diruntuhkan oleh meriam yang dihasilkan oleh Urban. Tidak cukup dengan itu, beliau memerintahkan supaya dibina tasik di sekeliling kota Konstantinopel. Kemudian, tasik itu dipenuhkan dengan air bagi mengelakkan tentera Islam menggali terowong di bawah kota tersebut.

Urban dan para pembantunya pula bertungkus lumus menyiapkan sejenis senjata pemusnah yang dinamakan meriam besar. Selepas senjata itu berjaya dihasilkan, maka dilakukan tembakan ujian. Pada hari tersebut, Sultan Muhammad Al-Fateh dan juga para pembesarnya turut menyaksikan kehebatan senjata baru itu. Tidak berapa lama kemudian, meriam itu pun digunakan. Bunyi dentumannya sungguh kuat dan pelurunya melayang jauh sehingga hilang dari pandangan. Sultan Muhammad Al-Fateh sungguh berpuas hati dengan kemampuan meriam yang dihasilkan oleh Urban itu. Mereka sudah berjaya memiliki senjata pemusnah yang sememangnya boleh meruntuhkan kota Konstantinopel dari jauh.

Selepas persiapan dibuat dengan rapi, maka tentera Islam pun berangkat menuju ke kota Konstantinopel. Meriam Urban itu ditarik oleh beberapa ekor lembu dan mengambil masa selama tiga bulan bagi sampai ke destinasi yang dituju. Tidak berapa lama kemudian, berlaku pertempuran antara tentera Islam dengan tentera Rom Timur. Selepas lebih sebulan mengepung kota Konstantinopel tetapi masih belum ada tanda-tanda yang mereka mahu menyerah kalah.

Pada hari ke 53, penduduk Konstantinopel berkumpul di dalam Gereja Aya Sofia bagi memohon doa semoga Tuhan membantu mereka mengalahkan tentera Islam. Masing-masing meratap hiba sambil berdoa dengan penuh khusyuk. Selepas selesai berdoa, mereka pun berkumpul bagi memulakan satu perarakan secara besar-besaran bertujuan menaikkan semangat tentera mereka supaya tekad berjuang bermati-matian demi mempertahankan kota Konstantinopel.

Tidak berapa lama kemudian, perarakan pun dimulakan. Paderi-paderi berjalan di barisan hadapan sambil mengusung patung Mariam. Orang ramai berjalan di belakang mereka sambil membaca doa dan menyanyikan lagu ketuhanan sehinggakan suara mereka itu dapat didengar oleh tentera Islam yang sedang mengepung kota tersebut.

Kemudian, Sultan Muhammad Al-Fateh pun menyeru semua tenteranya berzikir, bertakbir dan bertahmid. Ternyata, suara tentera Islam itu dapat menenggelamkan suara dari dalam kota Konstantinopel. Malahan ramai yang berasa gementar apabila mendengar laungan “Allahuakbar” yang diucapkan secara beramai-ramai oleh tentera Turki.

Maharaja Constantine turut menyertai orang ramai dalam perarakan itu. Beliau menyuruh orang ramai mengeraskan suara bagi melawan laungan takbir musuh mereka yang berada di luar kota. Tiba-tiba, berlaku sesuatu yang benar-benar tidak diduga, malahan memeranjatkan mereka. Patung Mariam yang sedang mereka usung itu, tiba-tiba

terjatuh, lalu pecah berderai. Apabila melihat keadaan itu semua paderi menangis.

“Mengapakah kamu menangis?” tanya Maharaja Constantine. “Berhenti menangis dan teruskan perarakan!” arah Maharaja Constantine dengan tegasnya.

Namun begitu, semua paderi itu tetap enggan meneruskan perarakan. “Terjatuhnya patung Mariam itu adalah petanda buruk kepada kita. Satu malapetaka yang dahsyat akan menimpa kita tidak lama lagi,” kata ketua paderi.

“Saya tidak percaya. Semua itu karut!” herdik Maharaja Constantine.

“Kita akan terus berjuang demi mempertahankan Konstantinopel sehingga nafas yang terakhir!” teriak Panglima Ardogan dan teriakannya itu disambut oleh tentera Rom secara beramai-ramai. Tiba-tiba, cuaca yang panas terik menjadi redup. Awan mendung berarak di langit dan ada tanda-tanda hujan lebat akan turun. Apabila melihat keadaan itu, maka Maharaja Constantine pun berkata, “Tuhan menurunkan rahmat kepada kita. Sebentar lagi hujan lebat akan turun. Kemudian, akan berlaku banjir besar. Musuh-musuh kita di luar sana akan dihanyutkan banjir dan mereka akan berkubur di Tanduk Emas.”

Orang ramai percaya dengan kata-kata maharaja mereka. Masing-masing berdoa semoga apa yang diucapkan oleh Maharaja Constantine itu menjadi kenyataan. Tidak berapa lama kemudian, hujan lebat pun turun. Orang ramai berkumpul di dalam gereja. Maharaja Constantine dan juga paderi-paderi berkumpul di dalam Gereja Aya Sofia.

Mereka bersembahyang dan berdoa. Tiba-tiba berlaku sekali lagi perkara yang tidak mereka duga. Kilat memancar, lalu menyambar Gereja Aya Sofia diikuti ledakan petir yang sungguh kuat. Orang ramai ketakutan sehingga ada yang pengsan.

“Tuanku, di dalam kitab lama kita ada mengatakan apabila berlakunya tiga perkara ini, ia menandakan akan berlakunya malapetaka,” kata ketua paderi dengan suara yang terketar-ketar. Mukanya kelihatan pucat lesi kerana berasa takut.

“Apakah ketiga-tiga petanda itu?” tanya Maharaja Constantine.

“Kapal belayar di atas daratan. Patung Mariam pecah berderai dan juga Gereja Aya Sofia disambar petir. Tiga petanda buruk itu sudah pun berlaku di hadapan mata kita,” jawab ketua paderi.

Namun begitu, Maharaja Constantine tidak mudah mempercayainya. “Semua itu karut belaka dan jangan kamu percaya. Mari kita sama-sama berjuang bagi mempertahankan agama dan tanah air kita. Tuhan akan bersama kita,” katanya sambil berusaha menaikkan semangat orang ramai.

“Mari kita berjuang bagi mempertahankan diri kita, keluarga kita, agama kita dan Konstantinopel yang kita cintai,” teriak Maharaja Constantine dengan penuh semangat.

Selepas musuh didapati tidak mahu menyerah, maka Sultan Muhammad Al-Fateh pun melancarkan serangan.

Beliau memerintahkan pasukan meriam supaya terus melepaskan tembakan. Bagi mengelakkan meriam itu terlalu panas, maka disapu minyak zaitun setiap kali selepas melepaskan tembakan. Akibat tembakan yang bertali arus itu menyebabkan tembok di sebelah barat kota Konstantinopel itu runtuh. Kemudian, Sultan Muhammad Al-Fateh memerintahkan tenteranya supaya menyerbu masuk ke dalam kota itu.

“Siapa yang mahu bertemu dengan Abu Ayub Al-Ansari dan juga mereka yang sudah syahid, mari berjuang bersamaku!” tiba-tiba Hassan Ulubate berteriak dengan suara yang nyaring.

Apabila mendengar teriakan itu, maka tampil berpuluh-puluh orang tentera Turki yang sanggup berjuang bersama panglima yang bernama Hassan Ulubate itu. Kemudian, mereka pun menyerbu masuk melalui pintu Edirne. Kedatangan mereka dihalang oleh beribu-ribu tentera Rom. Namun begitu, Hassan Ulubate berjaya juga meloloskan diri, lalu berdiri di atas menara kota Konstantinopel dan seterusnya memacakkan bendera Turki di situ sambil berteriak, “Saya sudah berjaya menjejakkan kaki ke kota Konstantinopel. Selepas ini giliran kamu pula!”

Apabila melihat keadaan itu, maka tentera Rom melepaskan anak panah ke arah Hassan Ulubate. Ber-puluh-puluh anak panah menembusi badan pemuda itu.

“Konstantinopel akan berjaya kita tawan pada hari ini!” teriak Hassan Ulubate sebelum meninggal dunia.

“Ternyata Hassan Ulubate sudah berjaya merebut bintang

syahid. Sekiranya bukan kerana saya yang ditakdirkan menawan Konstantinoipel, saya yang sepatutnya berada di tempat Hassan Ulubate," kata Sultan Muhammad Al-Fateh.

Keberanian Hassan Ulubate itu berjaya menaikkan semangat tentera Turki. Mereka menyerbu masuk melalui pintu Edirne dan berlakulah pertempuran yang dahsyat. Pasukan pertama yang menyerbu masuk itu berjaya diundurkan oleh tentera Rom. Kemudian, datang pula pasukan kedua. Apabila pasukan kedua juga berundur, maka Sultan Muhammad Al-Fateh memerintahkan supaya pasukan yang ketiga pula membuat serangan. Serangan demi serangan terus dilakukan secara bergilir-gilir oleh ketiga-tiga pasukan tentera itu.

"Sebentar lagi saya sendiri akan pergi berperang. Mungkin ini adalah kali terakhir kamu melihat saya di sini. Oleh sebab itu, saya dengan rasa rendah hati memohon ampun dan maaf atas segala kesilapan yang pernah saya lakukan. Kamu semua adalah orang yang paling hampir dengan kehidupan saya. Kamu yang lebih tahu keburukan dan kebaikan saya berbanding mereka yang berada di luar sana. Oleh sebab itu, sekali lagi saya dengan rasa rendah hati memohon ampun dan maaf atas segala kekasaran yang pernah saya lakukan kepada kamu semua," ujar Maharaja Constantine.

Semua penghuni istana berasa sebak apabila mendengar ucapan daripada Maharaja Constantine sehinggakan masing-masing menitiskan air mata. Lebih mengharukan lagi apabila Maharaja Constantine sanggup mendakap seorang demi seorang penghuni istana, seolah-olah beliau

tahu itulah pertemuan mereka yang terakhir.

Kemudian, Maharaja Constantine menangggalkan pakaian diraja, lalu memakai pakaian tentera. Mahkota di kepalanya ditanggalkan, lalu digantikan dengan topi besi tentera Rom. Beliau juga memakai baju besi dan menyisipkan dua bilah pedang pada pinggangnya.

Kemudian, beliau menuju ke arah gambar yang dianggapnya sebagai Isa Al-Masih. Beliau merenung gambar itu agak lama sambil mulutnya terkumat-kamit membaca doa. Kemudian, beliau sujud di bawah gambar itu sambil menangis. Apabila melihat perlakuan Maharaja Constantine itu, maka semakin ramai yang tidak dapat menahan perasaan, lalu turut sama menangis.

Kemudian, Maharaja Constantine mendapatkan isteri dan tiga orang anaknya. “Selamat tinggal semuanya. Berdoalah kamu semoga Tuhan menemukan kita semula,” katanya.

Dengan diiringi oleh beberapa orang pengawal, Maharaja Constantine pun keluar dari istana untuk turut sama bertempur di medan perang. Beliau dapat melihat tentera Turki bagaikan banjir yang memasuki kota Konstantinopel yang masuk dari pelbagai arah. Mereka digempur oleh tentera elit Rom.

Ketika itu, Sultan Muhammad Al-Fateh masih berada di luar kota Konstantinopel. Beliau menunggang seekor kuda putih sambil berteriak memberikan semangat kepada tenteranya supaya terus menyerbu ke dalam kota Konstantinopel. Maharaja Constantine dapat mengecam Sultan Muhammad Al-Fateh, lalu bercadang mahu

membunuhnya.

“Wahai anak muda! Turun dari kuda itu dan marilah kita bertarung satu lawan satu!” teriak Maharaja Constantine.

Sultan Muhammad Al-Fateh segera turun dari kuda yang ditunggangnya bagi menyahut cabaran itu.

“Siapa kamu wahai orang tua!” teriak Sultan Muhammad Al-Fateh.

“Sayalah Maharaja Constantine. Lebih baik perintahkan sahaja tentera kamu supaya menyerah kalah ataupun saya akan bunuh kamu!” teriak Maharaja Constantine.

“Benarkah kamu Maharaja Constantine? Di manakah mahkota kebesaran yang kamu banggakan? Mengapakah kamu memakai pakaian tentera?” tanya Sultan Muhammad Al-Fateh. Beliau hampir tidak dapat mengecam dan mengenali Maharaja Constantine.

“Hari ini saya bukan lagi seorang maharaja tetapi tentera biasa. Tindakan saya ini adalah bagi menaikkan semangat tentera Rom. Mereka akan terus berperang sehingga mencapai kemenangan,” jawab Maharaja Constantine.

“Hari ini kamu akan mati sebagai tentera biasa dan bukannya sebagai maharaja!” balas Sultan Muhammad Al-Fateh.

Justeru, berlakulah pertarungan antara kedua-dua mereka. Ternyata, orang tua itu bukanlah lawan yang sesuai untuk anak muda yang penuh bertenaga dan bersemangat waja itu. Sultan Muhammad Al-Fateh yang mahir menggunakan

pedang terus melakukan serangan secara bertubi-tubi sehinggakan Maharaja Constantine tercungap-cungap kepenatan.

“Lebih baik kamu menyerah kalah sahaja dan serahkan Konstantinopel kepada kami,” kata Sultan Muhammad Al-Fateh.

“Tidak!” teriak Maharaja Constantine.

Maharaja Constantine mengumpul segala kekuatan yang masih berbaki bagi menyerang Sultan Muhammad Al-Fateh dengan menggunakan pedangnya tetapi serangannya itu berjaya ditangkis dengan mudah oleh lawannya. Kemudian, giliran Sultan Muhammad Al-Fateh pula menyerang sehinggakan pedang yang berada di tangan Maharaja Constantine terlepas dari tangannya. Pada ketika itu, Sultan Muhammad Al-Fateh sudah bersedia bagi menamatkan riwayat hidup Maharaja Constantine.

Maharaja Constantine sedar dia tidak dapat mengalahkan lawannya. Pedang di tangannya pula sudah terlepas dari pegangannya dan baginda tidak sempat menggunakan pedang kedua yang masih tersisip pada pinggangnya. Hanya tinggal satu senjata yang masih ada. Tiba-tiba, Maharaja Constantine meludah muka Sultan Muhammad Al-Fateh. Dengan tiba-tiba, Sultan Muhammad Al-Fateh membatalkan niatnya mahu membunuh Maharaja Constantine.

“Mengapakah kamu masih membiarkan saya hidup?” tanya Maharaja Constantine.

“Mula-mula tadi saya sememangnya mahu membunuh kamu kerana Allah tetapi selepas kamu meludah muka saya, maka saya menjadi marah. Saya tidak mahu membunuh kamu kerana rasa marah yang menyelubungi diri saya,” jawab Sultan Muhammad Al-Fateh, lalu berpaling dan berlalu pergi dari situ.

Sebaik sahaja Sultan Muhammad Al-Fateh membelakanginya, Maharaja Constantine pun dengan pantas mahu menghunus pedang kedua yang tersisip pada pinggangnya. Baginda cuba menikam lawannya dari belakang. Panglima Amir Basya yang berada di situ segera bertindak dengan pantas. Dia pun menghayun pedangnya, lalu berjaya memutuskan tangan kanan Maharaja Constantine. Kemudian, Sulaiman Oglo pula menyerang dan dia berjaya menjatuhkan Maharaja Constantine. Topi besi yang dipakainya tertanggal. Panglima Amir Basya dengan pantas memenggal leher Maharaja Constantine.

“Maharaja Constantine sudah mati. Ini kepalanya!” teriak Sulaiman Oglo sambil menjulang kepala maharaja itu yang sudah bercerai dari tubuhnya.

Kematian Maharaja Constantine melemahkan semangat tentera Rom untuk terus berperang dan akhirnya mereka menyerah kalah. Tentera Turki menyambut kemenangan itu dengan laungan takbir sehingga suara mereka bergema sehingga ke angkasa raya.

Sultan Muhammad Al-Fateh menggantikan nama kota Konstantinopel kepada Istanbul. Gereja besar Aya Sofia ditukar menjadi sebuah masjid. Namun kini, semua itu

sudah kembali semula seperti ketika zaman pemerintahan Maharaja Constantine. Mustafa Kamal Ataturk menukar semula Masjid Aya Sofia menjadi sebuah gereja.

Syiar Islam yang diperjuangkan oleh Sultan Muhammad Al-Fateh sudah dikhianati oleh manusia yang bernama Mustafa Kamal Ataturk. Beliau mengarahkan semua masjid ditutup melainkan Masjid Abu Ayub Al-Ansari. Masjid Sultan Muhammad Al-Fateh pula dijadikan sebagai gudang menyimpan barang. Apa yang lebih menyedihkan adalah rakyat Turki dipaksa memakai topi koboi dan mereka dilarang keras memakai jubah dan juga serban.

Hati Batu dan Mereka yang Syahid

"Kita pernah menggelarnya sebagai Khalid Al-Walid Turki kerana menyangka yang dia berjaya mengalahkan tentera musuh dalam setiap kali pertempuran serta menyelamatkan negara kita. Kita juga bersetuju dengan permintaannya supaya negara kita menjadi negara republik dan dia dilantik menjadi presiden tetapi ternyata sekarang ini, barulah kita tahu siapa dia yang sebenarnya. Hakikatnya, Mustafa Kamal Ataturk itu adalah seorang pemimpin yang zalim, penghianat bangsa, agama dan negara. Dia perlu dihapuskan," Dhiya' Khursyid berucap dengan penuh bersemangat dalam satu perhimpunan di Azmir.

Dia baru sahaja dilantik menjadi ahli majlis tertinggi rakyat bagi mewakili penduduk Azmir dan seterusnya bagi menggantikan wakil lama yang baru sahaja meninggal dunia. Selepas menduduki kerusi itu dan selepas dia mendapat maklumat yang boleh dipercayai daripada rakan-rakannya yang sama-sama menjadi ahli majlis tertinggi rakyat, barulah dia berasa yakin dengan apa yang

didengarnya selama ini dan ternyata semua itu adalah benar belaka.

“Sekiranya mahu hidup senang dan kaya-raya, jangan ambil peduli apa yang dia lakukan. Ikut sahaja apa katanya dan sentiasalah menyokongnya,” kata Sallem Basya, iaitu salah seorang ahli majlis tertinggi rakyat yang rapat dengan Dhiya’ Khursyid.

“Kita memegang amanah rakyat. Adalah menjadi tanggungjawab kita bagi menegur pemimpin sekiranya dia didapati berlaku zalim dan menyeleweng,” kata Dhiya’ Khursyid, lalu menyatakan tekadnya tidak akan membiarkan kezaliman dan penyelewengan yang dilakukan Mustafa Kamal Ataturk daripada berterusan.

“Telinganya sudah pekak kerana tidak mahu lagi mendengar nasihat. Hatinya sekeras batu dan tidak ada lagi belas kasihan kepada sesiapa pun,” kata Salem pula.

“Sekiranya begitu, kita bunuh sahaja dia supaya dapat digantikan dengan pemimpin yang jauh lebih baik,” kata Dhiya’ Khursyid.

Salem bersetuju dengan tindakan itu tambahan pula dia memang sudah lama menaruh rasa benci kepada Mustafa Kamal Ataturk tetapi dia tidak seberani Dhiya’ Khursyid.

“Teruskan sahaja rancangan itu. Saya dan juga penduduk Siwas akan sentiasa menyokong. Apa yang pasti, perkara ini akan dirahsiakan dan saya sama sekali tidak akan mengkhianati kamu,” janji Salem yang membuatkan Dhiya’ Khursyid semakin bersemangat bagi melakukannya.

Dia mengumpulkan penduduk Azmir bagi mengajak mereka menyatakan penentangan kepada Mustafa Kamal Ataturk. Ramai yang menyokongnya termasuklah Jawid, iaitu bekas menteri pelajaran dan Syukri yang masih memegang jawatan tinggi kerajaan. Penentangan kepada Mustafa Kamal Ataturk semakin kuat apabila beberapa orang pegawai tentera Turki yang bertugas di Azmir turut sama menyertainya.

“Sesungguhnya, kita hanya menentang Mustafa Kamal Ataturk dan bukannya menderhaka kepada negara Turki. Kita menentang pemimpin yang zalim yang menyalahgunakan kuasa,” kata Dhiya’ Khursyid kepada para penyokongnya.

“Apakah tindakan yang boleh kita lakukan?” tanya salah seorang penyokong.

“Kita suruh dia meletakkan jawatannya supaya boleh digantikan dengan orang lain,” jawab Dhiya’ Khursyid.

“Sekiranya dia enggan?” tanya seorang lagi.

“Kita gunakan kekerasan,” jawab Dhiya’ Khursyid.

Dhiya’ Khursyid dan rakan-rakannya merancang mahu membunuh Mustafa Kamal Ataturk. Namun begitu, rancangannya itu dapat juga diketahui oleh Presiden Turki itu, melalui tali barut dan pegawai perisiknya. Lantaran itu, Mustafa Kamal Ataturk pun menghantar pasukan tentera bagi menangkap mereka yang terlibat dalam usaha menjatuhkannya. Bukan Dhiya’ Khursyid dan rakan-rakannya sahaja yang ditangkap, malahan mereka yang

menjadi saingan politiknya juga ditangkap dan mereka dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

“Mengapakah kamu merancang mahu membunuh saya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk kepada Jawid, iaitu bekas menteri pelajaran sebelum dia menjalani hukuman gantung.

“Kerana kamu seorang yang zalim,” jawab Jawid dengan berani, lalu menceritakan bentuk kezaliman yang pernah dilakukan oleh Mustafa Kamal Ataturk.

“Kamu boleh bercakap apa sahaja kerana sebentar sahaja lagi kamu akan mati di tali gantung,” kata Mustafa Kamal Ataturk yang langsung tidak terkesan dengan kata-kata Jawid.

“Kamu juga pasti akan mati. Sebelum kamu mati, kamu pasti menerima pembalasan atas apa yang pernah kamu lakukan. Di akhirat nanti, kamu akan dimasukkan ke dalam neraka,” kata Jawid bagi meluahkan rasa bencinya.

Sambil tertawa Mustafa Kamal Ataturk berkata, “Sudah habis apa yang kamu mahu katakan?”

“Saya tidak mahu bercakap lagi dengan kamu wahai firaun Turki,” kata Jawid, lalu terus membaca ayat-ayat suci al-Quran sehinggalah hukuman gantung dilakukan ke atasnya.

“Wahai Syukri, saya pernah melantik kamu menjadi menteri pelajaran. Mengapakah kamu sanggup menentang saya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Kerana kamu menutup sekolah agama dan memaksa para pelajar bertukar ke sekolah moden. Kamu juga melarang guru mengajar mata pelajaran agama Islam dan al-Quran di sekolah. Tindakan itu bertujuan bagi menghapuskan Islam di Turki,” jawab Syukri berterus terang.

“Saya mahu membawa kemajuan kepada bangsa Turki. Kamu pula mahu membawa mereka mundur ke belakang,” tempelak Mustafa Kamal Ataturk.

“Tindakan kamu itu sebenarnya membawa kehancuran kepada bangsa Turki. Walaupun kamu mendapat pujian dari Barat tetapi kamu sebenarnya dikecam oleh umat Islam di seluruh pelosok dunia,” balas Syukri.

“Saya tidak mahu bercakap panjang dengan kamu lagi. Kini, tiba pula giliran kamu mati di tali gantung ini,” kata Mustafa Kamal Ataturk sambil menunjukkan tali gantung yang akan digunakan bagi menjerut leher seorang lagi bekas Menteri Pelajaran Turki yang juga dituduh menderhaka itu.

Sambil tersenyum mengejek Mustafa Kamal Ataturk, Syukri pun berkata, “Sesungguhnya, tali gantung yang berada di tangan kamu itu kotor tetapi perbuatan kamu jauh lebih kotor lagi.”

Mustafa Kamal Ataturk berasa marah apabila mendengar kata-kata itu, lalu mengikat tali itu pada leher Syukri dan hukuman gantung pun dijalankan. Dia meninggal dunia dengan wajah yang tenang walaupun lehernya dijerut dengan tali. Ternyata, Mustafa Kamal Ataturk masih belum berpuas hati. Kini, tiba pula giliran penentang nombor

satunya yang bernama Dhiya' Khursyid.

"Adakah kamu sedar saya yang melantik kamu menduduki kerusi ahli majlis tertinggi rakyat? Kamu juga menerima gaji yang tinggi ditambah pula dengan elaun dan juga pelbagai bentuk insentif. Namun begitu, mengapakah kamu masih tidak berpuas hati, lalu merancang membunuh saya?" tanya Mustafa Kamal Ataturk.

"Kerana kamu pemimpin yang zalim," jawab Dhiya' Khursyid.

"Kamu akan dijatuhi hukuman mati sekarang juga," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Saya berasa bangga kerana mati dengan penuh kemuliaan. Kamu pula akan mati dengan penuh kehinaan," kata Dhiya' Khursyid bagi meluahkan rasa bencinya yang sememangnya sedang hangat membara.

"Tidakkah kamu sedar di mana kedudukan saya sekarang? Saya adalah Presiden Turki yang bergelar Ataturk. Apabila saya mati kelak, saya akan diberikan sepenuh penghormatan oleh rakyat dan negara tetapi kamu mati sebagai penderhaka. Mayat kamu pula akan dihumban ke dalam lubang najis," marah Mustafa Kamal Ataturk.

"Walaupun mayat kamu nanti akan diletakkan di tempat yang mulia tetapi kamu akan sentiasa dikenang sebagai pemimpin yang zalim. Pengkhianat kepada agama dan rakyat Turki," balas Dhiya' Khursyid dengan berani.

"Saya tidaklah zalim seperti yang kamu katakan itu. Saya

boleh berikan pengampunan kepada kamu. Sekiranya saya lepaskan kamu daripada hukuman ini, apakah balasan yang akan kamu berikan kepada saya?" tanya Mustafa Kamal Ataturk dengan nada suara yang lembut dan dengan sengaja berpura-pura untuk bersikap baik. Beliau berharap supaya lelaki itu akan berkata, "Sekiranya saya dilepaskan daripada hukuman mati ini, saya akan berkhidmat untuk kamu dengan penuh rasa taat setia dan saya sama sekali tidak akan menentang kamu lagi."

"Sekiranya saya dilepaskan daripada hukuman ini, saya akan berusaha bagi membunuh kamu!" jawab Dhiya' Khursyid.

Mustafa Kamal Ataturk berasa sungguh marah apabila mendengar jawapan itu, lalu mengarahkan supaya hukuman gantung sampai mati itu dijalankan segera ke atas Dhiya' Khursid.

Salem berasa dukacita kerana sahabat baiknya, iaitu Dhiya' Khursyid sudah pergi buat selama-lamanya. Dia juga berasa terkilan kerana tidak dapat memberikan bantuan kepadanya. Namun begitu, dia berazam untuk terus berjuang demi menegakkan keadilan.

"Negara kita adalah sebuah negara demokrasi. Sepatutnya undang-undang kita juga mengikut undang-undang demokrasi. Namun begitu, apa yang berlaku sekarang ini adalah negara kita seperti negara komunis," kata Salem dalam satu mesyuarat perwakilan ahli majlis tertinggi rakyat.

"Apakah maksud kamu dengan mengeluarkan tuduhan

seperti itu?" tanya Mustafa Kamal Ataturk dalam nada marah.

"Dalam mana-mana negara demokrasi, hukuman bunuh hanya boleh dilakukan oleh mahkamah selepas melalui proses perbicaraan. Namun begitu, di negara kita ini, hukuman bunuh boleh dijatuhkan oleh presiden tanpa perbicararaan di mahkamah," jawab Salem.

"Presiden boleh menjatuhkan hukuman bunuh kepada sesiapa sahaja yang menentangnya. Menentang presiden sama kesalahannya seperti menentang negara Turki," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Itu bukan sistem demokrasi. Itu sistem komunis," bantah Salem.

Bantahan Salem itu mendapat sokongan ramai. Perwakilan ahli majlis tertinggi rakyat juga tidak mahu presiden diberikan kuasa penuh yang membenarkannya bertindak dengan sesuka hati dan sewenang-wenangnya sehinggakan boleh menjatuhkan hukuman bunuh kepada sesiapa sahaja yang dikehendakinya. Selepas berlakunya perdebatan yang panjang, akhirnya dibuat satu keputusan hanya mahkamah yang boleh menjatuhkan hukuman bunuh dan majlis perwakilan rakyat diberikan kuasa bagi memberikan pengampunan sekiranya perlu.

Keputusan itu tidak mengembirakan Mustafa Kamal Ataturk kerana merasakan kuasanya mula tergugat. Namun begitu, beliau terpaksa juga bersetuju kerana itu adalah keputusan ahli majlis tertinggi rakyat. Sejak undang-undang itu digubal, keadaan negara Turki tenang seketika daripada

pemberontakan dan pembunuhan.

Kesempatan itu digunakan oleh ahli-ahli sufi dan kumpulan tarekat yang kebanyakannya berada di wilayah Menemen. Mereka menjadikan masjid sebagai tempat berkumpul serta mengamalkan ajaran tarekat. Tindakan pertama yang mereka lakukan adalah menentang undang-undang memakai topi koboi. Mereka menyuruh pengikut serta penyokong mereka memakai jubah dan serban. Penentangan mereka semakin meluas apabila mendapat sokongan daripada beberapa orang ketua pasukan tentera Turki yang berpangkalan di Menemen.

“Wahai tuan presiden, orang-orang sufi terutama sekali ahli-ahli tarekat di wilayah Menemen sudah pun menyatakan penentangan mereka kepada tuan. Mereka tidak mahu lagi memakai topi koboi dan mereka menggantikannya dengan serban,” lapor Abul Bek, iaitu penyokong setia Mustafa Kamal Ataturk.

“Saya sudah dimaklumkan perkara itu dan sekarang saya sedang memikirkan apakah bentuk tindakan yang perlu diambil,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Tuan boleh sahaja menangkap mereka serta menjatuhkan hukuman bunuh kepada mereka seperti yang pernah tuan lakukan kepada penentang di Azmir,” cadang Abul Bek yang cuba mengapi-apikan presiden Turki yang zalim itu.

“Keadaan sekarang tidak sama seperti dahulu lagi. Hukuman bunuh hanya boleh dijatuhkan oleh mahkamah dan majlis tertinggi rakyat pula berhak memberikan pengampunan sekiranya perlu. Keadaan ini sememangnya

menyulitkan tugas saya," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Sekiranya berlaku huru-hara di Menemen ataupun mereka sudah mula mengangkat senjata pasti rakyat menyokong tindakan tuan presiden," kata Abul Bek pula.

"Saya juga berpendapat begitu. Kita tunggu sahaja masa yang sesuai untuk bertindak," balas Mustafa Kamal Ataturk.

"Kita tidak boleh menunggu sahaja tuan. Kita perlu memulakannya sekarang juga," desak Abul Bek.

"Apakah cadangan kamu?" tanya Mustafa Kamal Ataturk.

"Saya dan rakan-rakan akan pergi ke Menemen. Kami akan menimbulkan huru-hara di sana. Kemudian, tuan boleh menghantar pasukan tentera bagi mengamankan keadaan. Dengan itu, tuan boleh menangkap ataupun menghapuskan mereka," jawab Abul Bek. Mustafa Kamal Ataturk kelihatan tertarik dengan cadangan itu.

"Saya sanggup memberikan apa sahaja yang kamu pinta," katanya.

"Selepas tugas ini selesai, barulah tuan berikan upahnya," balas Abul Bek.

"Sekiranya kamu gagal dan tertangkap, jangan babitkan sesiapa pun," pesan Mustafa Kamal Ataturk.

Keesokan harinya, Abul Bek mengajak beberapa orang rakannya pergi ke Menemen. Mereka bermalam di masjid jamek yang menjadi tempat berkumpulnya orang-orang sufi dan ahli tarekat. Keesokannya, selepas selesai

sembahyang subuh, Abul Bek naik ke atas mimbar untuk berucap.

“Saya adalah Imam Mahadi yang ditunggu-tunggu kedatangannya. Oleh sebab itu, marilah menjadi pengikut saya. Kita hapuskan musuh-musuh Islam dan kita tegakkan sebuah negara Islam yang kuat,” kata Abul Bek dengan suara yang lantang.

“Wahai tuan-tuan sekalian. Memang benar dia adalah Imam Mahdi yang kita nanti-nantikan kemunculannya. Marilah kita semua menjadi pengikutnya,” kata rakan-rakan Abul Bek pula.

Suasana di dalam masjid itu tiba-tiba menjadi kecoh. Hal ini kerana mereka yang berada di situ tidak percaya lelaki yang sedang berdiri di atas mimbar itu adalah Imam Mahadi yang ditunggu-tunggu.

“Menurut kitab yang saya baca. Imam Mahadi akan muncul di Masjidil Haram, Mekah dan bukannya di Turki,” kata imam Masjid Jamek Menemen.

“Selepas ini, saya akan pergi ke Mekah dan mengisytiharkan diri di hadapan Kaabah. Saya akan bawa semua mereka yang menjadi pengikut saya,” kata Abul Bek.

“Sekiranya benar kamu adalah Imam Mahadi, cuba tunjukkan kelebihan yang Tuhan berikan kepada kamu,” teriak satu suara daripada kalangan orang ramai.

“Baiklah, saya akan tunjukkan kelebihan yang ada pada

saya," kata Abul Bek.

Dia pun lantas menyeluk saku jubahnya, lalu mengeluarkan duit syiling emas dan melemparkannya kepada orang ramai. Kesemua duit syiling emas itu adalah pemberian Mustafa Kamal Ataturk. Orang ramai berebut-rebut bagi mendapatkan duit syiling emas yang dicampakkan Abul Bek itu. Keadaan menjadi semakin kecoh apabila keadaan menjadi tidak terkawal kerana tercetusnya pergaduhan.

"Kamu akan ditangkap kerana menjadi punca kepada pergaduhan ini," kata seorang anggota polis yang datang ke situ bagi meleraikan pergaduhan.

"Tidak ada sesiapa pun yang boleh menangkap Imam Mahadi," kata Abul Bek.

Tanpa diduga, berlakulah pergelutan antara Imam Mahadi palsu dengan anggota polis tersebut. Abul Bek segera mengeluarkan pistol yang dibawanya, lalu menembak anggota polis itu. Kemudian, dia bersama-sama kawannya melarikan diri dari situ. Berita pembunuhan anggota polis dan kekecohan yang berlaku di Masjid Jamek Menemen itu menggemparkan orang ramai. Lebih-lebih lagi apabila akhbar tempatan sengaja memperbesar-besarkan perkara tersebut. Mustafa Kamal Ataturk pun segera mengadakan mesyuarat tergempar.

Antara mereka yang dipanggil dalam mesyuarat itu adalah Ishmet Inunu, Ketua Majlis Angkatan Tentera, iaitu Jeneral Kazhim Auzalab, menteri dalam negeri, iaitu Syukri Qaya dan menteri pertahanan, iaitu Sayyid Zaka'i.

“Sesungguhnya, negara kita memerlukan keadaan politik yang stabil. Oleh sebab itu, kita tidak boleh membiarkan sahaja perkara seperti ini berlaku kerana ia boleh menggugat keamanan negara. Saya akan bertindak ke atas mereka yang melakukan pembunuhan ke atas anggota polis itu. Saya juga akan bertindak ke atas ahli-ahli sufi dan golongan tarekat yang menentang pemerintah Turki. Malahan, penduduk Menemen juga akan diambil tindakan kerana menyokong puak pemberontak,” kata Mustafa Kamal Ataturk yang memperlihatkan kebenciannya kepada musuh politiknya itu.

Kazhim Basya menyokong, lalu berkata, “Golongan tarekat ini seperti ular yang kotor dan berbisa yang perlu dihapuskan dengan segera.”

“Oleh sebab itu, kita perlu menghapuskan aktiviti tarekat ini dan jangan biarkan ada satu pun yang wujud lagi di negara ini,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Dalam keadaan perang ataupun dalam keadaan tertentu, kuasa bagi menjatuhkan hukuman mati perlu diberikan kepada presiden dan bukannya ditentukan oleh majlis,” kata Ishmet Inunu.

“Kita yang sepatutnya menentukan hukuman kepada penentang dan bukannya majlis,” kata Sayyid Zaka’I pula.

“Mereka yang membunuh anggota keselamatan dan mereka yang menentang pemerintah Turki sewajarnya dijatuhi hukuman mati. Saya mahu arahan ini dilaksanakan segera tanpa menunggu keputusan majlis,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Kemudian, katanya lagi, “Penduduk wilayah Menemen juga bersalah kerana melindungi penjenayah. Mereka juga perlu dijatuhkan hukuman. Saya mahu penjenayah dihukum bunuh dan penduduk wilayah Menemen dipindahkan dari situ.”

“Kami menyokong keputusan tuan. Pasukan tentera akan menjalankan tugas ini dengan segera,” kata menteri pertahanan, iaitu Sayyid Zaka’i,

“Kami menurut perintah, tuan,” kata Jeneral Kazhim Auzalab pula.

“Saya bersetuju,” kata menteri dalam negeri, iaitu Syukri Qaya.

Beberapa hari kemudian, pasukan tentera dalam jumlah yang ramai dengan lengkap bersenjata datang ke Menemen. Orang ramai yang tidak bersenjata berkumpul di dalam masjid kerana di situ sahaja tempat yang dirasakan selamat. Pihak tentera menuduh penentang menjadikan masjid sebagai tempat perlindungan menyebabkan pihak tentera bertindak mengepung kawasan luar masjid. Orang ramai yang berlindung di dalam masjid dipaksa menyerah tetapi mereka semua enggan berbuat demikian kerana mereka yakin yang mereka memang tidak bersalah.

Akhirnya, pasukan tentera bertindak menyerbu masuk ke dalam masjid dan menembak orang ramai yang sedang berlindung tanpa belas kasihan. Justeru, berlakulah pergelutan apabila mereka bangkit melawan. Akibatnya, mereka semua ditembak dan tidak ada seorang pun yang dibiarkan hidup. Kemudian, semua penduduk Menemen

diarahkan berpindah. Akhirnya, wilayah tersebut terbiar kosong dan tidak berpenghuni.

Badiuzzaman Said An-Nursi

Di sebuah kampung yang bernama Nursi yang terletak di dalam kawasan timur Anatolia, terdapat seorang tokoh ilmuan Islam yang bernama Badiuzzaman Said An-Nursi. Beliau mendapat gelaran Badiuzzaman kerana kepetahannya dalam menyampaikan ceramah sehingga berjaya memukau para pendengarnya. Beliau juga begitu hebat dalam majlis perbahasan sehingga dapat mengalahkan ulama-ulama yang terkenal pada masa itu. Kehebatannya terserlah sejak berumur 16 tahun. Beliau juga sering diundang untuk berceramah di masjid-masjid di seluruh Anatolia sehingga namanya menjadi terkenal. Badiuzzaman Said An-Nursi juga mempunyai pengikut dan anak murid yang ramai.

Apabila Turki mengalami zaman perubahan di mana fahaman moden dan sekular mengatasi fahaman beragama, maka beliau pun gigih berusaha bagi membetulkan keadaan. Badiuzzaman Said An-Nursi

berpendapat, ilmu agama perlu diajar di sekolah moden dan sekular, malahan ilmu sains moden juga perlu diajar di sekolah agama supaya wujud keseimbangan antara kedua-duanya.

“Dengan cara ini, para pelajar di sekolah moden dapat dilindungi daripada kekufuran dan para pelajar di sekolah agama dapat dilindungi daripada sikap taksub,” katanya setiap kali berceramah di perhimpunan ramai.

Namun begitu, cadangannya itu tidak diambil peduli oleh pihak pemerintah. Pelajar sekolah agama dan pelajar sekolah moden terus diasingkan. Pelajar sekolah moden diajar ilmu sains, matematik, bahasa Inggeris dan sebagainya. Manakala pelajar sekolah agama pula tidak diberikan perhatian oleh pemerintah.

Badiuzzaman Said An-Nursi tidak berputus asa. Anak-anak murid beliau diajar juga ilmu sains, matematik, sejarah, bahasa Inggeris dan lain-lain. Namun begitu, tumpuan khas diberikan kepada mata pelajaran agama.

Beliau juga mahu dibina sebuah universiti di Anatolia yang akan mendidik pelajar dengan ilmu agama dan ilmu moden. Pendapat beliau itu mendapat sokongan ramai terutama sekali mereka yang masih kuat berpegang pada ajaran agama. Namun begitu, pendapatnya itu ditentang oleh mereka yang berfahaman sekular kerana ternyata mereka lebih mengutamakan pelajaran moden.

Badiuzzaman Said An-Nursi tidak pernah kenal erti putus asa. Beliau pergi ke Istanbul bagi menemui Sultan Abdul Hamid dan mencadangkan supaya dibina sebuah universiti

di Anatolia yang mengajar ilmu agama dan ilmu sains secara bersepadu. Kali pertama beliau menghadap Sultan Abdul Hamid adalah pada tahun 1896 tetapi permintaannya itu tidak diperkenankan dengan alasan Turki sedang berperang dengan kuasa luar. Wang milik negara banyak digunakan untuk peperangan. Badiuzzaman Said An-Nursi akur dengan keputusan itu. Selepas peperangan tamat, sekali lagi beliau pergi menghadap Sultan Abdul Hamid.

“Wahai tuanku, saya memilih universiti itu didirikan di Anatolia kerana di sana terdapat ramai tokoh ulama dan pelajar agama. Anatolia akan menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan sekiranya tuanku bersetuju dengan permintaan ini dan saya dengan sukarela menawarkan diri menjadi salah seorang tenaga pengajarnya,” kata Badiuzzaman Said An-Nursi dengan harapan Sultan Abdul Hamid bersetuju dengan cadangannya itu.

“Saya bersetuju dengan cadangan itu tetapi kuasa membuat keputusan kini ditentukan oleh ahli majlis tertinggi rakyat. Mereka yang membuat keputusan yang berkaitan dengan hal ehwal negara terutama sekali yang berkaitan dengan kewangan,” kata Sultan Abdul Hamid.

“Sekiranya begitu, apakah gunanya sultan berada di atas takhta sekiranya keputusan yang penting seperti ini ditentukan oleh pihak lain? Alangkah baiknya sekiranya tuanku berkuasa seperti sultan-sultan yang terdahulu sebelum tuanku,” kata Badiuzzaman Said An-Nursi dalam nada tegas dan menempelak.

“Kamu sudah mengeluarkan kata-kata yang kasar kepada

sultan. Oleh sebab itu, kamu akan didakwa di mahkamah," kata ketua tentera yang turut hadir dalam perjumpaan itu.

"Saya lebih takut mahkamah di akhirat berbanding mahkamah di dunia. Bawalah saya ke mana sahaja kerana saya tidak pernah berasa gentar," kata Badiuzzaman Said An-Nursi.

Beliau pun ditangkap dan seterusnya dihadapkan ke mahkamah. Di hadapan hakim, sekali lagi beliau mengeluarkan kata-kata yang agak kasar yang dianggap menyalahi peraturan mahkamah.

"Wahai tuan hakim. Tidakkah tuan tahu antara tiga orang hakim yang beragama Islam, maka dua orang hakim akan dimasukkan ke dalam neraka kerana tidak adil dalam menjatuhkan hukuman. Apatah lagi sekiranya hukuman itu tidak berpandukan al-Quran dan hadis," katanya yang mendapat sokongan daripada orang ramai.

Oleh sebab bimbang berlakunya rusuhan, maka hakim sendiri tidak berani menjatuhkan hukuman. Tambahan pula, para penyokong serta anak-anak murid Badiuzzaman Said An-Nursi sedang berkumpul di luar mahkamah. Akhirnya, hakim memutuskan Badiuzzaman Said An-Nursi dihantar ke hospital sakit jiwa kerana diyakini jiwanya terganggu. Namun begitu, doktor di hospital sakit jiwa mendapati pesakitnya itu tidak mengalami sebarang masalah mental selepas melakukan pemeriksaan.

"Sekiranya orang seperti Badiuzzaman Said An-Nursi ini dikatakan gila, maka tidak akan ada seorang manusia siuman pun dalam dunia ini kerana semuanya mengalami

sakit jiwa," kata doktor yang memeriksanya. Dengan itu, Badiuzzaman Said An-Nursi pun dibebaskan.

Beliau kembali semula ke Anatolia dan kepulangannya disambut secara besar-besaran oleh anak-anak muridnya dan juga para pengikutnya. Namanya semakin terkenal dan anak muridnya semakin ramai. Beberapa bulan kemudian, Badiuzzaman Said An-Nursi didatangi beberapa orang lelaki yang mengaku utusan daripada Sultan Abdul Hamid yang kononnya beliau mengajak Badiuzzaman Said An-Nursi datang ke Istanbul bagi menyokong perjuangan membela Islam.

"Sultan Abdul Hamid mengajak tuan bersama anak-anak murid dan semua pengikut tuan datang ke Istanbul. Kita akan sama-sama berjuang mengembalikan semula sistem pemerintahan Islam," pujuk utusan tersebut.

"Sekiranya benar perintah itu adalah perintah sultan, mengapakah tidak disertakan dengan surat?" tanya Badiuzzaman yang berasa ragu-ragu.

"Memang sultan ada memberikan surat tetapi surat itu sudah habis saya edarkan kerana saya ditugaskan memaklumkan perkara ini di seluruh negara," jawab utusan itu.

Atas desakan orang ramai, maka Badiuzzaman Said An-Nursi terpaksa akur dengan permintaan itu walaupun dengan hati yang berat. Beliau bersama para pengikut dan anak-anak muridnya berangkat ke Istanbul. Apabila tiba di sana, didapati keadaan di Istanbul pada ketika itu sedang kacau-bilau menyebabkan berlakunya pergaduhan

sehingga beberapa orang menjadi korban. Kemudian, berlaku pula tragedi yang menyayat hati apabila al-Quran dipijak-pijak dan dibakar oleh sekumpulan orang yang tidak dikenali. Badiuzzaman Said An-Nursi mengingatkan para pengikut dan anak-anak muridnya supaya jangan masuk campur. Mereka diminta supaya berkumpul di dalam Masjid Abu Ayub Al-Ansari.

Pasukan tentera dikerah bagi mengamankan keadaan. Ramai yang ditangkap termasuklah Badiuzzaman Said An-Nursi. Mereka dihadapkan ke mahkamah tentera, lalu dibicarakan atas tuduhan menimbulkan kekacauan, membunuh dan membakar al-Quran. Mereka yang didapati bersalah dihukum gantung sampai mati di perkarangan mahkamah.

Apa yang paling menggemparkan orang ramai adalah apabila mereka yang didapati bersalah itu semuanya mengaku melakukannya atas perintah Sultan Abdul Hamid. Ramai yang percaya sultan tidak terlibat dalam perkara tersebut. Mereka yang bersalah itu sudah dipaksa membuat pengakuan palsu. Ada pihak yang mahu mengaitkan Sultan Abdul Hamid dalam peristiwa itu bagi membolehkan mereka menjatuhkannya.

“Wahai tuan hakim, saya tidak terlibat dengan rusuhan dan membakar al-Quran itu. Ketika kejadian, saya beriktikaf di dalam Masjid Abu Ayub Al-Ansari,” kata Badiuzzaman Said An-Nursi bagi membela dirinya.

“Dia datang ke Istanbul dengan membawa para pengikut dan juga anak-anak muridnya bagi menyertai rusuhan itu.

Oleh sebab itu, dia ditangkap," demikian pula kata pihak pendakwa raya.

"Tuduhan itu adalah tidak benar sama sekali. Semasa ditangkap, saya dan anak-anak murid saya berada di dalam masjid. Malahan, saya juga memberikan amaran kepada mereka supaya jangan masuk campur dengan apa yang sedang berlaku. Tuan hakim boleh bertanya kepada mereka," kata Syekh Badiuzzaman Said An-Nursi.

Kemudian, Badiuzzaman Said An-Nursi juga memberitahu mahkamah yang beliau didatangi oleh mereka yang mengaku sebagai wakil Sultan Abdul Hamid yang mengajaknya datang ke Istanbul.

"Mereka mengajak saya datang ke Istanbul bagi menegakkan syariat Islam dan bukannya membuat rusuhan dan membakar al-Quran. Perbuatan itu ternyata menyalahi ajaran agama Islam," kata Badiuzzaman Said An-Nursi.

"Adakah kamu percaya sultan terlibat dalam tragedi 31 Mac lalu?" tanya hakim.

"Sultan Abdul Hamid itu adalah pemimpin yang baik. Saya percaya beliau tidak terlibat dalam perkara itu," jawab Badiuzzaman Said An-Nursi.

"Bagaimanakah pula dengan pengakuan mereka yang didapati bersalah yang mengaku diperintah oleh sultan bagi melakukannya?" tanya hakim lagi.

"Wahai tuan hakim yang bijaksana, saya juga dipujuk oleh

mereka yang tidak dikenali supaya membuat pengakuan di dalam mahkamah dengan mengatakan yang saya juga diperintahkan oleh sultan bagi membuat huru-hara. Mereka berjanji akan membebaskan saya daripada hukuman. Terbukti itu adalah satu penipuan kerana mereka yang mengaku bersalah di dalam mahkamah kesemuanya dihukum mati," jawab Badiuzzaman Said An-Nursi.

Oleh sebab kepetahan Badiuzzaman Said An-Nursi berhujah bagi mempertahankan dirinya, akhirnya beliau dibebaskan dan tuduhan ke atasnya digugurkan. Beliau menyambutnya dengan rasa syukur, kemudian pulang semula ke Anatolia. Kepulangannya disambut dengan gembira oleh para pengikut dan anak-anak muridnya. Namanya semakin terkenal, pengikut dan anak muridnya juga semakin bertambah sehinggakan jumlahnya hampir satu juta orang. Pada waktu siang, iaitu selepas selesai sembahyang subuh, beliau akan menyampaikan ilmu agama dan pada waktu malam pula, beliau akan mengisi masanya dengan beramal ibadat.

Badiuzzaman Said An-Nursi juga sering dijemput bagi menyampaikan ceramah di masjid-masjid di seluruh Anatolia. Beliau menjelajah ke kawasan bandar dan kampung-kampung bagi menyampaikan ilmu agama. Dalam ucapannya, beliau sering mengingatkan orang ramai mereka yang ada iman dan Islam sahaja akan selamat di dunia dan di akhirat. Beliau juga sering mengatakan pemerintahan kuku besi atau diktator bertentangan dengan Islam. Anak-anak murid beliau menulis serta mengumpulkan syarahan-syarahannya itu di dalam sebuah buku yang berjudul *Perbahasan*. Buku

tersebut disalin semula dengan tulisan tangan, lalu disebarkan kepada orang ramai. Mereka memanggilnya Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi.

Buat pertama kalinya, beliau dijemput bagi menyampaikan khutbah di Masjid Umayyad, Damsyik. Orang ramai berkumpul di masjid tersebut bagi mendengar khutbah yang disampaikannya dan antara mereka yang menghadirinya termasuklah 100 orang ulama yang terkenal. Dalam khutbahnya, beliau berkata tamadun Islam akan berdiri tegak di dunia moden ini. Oleh sebab itu, beliau menyeru dan mengajak penduduk Damsyik supaya kembali kepada ajaran al-Quran dan hadis.

Akibat tercetusnya rusuhan pada 31 Mac menyebabkan Sultan Abdul Hamid diturunkan daripada takhtanya kerana dituduh terlibat dalam peristiwa pembunuhan serta pembakaran al-Quran. Sultan Muhammad Resyad dilantik bagi memangku tugas sultan.

Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi tetap berusaha bagi mendirikan sebuah universiti di Anatolia. Beliau pergi ke Istanbul sekali lagi untuk bertemu dengan Sultan Muhammad Resyad bagi memujuknya supaya memperkenankan usaha tersebut. Namun begitu, usahanya itu masih belum berjaya kerana Mustafa Kamal Ataturk yang dilantik menjadi Presiden Turki yang pertama tidak bersetuju dengan rancangan tersebut.

Sultan Muhammad Resyad yang tertarik dengan peribadi Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi mengajaknya melawat daerah Balkan. Ketika berada di Kosovo, penduduk bandar

tersebut memohon dibina sebuah universiti. Pada mulanya Sultan Muhammad Resyad bersetuju dengan permintaan itu tetapi Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi mencadangkan supaya universiti itu didirikan di Anatolia.

“Kawasan timur lebih memerlukan sebuah universiti kerana di sana adalah pusat dunia Islam,” kata Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi.

Beliau memohon peruntukan sebanyak 19,000 lira untuk tujuan itu. Sultan Muhammad Resyad akhirnya bersetuju bagi membiayai sendiri penubuhan universiti tersebut. Selepas pulang dari lawatan ke Balkan, Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi kembali semula ke Anatolia dengan rasa gembira kerana usahanya mahu melihat tertubuhnya sebuah universiti di Anatolia hampir berjaya. Beliau memilih satu kawasan bernama Van yang terletak di bahagian timur Anatolia bagi mendirikan universiti tersebut. Beliau sendiri sudah meletakkan batu asas bagi memulakan pembinannya tetapi usahanya itu terhenti apabila Sultan Muhammad Resyad digantikan dengan Sultan Abdul Aziz. Kemudian, berlaku pula perang dunia pertama.

Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi bukan sahaja tokoh agama yang berkaliber bahkan beliau juga adalah seorang pahlawan yang handal di medan perang. Ketika meletusnya perang dunia pertama, beliau memimpin pasukan sukarelawan yang terdiri daripada para pengikut serta anak-anak muridnya bagi membantu tentera Uthmaniah mempertahankan kawasan timur Anatolia. Pasukan sukarelawan itu dikenali sebagai “pasukan jihad

serban" kerana mereka memakai serban. Setiap kali bertempur dengan musuh, mereka berjuang bersungguh-sungguh sehingga menggerunkan tentera Rusia dan Armenia.

Ketika berada di medan perang, Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi masih sempat menulis kitab tafsirnya yang berjudul *Isyaaratul I'jaz* yang ditulisnya dalam bahasa Arab. Kitab tafsir itu kemudiannya mendapat penghargaan daripada para ulama yang terkenal pada masa itu.

Semasa berlakunya peperangan, tentera Rusia yang sudah beberapa kali dikalahkan oleh pasukan jihad yang dipimpin oleh Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi sudah menghantar pasukan tentera tambahan yang ramai bagi menawan timur Anatolia. Dalam satu siri pertempuran yang sengit, akhirnya pasukan sukarelawan itu dapat dikepung menyebabkan mereka gagal mendapatkan bantuan dari luar. Akhirnya, mereka berjaya dikalahkan dan Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi dapat ditawan, lalu dihantar ke khemah tahanan perang di Kostroma, iaitu di barat laut Rusia. Beliau ditahan di situ selama dua tahun.

Semasa dalam tahanan, Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi tekun beramal ibadat serta berdakwah kepada tahanan perang yang berada di dalam kem tahanan tersebut. Pada suatu hari, Jeneral Nicholas Nicolavich, iaitu Ketua Turus Tentera Rusia di medan perang Kaukasus yang juga merangkap bapa saudara kepada Czar, iaitu raja Rusia datang melawat khemah tahanan tersebut. Ketika beliau berjalan di hadapan Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi, Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi langsung tidak

memberikan tunduk hormat seperti yang dilakukan oleh tahanan perang yang lain.

“Mengapakah kamu tidak mahu tunduk kepada saya sebagai tanda hormat?” tanya Jeneral Nicholas Nicolavich.

“Saya seorang ulama Islam yang dalam hati saya ada iman. Sesiapa sahaja yang ada iman dalam hatinya adalah lebih mulia daripada mereka yang tidak beriman. Oleh sebab itu, saya tidak boleh bertindak bertentangan dengan iman saya,” jawab Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi.

“Adakah agama kamu melarang untuk tunduk hormat kepada saya?” tanya Jeneral Nicholas Nicolavich lagi.

“Saya hanya dibolehkan tunduk menyembah Allah,” jawab Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi dengan berani.

Akibat kata-katanya itu, beliau dituduh menghina ketua tentera, lalu beliau dihadapkan ke mahkamah tentera dan dijatuhi hukuman mati. Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi kelihatan tenang sahaja apabila mendengar keputusan hakim itu kerana beliau yakin dirinya berada di pihak yang benar. Malahan, beliau juga enggan memohon maaf kepada Jeneral Nicholas Nicolavich.

Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi yang dijatuhi hukuman tembak dibawa ke tempat hukuman dijalankan. Turut hadir menyaksikannya adalah Jeneral Nicholas Nicolavich. Beliau berasa kagum melihat keberanian ulama itu kerana masih kelihatan tenang walaupun sudah dibawa ke tempat hukuman mati.

“Adakah kamu tidak takut mati?” tanya Jeneral Nicholas Nicolavich.

“Semua manusia pasti akan mati apabila sudah sampai ajalnya,” jawab Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi.

“Adakah kamu tidak mahu dibebaskan daripada hukuman ini?” tanya Jeneral Nicholas Nicolavich lagi.

“Sekiranya dihukum mati saya reda dan sekiranya dibebaskan saya bersyukur,” jawab Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi.

“Sekiranya kamu mahu tunduk dan hormat kepada saya, maka saya akan bebaskan daripada hukuman ini,” kata Jeneral Nicholas Nicolavich.

“Sudah tentu saya tidak dapat melakukannya kerana saya hanya tunduk menyembah Allah,” jawab Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi.

“Kamu tidak takut dihukum mati?” tanya Jeneral Nicholas Nicolavich sekali lagi.

“Semua yang hidup pasti akan mati,” jawab Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi.

“Sebelum mati, apakah permintaan kamu yang terakhir?” tanya Jeneral Nicholas Nicolavich.

“Saya mahu mengerjakan sembahyang sunat dan menyembah Allah sebelum mati,” jawab Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi.

Permintaannya itu diperkenankan. Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi pun mengerjakan sembahyang sunat beberapa rakaat dan berdoa. Kemudian, beliau berserah kepada Allah. Jeneral Nicholas Nicolavich terpegun melihat keberanian dan kehebatan Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi. Beliau pun membatalkan hukuman mati ke atas ulama itu.

“Dia seorang yang kuat berpegang teguh pada agamanya. Apa yang dilakukannya bukan sebagai penghinaan tetapi kerana imannya yang kuat,” kata Jeneral Nicholas Nicilavich, lalu memohon maaf kepada Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi.

Tidak berapa lama kemudian, berlaku kekacauan di Rusia kesan daripada revolusi komunis. Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi bersama tahanan perang yang lain berjaya melepaskan diri. Selepas menempuh perjalanan yang jauh dan sukar, akhirnya beliau selamat tiba di Istanbul. Kepulangannya disambut sebagai pahlawan kerana keberaniannya di medan perang menentang tentera Rusia di Anatolia. Beliau dianugerahkan pingat dan ditawarkan memegang jawatan dalam kerajaan tetapi beliau menolaknya. Anwar Basya, iaitu Menteri Pertahanan Turki turut memberikan pujian serta mendesak Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi supaya menjadi anggota Darul Hikmah Al-Islamiah. Beliau terpaksa juga menerima tawaran itu.

Selepas Turki kalah dalam perang dunia pertama, negara itu pun dijajah oleh British. Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi menunjukkan kebenciannya dengan berkata, “Wahai

anjing yang dianjingkan ke peringkat anjing yang tertinggi. Mari kita ludah muka orang Inggeris yang terkutuk dan tidak tahu malu itu. Kata-kata inilah yang sentiasa diucapkan oleh Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi apabila berucap di hadapan orang ramai.

Beliau juga mengajak para pengikut dan anak-anak muridnya supaya menunjukkan rasa benci kepada Inggeris dengan keengganan memberikan kerjasama serta memulaukan majlis yang mereka adakan. Inggeris cuba memujuk Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi dengan berjanji memberikannya jawatan penting tetapi ditolaknya mentah-mentah. Malahan, beliau menunjukkan permusuhan yang lebih kuat. Akibatnya, Inggeris merancang mahu membunuhnya. Mereka mengupah beberapa orang lelaki Turki bagi membunuh Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi tetapi tidak berjaya. Malahan, tidak kurang dari tiga kali percubaan membunuhnya dilakukan tetapi tetap juga gagal. Sejak itu, para pengikut dan anak-anak muridnya sentiasa mengawal keselamatan Syiekh Badiuzzaman Said An-Nursi.

Pengaruh Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi semakin kuat di Anatolia. Para pengikut dan anak-anak muridnya juga semakin bertambah. Pemerintah Turki sentiasa berusaha memujuknya supaya datang ke Ankara tetapi beliau enggan menerima jemputan itu. Selepas 18 kali menjemputnya, barulah beliau bersetuju untuk datang ke Ankara. Beliau dilantik menjadi ahli Dewan Perhimpunan Kebangsaan atau Parlimen Turki yang baru sahaja ditubuhkan. Namun begitu, beliau berasa dukacita apabila mendapati kesemua ahli Dewan Perhimpunan Kebangsaan

itu lalai mengerjakan perintah agama, malahan sering meninggalkan sembahyang fardu lima waktu.

Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi sentiasa berusaha memujuk ahli Dewan Perhimpunan Kebangsaan supaya kembali semula kepada ajaran Islam serta mengerjakan sembahyang lima waktu. Usaha beliau itu akhirnya berjaya di mana hampir separuh daripada mereka mula mengerjakan sembahyang. Namun begitu, usaha beliau itu mendapat tentangan hebat daripada Mustafa Kamal Ataturk dan juga para penyokongnya. Ekoran daripada itu, Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi meletakkan jawatan, lalu kembali semula ke Anatolia. Beliau kembali berdakwah serta beramal ibadat.

Pada tahun 1925, berlaku pemberontakan di bahagian timur Turki. Penduduk Anatolia juga mahu menyertai pemberontakan itu. Mereka memujuk Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi supaya menyokong perjuangan mereka tetapi beliau menolak permintaan itu.

“Senjata kamu itu perlulah digunakan bagi menentang musuh dari luar yang menjajah negara kita dan bukannya digunakan bagi menentang saudara-saudara kamu yang berada di dalam negeri ini. Hentikan usaha kamu itu kerana ia akan gagal. Tindakan kamu itu akan mengakibatkan beribu-ribu orang lelaki dan wanita yang tidak bersalah terbunuh hanya disebabkan oleh tindakan beberapa orang penjenayah,” kata Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi.

Tenyata, telahan beliau itu benar sama sekali apabila pemberontakan itu dapat dihentikan oleh pihak tentera.

Namun begitu, ramai yang terbunuh dan ditangkap. Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi turut ditangkap atas tuduhan menyokong pemberontak. Namun begitu, hukuman ke atas beliau diringankan dan ditukarkan kepada hukuman perintah dibuang daerah ke Burdur. Mereka berharap apabila berjauhan dengan para pengikut dan anak-anak muridnya di Anatolia, maka Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi akan berasa kecewa dan menderita. Namun begitu, sangkaan mereka itu meleset sama sekali kerana sebagai seorang pendakwah, beliau tetap menjalankan tanggungjawabnya walau di mana sahaja berada. Akhirnya, ramai penduduk Burdur yang menjadi pengikut dan anak-anak muridnya. Beliau juga ada menulis beberapa buah buku.

Ternyata kegiatan Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi itu tidak disenangi pemerintah Turki. Mustafa Kamal Ataturk mengeluarkan arahan menghantarnya ke satu tempat yang terpencil dan tidak ada penghuni, iaitu di Barla. Tempat tersebut dikelilingi bukit-bukau dan mereka berharap Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi akan mati di situ dalam keadaan tidak bermaya dan keseorangan. Namun begitu, keadaan itu sedikit pun tidak melunturkan mahupun mematahkan semangat Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi. Beliau masih terus beramal ibadat.

Apabila Mustafa Kamal Ataturk menutup masjid, menukar azan ke dalam bahasa Turki, menukar Masjid Aya Sofia menjadi muzium dan memaksa lelaki Turki memakai topi koboi, keadaan itu membuatkan Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi tidak boleh berdiam diri. Beliau sentiasa melakukan penentangan menerusi hasil-hasil tulisannya.

Menerusi risalah hasil tulisannya yang berjudul *An-Nur,* beliau mengajak rakyat Turki supaya kembali semula kepada iman dan Islam yang disebarkan melalui anak-anak muridnya kepada orang ramai.

“Saya akan buktikan kepada dunia al-Quran adalah matahari rohani yang tidak akan luntur dan sama sekali tidak akan pernah terpadam,” kata beliau dalam usaha menyeru umat Islam supaya kembali semula kepada al-Quran dan hadis.

Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi sudah menghabiskan hidupnya selama lapan tahun di Barla. Selama tempoh itu, beliau sudah menghasilkan sebanyak 200 ribu risalah *An-Nur* yang hanya menggunakan tulisan tangan. Risalah itu kemudiannya disebarkan kepada orang ramai oleh para pengikut dan juga anak-anak muridnya. Kegiatan itu ternyata membimbangkan Presiden Mustafa Kamal Ataturk.

Lantaran itu, beliau mengarahkan supaya digubal undang-undang baru yang melarang penyebaran risalah yang menyentuh perihal agama Islam. Usaha itu juga dilakukan sebagai benteng bagi menghalang sesiapa sahaja yang mahu bertemu dengan Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi di Barla. Namun begitu, usaha itu tidak berjaya kerana para pengikut dan anak-anak murid yang setia tetap juga menemuinya walaupun secara rahsia.

Ternyata, risalah *An-Nur* yang ditulis Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi benar-benar mendapat sambutan daripada orang ramai terutama sekali daripada penduduk Anatolia.

Mereka dapat memahami inti pati sebenar iman dan Islam melalui risalah *An-Nur*. Rakyat Turki yang cuba dijinakkan dengan fahaman sekular, dilihat sudah mula untuk kembali semula kepada ajaran Islam.

Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi terus menulis risalah *An-Nur,* manakala anak-anak muridnya terus berusaha bagi menyebarkannya kepada orang ramai. Mustafa kamal Ataturk berasa sungguh bimbang dengan keadaan itu. Beliau mengadakan mesyuarat dengan para menterinya bagi membincangkan perkara tersebut.

“Sudah lebih 20 tahun usaha dilakukan bagi menyekat serta menghapuskan Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi tetapi masih tidak berjaya. Malahan, pengaruhnya semakin kuat dalam kalangan rakyat Turki,” kata Ishmet Inunu selaku menteri kanan.

“Tangkap sahaja orang tua itu dan jatuhkan hukuman bunuh ke atasnya,” cadang menteri yang lain pula.

“Sekiranya dia dibunuh, orang ramai pasti menjadi semakin bersimpati kepadanya. Hal ini kerana risalahnya semakin hari semakin berjaya menarik perhatian orang ramai bagi membacanya. Oleh sebab itu, dengan membunuhnya bukanlah jalan penyelesaian yang terbaik,” bantah yang lain pula.

“Saya sendiri yang akan pergi menemuinya,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Mustafa Kalam Ataturk mengarahkan supaya Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi dijemput menghadapnya.

Apabila Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi sudah berada di hadapan matanya, maka beliau terus sahaja mengemukakan tawaran kepadanya.

“Sekiranya kamu bersetuju untuk bekerjasama dengan kami dan tidak memusuhi kami, maka kamu akan dibebaskan dan boleh hidup bebas seperti biasa,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya saya dihukum penjara, hukuman itu ternyata memberikan peluang kepada saya untuk terus beramal ibadat. Sekiranya dibuang negeri pula, hukuman itu ternyata memberikan peluang kepada saya bagi terus berdakwah,” kata Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi.

“Apakah yang menghalang kamu untuk bersikap baik kepada saya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk lagi.

“Kamu seorang pemimpin yang zalim. Oleh sebab itu, saya tidak akan bekerjasama dengan kamu,” jawab Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi.

“Saya boleh berubah menjadi pemimpin yang baik,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Tuan akan menjadi pemimpin yang baik sekiranya taat kepada suruhan Tuhan. Dengan itu, saya mahu mengajak tuan menngerjakan sembahyang secara berjemaah dengan saya,” kata Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi.

“Saya tidak akan melakukannya,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi pun berkata,

“Sembahyang itu tiang agama yang menjadi keutamaan ibadat umat Islam. Sesungguhnya, mereka yang tidak tidak mengerjakan sembahyang itu adalah pengkhianat agama. Manakala pemimpin yang secara terang-terangan tidak mengerjakan sembahyang akan ditolak.”

Mustafa Kamal Ataturk berasa sungguh marah apabila mendengar kata-kata itu, lalu Syeikh Badiuzzaman Said An-Nursi pun ditangkap dan dihukum penjara atas tuduhan menyebarkan risalah yang diharamkan serta menghina Presiden Turki.

Abu Ayub Al-Ansari

Abu Ayub Al-Ansari adalah seorang sahabat Nabi Muhammad. Ketika Rasulullah berhijrah ke Madinah, beliau menjadi tetamu di rumahnya. Pada mulanya, ramai yang mempelawa Rasulullah menjadi tetamu di rumah mereka tetapi Rasulullah mengatakan yang beliau akan membiarkan sahaja unta yang ditunggangnya itu berjalan ke mana sahaja yang ia mahu tuju dan sekiranya unta itu berhenti, maka di situlah beliau akan singgah. Ternyata, unta itu berhenti di hadapan rumah Abu Ayub Al-Ansari.

Abu Ayub Al-Ansari menyertai setiap peperangan bersama Rasulullah. Beliau sentiasa menunjukkan kehebatan serta keberanian dalam Perang Badar, Perang Uhud, Perang Khandaq, Perang Khaibar dan juga beberapa siri peperangan yang lain.

Selepas Rasulullah wafat, Abu Ayub Al-Ansari memberikan kerjasama kepada Khalifah Abu Bakar, Umar Al-Khattab, Uthman bin Affan dan Ali bin Abi Talib. Ketika Muawiyah bin Abu Sufian menjadi Khalifah, Abu Ayub Al-Ansari turut

memberikan kerjasama. Apabila Muawiyah menghantar pasukan tentera bagi menakluk kota Konstantinopel pada tahun 51 Hijrah, maka Abu Ayub Al-Ansari pun mahu ikut serta walaupun pada ketika itu umurnya sudah mencecah angka 81 tahun.

Ketika ditanya mengapa beliau mahu ikut serta berperang sedangkan beliau sudah terlalu tua, beliau menjawabnya dengan jawapan kerana mahu bersama-sama angkatan Muslimin bagi menzahirkan hadis Rasulullah yang pernah mengatakan kota Konstantinopel akan ditakluk oleh umat Islam suatu hari nanti.

Oleh sebab itu jugalah Muawiyah bercita-cita mahu menakluk kota Konstantinopel. Beliau mahu membuktikan hadis nabi itu akan berlaku pada zaman pemerintahannya. Bagi menjayakan cita-cita itu, beliau melantik anaknya Yazid bagi memimpin pasukan tentera Islam yang berjumlah seramai seratus lima puluh ribu orang. Apabila Abu Ayub Al-Ansari mendengar berita itu, maka beliau pun memohon bagi menyertainya.

“Tuan sudah terlalu tua untuk pergi berperang. Lebih baik tinggal sahaja di sini,” kata Muawiyah seperti memperlekehkan kemahuan sahabat Nabi Muhammad itu.

“Saya mahu mendapatkan syahid. Sesungguhnya, pintu syahid itu sentiasa terbuka kepada sesiapa sahaja tanpa mengira usia,” tegas Abu Ayub Al-Ansari.

“Tidakkah tuan akan hanya membebankan tentera Islam?” tanya Bashar, iaitu pembantu kepada Muawiyah.

“Saya masih kuat untuk berjalan jauh. Pengalaman saya berperang bersama nabi pasti berguna kepada tentera Islam bagi menawan kota Konstantinopel,” jawab Abu Ayub Al-Ansari.

“Dia adalah lelaki yang dihormati oleh orang ramai. Kehadirannya pasti dapat menaikkan semangat tentera kita untuk berperang,” kata Yazid, iaitu anak kepada Muawiyaah pula.

“Saya berperang hanya demi mendapatkan keredaan Tuhan. Saya tidak akan menuntut apa-apa bayaran daripada Khalifah,” kata Abu Ayub Al-Ansari.

Ternyata, Muawiyah tidak lagi dapat menolak permintaan lelaki yang sudah berumur 81 tahun itu. Tambahan pula, beliau sememangnya dihormati oleh orang ramai kerana pernah menjadi sahabat nabi. Keinginan Abu Ayub Al-Ansari untuk bersama tentera Islam bagi menakluk kota Konstantinopel ternyata menggembirakan orang ramai. Namun begitu, ada juga yang kurang senang dengan perkhabaran itu kerana mereka menganggap kehadirannya akan menimbulkan banyak masalah. Hal ini kerana mereka menganggap Abu Ayub Al-Ansari sudah terlalu tua untuk pergi berperang.

“Wahai Abu Ayub, adakah tuan tidak berasa terhina apabila Muawiyah melantik puteranya Yazid yang masih muda bagi memimpin tentera Islam bagi menakluk kota Konstantinopel?” tanya salah seorang tentera semasa mereka dalam perjalanan ke medan perang.

“Saya tidak berkecil hati walau siapa pun yang memimpin

kerana saya keluar untuk berjihad pada jalan Allah. Saya sanggup meninggalkan keluarga dan segala yang saya cinta hanya kerana saya mahu memburu syahid," tegas Abu Ayub Al-Ansari.

Apabila tiba di Konstantinopel, tentera Islam bergabung dengan pasukan tentera dari Mesir yang diketuai oleh Uqbah bin Amir dan dari Syam pula diketuai oleh Fudalah bin Ubaid. Jumlah mereka bertambah ramai, iaitu hampir dua ratus ribu orang. Dengan ini, timbul rasa megah dalam kalangan tentera Islam sambil berkata, "Pasukan tentera Islam yang ramai ini pasti dapat menakluk kota Konstantinopel dengan mudah."

Apabila mendengar kata-kata itu, Abu Ayub Al-Ansari pun berkata, "Dalam Perang Badar jumlah tentera Islam sedikit tetapi berjaya mengalahkan tentera Quraisy yang ramai. Namun begitu, dalam perang Hunain, jumlah tentera Islam begitu ramai tetapi tidak dapat mengalahkan musuh. Oleh sebab itu, janganlah kamu berasa megah dengan jumlah yang ramai."

Kedatangan tentera Islam sampai juga ke pengetahuan raja Konstantinopel. Beliau memerintahkan tenteranya supaya bersiap sedia dengan segala kelengkapan senjata yang ada bagi mempertahankan kota mereka. Apabila tentera Islam tiba, mereka disambut dengan anak-anak panah dan lontaran bola-bola api menyebabkan ramai yang mati syahid. Mereka bagaikan kelopak bunga mekar yang jatuh berguguran ditiup angin yang kencang. Apabila melihat ramai tenteranya yang gugur, maka Yazid terpaksa mengarahkan tenteranya supaya berundur dan

menjauhkan diri dari kota itu supaya tidak terkena senjata musuh. Apabila melihat tentera Islam berundur, maka tentera Rom pun semakin bersemangat bagi mengalahkan lawannya. Mereka membuka pintu kota, lalu keluar beramai-ramai bagi memerangi tentera Islam. Lantaran itu, berlakulah pertempuran yang begitu sengit sehinggakan ramai yang terbunuh daripada kedua-dua belah pihak.

Apabila melihat keadaan itu, seorang penyair yang bernama Abdul Aziz yang turut menyertai tentera Islam melagukan syairnya demi menaikkan semangat rakan-rakannya.

Kehidupan ini banyak tahapnya

Sudah kualami berbilang masa

Antara kelembutan dan kesesatan

Ada bala tidak mampu membuat aku lara

Ada nikmat tidak membuatkan aku derhaka

Apa pun jua yang terjadi

Semuanya tidak akan menyesakkan dadaku

Dan apa pun yang sudah menimpa

Tidak akan merampas nafasku....

Penyair yang berani itu menyerbu ke arah musuh, lalu bertempur dengan hebatnya. Seorang demi seorang tentera Rom berjaya dijatuhkan dengan pedangnya. Dia

bagaikan singa lapar yang berada di tengah-tengah sekumpulan lembu liar. Tanpa menghiraukan nyawanya, penyair yang bernama Abdul Aziz yang berani itu terus sahaja menerkam, mengelak dan melibaskan pedangnya ke kiri dan ke kanan. Apabila melihat keadaan itu, tentera Rom menjadi berang. Mereka beramai-ramai mengepungnya bagaikan sekumpulan serigala yang mengeroyok seekor kuda. Pahlawan Islam yang gagah berani itu terus menentang tentera Rom walaupun ketika itu tubuhnya mula menjadi sasaran senjata musuh. Namun akhirnya, dia terkulai layu bagaikan kelopak bunga yang jatuh dari tangkainya.

Apabila melihat Abdul Aziz sudah tewas, tentera Rom menunjukkan kebencian mereka dengan membelah dan merobek-robek tubuh pahlawan Islam itu sehingga mayatnya menjadi hancur bak daging yang dicencang. Kemudian, mereka bersorak beramai-ramai sebagai tanda kemenangan. Apabila melihat keadaan itu, salah seorang tentera Islam pun mengkritik perbuatan tentera musuh itu dengan berkata, “Jangan kamu tiru perbuatan itu kerana perbuatan itu hanya menjatuhkan diri kamu ke dalam kebinasaan.”

Kemudian, tentera itu pun membaca ayat suci al-Quran yang bermaksud, “Jangan kamu jatuhkan diri kamu ke dalam kebinasaan.”

Apabila mendengar ucapan itu, Abu Ayub Al-Ansari pun menjadi marah, lalu berkata, “Kami kaum Ansar lebih memahami makna ayat itu. Sesungguhnya, ayat itu diturunkan kepada kami. Ketika itu kami sudah seronok

tinggal bersenang-senang sehingga lupa bagi meneruskan jihad menyebabkan turunnya ayat yang berbunyi, “Jangan kamu campakkan diri kamu ke dalam kebinasaan.”.”

Kemudian, Abu Ayub Al-Ansari menyambung kata-katanya lagi, “Kebinasaan yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah menetap lama-lama bersama keluarga dan anak-anak sehingga lupa untuk pergi berjihad. Ayat itu juga ditujukan kepada mereka yang kaya tetapi kedekut.”

Selesai berkata-kata, Abu Ayub Al-Ansari pun mengajak tentera Islam supaya menggempur musuh. Mereka berjuang dengan begitu bersemangat sehingga berjaya menjadikan tentera Rom kucar-kacir. Pertempuran hanya berhenti apabila hari menjelang senja. Tentera Rom masuk semula ke dalam kota Konstantinopel, lalu mengunci pintunya. Tentera Islam mengambil kesempatan untuk berehat sebelum meneruskan pertempuran pada keesokan harinya.

Malam itu, Abu Ayub Al-Ansari tiba-tiba jatuh sakit. Beliau terbaring lesu tanpa mampu bergerak. Hanya nafasnya yang turun naik menandakan yang dirinya masih bernyawa. Tentera Islam yang lain pun datang menziarahinya. Salah seorang daripada mereka berdoa, “Ya Allah, sihatkanlah dia dan sembuhkanlah penyakitnya.”

Tiba-tiba, Abu Ayub Al-Ansari membuka matanya, lalu berkata. “Sebaik-baiknya kamu berdoa begini, Ya Allah, sekiranya ajalnya sudah dekat, ampunilah dosanya dan berilah rahmat-Mu kepadanya. Sekiranya ajalnya masih belum tiba, maka sihatkanlah dia dan sembuhkan segera

penyakitnya serta berikanlah kepadanya ganjaran pahala."

Kemudian, mereka pun mengucapkan kata-kata yang diajar oleh sahabat nabi itu. Abu Ayub Al-Ansari kelihatan tersenyum gembira walaupun dalam kepayahan kerana sedang menanggung kesakitan yang dialaminya. Yazid bin Muawiyah turut datang melawatnya. Pemimpin tentera Islam itu begitu menghormati Abu Ayub Al-Ansari. Lama dia duduk di sisi sahabat nabi itu sambil mendoakan kesihatannya. Namun begitu, keadaannya semakin kritikal.

"Wahai tuan yang saya muliakan, sakiranya ada apa-apa hajat di hati tuan, mohon katakan supaya saya dapat memenuhinya," kata Yazid bin Muawiyah.

"Wahai Yazid, saya ada satu permintaan," jawab Abu Ayub Al-Ansari yang sedang menanggung sakit sakaraul maut. "Seandainya ajal saya sampai di sini, maka kamu semua kuburkanlah saya di benteng kota Konstantinopel," pinta Abu Ayub Al-Ansari.

"Wahai tuan, mengapakah kamu mahu dikebumikan di situ?" tanya Yazid yang sememangnya berasa hairan.

"Supaya dalam kubur nanti saya dapat mendengar derapan kaki kuda pahlawan yang dapat menakluk kota Konstantinopel. Nabi Muhammad pernah berkata hanya pemimpin yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik akan dapat menakluk kota Konstantinopel," jawab Abu Ayub Al-Ansari.

"Baiklah tuan, kami akan lakukannya," janji Yazid bin Muawiyah.

Abu Ayub Al-Ansari kelihatan tersenyum, lalu berkata. “Rasulullah juga pernah berkata, barang siapa yang mati dengan tidak mensyirikkan Allah dengan apa pun, dia pasti masuk syurga.”

Kemudian, beliau pun menghembuskan nafasnya yang terakhir selepas mengucapkan dua kalimah syahadah. Suasana bertukar menjadi hening seketika. Tidak berapa lama kemudian, kedengaran azan menandakan masuknya waktu sembahyang fardu subuh. Kemudian, jenazah Abu Ayub Al-Ansari disembahyangkan dengan Abu Yazid sendiri menjadi imamnya.

Pada hari itu, ketika pertempuran sedang berkecamuk, sepasukan tentera Islam mengusung jenazah Abu Ayub Al-Ansari untuk dikebumikan di tepi benteng kota Konstantinopel. Apabila melihat keadaan itu, maharaja Rom pun mengarahkan tenteranya supaya menyiasat. Mereka membawa berita dengan mengatakan tentera Islam mengebumikan seorang pahlawan mereka yang gugur yang bernama Abu Ayub Al-Ansari.

“Pahlawan itu mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan mereka. Oleh sebab itu mayatnya dikebumikan di tepi benteng kota Konstantinopel ini. Mereka memberikan amaran sekiranya kita membongkar kubur itu, mereka akan memerangi kita sehingga loceng gereja tidak akan berbunyi lagi,” kata tentera yang ditugaskan membuat siasatan.

Apabila mendengar laporan itu, maharaja Rom pun mengarahkan tenteranya supaya membiarkan sahaja tentera Islam mengebumikan mayat Abu Ayub Al-Ansari di

tepi benteng kota Konstantinopel. Walaupun tentera Islam sudah mengepung kota Konstantinopel selama berbulan-bulan lamanya tetapi masih belum ada tanda-tanda kota itu dapat ditawan. Akhirnya, mereka kehabisan bekalan makanan dan senjata, manakala bantuan dari Mekah yang diharapkan tidak juga kunjung tiba menyebabkan Yazid bin Muawiyah terpaksa menulis surat kepada raja Konstantinopel, “Kami akan berundur tetapi bukan bermakna kami kalah kerana kami akan datang lagi dengan pasukan tentera yang lebih kuat. Sekali lagi kami memberi amaran. Sekiranya jenazah Abu Ayub Al-Ansari diganggu, kami akan musnahkan kamu sehingga loceng di gereja kamu tidak akan berbunyi lagi.”

Pada mulanya raja Konstantinopel tidak mengendahkan amaran itu dan tetap berdegil mahu kubur itu digali semula. Namun begitu, didapati mayat Abu Ayub Al-Ansari masih elok walaupun sudah dikuburkan berbulan-bulan lamanya. Oleh sebab berasa kagum dengan apa yang dilihat, maka mayat Abu Ayub Al-Ansari dikebumikan semula di dalam kawasan kota Konstantinopel, manakala di atas kubur itu diletakkan sebuah batu tanda yang besar dan di atas batu itu mereka sangkutkan empat batang kandil.

Selepas kejadian itu, orang ramai menjadikan kubur itu sebagai tempat ziarah bagi meminta berkat. Setiap kali ditimpa bencana ataupun sakit, mereka datang ke kubur itu bagi memohon doa. Ironinya, setiap permintaan mereka dikatakan makbul dan menjadikan kubur Abu Ayub Al-Ansari semakin popular. Mereka benar-benar berasa yakin yang kubur itu sememangnya membawa kebaikan dalam kehidupan mereka.

Namun begitu, selepas berpuluh-puluh tahun berlalu, keadaan dan suasana ternyata sudah jauh berubah. Maharaja Rom mengeluarkan arahan melarang orang ramai mengunjungi kubur Abu Ayub Al-Ansari. Akhirnya, kubur itu terbiar begitu sahaja dan terus dilupakan.

Apabila Sultan Muhammad Al-Fateh berjaya menakluk kota Konstantinopel, beliau berusaha mencari kubur Abu Ayub Al-Ansari tetapi tidak berjaya. Beliau pun mengadukan hal itu kepada gurunya, iaitu Syeikh Syamsudin Al-Wali. Ulama terbilang itu menyuruh Sultan Muhammad Al-Fateh supaya mengerjakan sembahyang sunat bagi memohon petunjuk daripada Allah.

Pada tengah malam itu, Sultan Muhammad Al-Fateh pun bangkit daripada tidurnya bagi mengerjakan sembahyang sunat tahajud dan begitulah yang dilakukannya pada setiap malam. Namun begitu, pada malam itu beliau menambahnya dengan sembahyang sunat hajat seperti yang disuruh oleh gurunya. Kemudian, beliau pun berdoa supaya ditunjukkan di mana letaknya kubur Abu Ayub Al-Ansari itu. Tiba-tiba, Sultan Muhammad Al-Fateh berasa mengantuk, lalu tertidur dan bermimpi. Dalam mimpinya itu, beliau ditunjukkan di mana letaknya kubur Abu Ayub Al-Ansari seperti yang dihajatinya.

Keesokan harinya, selesai mengerjakan sembahyang subuh di Masjid Aya Sofia, Sultan Muhammad Al-Fateh pun mengajak beberapa orang pembantunya bagi mencari kubur Abu Ayub Al-Ansari. Dengan berpandukan mimpinya, akhirnya Sultan Muhammad Al-Fateh berjaya menemui kubur Abu Ayub Al-Ansari yang sudah

dipindahkan jauh dari benteng kota Konstantinopel. Kubur itu dipindahkan ke tempat lain kerana Maharaja Constantine melarang rakyatnya daripada memuja kubur sahabat nabi yang mati syahid itu. Apabila sudah bertemu dengan kubur sahabat nabi itu, Sultan Muhammad Al-Fateh pun memerintahkan supaya kubur itu digali semula dan dipindahkan ke tempat lain.

Justeru, kerja-kerja penggalian pun dijalankan. Ketika kerja-kerja penggalian itu dilakukan, tiba-tiba mereka terlihat sebelah kaki yang sedang terjulur pada tempat yang digali. Apa yang ajaibnya, kaki itu masih dalam keadaan elok dan tidak reput sama sekali walaupun sudah ditanam selama beratus-ratus tahun.

Orang ramai pun bergilir-gilir mencium kaki itu bagi mendapat keberkatannya. Sultan Muhammad Al-Fateh pun tidak mahu melepaskan peluang itu. Kemudian, tiba pula giliran beliau bagi menciumnya tetapi belum sempat beliau menciumnya, kaki itu mengelak seolah-olah tidak mengizinkan Sultan Muhammad Al-Fateh menciumnya. Beliau pun terus mencubanya lagi tetapi setiap kali beliau mahu menciumnya, setiap kali itu jugalah kaki itu mengelak. Sultan Muhammad Al-Fateh benar-benar berasa hairan dan sedih kerana tidak diizinkan bagi menciumnya.

“Mengapakah saya tidak diizinkan bagi mencium kakinya?” tanya Sultan Muhammad Al-Fateh kepada gurunya, iaitu Syeikh Syamsudin Al-Wali.

“Abu Ayub Al-Ansari berasa malu sekiranya kakinya itu dicium oleh seorang pemimpin yang baik seperti kamu.

Semasa hayatnya, dia sememangnya berharap, dialah orang yang disebut-sebut oleh Rasulullah dalam hadisnya tetapi pilihan Allah jatuh kepada kamu. Oleh sebab itu, dia berasa malu kepada kamu," jawab ulama terkenal itu.

Patung Bernyawa yang Disembah

"Tuan yang mulia, sudah lapan tahun kita berada di Ankara tetapi saya dapati tuan masih belum pernah menjejakkan kaki ke kota Istanbul. Apakah ada sesuatu yang menakutkan tuan sehinggakan tuan tidak mahu pergi ke sana lagi?" tanya Dr. Rasyid Ghalid, iaitu orang yang paling rapat dengan Mustafa Kamal Ataturuk.

Apabila melihat Kamal Ataturk hanya berdiam diri, Dr. Rasyid Ghalib pun menyambung semula kata-katanya, "Saya masih ingat semasa kita menaiki kapal terbang untuk pergi melancong ke Laut Hitam, tuan berpesan kepada juruterbang supaya jangan terbang melintasi kota Istanbul. Semasa dalam perjalanan pulang, tuan juga berpesan supaya jangan melintasinya. Ramai yang berpendapat tuan takut bagi menjejakkan kaki ke sana kerana takut disumpah oleh Sultan Muhammad Al-Fateh dan juga Abu Ayub Al-Ansari yang kuburnya ada di sana."

Wajah Mustafa Kamal Ataturk tiba-tiba berubah. Beliau

merenung tajam ke arah Dr. Rasyid Ghalib dengan membuntangkan matanya. “Saya tidak takut kepada sesiapa pun walau kepada Tuhan,” katanya.

Kini, giliran Dr. Rasyid Ghalib pula terdiam. Apabila melihat keadaan itu, Mustafa Kamal Ataturk pun berkata, “Bulan hadapan saya akan berpindah ke kota Istanbul. Sediakan tempat tinggal saya.” Beliau memberikan arahan kepada Menteri Perumahan Rakyat Turki itu.

“Boleh saya cadangkan tempat yang paling sesuai untuk penginapan tuan?” tanya Dr. Rasyid Ghalib pula.

“Di mana?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Aya Sofia, iaitu bangunan yang paling indah di Istanbul,” jawab Dr. Rasyid Ghalib.

“Adakah kamu sudah gila? Bukankah Aya Sofia itu sudah dijadikan muzium?” tanya Kamal Ataturk lagi.

“Kami boleh menukarkannya menjadi tempat kediaman tuan,” kata Dr. Rasyid Ghalib.

“Saya tidak mahu menjejakkan kaki ke situ apatah lagi menjadikannya sebagai tempat tinggal saya,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya begitu, tuan pilih sendiri tempat yang tuan mahu dan kami akan membuat persiapan bagi menyambut kedatangan tuan,” kata Dr. Rasyid Ghalib.

Selepas berfikir sejenak, Kamal Ataturk pun berkata dengan wajah yang gembira, “Saya lebih suka tinggal di

istana Dulamah Baghjah."

"Kami akan segera membuat persiapan supaya istana itu menjadi tempat kediaman tuan yang paling selesa," kata Dr. Rasyid Ghalib. Dia segera meminta diri bagi menguruskannya.

Berita perihal Mustafa Kamal Ataturk mahu datang ke Istanbul itu dimaklumkan kepada orang ramai. Persiapan dibuat bagi menyambut kedatangannya yang mahu diadakan secara besar-besaran. Kota Istanbul dihias indah dan orang ramai diminta keluar di jalan raya bagi menyambut kedatangannya.

Pada hari menyambut kedatangan Mustafa Kamal Ataturk, orang ramai berbaris di sepanjang jalan raya yang akan dilaluinya. Sungai Marmarah dan Bhosporus penuh dengan perahu yang mengibarkan bendera yang berwarna-warni. Sebaik sahaja Mustafa Kamal Ataturk menjejakkan kakinya di Kota Istanbul, beliau diarak dengan menggunakan kereta kuda menuju ke Istana Dulamah Baghjah. Ramai yang menangis, malahan ada yang diserang histeria apabila melihat wajah pemimpin yang menjatuhkan Khalifah Uthmaniah itu. Ada antara mereka menangis kerana terharu dan ada pula yang menangis kerana rasa benci yang begitu menebal dalam hati. Mereka melepaskan perasaan dengan cara menangis kerana itu sahaja yang mampu dilakukan.

Istana Dulamah Baghjah pula dihias indah. Bunga-bunga pelbagai warna diletakkan di perkarangan istana dan minyak wangi direnjis supaya kediaman itu sentiasa berbau

harum. Gadis-gadis jelita juga ditugaskan menyambut kedatangan tetamu agung itu.

“Apakah perasaan tuan apabila sudah berada di sini?” tanya Dr. Rasyid Ghalib yang menemui Mustafa Kamal Ataturk pada keesokan harinya.

“Saya berasa lebih hebat dan selayaknya saya berasa begitu,” jawab Mustafa Kamal Ataturk dengan wajah gembira.

“Sekiranya tuan memerlukan apa sahaja, kami akan sentiasa berusaha bagi mendapatkannya. Kami akan sentiasa menunggu arahan daripada tuan,” kata Dr. Rasyid Ghalib.

“Saya akan menetap lama di Istanbul. Pembesar dari negara asing akan datang ke sini sekiranya mereka mahu menemui saya. Sediakan tempat yang menarik yang boleh menghiburkan hati mereka,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Tidak jauh dari sini ada satu tempat perkelahan bernama Pantai Sa’adiah. Sekiranya tuan bersetuju, kami akan jadikan tempat itu khas untuk tuan seterusnya dijadikan kawasan larangan orang ramai,” cadang Dr. Rasyid Ghalib.

“Saya setuju dengan cadangan kamu itu dan pastikan kawasan pantai itu sentiasa dalam keadaan bersih dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan hiburan,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Ada sebuah kediaman bernama Istana Bilr Biyi yang selama ini menjadi tempat hiburan para pegawai tinggi

kerajaan. Sekiranya tuan mahu kami menaikkan taraf tempat itu menjadi kediaman yang paling menghiburkan tetamu, saya sedia menurut arahan tuan," kata Dr. Rasyid Ghalib lagi.

"Saya setuju dan kamu siapkan segera," kata Mustafa Kamal Ataturk.

Dalam masa yang singkat, Pantai Sa'adiah sudah dijadikan kawasan larangan kepada orang ramai. Kawasan tersebut dipagar serta dikawal rapi oleh pasukan tentera. Begitu juga halnya dengan Istana Bilr Biyi yang menjadi tempat pegawai tinggi kerajaan Turki berhibur yang kini dijadikan sebagai tempat kediaman peribadi Mustafa Kamal Ataturk.

Tidak berapa lama kemudian, Mustafa Kamal Ataturk menjemput Syah Iran Ridha Bahlawi datang ke kota Istanbul. Kedatangan maharaja Iran itu disambut secara besar-besaran. Kemudian, beliau dibawa ke Istana Dulamah Baghjah yang pembinaannya menelan belanja sebanyak tiga juta lira emas.

"Sepatutnya kamu meniru cara saya ini dengan memisahkan agama dengan negara dan mengangkat tabir daripada wanita. Dengan itu, kita akan berkuasa sepenuhnya tanpa sesiapa pun berani menggugat kedudukan kita," kata Mustafa Kamal Ataturk yang cuba memujuk Syah Iran supaya meniru caranya.

Syah Iran terdiam seketika apabila mendengar cadangan itu. Ternyata fikirannya sedang melayang jauh dan hatinya berbelah bahagi antara bersetuju ataupun tidak. Keadaan di Iran agak berbeza dengan di Turki kerana kaum ulama

Syiah masih berpengaruh dalam kerajaan menyebabkan sukar bagi memisahkan mereka daripada pentadbiran negara. Namun begitu, dalam diam-diam Syah Iran tertarik dengan cadangan itu yang pastinya dapat menguatkan lagi kuasa dan pengaruhnya.

“Apakah peranan yang boleh dilakukan oleh negara kita supaya saling dapat bekerjasama?” tanya Syah Iran yang sengaja mahu mengubah topik perbualan.

“Hal ehwal pentadbiran negara biarlah pegawa-pegawai kita yang membincangkannya. Bukankah kita sudah membayar gaji kepada mereka? Orang-orang saya akan membawa kamu pergi ke Pantai Sa’adiah yang pastinya dapat menghiburkan hati kamu. Kamu boleh berseronok di sana sepuas-puasnya,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

Kemudian, Mustafa Kamal Ataturk pun memanggil Dr. Rasyid Ghalib dan mengarahkannya supaya mengiringi Syah Iran untuk pergi ke Pantai Sa’adiah. Di sana, wanita-wanita Turki yang hanya memakai pakaian mandi sudah setia menunggu di tepi pantai bagi menyambut kedatangan Syah Iran.

“Adakah saya sekarang berada di syurga ataupun neraka?” tanya Syah Iran yang terkejut apabila melihat keadaan di situ.

“Tuan sedang berada di syurga. Mereka sedia berkhidmat untuk tuan,” jawab Dr. Rasyid Ghalib.

“Saya memang suka melihat keindahan pantai tetapi pemandangan saya terganggu dengan kehadiran wanita di

tepi pantai itu," kata Syah Iran sambil tersenyum sinis.

"Bukankah kewujudan wanita-wanita cantik itu mengindahkan lagi suasana pantai dan laut? Seperti yang saya katakan sebentar tadi, mereka sedia menghiburkan tuan. Pilih sahaja yang mana berkenan di hati tuan," kata Dr. Rasyid Ghalib.

"Tekak saya terasa dahaga. Bolehkah hidangkan minuman untuk saya?" tanya Syah Iran.

"Sila ikut saya tuan," jawab Dr. Rasyid Ghalib.

Syah Iran dibawa ke sebuah kolam renang. Di tepi kolam renang itu, ada disediakan tempat duduk yang bersih dan cantik. Dr. Rasyid Ghalib membawa tetamunya duduk di salah satu tempat duduk yang berhampiran dengan kolam itu. Kemudian, Dr. Rasyid Ghalib memberikan isyarat dengan sekali tepukan tangan sahaja. Tiba-tiba, muncul seorang pelayan wanita muda yang juga berpakaian mandi bertanyakan kepada Syah Iran minuman yang disukainya.

"Bawakan saya air perahan limau kasturi bercampur madu lebah," pesan Syah Iran.

"Bawakan juga minuman dari Itali. Tuan ini pasti menyukainya," kata Dr. Rasyid Ghalib sambil tersenyum.

"Apakah minuman dari Itali itu?" tanya Syah Iran pula.

"Sejenis arak yang paling mahal harganya. Minuman itu juga menjadi kesukaan tuan kami, iaitu maharaja Turki," jawab Dr. Rasyid Ghalib sambil tersenyum.

Selepas minuman disajikan, mereka sama-sama meneguknya sambil memerhatikan beberapa orang wanita muda yang cantik terjun ke dalam kolam, lalu berenang-renang dengan gaya yang penuh menggoda.

“Di sini adalah tempat tuan menjamu mata. Sebentar lagi, saya akan bawa tuan ke tempat menjamu selera pula,” kata Dr. Rasyid Ghalib sambil tersenyum memandang wajah Syah Iran.

“Perut saya belum terasa lapar. Hanya sebentar tadi saya terasa dahaga tetapi sekarang tidak lagi selepas meneguk minuman ini,” kata Syah Iran.

“Apabila melihat wanita di tepi pantai dan di dalam kolam itu sudah pasti menimbulkan keinginan tuan kepada mereka. Tuan boleh melakukannya di Istana Bilr Biyi yang letaknya bersebelahan dengan tempat ini,” kata Dr. Rasyid Ghalib.

Kemudian, Syah Iran dibawa ke Istana Bilr Biyi yang terkenal sebagai tempat pegawai tinggi Turki memuaskan nafsu mereka yang kini dijadikan sebagai kediaman rasmi Mustafa Kamal Ataturk. Mereka yang dibenarkan oleh Mustafa Kamal Ataturk sahaja yang boleh pergi ke situ.

Kedatangan Syah Iran disambut oleh 15 orang wanita belasan tahun yang hanya memakai seluar dalam yang nipis. Salah seorang daripada mereka yang paling cantik mendekati Syah Iran, lalu meletakkan kepalanya pada dada tetamu istimewa Mustafa Kamal Ataturk itu. Syah Iran memegang kepala wanita itu, lalu berkata, “Wahai anakku, kamu memiliki kemahiran menggoda yang luar biasa dan

kamu juga seorang wanita muda yang cantik jelita. Semoga Allah menjaga saya daripada api neraka. Namun begitu, marilah anakku kita masuk ke dalam dan pakailah pakaian kerana saya khuatir kamu kesejukan."

Tidak ada siapa pun yang tahu apa yang berlaku antara wanita muda itu dengan Syah Iran selepas mereka masuk ke dalam Istana Bilr Biyi itu. Namun begitu, sesuatu yang mengejutkan sudah berlaku apabila menjelang tengah malam apabila Syah Iran meminta supaya dihantar pulang ke Istana Dulamah Baghjah semula.

Sebelum pulang, Syah Iran mengkritik Mustafa Kamal Ataturk berkaitan dengan layanan yang diberikan kepadanya. "Layanan yang kamu berikan kepada saya adalah satu penghinaan dan bukannya satu penghormatan. Kamu cuba menghumban saya ke dalam kancah maksiat," marah Syah Iran.

"Perkara itu diatur sendiri oleh Dr. Rasyid Ghalib tanpa pengetahuan saya. Saya akan pecat dia daripada jawatannya," kata Mustafa Kamal Ataturk sambil berpura-pura memarahi Dr. Rasyid Ghalib.

Apabila mendengar kata-kata amarah itu, wajah Dr. Rasyid Ghalib bertukar menjadi merah padam. Oleh sebab menghormati Syah Iran dan para pengiringnya, Dr. Rasyid Ghalib pun terpaksa menahan dirinya daripada membalas kata-kata Mustafa Kamal Artaturk itu. Selepas Syah Iran sudah berangkat pulang, dia pun segera bersemuka dengan Mustafa Kamal Ataturk.

"Saya berasa kesal kerana tuan menghina saya di hadapan

Syah Iran. Bukankah tuan sendiri yang mengarahkan saya supaya membawannya ke tempat perkelahan dan istana maksiat itu. Namun begitu, mengapakah saya pula yang dipersalahkan," marah Dr. Rasyid Ghalib. Justeru, berlakulah pertengkaran antara kedua-dua mereka.

Dr. Rasyid Ghalib adalah seorang lelaki yang berani. Matanya bersinar dan badannya terlalu sensitif seperti aliran elektrik yang mudah meledak dengan hanya sedikit sentuhan. Oleh sebab ketokohannya itu, dia diberikan tugas bagi menjaga perumahan rakyat. Dia juga diberikan tanggungjawab bagi memulihara Istana Dulamah, Istana Falauriah, Club Al-Yacht di kepulauan Byuk dan juga Hotel Barak yang sering menjadi tempat percutian Mustafa Kamal Atatuk.

Bagi merapatkan kembali hubungan mereka, pada suatu malam, Mustafa Kamal Ataturk mengajak Dr. Rasyid Ghalib pergi menjamu selera di sebuah restoran di jalan Bik Ughlu kepunyaan seorang wanita Rusia yang muda jelita. Dengan gaya yang manja, wanita itu datang untuk bertanyakan menu yang mahu dipesan oleh Presiden Turki itu.

"Saya lebih tertarik dengan diri kamu berbanding senarai menu yang ditunjukkan ini," kata Mustafa Kamal Ataturk sambil membalas senyuman wanita itu.

"Saya sedia memenuhi keinginan tuan tetapi sebaik-baiknya tuan makan terlebih dahulu supaya tuan mendapat lebih tenaga," balas wanita itu.

Mustafa Kamal Ataturk bersetuju dengan cadangan wanita Rusia itu. Sambil menikmati makanan, kedua-dua mereka

pun berbual-bual.

“Bagaimanakah dengan perniagaan kamu sekarang ini?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Wahai tuan presiden yang dermawan, restoran saya ini kurang dikunjungi pelanggan melainkan beberapa orang diplomat. Sekiranya tidak kerana menghormati tuan yang sering datang ke sini, sudah lama perniagaan ini ditutup. Hanya kerana hormatkan tuan, kami tetap bertahan walaupun sentiasa menanggung kerugian,” jawab wanita Rusia yang bijak itu.

Kemudian katanya lagi, “Tuan seorang pemimpin yang terkenal kerana bersikap pemurah dan sering membantu mereka yang memerlukan bantuan. Oleh sebab itu, saya dengan rendah hati memohon bantuan daripada tuan. Sekiranya tuan tidak menghulurkan bantuan, pasti restoran ini terpaksa ditutup.”

Mustafa Kamal Ataturk yang sudah mabuk cinta dengan wanita Rusia itu menyatakan persetujuannya bagi menghulurkan bantuan. Lantas, beliau pun meminjam pen daripada Dr. Rasyid Ghalib, lalu mengoyakkan kertas pengalas meja makan dan kemudiannya menulis sesuatu pada kertas itu.

“Esok kamu bawa surat ini ke Bank Negara, kemudian tunjukkan surat ini kepada ketuanya. Kamu akan mendapat apa yang kamu mahukan,” kata Mustafa Kamal Atatuturk, lalu memberikan surat itu. Wanita Rusia itu mengambil surat tersebut, lalu memberikan tunduk hormat seperti rakyat menghormati seorang raja.

Tiba-tiba, Dr. Rasyid Ghalib menepuk meja dengan muka yang merah padam. “Tuan presiden sudah keterlaluan. Sungguh memalukan,” bentaknya.

“Mengapakah kamu marah kepada saya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Saya sungguh kecewa dan berasa malu,” jawab Dr. Rasyid Ghalib.

“Mengapa?” bentak Mustafa Kamal Ataturk pula.

“Walaupun tuan seorang ketua negara tetapi tuan sering bertindak semberono dan tidak terhormat,” jawab Dr. Rasyid Ghalib. Para pegawai yang mengiringi Mustafa Kamal Ataturk turut tercengang,

“Buktikan tuduhan kamu yang biadab itu,” marah Mustafa Kamal Ataturk.

“Tuan mengarahkan kepada pihak bank supaya memberikan wang dalam jumlah yang banyak kepada wanita Rusia ini dengan hanya menulis jumlahnya di atas secarik kertas. Kertas itu pula dirobek daripada kertas pengalas meja. Kemudian, pada kertas itu ditandatangani oleh Mustafa Kamal Ataturk, Presiden Turki. Bukankah itu tindakan semberono dan tidak terpuji?” kata Dr. Rasyid Ghalib.

“Saya hanya membantu wanita ini yang sedang dalam kesusahan dan saya mengambilnya daripada wang negara. Adakah tindakan saya itu menjadi satu kesalahan?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Harta itu bukan milik tuan!” jawab Dr. Rasyid Ghalib.

“Jadi, milik siapa?” tanya Mustafa Kamal Ataturk lagi.

“Harta itu adalah milik rakyat dan tuan tidak berhak memberikannya kepada sesiapa pun yang tuan mahu berikan,” jawab Dr. Rasyid Ghalib.

“Saya adalah ketua negara dan sememangnya saya berhak memberikannya kepada sesiapa sahaja,” balas Mustafa Kamal Ataturk.

“Mengapakah wang itu tidak diberikan sahaja kepada rakyat miskin? Mengapakah wanita Rusia ini sahaja yang diberikan bantuan?” tanya Dr. Rasyid Ghalib pula.

“Diam,” tempik Mustafa Kamal Ataturk sambil menepuk meja.

Dr. Rasyid Ghalib bingkas bangun dan keluar dari restoran itu. Tidak berapa lama kemudian, Mustafa Kamal Ataturk juga keluar bagi pulang ke istananya. Kejadian di restoran itu menjadi perbualan ramai. Mereka memuji keberanian Dr. Rasyid Ghalib dan namanya menjadi sebutan ramai.

Beberapa hari kemudian, diadakan mesyuarat di istana kediaman Mustafa Kamal Ataturk. Dr. Rasyid Ghalib turut dipanggil. Dalam mesyuarat tersebut, Dr. Rasyid Ghalib mencadangkan supaya diadakan pementasan drama yang menceritakan kehebatan Mustafa Kamal Ataturk. Drama tersebut akan dipentaskan di kawasan perumahan rakyat. Dr. Rasyid Ghalib yakin cadangannnya itu akan mendapat sokongan daripada ketuanya. Bagi menjayakan cadangan

tersebut, beliau meminta guru-guru dan para pelajar wanita turut mengambil bahagian.

“Saya menyokong cadangan tersebut tetapi saya tidak bersetuju sekiranya guru-guru dan pelajar wanita dilibatkan kerana akan mengganggu tugas dan pelajaran mereka,” kata As’ad Bek selaku menteri pelajaran.

Malahan, beliau juga tidak bersetuju kaum wanita dilibatkan dengan pementasan drama tersebut kerana pastinya menyinggung perasaan rakyat Turki yang melarang kaum wanita beraksi di atas pentas. Dr. Rasyid Ghalib pula tetap mempertahankan pendapatnya yang kaum wanita Turki perlu berubah sesuai dengan peredaran zaman. Tambahan pula, seni drama yang melibatkan kaum wanita sudah ada sejak zaman dahulu lagi. Dr. Rasyid Ghalib yakin pendapatnya itu pasti mendapat sokongan daripada Mustafa Kamal Ataturk. Oleh sebab itu, dia semakin lantang menolak pendapat menteri pelajaran yang disifatkannya sebagai ketinggalan zaman. As’ad Bek pula tetap dengan pendiriannya sehingga menimbulkan pertengkaran.

Mustafa Kamal Ataturk cuba menenangkan suasana dengan berkata, “Jangan kamu bertengkar kerana semua yang dirancang akan berjalan seperti yang kita tetapkan.”

Dr. Rasyid Ghalib tidak berpuas hati dengan kata-kata itu. Dia mahu sokongan yang lebih bagi memuaskan hatinya, lalu dia berkata, “Sesungguhnya, pertengkaran ini berpunca daripada tuan. Tuan sudah meletakkan kebodohan di atas kepala kami kerana dia pernah menjadi

guru tuan."

Mustafa Kamal Ataturk memang mengagumi keberanian dan kebijaksaan Dr. Rasyid Ghalib. Pemikiran mereka sama dalam hal ehwal Turki moden. Oleh sebab itu, beliau sering menyokong cadangan menteri perumahan rakyat itu. Keadaan ini menjadikan Dr. Rasyid Ghalib naik tocang. Dia sedikit pun tidak berasa gentar sekiranya mahu mengkritik ketuanya walaupun ketika berada dalam mesyuarat mahupun di hadapan khalayak ramai.

Namun begitu, kali ini Mustafa Kamal Ataturk benar-benar berasa tercabar. Tambahan pula, kejadian di restoran wanita Rusia itu masih lagi menghantui fikirannya. Namun begitu, sebagai ketua negara beliau masih dapat mengawal perasaannya, lalu beliau berkata, "Saya meminta kamu supaya bersabar dan bertenang. Cadangan kamu itu akan dipenuhi."

Namun begitu, Dr. Rasyid Ghalib masih tetap mahu menunjukkan kemarahannya kepada As'ad Bek dan Mustafa Kamal Ataturk, lalu dia berkata, "Dia tidak layak menjadi menteri pelajaran. Tuan perlu menggantikan tempatnya dengan orang lain. Itu pun sekiranya tuan masih ada maruah dan keberanian."

Mustafa Kamal Ataturk semakin hilang sabar tetapi beliau masih cuba menahan perasaan, lalu berkata dengan tenang, "Sekiranya kamu tidak mahu diam, maka tidak menjadi kesalahan sekiranya saya tidak mahu lagi meneruskan perbincangan ini."

Apabila mendengar kata-kata itu, Dr. Rasyid pun menjadi

hilang sabar dengan menumbuk meja, lalu berkata, “Adakah tuan mahu mengusir saya dari sini? Tidak mungkin! Tempat ini adalah milik rakyat. Sekiranya Tuhan sendiri yang datang menyuruh saya pergi, pasti saya tidak akan meninggalkan tempat ini.”

Mustafa Kamal Ataturk sudah hilang kesabarannya. Beliau pun berdiri, lalu berkata. “Kamu memang seorang yang keras kepala. Sekiranya kamu tidak mahu pergi dari sini, saya yang akan meninggalkan tempat ini.”

Mustafa Kamal Ataturk meninggalkan bilik mesyuarat, lalu masuk ke dalam bilik tidurnya dan mengunci pintunya dari dalam. Semua ahli majlis mesyuarat meluahkan rasa kesal mereka atas tindakan Dr. Rasyid Ghalib. Tidak ada seorang pun yang menyokongnya. Kali ini, barulah Dr. Rasyid Ghalib tersedar daripada kesilapannya. Dia benar-benar berasa menyesal, lalu menangis sehingga terpaksa ditenteramkan oleh rakan-rakannya.

Selepas kejadian itu, ramai yang menyangka Mustafa Kamal Ataturk akan memecat Dr. Rasyid Ghalib daripada jawatannya ataupun mungkin dia akan ditangkap, lalu dimasukkan ke dalam penjara atas tuduhan menderhaka kepada presiden. Sekiranya tindakan itu benar-benar dilakukan oleh Mustafa Kamal Ataturk, tidak ada siapa pun yang berani membantah keputusannya. Dr. Rasyid Ghalib pula pulang ke rumah dan tidak keluar selama beberapa hari. Dia menyerahkan nasibnya kepada Mustafa Kamal Ataturk.

Beberapa hari kemudian, Mustafa Kamal Ataturk membuat

pengumuman perihal rombakan kabinet barunya di mana As'ad Bek ditukarkan kepada jawatan menteri perumahan rakyat dan Dr. Rasyid Ghalib dilantik menjadi menteri pelajaran. Pelantikan itu pastinya mengejutkan ramai orang sekali gus mengharumkan lagi namanya. Rakyat Turki menyangka Mustafa Kamal Ataturk bimbang dengan pengaruh Dr. Rasyid Ghalib menyebabkan beliau melantiknya sebagai menteri pelajaran.

Dr. Rasyid Ghalib pula menerima pelantikan itu dengan senang hati. Tambahan pula, dia memang pernah bercita-cita mahu memegang jawatan tersebut. Oleh sebab itu, dia sering mengkritik As'ad Bek bagi menunjukkan yang dirinya lebih pandai. Dengan pelantikan itu, Dr. Rasyid Ghalib berasa satu kemenangan peribadi yang nyata. Tambahan pula, namanya menjadi sebutan orang ramai kerana beliaulah satu-satunya orang yang berani menentang Mustafa Kamal Ataturk. Namun begitu, tidak ada siapa pun yang tahu apa pula perancangan patung bernyawa yang disembah itu. Ternyata, Mustafa Kamal Ataturk sememangnya menaruh perasaan dendam kepada Dr. Rasyid Ghalib dan hanya menunggu masa yang sesuai bagi membalasnya. Tambahan pula, beliau ada menerima laporan daripada pasukan perisik yang rakyat Turki menaruh kepercayaan kepada Dr. Rasyid Ghalib supaya menjadi presiden.

Dr. Rasyid Ghalib sememangnya layak memegang jawatan menteri pelajaran. Dalam masa yang singkat, pelbagai bentuk perubahan sudah berjaya dilakukannya seperti guru-guru lama diganti dengan guru-guru baru yang lebih berpelajaran tinggi serta sesuai dengan semangat moden

cara Barat dan juga menukar mata pelajaran yang dirasakannya kurang penting. Nama Dr. Rasyid Ghalib semakin terkenal dan menjadi sebutan ramai.

Pada suatu malam, diadakan pesta di kediaman Mustafa Kamal Ataturk. Beliau sengaja tidak menjemput Dr. Rasyid Ghalib. Namun begitu, apabila para tetamu menyedari ketiadaan Dr. Rasyid Ghalib, lalu mereka pun bertanya kepada beliau. Beliau menjawab dengan menyatakan pembantunya sudah pun menjemput semua menteri dan pembesar negara.

“Di manakah Dr. Rasyid Ghalib? Mengapakah batang hidungnya masih belum kelihatan?” tiba-tiba Mustafa Kamal Ataturk bertanya dengan suara yang lantang. Semua tetamu beralih tumpuan kepadanya.

“Kami tidak nampak kelibatnya sejak majlis bermula. Mungkin, dia ada urusan lain menyebabkan dia tidak dapat datang,” kata pembantu kepada Mustafa Kamal Ataturk.

“Panggil dia datang ke mari,” arah Mustafa Kamal Ataturk.

“Tuan presiden, waktu sekarang sudah menunjukkan jam 2.00 pagi. Tidak lama lagi majlis kita akan tamat dan tetamu akan bersurai. Oleh sebab itu, pada pendapat saya kurang manis sekiranya kita menjemputnya,” kata Puan Afah merangkap setiausaha sulit presiden.

“Saya mahu Dr. Rasyid Ghalib datang ke sini sekarang juga,” arah Mustafa Kamal Ataturk.

Arahan itu segera dijalankan. Tidak lama kemudian, Dr.

Rasyid Ghalib datang dan Mustafa Kamal Ataturk menyambutnya dengan mesra.

“Selamat datang wahai Dr. Rasyid Ghalib. Saya benar-benar merindui kamu. Oleh sebab itulah saya menjemput kamu datang ke mari,” kata Mustafa Kamal Ataturk sambil memeluk dan mencium kening Dr. Rasyid Ghalib. Semua yang hadir bertepuk tangan apabila melihat kemesraan mereka.

Kemudian, Mustafa Kamal Ataturk menyuruh Dr. Rasyid Ghalib duduk di kerusi yang dihias indah. Tetamu yang lain menyambung semula perbualan mereka dengan membiarkan presiden dan menteri pelajaran itu berbual-bual.

“Saya berasa kesal kerana tuan tidak menjemput saya datang ke majlis ini dan saya masih tertanya-tanya mengapa tuan menjemput saya ketika majlis ini sudah hampir ke penghujungnya. Pada mulanya saya tidak mahu datang tetapi apabila didesak oleh anggota tentera yang tuan hantar menyebabkan saya terpaksa mematuhinya,” tiba-tiba ucapan itu terkeluar dari mulut Dr. Rasyid Ghalib selepas agak lama mereka berbual.

Tiba-tiba, Mustafa Kamal Ataturk bertepuk tangan, lalu masuk dua orang tentera. “Kami sedia menjalankan arahan tuan,” kata kedua-dua mereka.

“Angkat orang ini dan letakkan dia di atas lantai,” arahan Mustafa Kamal Ataturk.

Kedua-dua anggota tentera itu mengangkat Dr. Rasyid

Ghalib dari tempat duduknya, lalu meletakkannya di atas lantai. Para tetamu tercengang apabila melihat apa yang sedang berlaku. Wajah Dr. Rasyid Ghalib bertukar menjadi merah padam kerana menahan marah.

“Angkat orang ini dan letakkan semula di tempat duduk asalnya,” arah Mustafa Kamal Ataturk lagi.

Dua anggota tentera itu dengan segera mengangkat Dr. Rasyid Ghalib, lalu diletakkan semula di atas kerusi.

“Apakah makna semuanya ini?” tengking Dr. Rasyid Ghalib.

“Angkat semula orang ini dan letakkan semula di atas lantai,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Dr. Rasyid Ghalib diangkat semula, lalu didudukkan di atas lantai. Suasana menjadi sepi seketika kerana orang ramai terpegun melihat apa yang sedang berlaku.

“Adakah kamu tahu apa maknanya ini?” tanya Mustafa Kamal Ataturk dengan lagak yang angkuh.

“Tuan memalukan saya di khalayak ramai!” tengking Dr. Rasyid Ghalib.

“Wahai Dr. Rasyid Ghalib, saya berkuasa mengangkat dan menurunkan kamu,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Tuan sudah melampau!” marah Dr Rasyid Ghalib.

“Saya juga boleh menghukum mahupun memaafkan kamu,” kata Mustafa Kamal Ataturk sambil memberikan

isyarat.

Salah seorang daripada anggota tentera itu mengeluarkan sepucuk pistol, lalu diacukan di kepala Dr. Rasyid Ghalib.

“Saya boleh perintahkan tentera saya ini bagi menghancurkan kepala kamu sekarang juga. Saya juga boleh memaafkan kamu untuk terus hidup,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Kini, barulah Dr. Rasyid Ghalib sedar yang nyawanya dalam bahaya. Sekiranya Mustafa Kamal Ataturk perintahkan supaya dirinya ditembak pasti dia akan ditembak oleh anggota tentera itu. Dia juga baru tersedar yang Mustafa Kamal Ataturk mahu membalas dendam dengan cara yang begitu sadis.

“Tuan, maafkan saya,” rayu Dr. Rasyid Ghalib.

“Ucapkanlah kata-kata yang boleh melembutkan hati saya kepada kamu,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Wahai tuhanku ampuni saya,” ucap Dr. Rasyid Ghalib.

Mustafa Kamal Ataturk tersenyum, lalu menyuruh kedua-dua anggota tentera itu menghantar Dr. Rasyid Ghalib pulang ke rumahnya. Keesokan harinya, Dr. Rasyid Ghalib meletak jawatan secara mengejut. Tindakannya itu mendapat pujian daripada orang ramai yang menyangka beliau meletak jawatan kerana tidak sehaluan lagi dengan ketuanya, iaitu Mustafa Kamal Ataturk. Nama Dr. Rasyid Ghalib menjadi sebutan orang ramai. Tidak berapa lama kemudian dia meninggal dunia.

Mustafa Kamal Ataturk menjadi semakin angkuh kerana tidak ada siapa pun yang berani menyanggah kata-katanya. Pada suatu hari, beliau pergi melawat sebuah sekolah, lalu bertanya kepada seorang guru yang mengajar ilmu fizik.

“Apakah itu ilmu fizik?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Cabang ilmu sains yang mengkaji sifat-sifat jirim dan tenaga serta yang berkaitan dengan semua unsur itu,” jawab guru tersebut.

“Jawapan itu salah. Adakah kamu mahu tahu jawapan yang sebenarnya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Saya mahu tuan,” jawab guru itu.

“Ilmu fizik adalah ilmu ciptaan manusia untuk kepentingan manusia,” kata Mustafa Kamal Ataturk yang membuatkan guru itu terpinga-pinga.

Kemudian, Mustafa Kamal Ataturk bertanya pula kepada seorang guru yang mengajar sastera.

“Apakah itu sastera?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Susunan kata-kata yang indah serta digemari ramai,” jawab guru itu.

Mustafa Kamal Ataturk seperti tidak berpuas hati dengan jawapan itu. Beliau memandang ke arah pelajar, lalu mendekati seorang pelajar perempuan.

“Apakah makna sastera?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Sastera ialah tulisan yang tuan suka membacanya,” jawab pelajar itu.

“Itulah makna sebenar sastera,” kata Mustafa Kamal Ataturk sambil tersenyum.

Pada suatu hari, beliau dijemput menghadiri satu majlis pertandingan ratu cantik. Beliau tertarik dengan seorang peserta yang tinggi lampai dan berambut perang. Apabila keputusan diumumkan, Mustafa Kamal Ataturk tidak berpuas hati apabila peserta yang disukainya itu didapati kalah. Beliau pun memanggil ketua pengadil, lalu mengarahkan supaya kemenangan diberikan kepada peserta pilihannya. Sejak itu, apabila Mustafa Kamal Ataturk dijemput menghadiri sebarang pertandingan, keputusannya akan ditentukan berdasarkan pilihannya.

Semasa memeriksa pasukan tentera Turki yang baru menamatkan latihan, Mustafa Kamal Ataturk menegur seorang pegawai tentera yang dianggapnya tidak berpakaian kemas.

“Oh, Tuhan!” ucap pegawai tentera itu dengan rasa kesal.

“Siapa Tuhan kamu?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Tuan,” jawab pegawai tentera itu dengan suara menggeletar. Mustafa Kamal Ataturk tersenyum apabila mendengar jawapan itu.

Hassan Ali adalah ahli dalam bidang falsafah. Pada suatu hari, Mustafa Kamal Ataturk menjemputnya datang ke istana. Selepas agak lama berbual, dia pun ditanya dengan

soalan yang berkaitan dengan ilmu falsafah.

“Adakah kamu pernah mempelajari ilmu falsafah?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Pernah tuan,” jawab Hassan Ali.

“Sekiranya begitu, cuba jelaskan kepada saya definasi angka kosong,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Wahai tuan presiden, angka kosong itu adalah antara hidup dengan mati ataupun antara ada dengan tiada,” jawab Hassan Ali.

“Saya faham wahai Hasan. Namun begitu, seandainya saya mengatakan yang hidup ini kekal dan mati itu juga kekal. Adakah kamu bersetuju dengan pendapat saya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

Hassan Ali sememangnya seorang yang bijak. Dia sedar satu-satunya cara bagi menyelamatkan dirinya daripada kegilaan Mustafa Kamal Ataturk adalah dengan menyokong serta bersetuju dengan pendapatnya itu. Walaupun dia tahu salah tetapi demi kepentingan diri sendiri, maka terpaksa juga disokong.

“Benar tuan. Kosong itu keabadian hidup dan kosong juga keabadian mati,” kata Hassan Ali.

“Pada pendapat kamu, adakah kosong itu bererti tiada? Apakah perbezaan antara kosong dengan ketiadaan?” tanya Mustafa Kamal Ataturk lagi.

“Perbezaannya seperti hidup dengan mati,” jawab Hassan

Ali.

“Apakah pula perbezaan antara kosong dengan bilangan angka yang tidak terkira?” tanya Mustafa Kamal Ataturk lagi.

Kini, baru Hassan Ali sedar Mustafa Kamal Ataturk sengaja mahu menunjukkan kepandaiannya. Sekiranya dia menjawab soalan itu dengan betul, sudah pasti setiap jawapannya itu tidak mungkin dapat memuaskan hati pemimpin nombor satu Turki itu.

“Wahai tuan presiden yang bijaksana. Perbezaan antara angka kosong dengan angka yang tidak terkira jumlahnya itu umpama saya dengan tuan. Saya adalah angka kosong dan tuan angka yang tidak terkira jumlahnya,” kata Hassan Ali.

Mustafa Kamal Ataturk tertawa terbahak-bahak apabila mendengar jawapan Hassan Ali itu. Para pembantunya yang turut sama dalam perbincangan itu juga turut tertawa. Tidak berapa lama kemudian, Hassan Ali dilantik menjadi menteri pelajaran bagi menggantikan Dr. Rasyid Ghalib.

Ahmad Rafiq adalah seorang sejarawan Turki yang terkenal. Buku-buku sejarah yang ditulisnya menjadi bahan bacaan serta rujukan para pelajar terutama sekali mereka yang mengambil bidang sejarah. Ternyata, Mustafa Kamal Ataturk mahu menguji kehebatannya, lalu menjemput Ahmad Rafiq bercuti di Club Al-Yacht yang terletak di Pulau Byuk Adah. Pelawaan itu sudah semestinya diterima oleh ahli sejarah Turki itu. Seperti biasa, apabila Mustafa Kamal Ataturk pergi bercuti ke tempat peranginan esklusif itu,

beliau akan diiringi oleh beberapa orang pembantu, pengawal keselamatan yang lengkap bersenjata serta diiringi beberapa orang anak gadis di bawah umur yang dikatakan menjadi anak angkatnya.

Sambil duduk menghadap laut dengan ditemani anak-anak gadis yang berpakaian mandi, Mustafa Kamal Ataturk memanggil Ahmad Rafiq menghadapnya. Sejarawan itu tahu nasib baik ataupun nasib buruknya bergantung pada Presiden Turki itu. Namun begitu, dia cuba bersikap tenang supaya mendapat perhatian Mustafa Kamal Ataturk.

“Kamu pernah belajar sejarah, bukankah begitu?” tanya Mustafa Kamal Ataturk. Beliau sengaja bertanyakan soalan remeh itu bagi merendah-rendahkan tokoh sejarah Turki itu.

“Saya mengajar ilmu sejarah di universiti,” jawab Ahmad Rafiq.

Ternyata jawapan itu tidak menggembirakan Mustafa Kamal Ataturk. Beliau sememangnya pantang ada orang lain yang cuba tunjuk lebih pandai daripadanya. Beliau mahu orang sujud di kakinya serta mengakui kebodohannya.

“Cuba kamu beritahu saya apakah yang dimaksudkan dengan ilmu sejarah?” tanya Mustafa Kamal Ataturk sambil matanya melirik ke arah tubuh anak gadis separuh bogel yang berdiri di sisinya.

Ahmad Rafiq pun memberikan definasi ilmu sejarah berdasarkan buku-buku rujukan termasuklah yang ditulis

oleh penulis Barat, Eropah dan Arab. Selepas selesai sejarawan Turki itu memberikan definasi ilmu sejarah, tiba-tiba Mustafa Kamal Ataturk berteriak menandakan yang dirinya sedang marah.

“Kesemua hujah yang kamu berikan itu tidak dapat menjelaskan erti sejarah yang sebenar-benarnya. Sejarah tidak boleh didefinasikan seperti itu. Ternyata, kamu memang bodoh seperti keldai,” teriaknya.

Ahmad Rafiq tersentak apabila mendengar kata-kata Mustafa Kamal Ataturk. Dia terpaku di tempat duduknya. Pandangannya berpinar-pinar. Dunia ini tiba-tiba dirasakannya terlalu kecil.

“Kamu mengaku ataupun tidak yang kamu sememangnya bodoh dalam ilmu sejarah?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Benar tuan, saya memang bodoh dalam ilmu sejarah,” jawab Ahmad Rafiq. Dia tidak ada pilihan lain melainkan mengakuinya.

Mustafa Kamal Ataturk masih belum berpuas hati. Dengan suara yang keras, dia menyuruh Ahmad Rafiq berdiri di atas kerusi, kemudian berteriak dengan suara yang kuat, “Saya bodoh seperti keldai!”

Dengan rasa takut yang tidak terbendung, Ahmad Rafiq pun berdiri di atas kerusi dan berteriak dengan sekuat hatinya.

“Saya bodoh seperti keldai!” teriaknya.

“Ulang sebanyak sepuluh kali!” arah Mustafa Kamal

Ataturk.

Ahmad Rafiq menurut arahan itu dalam keadaan terpaksa. Setiap kali dia berteriak, teriakannya itu disambut dengan gelak ketawa orang ramai yang berada di situ. Mustafa Kamal Ataturk turut mempersendakannya. Dia ternyata kelihatan gembira kerana dapat memperbodohkan sejarawan Turki itu.

“Adakah kamu mahu mengetahui makna sejarah yang sebenarnya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk selepas keadaan sudah kembali reda.

“Ya, tuan,” jawab Ahmad Rafiq yang merasakan seumur hidupnya itulah buat pertama kalinya dia berasa begitu malu. Dia diperbodohkan oleh Mustafa Kamal Ataturk di hadapan khalayak ramai.

“Sejarah ialah cerita yang berkaitan dengan seluruh kehidupan manusia. Itu adalah definisi sejarah yang sebenarnya,” kata Mustafa Kamal Ataturk dengan lagak seorang guru yang sedang mengajar anak muridnya.

Ahmad Rafiq terpaku apabila mendengar definisi sejarah yang begitu dangkal daripada Presiden Turki itu. Namun begitu, dia tidak berani menyanggah kerana buruk padahnya.

“Adakah kamu bersetuju?” tanya Mustafa Kamal Ataturk sambil merenung tajam ke arah wajah Ahmad Rafiq.

“Saya setuju wahai tuan presiden,” jawab Ahmad Rafiq.

Yunus Nadi, iaitu pembantu setia Mustafa Kamal Ataturk

segera berteriak dengan berkata, “Wahai tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kita baru sahaja mendengar definisi sejarah daripada pemimpin kita yang sungguh bijaksana. Saya ulangi sekali lagi, sejarah ialah cerita yang berkaitan dengan seluruh kehidupan manusia. Selain itu, sejarah juga ialah peristiwa yang terjadi kepada dirinya sendiri.”

Orang ramai bertepuk tangan sejurus selepas Yunus Nadi menghabiskan kata-katanya menyebabkan Mustafa Kamal Ataturk berasa dirinya lebih bijak daripada sejarawan yang disanjung tinggi oleh kebanyakan orang itu. Barulah hatinya berasa puas apabila dapat memperbodohkan tetamunya itu.

“Sekarang kamu boleh masuk ke dalam bilik tidur dan jangan tinggalkan tempat ini selagi saya berada di sini,” arahan Mustafa Kamal Ataturk.

“Baik tuan presiden,” kata Ahmad Rafiq.

Selama tiga hari Ahmad Rafiq tidak keluar dari biliknya. Makan dan minum serta keperluannya dihantar ke bilik tidurnya. Dia berasa tertekan dan malu menyebabkan fikirannya terganggu. Lebih-lebih lagi, dia sendiri tidak tahu apa akan berlaku seterusnya. Dirinya tidak lagi terurus. Rambutnya kusut-masai dan pakaiannya juga tidak berganti.

Pada suatu pagi yang masih gelap-gelita, Ahmad Rafiq dikejutkan dari tidur kemudian dia dibawa pergi menghadap Mustafa Kamal Ataturk. Dalam keadaan tergesa-gesa itu menyebabkan dia tidak sempat mandi dan terus sahaja pergi menghadap Mustafa Kamal Ataturk.

Ahmad Rafiq dibawa ke sebuah bilik bacaan dan di situ Mustafa Kamal Ataturk sudah pun menunggu kedatangannya bersama seorang lagi pembantunya yang bernama Nuri Jongkar. Kedatangan Ahmad Rafiq disambut dengan baik. Namun begitu, sejarawan Turki itu masih dalam keadaan terpinga-pinga sehinggakan dia berdiri dalam keadaan menggeletar.

“Silakan duduk, tuan,” kata Mustafa Kamal Ataturk yang menyuruh Ahmad Rafiq duduk di sebelah Nuri Jongkar.

“Wahai tuan presiden, badannya berbau busuk kerana belum mandi dan juga gosok gigi. Tuan lihat janggutnya, tidak bercukur sehinggakan sudah panjang sejengkal,” kata Nuri Jongkar dengan nada berseloroh.

“Tuan jangan pedulikan kata-kata Nuri Jongkar itu. Dia hanya dapat menghidu bau busuk tuan dan melihat janggut di dagu tuan. Dia tidak dapat mencium keharuman ilmu tuan serta perpustakaan yang ada di dalam kepala tuan,” kata Mustafa Kamal Ataturk dengan nada suara yang lunak dan mesra.

Perlakuan Mustafa Kamal Ataturk itu menjadikan Ahmad Rafiq menjadi semakin keliru. Beberapa hari yang lepas, dia diperbodohkan serta dimalukan di hadapan khalayak ramai tetapi pada pagi itu dia dilayan dengan baik walaupun dia datang dalam keadaan yang tidak terurus, malahan tidak sempat mandi dan menggosok gigi.

Mustafa Kamal Ataturk mengajak Ahmad Rafiq bersarapan pagi bersama dengannya. Kemudian, beliau membawanya berjalan-jalan di sekitar kawasan peranginan itu. Kali ini,

beliau melayan sejarawan Turki itu sebagai tetamu istimewa. Malahan, beliau menyuruh pembantunya menghantar Ahmad Rafiq pulang dengan menaiki motobot kepunyaannya. Keesokan harinya, Mustafa Kamal Ataturk pulang ke Istana Dulamah Baghjah.

Pada suatu pagi yang cerah ketika matahari baru sahaja terbit dan cahayanya menerobos masuk ke dalam ruang-ruang Istana Dulamah Baghjah, Mustafa Kamal Ataturk terjaga daripada tidur selepas pada sebelah malamnya beliau tidur dalam keadaan mabuk.

Nabilah Hanim, seorang pelayan istana datang mendekati Mustafa Kamal Ataturk. Wanita muda yang cantik jelita yang bertubuh langsing serta berambut panjang mengurai itu adalah wanita pujaan patung bernyawa yang bernama Mustafa Kamal Ataturk.

“Adakah tuan mahu saya menari dan menyanyi?” tanya Nabilah Hanim yang mempunyai suara yang merdu. Antara tugasnya di istana itu adalah bagi menghiburkan tuannya dengan nyanyian dan tarian.

“Saya mahu kamu mengalunkan azan,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

Nabilah Hanim tersentak dengan arahan yang belum pernah dilakukan oleh Mustafa Kamal Ataturk itu.

“Benarkah tuan menyuruh saya melaungkan azan?” tanya Nabilah Hanim yang mahu meminta kepastian.

“Saya mahu kamu berdiri di atas meja ini dalam keadaan

berbogel, kemudian laungkan azan dengan suara yang nyaring," arah Mustafa Kamal Ataturk.

Nabilah Hanim menuruti arahan itu. Dia berdiri di atas meja tempat Mustafa Kamal Ataturk meneguk arak sejurus selepas menanggalkan pakaiannya. Kemudian, dia pun melaungkan azan dalam bahasa Turki. Ternyata suara azan dalam bahasa Turki yang dilaungkan oleh Nabilah Hanim itu mengejutkan seluruh penghuni istana. Mereka bergegas ke bilik itu bagi melihat apa yang sedang berlaku. Mereka terkejut apabila melihat Nabilah Hanim sedang melaungkan azan dalam keadaan berbogel dan mereka lebih terkejut apabila melihat Mustafa Kamal Ataturk sedang menangis teresak-esak.

Pengkhianat Agama

Pagi itu Mustafa Kamal Ataturk terjaga daripada tidurnya apabila terdengar suara azan dari beberapa buah masjid yang berhampiran dengan tempat kediamannya. Sebenarnya, itu bukanlah kali pertama tidurnya terganggu kerana kejadian itu sudah pun berlarutan sejak beliau mula mendiami istana itu.

Pernah dia menyuruh pekerja istana menutup rapat semua tingkap dan pintu tetapi suara azan itu tetap jelas kedengaran memandangkan azan dilaungkan dengan menggunakan pembesar suara. Mustafa Kamal Ataturk sememangnya tidak suka mendengar azan dilaungkan kerana beliau dapat merasakan yang tidurnya benar-benar terganggu dan pada pagi itu beliau terjaga lagi daripada tidurnya apabila azan berkumandang. Beliau benar-benar merasa terganggu. Matanya tidak dapat dilelapkan apabila suara azan mula berkumandang dan menerpa pendengarannya. Beliau segera mengarahkan pembantunya supaya memanggil Dr. Rasyid Ghalib.

“Tuan besar memanggil tuan supaya menemuinya sekarang juga,” kata orang suruhan Musatafa Kamal Ataturk sebaik sahaja sampai di rumah Dr. Rasyid Ghalib.

“Tidak bolehkah tunggu sehingga matahari terbit? Saya belum mandi, belum bersarapan dan belum ke tandas lagi,” kata Dr. Rasyid Ghalib yang masih terpisat-pisat kerana dikejutkan daripada tidur.

“Tuan presiden menyuruh tuan supaya datang ke sana sekarang juga. Pasti ada perkara mustahak yang berkaitan dengan kepentingan negara yang mahu dibincangkan dengan tuan,” kata orang suruhan Mustafa Kamal Ataturk lagi.

“Kadangkala, bukan perkara penting pun. Dalam keadaan mabuk pun, dia mahu saya datang menemaninya,” balas Dr. Rasyid Ghalib.

“Dia memerlukan tuan seperti dia memerlukan minuman kegemarannya,” balas lelaki itu sambil tertawa.

“Saya sendiri berasa hairan bagaimana lelaki yang pemabuk sepertinya itu boleh memerintah negara,” kata Dr. Rasyid Ghalib sambil turut tertawa.

“Elok tuan bersiap cepat, nanti marah pula tuan besar kita,” gesa orang suruhan itu.

Walaupun berasa kurang senang dengan jemputan itu tetapi Dr. Rasyid Ghalib tetap mematuhi arahan yang diterimanya itu kerana dalam hatinya masih tersimpan sekelumit rasa hormat kepada Mustafa Kamal Ataturk

sebagai ketuanya. Tambahan pula, dia adalah menteri yang paling rapat dengannya. Kedatangan Dr. Rasyid Ghalib disambutnya dengan wajah yang kelat.

“Saya tidak cukup tidur. Malam tadi saya tidur lewat tetapi cepat pula terjaga daripada tidur, malahan mata saya ini tidak mahu juga lelap,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Adakah kerana itu sahaja tuan menjemput saya datang pada pagi ini?” tanya Dr. Rasyid Ghalib.

“Selagi kamu berkhidmat dengan saya, maka saya berhak menyuruh kamu datang pada bila-bila masa sahaja,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

“Adakah saya berkhidmat untuk tuan presiden ataupun untuk negara Turki?” tanya Dr. Rasyid Ghalib lagi.

“Kamu berkhidmat untuk saya, Presiden Turki,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

“Pasti ada perkara mustahak yang menyebabkan tuan memanggil saya datang ke mari, bukankah begitu?” tanya Dr. Rasyid Ghalib.

“Apakah pendapat kamu perihal masjid yang terdapat berhampiran dengan kediaman saya ini?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Masjid-masjid itu sudah wujud sejak sekian lama dan orang ramai datang bagi mengerjakan sembahyang secara berjemaah,” jawab Dr. Rasyid Ghalib.

“Maksud saya suara azan yang dilaungkan dari masjid itu,”

kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Suara azan itu dilaungkan bagi memanggil orang ramai untuk datang mengerjakan sembahyang secara berjemaah,” kata Dr. Rasyid Ghalib.

“Maksud saya, bagaimanakah sekiranya suara azan itu dilaungkan tanpa menggunakan pembesar suara. Dengan itu, laungannya sama sekali tidak akan mengganggu ketenangan orang ramai di sekitar kawasan ini,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Adakah tuan rasa terganggu dengan suara azan itu?” tanya Dr. Rasyid Ghalib. Mustafa Kamal Ataturk tidak menjawab pertanyaan itu tetapi daripada raut wajahnya sahaja sudah cukup memberikan jawapan yang beliau sememangnya berasa kurang senang dan terganggu.

“Wahai tuan presiden, saya juga bukanlah orang yang taat beragama tetapi saya tidak boleh menolak seruan azan itu kerana ia menjadi lambang agama Islam. Sekiranya kita melarangnya, pasti tindakan kita itu nanti akan mendapat bantahan daripada orang ramai,” kata Dr. Rasyid Ghalib.

“Saya bukan mahu menentang azan itu dilaungkan tetapi saya mempunyai idea yang jauh lebih baik berbanding cara yang digunakan sekarang,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Katakanlah wahai tuan presiden apa sahaja yang tuan sedang fikirkan,” kata Dr. Rasyid Ghalib.

“Saya mahu azan itu dilaungkan dalam bahasa Turki supaya semua yang mendengarnya faham. Adakah kamu

menyangka arahan itu sukar untuk dilakukan?" tanya Mustafa Kamal Ataturk.

Apabila melihat Dr. Rasyid Ghalib berdiam diri dalam keadaan serba salah, maka Mustafa Kamal Ataturk pun berkata, "Sekiranya kamu tidak sanggup, tidak mengapa. Saya akan arahkan orang lain kerana ternyata kamu tidak mampu melakukannya."

"Saya sanggup tuan tetapi saya cadangkan supaya tuan keluarkan arahan yang berupa amaran keras. Sekiranya ada yang ingkar dengan arahan tuan, mereka akan dihukum mati. Dengan itu, semua arahan tuan dapat dilaksanakan dengan mudah dan tidak ada siapa pun yang berani membantahnya," kata Dr. Rasyid Ghalib.

"Adakah kamu menyangka arahan menukar azan itu ke dalam bahasa Turki akan mendapat bantahan daripada orang ramai?" tanya Mustafa Kamal Ataturk.

"Orang ramai pasti tidak bersetuju dengan arahan itu. Hal ini kerana sejak zaman Nabi Muhammad hingga kini, azan itu dilaungkan dalam bahasa asalnya, iaitu bahasa Arab. Belum pernah dilakukan oleh mana-mana bangsa, azan itu ditukar ke dalam bahasa ibunda mereka," jawab Dr. Rasyid Ghalib.

"Adakah terdapat ayat al-Quran ataupun hadis yang melarangnya?" tanya Mustafa Kamal Ataturk lagi.

"Setahu saya tidak ada tetapi kita tetap tidak boleh mengubahnya. Adalah lebih baik kita kekalkan dalam bentuk asalnya," jawab Dr. Rasyid Ghalib.

“Saya mahu azan diubah ke dalam bahasa Turki. Sekiranya ada yang bertanya, katakan sahaja supaya mudah difahami oleh semua orang. Adakah kamu tidak sanggup melaksanakan arahan saya ini?” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Saya sanggup dengan syarat tuan presiden sediakan surat pekeliling seperti yang saya katakan sebentar tadi,” kata Dr. Rasyid Ghalib.

Mustafa Kamal Ataturk tertawa, lalu berkata. “Pemimpin yang bijak ditemani pula pembantu yang bijak.”

Tidak berapa lama kemudian, Mustafa Kamal Ataturk mengeluarkan surat pekeliling yang ditujukan melalui pihak tentera yang memberi amaran sesiapa yang menentang Mustafa Kamal Ataturk bererti menentang negara Turki dan hukuman yang bakal dikenakan adalah hukuman mati mandatori. Surat tersebut ditampal di merata-rata tempat termasuklah di kawasan bandar dan desa. Surat itu itu juga dibacakan di sekolah-sekolah, di pejabat-pejabat awam dan juga di masjid-masjid.

Selepas itu, barulah Dr. Rasyid Ghalib berusaha bagi menjayakan arahan Mustafa Kamal Ataurk itu. Mula-mula, beliau memanggil tokoh agama termasuklah ulama yang terkenal pada masa itu. Mereka diperintahkan supaya datang ke kediaman presiden. Dalam majlis itu, hanya Dr. Rasyid Ghalib yang berucap dan mereka yang hadir tidak diberi peluang bagi mengemukakan pendapat.

“Doa antara hamba dengan Tuhan boleh diucapkan dalam bahasa ibunda masing-masing kerana Dia sememangnya

Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Malahan, ibadat yang diucapkan dalam bahasa ibunda ternyata lebih mudah dihayati serta difahami. Apa yang pasti, sekiranya tetap dilakukan dalam bahasa Arab, sudah pasti ramai yang tidak dapat memahaminya," kata Dr. Rasyid Ghalib dalam ucapannya yang panjang lebar sambil memuji-muji rakyat Turki yang mencintai bahasa ibunda mereka.

Kemudian, Dr. Rasyid Ghalib membaca skrip yang sudah ditetapkan oleh Mustafa Kamal Ataturk yang mengandungi cadangan kepada presiden, yang turut berada dalam majlis itu supaya memerintahkan supaya doa dalam majlis rasmi wajib diucapkan dalam bahasa Turki.

"Kami juga memberikan kuasa kepada presiden bagi mengeluarkan arahan supaya bahasa Turki digunakan dalam ibadat-ibadat yang lain," kata Dr. Rasyid Ghalib kerana perkara itu sudah dibincangkan dengan presiden sebelum majlis itu diadakan.

Tidak berapa lama kemudian, Mustafa Kamal Ataturk mengeluarkan arahan yang mengejutkan rakyat Turki terutama sekali para ulama dan mereka yang kuat beragama. arahan itu adalah menukar azan daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Turki. Malahan, al-Quran juga perlu ditulis dalam bahasa Turki. Ramai yang membantah arahan itu tetapi mereka tidak berani bersuara kerana bimbang dituduh menderhaka kepada negara dan dijatuhi hukuman mati. Pada peringkat permulaan arahan itu dikeluarkan, beberapa orang ulama tetap berkeras bagi membantah arahan itu menyebabkan mereka ditangkap dan nasib mereka tidak diketahui lagi selepas itu.

Sejak itu, semua bilal di masjid melaungkan azan dalam bahasa Turki. Mereka juga diperintahkan supaya membaca al-Quran yang ditulis dalam bahasa Turki, manakala al-Quran dalam bahasa Arab dibakar dan sesiapa yang berani membantah akan ditangkap. Di samping itu, ada masjid-masjid tertentu yang ditutup dengan alasan masjid dijadikan sebagai tempat berkumpul bagi menentang kerajaan.

Mustafa Kamal Ataturk bertindak lebih berani dengan mengeluarkan arahan dengan menggalakkan kaum wanita memakai pakaian Barat dan Eropah atas nama kemajuan. Pelajar daripada peringkat sekolah rendah sehinggalah peringkat universiti tidak dibenarkan lagi memakai tudung ataupun purdah. Mereka disuruh memakai skirt sahaja. Ramai ibu bapa yang membantah arahan itu dan enggan menghantar anak mereka belajar di sekolah kerajaan. Lantaran itu, mereka mengambil keputusan dengan menghantar anak mereka ke sekolah agama. Mustafa Kamal Ataturk dengan kuasa yang ada padanya memerintahkan supaya sekolah agama ditutup, seterusnya memaksa pelajar berpindah semula ke sekolah kerajaan.

Pada suatu hari, Mustafa Kamal Ataturk didatangi seorang saudagar dari Eropah. Dia membawa beberapa buah patung untuk dihadiahkan kepada Presiden Turki itu.

“Saya berasa sungguh tertarik dengan patung ini kerana ia kelihatan hidup,” kata Mustafa Kamal Ataturk dengan gembira.

“Patung ini diukir oleh seorang pengukir yang begitu

terkenal di Eropah. Dia sering diminta mengukir patung raja-raja Eropah," kata saudagar penjual patung itu.

"Adakah dia mahu mengukir patung yang menyerupai saya?" tanya Mustafa Kamal Ataturk.

"Sekiranya dibayar dengan harga yang mahal pasti dia tidak akan menolaknya," jawab saudagar itu.

Tercetuslah idea Mustafa Kamal Ataturk yang mahu mengupah orang supaya mengukir patung dirinya yang akan diletakkan di setiap bandar dan pekan, malahan di ceruk-ceruk kampung. Beliau mahu patung dirinya itu berada di seluruh bumi Turki.

"Wahai tuan presiden, kita baru sahaja melancarkan kempen berjimat cermat. Apa yang pasti, bagi menempah patung yang begitu banyak dari Eropah, kita memerlukan perbelanjaan yang besar sehingga mencapai jutaan lira," kata Menteri Kewangan Turki.

"Surat perjanjian dengan mereka sudah pun ditandatangani. Oleh sebab itu, saya mahu perkara ini diteruskan. Bagi menampung perbelanjaannya, maka Kementerian Wakaf akan dimansuhkan," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Sekiranya Kementerian Wakaf dimansuhkan bermakna orang-orang miskin, anak-anak yatim dan mereka yang memerlukan bantuan tidak dapat dibantu lagi," kata menteri wakaf yang merayu supaya kementerian itu tidak dimansuhkan.

Mustafa Kamal Ataturk tetap dengan keputusannya, maka Kementerian Wakaf yang selama ini bertanggungjawab memberi bantuan kepada fakir miskin dan anak-anak yatim pun ditutup. Wang itu digunakan bagi menempah patung Mustafa Kamal Ataturk. Ternyata, tidak ada siapa pun yang berani membantahnya kerana bimbang ditangkap.

Mustafa Kamal Ataturk dilihat semakin bertindak liar dan berani. Beliau menggantikan undang-undang Islam dengan undang-undang Barat. Beberapa orang ulama yang cuba membantahnya ditangkap atas tuduhan menderhaka kepada presiden sekali gus dituduh menderhaka kepada negara Turki. Pasukan tentera digunakan bagi melindungi Mustafa Kamal Ataturk.

Pada suatu hari, Mustafa Kamal Ataturk dikunjungi seorang ahli sejarah dari Eropah bernama Karl Nelson. Tetamu itu disambutnya dengan penuh mesra dan penghormatan. Selama berada di Turki, sejarawan itu menjadi tetamu istimewa di istana kediaman Presiden Turki.

“Tuan presiden yang saya muliakan,” kata Karl Nelson sebelum pulang ke negaranya. Kemudian dia menyambung kata-katanya lagi, “Tuan sudah melakukan banyak perkara yang menggembirakan hati orang Barat dan Eropah terutama sekali penganut agama Kristian. Namun begitu, ada satu perkara yang masih membuatkan kami berasa sedih. Sekiranya perkara ini dapat tuan atasi, maka kami pasti berasa gembira dan berterima kasih kepada tuan. Malahan, kami juga akan menganggap tuan adalah wira kami dan kami akan pastikan tuan terus berkuasa di negara ini.”

“Cuba beritahu saya apakah perkara itu?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Adakah tuan presiden tahu sejarah Aya Sofia?” tanya Karl Nelson pula.

“Saya sibuk dengan urusan negara dan tidak punya masa membaca buku sejarah,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

“Aya Sofia itu asalnya adalah tempat suci penganut agama Kristian. Kemudian, apabila negeri ini ditakluk oleh Sultan Muhammad Al-Fateh, maka Aya Sofia dijadikan masjid. Alangkah baiknya sekiranya tuan dapat menukar semula tempat suci itu pada kedudukan asalnya,” kata Karl Nelson.

“Perkara yang kamu katakan itu adalah sesuatu yang mustahil dapat saya lakukan dan pasti akan menimbulkan pemberontakan rakyat,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Tuan sekarang berada di puncak kekuasaan. Sekiranya ada sesiapa yang berani menentang, maka tuan mampu melakukan apa sahaja bagi melenyapkan mereka. Arahan tuan pasti dilaksanakan dengan segera. Tambahan pula, pasukan tentera menyokong tuan. Mereka sentiasa bersiap sedia membela tuan,” pujuk Karl Nelson.

Kemudian, katanya lagi, “Tuan seorang pemimpin yang paling bijaksana dan berani. Banyak perkara yang tidak mampu dilakukan oleh pemimpin lain, malahan kerajaan British sendiri tidak mampu tetapi tuan mampu melakukannya. Contohnya, menumbangkan kerajaan Uthmaniah. Kuasa Barat dan Eropah berusaha selama berpuluh-puluh tahun bagi menumbangkannya tetapi tetap

tidak berjaya. Namun bagitu, tuan dapat melenyapkannya dalam masa yang begitu singkat. Itu adalah hadiah daripada tuan yang paling bernilai kepada Eropah."

Apabila mendengar kata-kata pujian itu, membuatkan rasa ego dan sifat takbur Mustafa Kamal Ataturk semakin meninggi. Beliau mahu menunjukkan kuasanya dengan mampu bagi melakukan apa sahaja tanpa sebarang sekatan dan halangan.

Pada malam itu, semalaman Mustafa Kamal Ataturk memikirkan kata-kata Karl Nelson itu. Lantas, beliau pun mengambil keputusan bagi menunjukkan yang dirinya mampu melakukan apa sahaja demi menggembirakan orang Barat dan Eropah yang sudah berjanji tidak akan memusuhi serta mengganggu gugat pemerintahannya. Bagi Mustafa Kamal Ataturk, hanya kuasa Barat dan Eropah yang dapat menumbangkannya dan bukannya rakyat Turki.

Beberapa hari kemudian, Mustafa Kamal Ataturk menyatakan hasrat hatinya mahu melawat Aya Sofia. Beliau mahu lawatannya itu dibuat secara rasmi supaya para pembesar negara turut mengiringinya. Para wartawan juga dimaklumkan supaya menjadikan lawatannya itu sebagai tajuk berita utama dalam surat khabar mereka.

Bagi menyambut kedatangan Presiden Turki itu, persiapan dibuat secara besar-besaran. Aya Sofia dihias indah. Bendera dan bunga-bunga diletakkan di sepanjang jalan yang akan dilalui Mustafa Kamal Ataturk. Dr. Rasyid Ghalib bertindak sebagai pegawai pengiring.

Pada hari itu, orang ramai keluar di jalan raya bagi menyambut kedatangan Mustafa Kamal Ataturk. Sebaik sahaja turun dari kereta, beliau disambut serta diarak berjalan masuk ke dalam Masjid Aya Sofia.

“Wahai tuan presiden, sila tanggalkan kasut sebelum masuk ke tempat suci ini,” beritahu imam Masjid Aya Sofia yang menyambutnya di pintu masuk.

Mustafa Kamal Ataturk langsung tidak mengendahkan kata-kata tuan imam itu. Beliau terus sahaja melangkah masuk dengan tanpa menanggalkan kasutnya. Perbuatannya itu diikuti oleh Dr. Rasyid Ghalib dan semua pengiringnya. Imam Masjid Aya Sofia dan para pembantunya menangis apabila melihat perlakuan Presiden Turki itu. Namun begitu, mereka tidak berani menghalangnya. Apa yang mampu mereka lakukan hanyalah berdoa kepada Tuhan.

Sejak berpindah ke Istanbul dan menetap di Istana Dulamah Baghjah, Mustafa Kamal Ataturk memang tidak pernah datang ke masjid walaupun bagi mengerjakan sembahyang Jumaat mahupun sembahyang sunat Hari Raya. Menurut pekerja istana, mereka tidak pernah melihat Mustafa Kamal Ataturk mengerjakan sembahyang. Malahan, beliau pernah melarang seorang pekerja istana yang sedang membaca al-Quran dengan alasan suara bacaan itu mengganggunya.

Mustafa Kamal Ataturk langsung tidak mengendahkan kesucian Masjid Aya Sofia. Beliau berjalan di dalam masjid itu seperti berjalan di dalam bangunan biasa sahaja.

Malahan, pada satu ketika beliau berdiri di atas mimbar masjid itu dengan berkasut. Kebetulan pula pada ketika itu sudah masuk waktu sembahyang fardu zuhur. Para jemaah datang bagi mengerjakan sembahyang secara berjemaah tetapi mereka dilarang memasuki kawasan masjid oleh anggota tentera yang berkawal di bahagian pintu masuk. Di samping itu, bilal masjid juga dilarang masuk menyebabkan azan tidak berkemundang.

Selepas berpuas hati dapat melihat serta berjalan di dalam kawasan masjid, Mustafa Kamal Ataturk pun berjalan pula di kawasan luar masjid. Orang ramai masih tertanya-tanya tujuan sebenar lawatan Presiden Turki ke Masjid Aya Sofia.

Sebelum meninggalkan Masjid Aya Sofia, barulah Mustafa Kamal Ataturk mengadakan sidang akhbar. Beliau memaklumkan kepada wartawan yang beliau bertanggungjawab kepada masa hadapan masjid itu. Kemudian, beliau pun terus pulang ke istananya.

Keesokan harinya, Dr. Rasyid Ghalib dipanggil datang ke istana bagi menghadap Mustafa Kamal Ataturk.

“Apakah pendapat kamu perihal Aya Sofia?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Aya Sofia adalah bangunan yang paling cantik dan tempat orang ramai bersembahyang,” jawab Dr. Rasyid Ghalib.

“Maksud saya perihal sejarahnya,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Saya kurang faham perihal sejarah Aya Sofia,” kata Dr.

Rasyid Ghalib.

“Adakah kamu pernah bersembahyang di situ?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Pernah juga sesekali, terutama pada Hari Raya. Pada hari-hari biasa sememangnya tidak pernah,” jawab Dr. Rasyid Ghalib.

“Pada pandangan kamu, apakah peranan Aya Sofia sebagai masjid?” tanya Mustafa Kamal Ataturk lagi.

“Menjadi tempat berkumpul orang ramai bagi mengerjakan sembahyang secara berjemaah. Aya Sofia juga menjadi lambang kebanggaan umat Islam,” jawab Dr. Rasyid Ghalib.

“Maksud saya sejarahnya,” Mustafa Kamal Ataturk memotong percakapan Dr. Rasyid sebelum dia menghabiskan kata-katanya.

“Maaf tuan presiden, saya tidak berapa arif perihal sejarahnya,” kata Dr. Rasyid Ghalib.

“Adakah kamu tahu Aya Sofia itu asalnya adalah sebuah gereja? Tempat suci penganut agama Kristian?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya itu yang tuan maksudkan, saya tahu tuan,” jawab Dr. Rasyid Ghalib.

“Di Istanbul ini sudah ada banyak masjid. Tidak jauh dari Aya Sofia juga ada Masjid Biru dan beberapa buah masjid lagi. Oleh sebab itu, tidak salah sekiranya kita bersikap

toleransi dengan penganut agama Kristian," kata Mustafa KamalAtaturk.

"Maksud tuan?" tanya Dr. Rasyid Ghalib.

"Kita kembalikan semula Aya Sofia kepada keadaan asalnya," jawab Mustafa Kamal Ataturk.

"Apakah yang sudah mendorong tuan bagi melakukannya? Apakah tuan tidak terfikir musibahnya nanti?" tanya Dr. Rasyid Ghalib lagi.

"Dengan kuasa yang ada, saya boleh melakukan apa sahaja," jawab Mustafa Kamal Ataturk.

"Orang ramai akan marah dan mereka akan memberontak. Adakah tuan tidak berasa takut?" tanya Dr. Rasyid Ghalib.

"Mereka tidak akan mampu melakukannya apabila berhadapan dengan pasukan tentera," jawab Mustafa Kamal Ataturk.

"Adakah tuan sanggup menggunakan pasukan tentera bagi membunuh rakyat sendiri?" tanya Dr. Rasyid Ghalib lagi.

"Mereka yang menentang saya itu sama seperti menentang negara Turki. Mereka perlu dihapuskan," jawab Mustafa Kamal Ataturk.

"Adakah tuan tidak takut kemurkaan Tuhan?" tanya Dr. Rasyid Ghalib lagi.

Mustafa Kamal Ataturk tersenyum sinis, lalu berkata, "Tuhan memberikan kuasa kepada saya bagi

melakukannya. Oleh itu, saya akan lakukan apa yang baik pada fikiran saya."

"Bukankah Tuhan juga memberi kuasa kepada firaun bagi memerintah Mesir? Adakah tuan tahu apa yang terjadi kepada firaun?" tanya Dr. Rasyid Ghalib.

"Setiap pemimpin diberikan pilihan dan saya memilih cara saya sendiri. Sekiranya kamu tidak bersetuju lebih baik jangan mendampingi saya lagi," jawab Mustafa Kamal Ataturk dengan nada ugutan.

"Saya mahu terus mendampingi tuan sekali gus menjadi penasihat tuan," kata Dr. Rasyid Ghalib.

"Saya hanya perlukan sokongan daripada kamu dan bukannya nasihat," marah Mustafa Kamal Ataturk.

"Baiklah tuan, apakah bentuk sokongan yang tuan mahukan daripada saya?" tanya Dr. Rasyid Ghalib.

"Sejak akhir-ahkir ini, fikiran saya hanya tertumpu pada Aya Sofia. Saya mahu masalah ini diselesaikan dengan segera," jawab Mustafa Kamal Ataturk.

"Apakah maksud tuan?" tanya Dr. Rasyid Ghalib.

"Sepanjang perjalanan sejarah, Aya Sofia sudah banyak menumpahkan darah kerana menjadi rebutan orang Kristian dan Islam. Ia juga menjadi tempat perdebatan pelbagai bentuk akidah. Semasa pemerintahan Byzantine, Aya Sofia dijadikan sebagai tempat beribadat serta tempat perdebatan antara pemuka agama dengan pendeta mereka. Di situ juga pernah mencatat sejarah pemuka

agama meludah muka pemimpin yang mereka tidak sukai. Aya Sofia juga dijadikan tempat ibadat pertama oleh Sultan Muhammad Al-Fateh selepas berjaya menakluk Istanbul. Sesungguhnya, Aya Sofia itu tempat ibadat yang terkenal di seluruh dunia," jawab Mustafa Kamal Ataturk dengan panjang lebar.

"Benar tuan, Aya Sofia juga menjadi tempat suci penganut agama Kristian. Mereka sering datang mengunjunginya, malahan ramai yang meratap hiba apabila melihatnya," kata Dr. Rasyid Ghalib.

"Saya mahu Aya Sofia dijadikan tempat bagi mem-perdebatkan pemikiran kamu perihal Islam dan pemikiran kamu itu perlu selari dengan pemikiran saya," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Maksud tuan, tuan mahu melantik saya menjadi imam di Masjid Aya Sofia?"

"Saya mahu kamu adakan satu majlis perdebatan di Aya Sofia. Kumpulkan semua ulama yang terdapat di seluruh Istanbul untuk hadir dan umumkan kepada orang ramai supaya datang beramai-ramai mendengarnya. Letakkan pembesar suara di luar masjid supaya mereka yang tidak dapat masuk dapat mendengarnya dari luar. Kemudian, kamu berdebatlah dengan mereka," jawab Mustafa Kamal Ataturk.

"Apakah yang tuan mahu saya perdebatkan dengan mereka?" tanya Dr. Rasyid Ghalib.

"Beritahu mereka Islam adalah agama Turki dan kita tidak

akan mengubahnya. Namun begitu, cara beribadat itu perlu mengikut peredaran zaman. Ibadat adalah hubungan hati antara manusia dengan Tuhan. Manusia bermunajat menggunakan bahasa sendiri. Oleh sebab itu, semua perkara yang berkaitan dengan ibadat termasuklah berdoa perlu dilakukan dalam bahasa Turki. Suara azan ditukar dalam bahasa Turki, malahan al-Quran juga perlu dibaca dalam bahasa Turki," jawab Mustafa Kamal Ataturk.

Dr. Rasyid Ghalib terpana apabila mendengar kata-kata Mustafa Kamal Ataturk itu. Apabila melihat keadan itu, maka Mustafa Kamal Ataturk pun berkata, "Apakah pendapat kamu perihal cadangan saya ini?"

"Sekiranya benar-benar dilakukan, pasti mengundang bala. Malahan, saya yakin akan berlaku rusuhan dan pertumpahan darah," jawab Dr. Rasyid Ghalib.

"Apakah maksud kamu?" tanya Mustafa Kamal Ataturk.

"Apabila kita kumpulkan semua ulama dari seluruh Istanbul dan juga menyuruh orang ramai supaya berkumpul di Aya Sofia, jumlahnya pasti mencapai ratusan ribu orang. Kemudian, kita bercakap perihal perkara yang menyakitkan hati mereka. Saya yakin akan berlaku rusuhan dan pertumpahan darah. Oleh sebab itu, lebih baik jangan diadakan majlis seperti itu," jawab Dr. Rasyid Ghalib.

Giliran Mustafa Kamal Ataturk pula yang terdiam apabila memikirkan kata-kata pembantunya itu. Perkara yang berkaitan dengan Aya Sofia itu terus menghantui fikiran Mustafa Kamal Ataturk. Oleh sebab terlalu asyik memikirkan Aya Sofia menyebabkan beliau tidak berselera

untuk makan dan tidak dapat tidur dengan lena. Sebagai jalan keluar, beliau meneguk arak sehingga mabuk dan tidak sedarkan diri.

Pada suatu malam, Mustafa Kamal Ataturk duduk seorang diri di dalam biliknya sambil menghadap meja yang dipenuhi botol arak. Ketika itu, beliau benar-benar dalam keadaan runsing kerana terlalu asyik memikirkan masalah Aya Sofia. Selepas berjam-jam duduk sendirian melayan fikiran dan selepas begitu banyak arak yang diteguknya, akhirnya Mustafa Kamal Ataturk memanggil setiasusaha sulitnya, lalu mengarahkannya menulis sekeping surat arahan supaya Aya Sofia dijadikan muzium.

Keesokan harinya, surat arahan itu segera diberikan kepada pengarah Muzium Turki supaya arahan itu dilaksanakan dengan segera. Salinan surat itu diberikan kepada ketua pasukan tentera Turki dan juga anggota kabinet. Ramai yang terkejut dengan surat arahan itu kerana ia sememangnya datang daripada presiden sendiri tanpa pernah meminta pendapat para menteri dan juga pembantunya. Namun begitu, berita itu masih lagi dirahsiakan dan tidak dimaklumkan kepada orang ramai kerana dibimbangi berlakunya rusuhan.

Aya Sofia

Pada tanggal 29 Mei 1453, selepas Aya Sofia berjaya ditawan tentera Islam yang dipimpin oleh Sultan Muhammad Al-Fateh, maka bangunan bersejarah itu dijadikan sebagai masjid dengan persetujuan penduduk Kristian di kota Istanbul.

Dengan itu, azan pun berkumandang dari Masjid Aya Sofia yang tersergam indah itu sebanyak lima kali, sehari semalam. Umat Islam melaungkan takbir dan tahmid sebagai tanda kesyukuran serta kegembiraan atas kejayaan tentera Islam menakluk kota Konstantinopel.

Sewajarnya mereka melahirkan rasa kesyukuran kerana bukannya mudah bagi tentera Islam menawannya. Selepas berlaku pertempuran selama 53 hari dan selepas ramai tentera yang syahid, barulah kota yang menjadi kebanggaan kerajaan Rom Timur itu berjaya ditakluk. Di samping itu, hanya selepas lebih 800 tahun Nabi Muhammad berkata dalam hadis yang mengatakan kota Konstantinopel hanya dapat ditawan oleh pemimpin yang

baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik, barulah kata-kata nabi itu benar-benar menjadi kenyataan.

Selepas Nabi Muhammad memberikan harapan dan keyakinan Rom Timur yang bertindak sebagai kuasa dunia yang paling kuat pada ketika itu akan dapat dikalahkan tentera Islam, maka barulah para sahabat berusaha bagi menakluknya.

Khalifah Sayidina Uthman dan Khalifah Sayidina Ali pernah menghantar pasukan peninjau ke kota Konstantinopel. Muawiyah bin Abu Sufian ketika menjadi Khalifah juga pernah menghantar pasukan tentera bagi menawan kota tersebut tetapi gagal. Begitu juga dengan Khalifah Harun Al-Rashid, Khalifah Sulaiman dan beberapa lagi percubaan tetapi semuanya gagal. Kali yang ke-13 pasukan tentera Islam menyerangnya barulah mencapai kejayaan.

Namun begitu, Sultan Muhammad Al-Fateh tidak pernah bermegah-megah dengan kejayaannya itu. Beliau masih dengan sikap tawaduk serta merendah dirinya. Baginya orang yang paling mulia adalah orang yang paling bertakwa kepada Tuhannya. Manakala mereka yang sombong dan takbur tidak mendapat rahmat daripada Allah. Kemudian, Sultan Muhammad Al-Fateh melangkah masuk ke dalam kota Konstantinopel melalui pintu Edirne. Beliau memilih pintu itu kerana di situlah pintu yang mula-mula berjaya dibuka oleh tentera Islam selepas berjaya mengalahkan tentera Rom. Sebaik sahaja menjejakkan kaki ke dalam kota itu, maka beliau pun terus melakukan sujud syukur. Kemudian, beliau menadah tangan, lalu berdoa, “Kami bersyukur kepadamu Tuhan. Jadikanlah

kota ini kota Islam keseluruhannya. Ramai syuhada yang terkorban bagi merebut kota ini. Tempatkanlah mereka di syurga dan ampunkanlah dosa-dosa kami yang masih hidup." Kemudian, Sultan Muhammad Al-Fateh menyapu debu-debu tanah yang melekat pada wajahnya.

Beliau teringat kisah penaklukan kota Mekah pada zaman Rasulullah. Orang-orang Quraisy yang sekian lama memusuhi serta memerangi beliau dikumpulkan di hadapan Kaabah. Mereka menunggu hukuman yang akan dijatuhkan oleh Rasulullah sambil menangis. Perkara yang sama berlaku di kota Konstantinopel. Tentera Rom dan mereka yang selama ini memusuhinya sudah dikumpulkan dan mereka juga sedang menunggu hukuman yang akan dijatuhkan.

Kemudian, Sultan Muhammad Al-Fateh melangkahkan kakinya ke kawasan lapang di mana para tawanan perang dikumpulkan. Apabila melihat kedatangan beliau, para tawanan itu menangis kerana menyangka hukuman mati akan dijatuhkan ke atas mereka.

"Maharaja Constantine mengatakan kota Konstantinopel tidak akan jatuh ke tangan musuh selagi ada matahari dan bulan tetapi pada hari ini tenyata kata-katanya itu dusta belaka. Kota Konstantinopel yang menjadi kebanggaan kita sudah jatuh ketika matahari sedang memancarkan cahayanya yang terik," ratap salah seorang daripada mereka.

"Pada hari ini kita akan dijatuhi hukuman mati. Darah kita akan disimbah ke bumi. Kemudian, mayat-mayat kita akan

dibiarkan supaya dimakan oleh anjing dan burung. Alangkah malangnya nasib kita," balas yang lain pula.

Namun begitu, Sultan Muhammad Al-Fateh bukanlah seorang pemimpin yang kejam ataupun tidak bertimbang rasa. Walaupun beliau tahu tentera Rom sudah banyak menyebabkan kematian tentera Islam tetapi beliau tetap mahu mencontohi apa yang pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad ketika berjaya menakluk kota Mekah.

Sultan Muhammad Al-Fateh berdiri di hadapan para tawanan, lalu berkata, "Hari ini adalah hari kemenangan kepada kami umat Nabi Muhammad dan kamu semua sudah menjadi hina dengan kekalahan ini. Sesungguhnya, apabila datang yang hak, maka lenyaplah yang batil. Apabila datang kebenaran, maka lenyaplah kemungkaran. Apabila datang keadilan, maka lenyaplah kezaliman. Sesungguhnya, kami datang kepada kamu membawa yang hak. Kami membawa cahaya kebenaran dan kami menegakkan keadilan. Percayalah, tidak ada sesiapa yang akan dianianya pada hari yang mulia ini."

Salah seorang tawanan bingkas bangun, lalu berkata, "Tuanku seorang yang baik dan berhati mulia. Semoga pada hari ini kami mendapat manfaat daripada kebaikan tuanku. Maafkanlah kesalahan kami kerana kami rakyat biasa yang terpaksa mengikut arahan maharaja."

Sambil tersenyum Sultan Muhammad Al-Fateh pun bertanya, "Tahukah kamu apa hukuman yang akan dijatuhkan ke atas kamu?"

"Tuanku seorang pemimpin yang baik. Pasti tuanku

memaafkan kami," jawab mereka.

"Sekiranya kami bukan umat Nabi Muhammad, pasti pada hari ini kepala kamu semua sudah pun bercerai dari badan. Sekiranya juga kami bukan umat Islam, pasti pada hari ini darah kamu akan mengalir bagaikan sungai. Anak-anak gadis kamu akan diperkosa dan anak-anak kamu akan dibakar hidup-hidup tetapi agama Islam melarang kami berlaku zalim. Kami disuruh mencontohi pemimpin kami yang mulia, iaitu Nabi Muhammad kerana beliau adalah sebaik-baik pemimpin yang perlu kami contohi," kata Sultan Muhammad Al-Fateh.

"Kami memohon supaya dimaafkan. Kasihanilah kami," ratap mereka beramai-ramai.

"Dengan nama Tuhan yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang, saya maafkan kamu. Pada hari ini tidak akan ada yang akan dizalimi dan selepas ini kamu boleh pulang ke rumah masing-masing bagi memulakan kehidupan yang baru," kata Sultan Muhammad Al-Fateh.

Apabila mendengar kata-kata Sultan Muhammad Al-Fateh itu, maka para tawanan pun menangis kegembiraan. Mereka merasakan seperti mati hidup semula.

"Memang benarlah tuanku pemimpin yang baik. Tentera tuanku tentera yang baik dan kami akan menjadi rakyat yang baik," kata mereka.

Kemudian, Sultan Muhammad Al-Fateh menyuruh mereka memilih seorang ketua yang akan menjaga kebajikan mereka. Orang ramai memilih seorang lelaki yang bernama

Patrick.

“Dalam kalangan kami, dia adalah lelaki yang terbaik. Sewajarnya dia yang menjadi ketua kami,” kata salah seorang daripada mereka.

Kemudian, Sultan Muhammad Al-Fateh memanggil lelaki itu supaya berdiri di hadapannya. Selepas lelaki itu datang menghadapnya, maka Sultan Muhammad Al-Fateh pun berkata, “Semoga Tuhan memberikan kebaikan kepada kamu. Kini, kamu adalah ketua penduduk Kristian. Kedudukan kamu sama seperti menteri saya dan kamu anggaplah saya ini sebagai sahabat kamu.” Patrick kelihatan gembira apabila mendengar kata-kata Sultan Muhammad Al-Fateh itu.

Kemudian, Sultan Muhammad Al-Fateh membuat satu pengumuman. “Mulai hari ini, kota Konstantinopel akan bertukar nama kepada Istanbul atau Islam seluruhnya,” kata Sultan Muhammad Al-Fateh.

“Apakah kami akan dipaksa meninggalkan agama kami, lalu menganut agama Islam?” tanya Patrick.

“Tidak ada sesiapa yang akan dipaksa menganut agama Islam kerana tidak ada paksaan dalam Islam,” jawab Sultan Muhammad Al-Fateh.

“Adakah kami akan bebas mengamalkan ajaran agama kami?” tanya Patrick lagi.

“Kamu bebas mengamalkan agama kamu. Kamu juga boleh beramal ibadat dalam gereja kamu pada bila-bila

masa tetapi dengan satu syarat," jawab Sultan Muhammad Al-Fateh. Jawapannya itu benar-benar menimbulkan tanda tanya.

"Apakah syaratnya itu tuanku?" tanya Patrick yang kelihatannya seolah-olah tidak sabar mahu mengetahuinya.

"Gereja Aya Sofia akan kami jadikan masjid," jawab Sultan Muhammad Al-Fateh sambil memandang ke arah orang ramai bagi melihat reaksi mereka.

Seperti yang dijangka para tawanan itu seperti diserang histeria apabila mendengar Aya Sofia akan dijadikan masjid. Masing-masing melahirkan kemarahannya tetapi tentera Turki berjaya mengawal keadaan.

Kemudian, Sultan Muhammad Al-Fateh pun berkata, "Semasa Maharaja Constantine berkuasa ke atas kamu, dia bebas melakukan apa sahaja dan kamu tidak pernah menentangnya tetapi sekarang kami orang Islam yang berkuasa di sini. Kamu semua adalah tawanan kami. Mengikut undang-undang peperangan yang diguna pakai sekarang, mereka yang menjadi tawanan perang boleh dihukum bunuh ataupun dipenjarakan tetapi kami sudah memaafkan kamu. Kami bebaskan kamu pulang ke rumah masing-masing dengan selamat. Kami juga tidak memaksa kamu menganut agama kami. Malahan, kamu dibenarkan beribadat di dalam gereja-gereja kamu. Apakah balasan kamu kepada kebaikan kami?"

"Tuanku, saya cadangkan kita bunuh semua tawanan dan kita bakar sahaja semua tempat ibadat mereka kerana itu undang-undang peperangan yang diguna pakai sekarang,"

kata Zaqhanus yang sememangnya masih berdendam dengan tentera Rom.

Apabila mendengar kata-kata itu, barulah mereka berasa takut. Malahan, ramai yang menangis memohon supaya dimaafkan. Patrick juga kelihatannya sedang berbincang dengan rakan-rakannya dan akhirnya Patrick menemui Sultan Muhammad Al-Fateh, lalu berkata, “Kami bersetuju Aya Sofia dijadikan tempat ibadat orang Islam. Kami tidak akan membantah lagi.”

Kemudian, Sultan Muhammad Al-Fateh membebaskan semua tawanan tersebut. Mereka pulang ke rumah masing-masing dengan gembira. Beliau juga berpesan kepada tenteranya supaya berkelakuan baik dan jangan menganianya penduduk Istanbul.

“Mari kita bersihkan gereja Aya Sofia kerana ia akan dijadikan masjid,” kata Sultan Muhammad Al-Fateh.

Mereka bergotong-royong membersihkan gereja Aya Sofia. Semua patung dan lambang salib yang terdapat di dalamnya diturunkan. Menjelang tengah hari, Aya Sofia sudah bertukar wajah daripada sebuah gereja kepada sebuah masjid. Ramai yang memuji tindakan Sultan Muhammad Al-Fateh menjadikan Aya Sofia sebuah masjid.

“Tuanku, ramai yang mahu mengerjakan sembahyang sunat di masjid ini tetapi kami tidak tahu arah kiblatnya,” kata Khalil Basya.

Sultan Muhammad Al-Fateh sendiri sejak dari tadi masih tercari-cari di mana arah kiblatnya. Beliau pun menemui

Syeikh Syamsudin Al-Wali, lalu bertanya cara bagi menentukan arah kiblat di Masjid Aya Sofia.

“Mohonlah petunjuk daripada Tuhan,” jawab Syeikh Syamsudin Al-Wali.

Sultan Muhammad Al-Fateh mengambil wuduk, lalu berdiri di tengah-tengah Masjid Aya Sofia itu. Kemudian, beliau pun mengangkat takbir. Pada takbir pertama, beliau ternampak arah kiblat melalui mata hatinya tetapi masih kurang jelas. Kemudian, beliau mengangkat takbir sekali lagi. Arah kiblat itu semakin jelas pada penglihatan mata hatinya dan beliau pun mengangkat takbir buat kali yang ketiga.

Ternyata arah kiblat itu benar-benar diperlihatkan kepadanya, lalu Sultan Muhammad Al-Fateh pun mengerjakan sembahyang dengan menghadap arah kiblat yang sebenar. Sejurus selepas itu, orang ramai pun mengerjakan sembahyang mengikut arah kiblat yang sama.

Apabila tibanya hari Jumaat, mereka pun bersedia mahu mengerjakan sembahyang Jumaat. Namun begitu, timbul pertanyaan siapa yang layak bagi menjadi imam. Sultan Muhammad Al-Fateh mencadangkan supaya gurunya Syeikh Syamsudin Al-Wali tetapi dia menolak secara baik dengan alasan dia sudah tua.

“Carilah orang yang lebih bertakwa antara kamu untuk dipilih menjadi imam,” cadang Syeikh Syamsudin Al-Wali.

Sultan Muhammad Al-Fateh keluar ke kawasan lapang di

hadapan masjid itu. Kemudian, beliau menyuruh semua tenteranya berdiri, lalu berkata, “Siapakah antara kamu yang pernah meninggalkan sembahyang fardu lima waktu? Sila duduk!”

Tidak ada seorang pun yang duduk menandakan kesemua tentera Sultan Muhammad Al-Fateh tidak pernah meninggalkan sembahyang fardu yang lima waktu. Kemudian, Sultan Muhammad Al-Fateh berseru lagi, “Siapakah antara kamu yang pernah meninggalkan sembahyang sunat rawatib? Sila duduk!”

Dengan itu, separuh daripada tenteranya pun duduk. Kemudian, Sultan Muhammad Al-Fateh bertanya lagi, “Siapakah antara kamu yang pernah meninggalkan sembahyang sunat tahajud? Sila duduk!”

Semua yang berdiri pun duduk melainkan seorang sahaja. Dia adalah Sultan Muhammad Al-Fateh sendiri. Semenjak mencapai umur akil baligh, beliau tidak pernah meninggalkan sembahyang lima waktu, sembahyang sunat rawatib dan sembahyang sunat tahajud.

“Tuanku yang paling layak menjadi imam,” kata Syeikh Syamsudin Al-Wali.

472 tahun kemudian atau pada tahun 1925. Pada pagi itu, orang ramai berkumpul di Masjid Aya Sofia kerana menunggu kedatangan Mustafa Kamal Ataturk. Mereka dipaksa keluar beramai-ramai bagi menunggu ketibaan Presiden Turki itu kerana ada satu pengumuman penting yang akan disampaikan. Menjelang tengah hari barulah Mustafa Kamal Ataturk tiba di situ dengan menunggang

kuda putih sama seperti kedatangan Sultan Muhammad Al-Fateh pada tahun 1453 dahulu. Hanya yang berbeza adalah Mustafa Kamal Ataturk memakai kot dan topi koboi berbanding Sultan Muhammad Al-Fateh yang datang dengan memakai jubah dan berserban. Mustafa Kamal Ataturk berasa bangga kerana orang ramai menyambut kedatangannya sambil berteriak, “Ataturk! Ataturk! Ataturk!”

Sambil tersenyum, Mustafa Kamal Ataturk berkata dengan suara yang agak kuat supaya didengar oleh mereka yang mengiringinya.

“Saya lihat orang ramai berpakaian serba baru dan berwarna-warni,” katanya.

“Benar tuan presiden. Mereka sedang berpesta kerana gembira menyambut kedatangan tuan,” kata Ishmet Inunu, pengiring yang paling hampir dengannya.

“Itu petanda mereka hidup mewah,” kata Mustafa Kamal Ataturk lagi.

“Benar tuan presiden. Sekarang rakyat Turki sudah mampu hidup mewah,” kata Ishmet Inunu lagi.

“Sudah terbukti tindakan saya menghapuskan Kementerian Wakaf adalah satu keputusan yang bijak. Mereka belajar berdikari dan tidak lagi mengharapkan bantuan,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Benar tuan,” ujar Ishmet Inunu.

Apabila sampai di halaman Masjid Aya Sofia, Mustafa Kamal Ataturk pun meminta supaya diberikan minuman

kerana berasa dahaga.

“Apakah tuan mahu minuman biasa ataupun arak?” tanya Ishmet Inunu secara berbisik.

“Adakah selama ini kamu pernah melihat saya minum minuman selain arak?” tanya Mustafa Kamal Ataturk dalam nada suara yang keras.

Beliau segera diberikan sebotol arak yang sudah menjadi minuman hariannya. Mustafa Kamal Ataturk mengangkat botol minuman itu sambil menunjukkannya kepada orang ramai, lalu beliau berkata, “Minuman ini juga diminum oleh sultan dan pembesar kamu sebelum saya tetapi mereka meminumnya secara bersembunyi. Saya pula mahu meminumnya secara terang-terangan.” Usai berkata-kata, beliau pun meneguk botol arak yang ada di tangannya.

Para penyokong di kelilingnya bertepuk tangan seolah-olah memuji keberanian Mustafa Kamal Ataturk meneguk arak di hadapan khalayak ramai kerana apa yang mereka lihat itu adalah tindakan yang tidak pernah dilakukan oleh pemerintah Turki sejak zaman dahulu. Kemudian, beliau meneruskan perjalanan hingga ke pintu Masjid Aya Sofia. Beliau turun dari kuda tunggangannya, lalu masuk ke dalam masjid tanpa membuka kasutnya.

“Tanggalkan dahulu kasut tuan kerana ini adalah tempat ibadat,” kata imam Masjid Aya Sofia.

“Adakah saya pernah mengeluarkan larangan itu?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Tuan tidak pernah melarangnya,” jawab Ishmet Inunu.

“Siapa yang berkuasa membuat larangan di sini? Saya ataupun orang tua ini?” tanya Mustafa Kamal Ataturk sambil menudungkan jarinya ke arah dada imam.

“Tuan presiden yang berkuasa,” jawab Ishmet Inunu.

Tanpa menghiraukan teguran imam dan tanpa rasa bersalah, Mustafa Kamal Ataturk masuk ke dalam masjid diikuti oleh para pengiringnya. Mereka juga tidak menanggalkan kasut masing-masing. Selepas berjalan-jalan di sekitar kawasan di dalam masjid, beliau pun keluar lalu berjalan pula di bahagian luar. Kemudian, beliau menghadap ke arah orang ramai, lalu berkata, “Bangunan ini dahulunya sebuah gereja. Kemudian, ditukar menjadi masjid. Sekarang, saya akan menukarnya menjadi muzium.”

Sejak itu, orang ramai dilarang mengerjakan sembahyang di Masjid Aya Sofia. Ukiran ayat-ayat al-Quran di dalam bangunan itu ditanggalkan dan digantikan dengan gambar-gambar lama. Sejak itu juga, tiada lagi kedengaran azan berkumandang dari Masjid Aya Sofia. Ramai yang membantah tetapi tidak berani bertindak.

Hari-Hari Terakhir Seorang Diktator

Seperti biasa sebelum menjelang waktu makan tengah hari, Mustafa Kamal Ataturk suka bermain biliard. Beliau akan bermain selama satu jam dan selepas itu barulah beliau menikmati hidangan tengah harinya. Antara pasangannya untuk bermain biliard adalah Ishmet Inunu, Kazhim Uzalib, Shafwat Arithan dan Nuri Jongkar. Pada tengah hari itu, Mustafa Kamal Ataturk mengajak Falih Rifqi menjadi pasangannya bermain biliard tetapi baru beberapa minit mereka bermain, Mustafa Kamal Ataturk kelihatan tercungap-cungap keletihan, lalu mengajak Falih Rifqi pergi ke dewan makan.

“Sejak kebelakangan ini, saya mudah berasa letih. Tidak seperti sebelum-sebelumnya, saya mampu bermain lebih dari satu jam tetapi sekarang tidak sampai sepuluh minit, saya sudah keletihan. Saya juga tidak mampu lagi menandingi kebolehan Ishmet Inunu, Kazhim Uzalib, Shafwat Arithan dan Nuri Jongkar bermain biliard. Saya

juga sudah tidak mampu bermain dengan kamu," kata Mustafa Kamal Ataturk ketika kedua-dua mereka sedang duduk di meja makan.

"Tuan seorang yang sentiasa sibuk dan kuat berkerja. Berkemungkinan, faktor-faktor itu yang menjadi penyebabnya," kata Falih Rifqi.

"Tidak mungkin kerana sejak akhir-akhir ini, saya sudah banyak berehat tetapi saya tetap juga mudah berasa letih. Saya juga mudah lupa. Doktor sudah memberikan saya pelbagai jenis ubat dan vitamin untuk dimakan tetapi tetap tidak berkesan," kata Mustafa Kamal Ataturk.

Itu adalah kali pertama Mustafa Kamal Ataturk mengadu masalahnya kepada seseorang. Selama ini, beliau tidak mahu menceritakannya kepada sesiapa pun termasuklah doktor peribadinya. Beliau hanya meminta supaya diberikan ubat penambah tenaga dan ubat menguatkan fikiran.

"Saya mencadangkan tuan pergi berehat di Ankara. Mungkin di sana nanti tuan dapat menenangkan fikiran serta berehat selama beberapa minggu. Malahan, tuan juga dapat berehat selama mana yang tuan mahu. Urusan negara serahkan sahaja kepada Ishmet Inunu," kata Falih Rifqi.

"Dia tidak ada kebolehan bagi memerintah negara. Saya akan pecat dia tidak lama lagi," kata Mustafa Kamal Ataturk.

Kata-katanya itu ternyata membuatkan Falih Rifqi

tersentak.

“Mengapakah dengan Ishmet Inunu? Bukankah dia pembantu kanan tuan presiden? Dia juga merangkap menteri kewangan,” kata Falih Rifqi.

“Bukankah kamu turut hadir ketika saya bertengkar dengannya beberapa hari yang lepas? Apa pendapat kamu berkaitan dengan dirinya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

Wajah Falih Rifqi tiba-tiba berubah menjadi pucat. Barulah dia sedar lelaki di hadapannya itu sudah jauh berubah. Beliau mudah keletihan dan daya ingatannya semakin lemah.

“Wahai tuan presiden, bukankah tuan yang mengarahkan saya supaya pergi ke London dan Paris? Pagi tadi baru saya kembali semula di Istanbul,” kata Falih Rifqi dengan nada suara yang simpati.

“Baru saya teringat yang kamu pergi ke Eropah kerana urusan negara. Laporan yang kamu bawa juga menjadi punca pertengkaran antara saya dengan Ishmet Inunu. Dia berani melarang saya menggunakan wang negara bagi membayar hutang membeli senjata kegunaan pasukan tentera,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Falih Rifqi tersenyum, lalu berkata. “Maaf tuan presiden. Boleh saya betulkan kesilapan itu? Kita perlu membayar hutang kerana membeli patung yang tuan tempah dari negara Eropah dan bukannya membayar hutang kerana membeli senjata angkatan tentera Turki.”

“Banyak sangatkah hutang kita menempah patung itu?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Jumlahnya lebih 10 juta lira kerana tuan membelinya dalam jumlah yang terlalu banyak. Berkemungkinan atas sebab itulah, Ishmet Inunu menasihatkan tuan supaya berhati-hati menggunakan wang negara kerana sekarang adalah zaman inflasi,” jawab Falih Rifqi.

“Bukankah pembelian patung itu juga ada kaitannya dengan urusan negara kita? Patung-patung itu menjadi lambang negara Turki. Mereka yang menentang pembeliannya sama seperti menentang negara kita. Saya berhak memecat bahkan memenjarakan sesiapa sahaja yang menderhaka,” marah Mustafa Kamal Ataturk.

Falih Rifqi terdiam kerana tidak berani lagi bersuara. Tambahan pula, dia faham benar dengan sikap Mustafa Kamal Ataturk yang pantang disanggah kata-katanya. Baginya, sesiapa yang berani menyanggah kata-katanya adalah penderhaka.

“Saya mahu kamu panggil Ishmet Inunu sekarang juga,” arah Mustafa Kamal Ataturk. Ketika itu beliau dan Falih Rifqi baru sahaja menjamah makanan.

“Tuan perintahkan saya memanggilnya sekarang?” tanya Falih Rifqi. Dia juga tidak berselera lagi menikmati makanan yang terhidang di hadapannya.

“Pergi sekarang juga. Kemudian, kamu boleh sambung semula menikmati makanan ini,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

Falih Rifqi segera memanggil Ishmet Inunu datang menemui Mustafa Kamal Ataturk. Kedatangannya disambut dingin. Mustafa Kamal Ataturk tidak me-mandang pun ke arah tetamunya tetapi menghadap ke arah laut sambil duduk menyilang kaki dan mencungkil sisa-sisa makanan yang terselit di celahan giginya.

“Tuan memanggil saya datang?” tanya Ishmet Inunu dengan sopan walaupun kedatangannya disambut dingin.

“Ada perkara penting yang mahu saya beritahu kepada kamu,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

“Apakah perkara itu tuan presiden?” tanya Ishmet Inunu lagi.

“Saya mahu kamu meletakkan jawatan sekarang juga,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

Ishmet Inunu kelihatan tersentak apabila mendengarnya. Falih Rifqi juga seperti tidak percaya dengan kata-kata yang keluar dari mulut Mustafa Kamal Ataturk.

“Apakah salah saya?” tanya Ishmet Inunu lagi.

“Keadaan inflasi di negara kita ini semakin teruk dan kamu tidak mampu mengatasinya. Oleh sebab itu, sewajarnya kamu meletakkan jawatan sebagai menteri kewangan,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

“Inflasi bukan sahaja berlaku di negara kita bahkan di seluruh dunia termasuklah negara-negara Eropah,” kata Ishmet Inunu yang cuba membela dirinya.

“Saya tidak mahu ambil peduli masalah negara lain. Yang penting negara ini, negara Turki yang kita cintai. Sebagai menteri kewangan, kamu bertanggungjawab dalam perkara ini. Oleh sebab kamu tidak mampu mengatasinya, saya arahkan kamu supaya meletakkan jawatan pada hari ini juga,” balas Mustafa Kamal Ataturk.

“Sebenarnya, tuan juga bertanggungjawab atas masalah inflasi yang sedang berlaku sekarang ini. Tuan tidak pernah mendengar nasihat saya yang berkaitan dengan kewangan negara. Tuan menggunakannya dengan sesuka hati...,” kata Ishmet Inunu dalam baris ayat yang tergantung.

“Diam!” tengking Mustafa Kamal Ataturk sambil tangannya menghentak meja.

Kemudian, katanya lagi, “Sebagai presiden negara ini, saya berkuasa melantik sesiapa sahaja menjadi menteri saya dan saya juga berkuasa bagi memecat sesiapa sahaja. Kamu pilih antara dua sama ada meletakkan jawatan secara baik dan terhormat ataupun kamu dipecat atas tuduhan yang berat.”

Ishmet Inunu terdiam. Dia sedar dirinya kini dalam bahaya. Sebagai Presiden Turki, Mustafa Kamal Ataturk memang berkuasa memecat dirinya sebagai menteri kewangan. Beliau juga boleh membuat pelbagai tuduhan liar kepada sesiapa sahaja yang tidak disukainya. Rakyat Turki percaya apa sahaja yang diperkatakannya.

“Baiklah tuan presiden. Saya akan melatakkan jawatan secara baik. Sekarang juga saya menulis surat perletakan jawatan,” kata Ishmet Inunu. Akhirnya, Ishmet Inunu

mengalah.

Dengan bantuan Falih Rifqi, surat perletakan jawatan itu siap ditaip dan ditandatangani oleh Ishmet Inunu, kemudian diserahkan kepada Mustafa Kamal Ataturk.

“Saya bukanlah orang yang tidak bertimbang rasa. Kamu akan dibayar pampasan oleh pihak Bank Negara. Esok kamu boleh pergi mengambilnya,” kata Mustafa Kamal Ataturk, lalu menyuruh Ishmet Inunu pulang ke rumahnya.

“Saya akan melantik kamu menggantikan tempatnya,” kata Mustafa Kamal Ataturk sambil memandang tepat ke arah muka Falih Rifqi.

“Wahai tuan presiden. Saya mengucapkan terima kasih atas kepercayaan yang tuan berikan kepada saya. Namun begitu, saya tidak mampu memikul tugas yang berat itu,” kata Falih Rifqi.

Dia tidak sanggup menerima pelantikan itu kerana tidak mustahil dirinya juga akan diperlakukan sepertimana Ishmet Inunu. Oleh sebab itu, dia cuba menolaknya.

“Kamu adalah manusia yang paling bodoh dan tidak berguna sekiranya menolak tawaran ini,” ugut Mustafa Kamal Ataturk.

Falih Rifqi terdiam. Pelbagai perkara bermain di fikirannya. Sebagai orang yang paling berkuasa di Turki, Mustafa Kamal Ataturk boleh melakukan apa sahaja kepada dirinya. Dirinya boleh dipenjara bahkan dihukum bunuh dengan pelbagai tuduhan yang boleh diada-adakannya. Selama ini

pun sudah ramai yang tidak bersalah termasuk para alim ulama yang diperlakukan sebegitu rupa. Mereka dituduh dengan pelbagai tuduhan yang boleh dikenakan hukuman mati.

“Baiklah tuan presiden. Saya menerima tawaran itu,” kata Falih Rifqi yang terpaksa juga mengalah demi menyelamatkan dirinya.

“Kamu boleh sambung semula menikmati makanan yang masih terhidang itu. Makanlah sepuas-puasnya,” kata Mustafa Kamal Ataturk sambil tersenyum.

“Saya sudah kenyang. Sekiranya tuan izinkan, saya mahu meminta diri untuk pulang ke rumah,” kata Falih Rifqi pula.

“Kamu boleh pulang ke rumah bagi memberitahu isteri dan anak-anak kamu perihal pelantikan ini. Mereka pasti gembira apabila mendengarnya,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Apabila tiba sahaja di rumah, Falih Rifqi pun memberitahu perkara itu kepada isteri dan anak-anaknya. Mereka kelihatan sungguh gembira apabila mendengarnya terutama sekali isterinya.

“Ibu kini sudah menjadi isteri kepada menteri kewangan Turki dan kamu pula anak-anak kepadanya,” kata Inani, iaitu isteri kepada Falih Rifqi.

“Orang ramai akan memandang kita dengan lebih hormat. Kami pergi ke sekolah pasti menaiki kereta yang lebih besar,” kata Azmet, anak mereka yang bongsu.

“Janganlah kamu terlalu gembira, bimbang nanti berakhir dengan tangisan,” kata Falih Rifqi. Tiba-tiba, wajah anaknya itu berubah.

“Berakhir dengan tangisan? Apakah maksud ayah?” tanya Azmet pula.

“Adakah kamu tidak tahu apa yang sudah terjadi kepada Ismi, Dr. Rasyid Ghalib dan Ishmet Inunu? Mereka menerima nasib yang malang selepas berkhidmat dengan Mustafa Kamal Ataturk. Saya bimbang menerima nasib yang sama seperti mereka,” jawab Falih Rifqi.

“Kamu seorang yang bijak dan kuat semangat. Kamu pasti dapat menyesuaikan diri dengan Presiden Turki itu. Ikut sahaja segala kemahuannya, kamu pasti selamat,” kata Inani.

“Mustafa Kamal Ataturk kini bukan seperti Mustafa Kamal Ataturk yang dahulu. Beliau sudah banyak berubah. Ingatannya juga sudah tidak kuat seperti dahulu lagi. Dia sering menjadi orang yang pelupa. Emosinya juga sering berubah-ubah sehingga dia sendiri tidak mampu mengawalnya. Dia juga menjadi lebih sensitif dan emosi,” kata Falih Rifqi.

“Petanda saat kematiannya ternyata sudah semakin hampir. Abang berusahalah mencari peluang bagi menggantikannya,” kata Inani pula.

“Saya tidak berminat menjadi presiden. Tambahan pula, saya sudah lanjut usia. Dalam keadaan begini, sebaik-baiknya saya duduk berehat di rumah sahaja,” kata Falih

Rifqi pula. Kemudian, dia bersiap untuk tidur kerana berasa letih.

Sejak itu, Falih Rifqi menjadi orang yang paling rapat dengan Mustafa Kamal Ataturk. Malahan, kedua-dua mereka seperti tidak boleh berjauhan.

Tengah hari itu, Falih Rifqi meninggalkan Mustafa Kamal Ataturk yang sedang duduk berehat di dalam pejabatnya. Dia yang berasa keletihan kerana melayan perangai tuannya itu mahu berehat sebentar di ruang tamu. Baru sahaja dia mahu berehat, tiba-tiba seorang pengawal presiden datang kepadanya.

“Tuan presiden memanggil tuan sekarang juga,” kata pengawal itu. Falih Rifqi segera pergi mendapatlkannya.

“Ke mana kamu pergi? Sejak pagi tadi, saya tidak nampak muka kamu,” marah Mustafa Kamal Ataturk.

“Bukankah sejak jam lapan pagi tadi saya bersama tuan? Saya hanya mahu berehat seketika di ruang tamu,” jawab Falih Rifqi.

“Saya mahu kamu berada di dalam bilik ini. Berehat sahaja di sini,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Ternyata keadaannya semakin membimbangkan kerana beliau tidak boleh ditinggalkan bersendirian. Beliau mahu Falih Rifqi sentiasa berada di sisinya.

“Tuan mempunyai beberapa orang pengawal keselamatan. Saya mahu mencadangkan supaya tuan mengarahkan salah seorang daripada mereka sentiasa berada di dalam

bilik ini secara bergilir-gilir. Dengan itu, tuan tidak akan berasa keseorangan," kata Falih Rifqi.

Namun begitu, cadangannya itu dibantah oleh Mustafa Kamal Ataturk dengan berkata, "Saya tidak percaya kepada sesiapa pun terutama sekali kepada mereka yang memegang senjata. Saya hanya percaya kepada kamu."

Falih Rifqi merasakan beban kerjanya semakin bertambah serta menyulitkan. Sebagai menteri kewangan, dia bertanggungjawab kepada sumber pendapatan serta perbelanjaan negara. Dalam masa yang sama, dia terpaksa berada di sisi presiden serta melayan kerenahnya.

"Ada darah keluar dari hidung tuan," beritahu Falih Rifqi ketika mereka sedang menikmati hidangan makan tengah hari.

Mustafa Kamal Ataturk segera memegang hidungnya dan melihat darah yang melekat pada jari-jemarinya. Beliau kelihatan terkejut, lantas menyuruh Falih Rifqi memanggil doktor peribadinya.

"Darah seperti ini memang sering keluar dari hidung seseorang yang kuat berkerja. Tuan presiden kita seorang yang paling kuat bekerja kerana itu darah ini keluar. Namun begitu jangan bimbang, darah itu akan berhenti tidak lama lagi," kata doktor peribadinya.

Mustafa Kamal Ataturk berasa semakin bimbang apabila darah sering keluar dari hidungnya. Namun begitu, doktor sering memberitahu presiden itu supaya jangan bimbang

kerana dia dapat menghentikan darah itu.

“Sekiranya darah terus keluar dari hidung saya, pasti darah saya akan kering dan saya akan mati. Saya belum mahu mati. Buatlah sesuatu supaya darah tidak keluar lagi,” kata Mustafa Kamal Ataturk kepada doktor peribadinya.

“Jangan bimbang tuan kerana darah yang keluar sedikit sahaja. Ia akan berhenti dengan segera. Saya juga akan berikan tuan ubat bagi menambah darah,” pujuk doktor peribadinya.

“Sekiranya darah keluar lagi dari hidung saya, kamu akan digantikan dengan doktor lain,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Kata-katanya itu ternyata perlu dikotakannya kerana darah masih juga keluar dari hidungnya. Apabila doktor baru yang datang, keadaan menjadi semakin sulit. Hidung Mustafa Kamal Ataturk masih sering mengeluarkan darah. Akhirnya, beliau membiarkan sahaja masalah itu. Darah yang keluar dari hidungnya, dibiarkan sahaja sehingga menitik pada bajunya.

“Bagaimanakah tidur kamu malam tadi? Adakah nyenyak sehingga ke pagi?” tanya Mustafa Kamal Ataturk sebaik sahaja Falih Rifqi datang berjumpa dengannya.

“Malam tadi adalah malam yang paling nyenyak saya tidur. Begitu juga dengan isteri saya. Kami terjaga apabila matahari hampir terbit,” jawab Falih Rifqi sambil tersenyum.

Jawapan itu ternyata tidak menggembirakan hati Mustafa

Kamal Ataturk kerana sudah beberapa malam dia tidak dapat tidur. Matanya tidak mahu terlena walaupun pada ketika keadaan di dalam istana kediamannya itu sudah sunyi sepi. Beliau juga sudah lama tidak tidur bersama isterinya. Nikmat tidur dan nikmat bersama isteri sudah hilang daripada kehidupannya.

“Pada pendapat kamu, mengapakah seseorang itu sukar untuk tidur?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Adakah tuan presiden mengalami masalah sukar untuk tidur?” tanya Falih Rifqi pula.

“Saya tidak ada masalah untuk tidur nyenyak. Saya hanya mahu bertanyakan pendapat kamu. Itu sahaja,” kata Mustafa Kamal Ataturk. Ternyata, beliau enggan orang lain tahu masalahnya melainkan doktor peribadinya.

“Antara sebabnya mungkin disebabkan faktor usia. Apabila usia semakin meningkat, biasanya seseorang itu mungkin mengalami masalah sukar untuk tidur. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan terlalu banyak perkara yang mahu difikirkan. Tambahan pula, sekiranya seseorang itu adalah pemimpin ataupun pembesar negara. Mereka perlu sentiasa memikirkan masalah rakyat dan negara sehingga tidak dapat melelapkan mata,” kata Falih Rifqi.

Dia sengaja memberikan kata-kata yang menyenangkan hati Mustafa Kamal Ataturk sedangkan dia tahu Presiden Turki itu sedang mengalami pelbagai masalah termasuklah sukar untuk tidur. Perkara itu diberitahu sendiri oleh doktor peribadinya.

“Saya bersetuju dengan pendapat kamu itu. Saya sendiri sesekali sukar mahu melelapkan mata kerana memikirkan masalah rakyat dan negara,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Tuan presiden perlu banyak berehat,” nasihat Falih Rifqi sambil tersenyum.

“Baiklah, sekarang saya mahu berehat. Jangan ganggu saya,” kata Mustafa Kamal Ataturk, lalu masuk ke dalam bilik tidurnya.

Apabila masuk sahaja ke dalam bilik tidurnya, Mustafa Kamal Ataturk terus sahaja membuka seluarnya kerana beliau terasa gatal di celah pahanya. Beliau terus menggaru-garu tetapi semakin digaru terasa semakin gatal pula. Beliau segera memakai seluarnya semula, lalu keluar dari bilik tidurnya. Dilihatnya Falih Rifqi sudah tidak ada di situ.

“Pengawal!” jerit Mustafa Kamal Ataturk.

Dua orang pengawal yang sememangnya ditugaskan menjaga presiden itu siang dan malam segara bergilir-gilir segera datang menurut arahan.

“Ke manakah perginya Falih Rifqi?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Dia sedang berehat di dalam bilik tetamu,” jawab pengawal itu.

“Panggil dia datang sekarang juga!” arah Mustafa Kamal Ataturk.

Kedua-dua pengawal itu pun segera memanggil Falih Rifqi. Sebaik sahaja dia datang, Mustafa Kamal Ataturk pun lantas memarahinya.

“Bukankah saya sudah berpesan kepada kamu tadi? Jangan pergi ke mana-mana kerana saya masuk ke dalam bilik sebentar sahaja,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Bukankah tuan mengatakan mahu berehat dan tidak mahu diganggu? Oleh sebab itulah saya pergi berehat di dalam bilik tetamu,” balas Falih Rifqi.

“Tidak pernah saya berkata sebegitu. Kamu memang sengaja mahu membuat saya marah,” bentak Mustafa Kamal Ataturk.

Falih Rifqi tidak mahu menjawab lagi. Tahulah dia yang ingatan Presiden Turki itu semakin lemah.

“Adakah tuan presiden memerlukan apa-apa bantuan daripada saya?” tanya Falih Rifqi.

“Panggil Richard sekarang juga,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

Richard adalah ketua doktor peribadinya yang kesemuanya berjumlah tiga orang. Mereka pakar dalam bidang masing-masing. Falih Rifqi segera menelefon doktor itu dan menyuruhnya datang dengan segera.

“Ada penghuni istana ini yang mengadu kepada saya dia mengalami masalah gatal-gatal kulit. Apakah puncanya?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Antara puncanya mungkin disebabkan perubahan cuaca, makanan yang tidak sesuai dan hama,” jawab Dr. Richard.

“Segera dapatkan ubatnya supaya saya boleh berikan kepadanya,” gesa Mustafa Kamal Ataturk.

“Sebaik-baiknya, biar saya periksa terlebih dahulu pesakit itu supaya dapat diberikan ubat yang sesuai,” kata Dr. Richard.

“Dia pasti berasa malu kerana bahagian kulitnya yang mengalami masalah gatal-gatal itu adalah pada bahagian celah pahanya,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya begitu, nanti saya bawakan ubat sapu. Cara penggunaanya mudah sahaja, iaitu sapu pada bahagian kulit yang gatal sebanyak tiga kali sehari, iaitu pada waktu pagi, tengah hari dan malam sebelum tidur,” kata Dr. Richard.

“Pergi cepat ambil ubat itu dan bawa segera ke sini,” arah Mustafa Kamal Ataturk yang perlu segera dipatuhi. Tidak berapa lama kemudian, ubat itu pun diberikan kepada Mustafa Kamal Ataturk. Beliau segera membawa ubat itu ke dalam biliknya, lalu menyapu di celah pahanya.

“Siapakah sebenarnya yang mengalami masalah gatal-gatal? Presiden ataupun orang lain?” tanya Dr. Richard dengan wajah yang hairan.

“Saya pun tidak tahu. Mungkin dia yang terkena penyakit gatal-gatal tetapi malu mahu beritahu kepada kita,” jawab Falih Rifqi dengan suara berbisik.

Kemudian, mereka berdua menutup mulut masing-masing menahan ketawa kerana bimbang didengari oleh Mustafa Kamal Ataturk.

Penyakit gatal yang dialami Mustafa Kamal Ataturk semakin serius. Pada mulanya ia hanya menyerang pada bahagian celah pahanya tetapi semakin lama semakin merebak sehingga ke seluruh tubuh badannya menyebabkan badannya terasa gatal yang tidak terkata. Akhirnya, beliau terpaksa mengalah juga, lalu memberitahu masalahnya itu kepada Dr. Richard. Pelbagai jenis ubat digunakan bagi menyembuhkan penyakit gatal-gatal Presiden Turki itu tetapi masih gagal menyembuhkannya.

“Agak-agaknya, di dalam istana ini penuh dengan hama. Saya mahu di dalam kawasan istana ini disembur dengan ubat pembunuh hama dengan segera,” arah Mustafa Kamal Ataturk.

Arahan itu segera dipatuhi. Setiausaha sulit presiden menulis sepucuk surat kepada menteri kesihatan yang kandungannya berbunyi, “Kemungkinan di dalam kediaman Presiden ada hama, semut merah ataupun apa-apa sahaja yang menyebabkan tubuh Mustafa Kamal Ataturk terasa gatal sehingga ke mukanya.”

Selepas membaca surat itu, menteri kesihatan segera mengarahkan pegawai dan pekerjanya supaya membuat persiapan bagi membersihkan istana presiden. Semua penghuni istana disuruh keluar supaya kerja-kerja menyembur bahagian dalam dan luar kediaman itu dapat dijalankan dengan sempurna.

Selesai kerja-kerja itu dijalankan, menteri kesihatan pun membalas surat yang dihantar setiausaha sulit presiden yang berbunyi, “Beberapa orang pakar yang kami hantar ke istana presiden sudah pun membuat pemeriksaan dan mereka mengesahkan sememangnya terdapat hama dan semut merah di dalam Istana Dulamah. Kami sudah menjalankan kerja-kerja pembasmian dengan membuat semburan di seluruh bahagian istana baik di bahagian dalam mahupun luar istana dan kami mengesahkan bahawa istana itu sudah selamat.”

Namun begitu, penyakit gatal-gatal yang merebak di seluruh bahagian badan Mustafa Kamal Ataturk tidak juga sembuh bahkan menjadi semakin teruk. Mustafa Kamal Ataturk akhirnya meminta bantuan daripada angkatan tentera laut Turki bagi mengatasi masalah tersebut. Kapal perang Yawuz berlabuh di hadapan istana presiden. Pasukan khusus itu mendarat di pantai bagi membantu usaha membasmi hama dan semut merah yang dipercayai masih terdapat di istana presiden. Namun begitu, usaha yang sudah dilakukan masih tidak berjaya. Penyakit gatal-gatal yang merebak di seluruh anggota badan Mustafa Kamal Ataturk semakin serius. Dalam masa yang sama, darah keluar dari hidungnya tanpa henti. Puas diubati tetapi darah itu tetap keluar juga.

Berita yang melaporkan perihal penyakit yang dihidapi Presiden Turki itu sampai ke pengetahuan Dr. Nahad Rasyad Balkar yang ditugaskan menjaga sumber air mineral di Yalwa. Dia mempelawa Mustafa Kamal Ataturk datang ke Yalwa supaya dapat memanfaatkan sumber air mineral yang terdapat di situ dan beliau pun bersetuju.

Ketika berada di Yalwa, Mustafa Kamal Ataturk mandi dengan menggunakan air mineral bahkan pakaiannya juga dibasuh dengan menggunakan air mineral. Ironinya, penyakit gatal-gatalnya masih juga tidak sembuh.

“Tuan presiden, benarkan saya memeriksa tubuh badan tuan,” kata Dr. Nahad Rasyad Balkar.

“Setiap hari, tiga orang doktor pakar memeriksa tubuh saya ini dengan teliti. Mereka tidak menemui apa-apa penyakit pada diri saya yang gagah ini,” kata Mustafa Kamal Ataturk yang ternyata masih tebal dengan rasa angkuh.

“Saya bukan doktor pakar tetapi saya pernah belajar perihal penyakit berjangkit semasa belajar di universiti dahulu,” kata Dr. Nahad Rasyad Balkar.

“Adakah kamu fikir penyakit saya ini akan berjangkit kepada kamu?” tanya Musatafa Kamal Ataturk.

“Maksud saya adalah penyakit yang dibawa oleh angin, kutu, hama ataupun semut merah. Itu yang saya namakan sebagai penyakit berjangkit,” jawab Dr. Nahad Rasyad Balkar.

“Sekiranya bukan kerana saya berada di tempat kamu ini, pasti saya tidak akan izinkan,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Tuan presiden tidak rugi apa-apa sekiranya membenarkan saya memeriksa tubuh badan tuan,” kata Dr. Nahad Rasyad Balkar.

“Kamu adalah doktor pertama yang dapat menyentuh tubuh badan saya,” kata Mustafa Kamal Ataturk apabila Dr.

Nahad Rasyad Balkar mula memeriksa tubuh badannya.

“Adakah para doktor pakar yang ditugaskan menjaga tuan tidak pernah memeriksanya?” tanya Dr. Nahad Rasyad Balkar.

“Mereka bukan doktor pakar. Kamu adalah doktor pakar yang sebenarnya,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

Apabila mendengar pujian itu, semakin bersemangat Dr. Nahad Rasyad Balkar mahu memeriksa pesakitnya. Seluruh tubuh Mustafa Kamal Ataturk diperiksanya dengan teliti. Akhirnya, dia berjaya mengesan punca penyakit kulit yang dideritai Presiden Turki itu. Namun begitu, dia berasa bimbang bagi memaklumkan hasil pemeriksaannya kepada pesakitnya itu.

“Adakah kamu sudah dapat mengesan sebab-sebab penyakit gatal-gatal saya ini?” tanya Mustafa Kamal Ataturk seolah-olah tidak sabar lagi mahu mengetahuinya.

“Sudah tuan presiden. Harapan saya supaya tuan tidak terkejut dengan hasil pemeriksaan saya ini,” jawab Dr. Nahad Rasyad Balkar dengan nada suara yang lunak.

“Beritahu segera apakah puncanya,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Ia berpunca daripada makanan dan minuman tuan,” kata Dr. Nahad Rasyad Balkar.

“Adakah kamu benar-benar yakin?” tanya Mustafa Kamal Ataturk lagi.

“Saya benar-benar yakin tuan. Disebabkan makanan dan minuman yang berlebihan menyebabkan tuan menghidap penyakit *lever cyruz* atau bengkak di dalam perut dan hati. Penyakit itulah yang sebenarnya menyebabkan rasa gatal,” jawab Dr. Nahad Rasyad Balkar.

“Apa yang kamu katakan sebentar tadi adalah sesuatu yang paling lucu dan menakutkan kerana selama ini mereka mengatakan penyakit saya ini berpunca daripada hama dan semut merah. Bolehkah kamu buktikan kata-kata kamu itu?” kata Mustafa Kamal Ataturk. Wajahnya juga kelihatan serius.

“Penyakit *lever cyruz* atau disebut juga sebagai hepatitis adalah penyakit yang berpunca daripada keradangan ataupun kerosakan pada sel-sel di jaringan hati. Gejala awal penyakit itu adalah apabila berlakunya perubahan warna kulit, telapak tangan, kuku dan mata menjadi berwarna kuning. Gejala lain adalah perut menjadi kembung dan sering berasa mual, lemas dan sering mengantuk. Tenyata, kesemua gejala itu ada pada tuan,” jelas Dr. Nahad Rasyad Balkar.

Buat pertama kalinya Mustafa Kamal Ataturk berasa takut. Wajahnya yang pucat semakin bertambah pucat.

“Adakah penyakit saya ini masih boleh diubati?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya dapat dikesan dari awal masih dapat diubati tetapi sekiranya sudah lama dan serius agak sukar diubati. Namun begitu, tuan jangan berputus asa. Di hospital di negara kita ini, banyak ubat dan vitamin yang boleh

membantu menyembuhkannya," jawab Dr. Nahad Rasyad Balkar.

Walaupun berdasarkan pemeriksaannya penyakit hepatitis yang dihadapi Mustafa Kamal Ataturk sudah serius tetapi dia sedaya upaya tidak mahu menimbulkan rasa cemas dalam hati pesakitnya itu. Dia sengaja mengucapkan kata-kata penuh harapan. Dia berasa kesal kerana empat orang doktor pakar yang ditugaskan menjaga Mustafa kamal Ataturk siang dan malam tidak dapat mengesan penyakit itu sejak dari awal.

"Dr. Nahad Rasyad Balkar bukan seorang doktor pakar. Dia hanya mahir dalam ilmu air minuman. Oleh sebab itulah dia hanya diberikan tugas menjaga sumber air mineral di Yalwa," kata Dr. Richard yang berasa malu dan tercabar dengan penemuan itu. Dia juga berasa malu apabila dikatakan penyakit yang dihidapi Presiden Turki itu sudah berlarutan sejak lebih dari setahun lamanya.

"Kami sudah mengarahkan Prof. Dr. Nasy'at Umar Ardalib yang berada di Universiti Ankara supaya datang ke sini bagi membuat pemeriksaan ke atas presiden. Kita sama-sama dengar apa katanya nanti," kata menteri kesihatan pula yang juga terkejut dengan laporan perubatan Dr. Nahad Rasyad Balkar itu.

Keadaan menjadi semakin cemas dan kelam-kabut apabila Prof. Dr. Nasy'at Umar Ardalib mengesahkan bahawa Mustafa Kamak Ataturk sememangnya menghidap penyakit *lever cyruz* yang sudah berada pada tahap kritikal. Dr. Richard dipecat, lalu tempatnya digantikan oleh Prof.

Dr. Nasy'at Umar Ardalib. Presiden Turki itu dihantar ke sebuah hospital tentera serta diberikan rawatan rapi. Tidak berapa lama kemudian, Mustafa Kamal Ataturk berasa semakin sihat dan bertenaga semula.

"Saya bosan dengan tempat ini. Saya mahu berehat di Bursha," kata Mustafa Kamal Ataturk.

Permintannya itu segera dipenuhi. Beliau ditempatkan di Hotel Jalak Balas, iaitu sebuah hotel yang paling mewah di Bursha. Untuk keselesaannya, pihak hotel tidak membenarkan orang awam menginap di hotel tersebut. Hanya Mustafa Kamal Ataturk, para doktor dan pembantunya yang dibenarkan.

"Tuan perlu menahan diri daripada meneguk minuman keras kerana ia akan memudaratkan diri tuan," beritahu Prof. Dr. Nasy'at Umar Ardalib apabila melihat keadaan Mustafa Kamal Ataturk yang kembali semula dengan perangainya yang ketagih arak.

"Minuman ini sudah menjadi darah daging saya menyebabkan saya sukar menghindarinya," kata Mustafa Kamal Ataturk pula yang langsung tidak mengendahkan nasihat tersebut. Beliau terus sahaja meneguk arak sehingga mabuk.

"Tuan presiden, malam esok kami akan mengadakan majlis makan malam. Dengan segala hormatnya, kami menjemput tuan presiden datang," kata Resep Adidi, iaitu Pengurus Perusahaan Marinus.

"Alangkah baiknya sekiranya majlis itu juga ada pesta tari-

menari," kata Mustafa Kamal Ataturk pula.

"Sekiranya itu permintaan tuan presiden, kami boleh mengadakannya. Kami akan menjemput kumpulan penari tanah air yang terkenal dan beberapa orang penyanyi popular yang pastinya dapat menghiburkan hati tuan," kata Resep Adidi yang berasa gembira sekiranya Mustafa Kamal Ataturk sudi hadir.

Atas permintaan Mustafa Kamal Ataturk, majlis makan malam itu pun dimeriahkan lagi dengan pesta nyanyian dan tari-menari. Semua pembesar negara dijemput hadir dan pada malam itu, beliau memakai pakaian yang paling cantik dan bergaya. Namun begitu, beliau sudah tidak lincah seperti biasa. Pergerakannya perlahan bahkan bibirnya juga seolah-olah sudah tidak mampu lagi mengukir senyuman.

Namun begitu, pada malam itu beliau tetap menunjukkan kehebatannya dengan menari tarian tradisional dan tarian Barat. Beliau menjadi lebih bersemangat apabila orang ramai memberikan tepukan yang paling gemuruh setiap kali beliau menari. Beliau terus menari hingga menjelang terbit fajar.

"Saya sudah keletihan, mari kita pulang ke hotel," kata Mustafa Kamal Ataturk.

Beliau kelihatan tidak lagi bermaya. Namun begitu, ramai yang menyangka beliau berada dalam keadaan mabuk kerana terlalu banyak meneguk arak. Para pembantunya terpaksa memapah Mustafa Kamal Ataturk meninggalkan dewan itu untuk masuk ke dalam kereta.

“Adakah kita sedang menaiki kereta?” tiba-tiba Mustafa Kamal Ataturk bertanya.

“Benar tuan, kita berada di dalam kereta rasmi negara,” jawab pemandu.

“Saya rasa seperti mahu menaiki kereta kuda. Jangan pandu dengan terlalu laju,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Tidak berapa lama kemudian, beliau mengadu mengalami rasa sejuk sehingga tubuhnya menggigil. Para pembantunya berusaha memanaskan badannya dengan menyelimutkan tubuhnya dengan menggunakan kain tebal. Walaupun matahari sudah terbit dari ufuk timur, Mustafa Kamal Ataturk masih juga menggigil kesejukan. Selepas puas dipujuk, beliau bersetuju diberikan ubat penenang dan kemudiannya tidur lena selama beberapa jam. Apabila tersedar, beliau mengadu kepanasan pula.

“Adakah sekarang ini musim panas?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Benar tuan, sekarang ini musim panas,” jawab Falih Rifqi yang sentiasa menemaninya.

“Patutlah saya berasa terlalu panas. Sejukkan tubuh saya ini,” rayu Mustafa Kamal Ataturk.

Falih Rifqi menyuruh beberapa orang wanita pembantu istana supaya mengipas tubuh Mustafa Kamal Ataturk tetapi beliau masih berasa panas.

“Siram tubuh saya dengan air,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Apabila tubuhnya disiram dengan air, barulah beliau berasa sejuk. Mereka pun bergilir-gilir menyiraminya dengan air sehingga beliau tertidur. Apabila beliau tiba-tiba terjaga, beliau meminta supaya tubuhnya disiram dengan air lagi. Anehnya, pada waktu malam pun beliau masih mahu tubuhnya disiram dengan air.

Beberapa hari kemudian, Mustafa Kamal Ataturk merasakan air tidak dapat lagi menyejukkan tubuhnya. Beliau mengadu rasa panas itu datangnya dari dalam tubuhnya.

“Sekiranya sekarang ini musim salji, saya mahu tubuh saya ini diselaputi dengan salji,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Kami boleh letakkan ketulan air batu pada badan tuan,” kata Falih Rifqi.

Mustafa Kamal Ataturk bersetuju dengan cadangan itu. Ketulan air batu pun diletakkan pada tubuhnya tetapi dia masih berasa panas.

“Tuan perlu berada di tengah-tengah laut. Udaranya yang segar itu pasti dapat menyembuhkan penyakit tuan,” kata Ishmet Inunu yang datang menziarahinya.

“Itu juga yang sedang saya fikirkan. Bawalah saya segera ke tengah-tengah laut,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Menteri kewangan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan negara bagi membeli sebuah kapal layar mewah bernama Safaruna. Kapal siaran mewah itu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk klinik, restoran, kelab

malam dan dewan tari-menari.

Mustafa Kamal Ataturk menghabiskan masa berehat di atas kapal itu yang berlabuh di tengah Laut Marmara. Namun begitu, usaha itu tidak dapat mengurangkan kepanasan yang dirasainya. Apabila tidak tertahan lagi dengan rasa panas yang dialaminya, Mustafa Kamal Ataturk memekik-mekik dengan sekuat hatinya. Pada masa yang sama, darah sering keluar dari hidungnya. Kulitnya pula semakin bersisik dan mengelupas kerana sering digaru tetapi apa yang lebih mengaibkan adalah perutnya semakin membesar. Beliau sedaya upaya cuba melindunginya dengan memakai baju yang besar dan labuh.

Apabila duduk seorang diri di dalam biliknya, Mustafa Kamal Ataturk lebih senang berbogel kerana dirasakannya terlalu panas dan mudah menggaru tubuhnya yang gatal. Ketika beliau sedang menghadap cermin, tiba-tiba Dr. Nahad Rasyad Balkar masuk ke dalam biliknya. Dilihatnya Mustafa Kamal Ataturk sedang berdiri menghadap cermin besar. Perutnya kelihatan membusung. Menyedari Dr. Nahad Rasyad Balkar sudah berada di dalam biliknya, Mustafa Kamal Ataturk terus sahaja menghadap ke arahnya walaupun dalam keadaan berbogel. Tanpa berasa malu, beliau pun berkata, “Mereka mengatakan yang saya sudah gemuk dan saya sendiri mengakuinya tetapi gemuk saya ini bukanlah petanda yang saya sihat tetapi petanda berpenyakit. Apakah pula pendapat kamu tuan doktor?” tanya Mustafa Kamal Ataturk.

“Boleh saya periksa tubuh tuan?” tanya Dr. Nahad Rasyad

Balkar pula.

“Silakan,” jawab Mustafa Kamal Ataturk sambil berbaring di atas lantai.

Dr. Nahad Rasyad Balkar memeriksanya dengan teliti. Didapatinya perut Mustafa Kamal Ataturk penuh dengan cecair. Kedua-dua tapak kakinya pula membengkak.

“Bilakah kali terakhir tuan presiden pergi ke tandas?” tanya Dr. Nahad Rasyad Balkar.

“Saya sendiri tidak dapat mengingatinya dengan tepat. Namun begitu, saya akui yang saya mengalami masalah bagi membuang air kecil dan juga air besar. Saya kuat makan dan minum tetapi saya berasa sukar mahu membuang air. Oleh sebab itu perut saya membengkak. Saya sudah melihatnya di hadapan cermin sebentar tadi,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya cecair itu dapat dikeluarkan, tuan pasti berasa lega,” cadang Dr. Nahad Rashad Balkar.

“Sekiranya begitu, lakukan segera,” arah Mustafa Kamal Ataturk.

Beberapa orang doktor pakar dipanggil bagi mengeluarkan cecair dari dalam perut Mustafa Kamal Ataturk. Usaha itu berjaya dilakukan.

“Sekarang baru saya berasa lega,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Apabila berasa sudah sihat, beliau pun kembali semula

meneguk arak dan menari dengan beberapa orang penari yang dijemput hadir bagi menari di atas kapal layar mewah itu. Akibat aktivitinya yang kurang sihat itu menyebabkan perutnya kembali semula membusung bahkan lebih besar lagi sehinggakan beliau tidak berdaya berdiri.

“Saya mahu kamu keluarkan cecair dari dalam perut saya ini dengan segera kerana tidak tertanggung lagi rasa sakitnya,” arah Mustafa Kamal Ataturk kepada para doktor yang dipanggil datang.

“Sekarang sudah waktu tengah malam dan lebih elok sekiranya kami lakukan pada waktu siang,” kata para doktor tersebut.

“Saya mahu cecair di dalam perut saya ini dikeluarkan semuanya pada malam ini juga,” arah Mustafa Kamal Atatur.

Tuan akan berasa sakit tetapi buat sementara waktu sahaja. Selepas cecair itu dikeluarkan, tuan akan kembali pulih seperti sediakala,” kata doktor tersebut.

“Saya sanggup menahannya. Lakukan segera,” arah Mustafa Kamal Ataturk.

Para doktor bertungkus lumus mengeluarkan cecair dari dalam perut tuan presiden. Usaha itu berjaya dilakukan dengan selamat. Keesokan harinya, Mustafa Kamal Ataturk berkata, “Malam tadi saya benar-benar rasa sakit tetapi pagi ini saya rasa sudah berubah. Benar-benar saya sudah berubah,” katanya.

Mustafa Kamal Ataturk sememangnya seorang yang keras hati dan degil. Beliau seolah-olah tidak takut dengan kematian yang semakin menghampirinya. Tanpa menghiraukan nasihat doktor, beliau kembali semula meneguk arak dan bersuka ria dengan wanita-wanita yang berkenan di hatinya.

Penyakit busung perut yang dihidapinya dapat dikurangkan kesakitannya dengan mengeluarkan cecair dari dalam perutnya. Namun begitu, penyakit kepanasan yang dideritainya tidak ada ubatnya. Walaupun dihembus angin laut dan disirami air serta diletakkan ketulan ais pada badannya tetapi rasa panas itu tidak juga hilang.

Pada suatu ketika, beliau berasa begitu panas sehingga menyebabkan beliau mahu terjun ke dalam laut tetapi mujurlah tindakan nekadnya itu dapat dihalang pengawal yang bertugas mengawalnya siang dan malam.

“Saya mahu berendam di dalam laut! Campakkan diri saya ke dalam laut!” teriak Mustafa Kamal Ataturk.

Para pembantunya pun membuat sebuah sangkar di dalam air yang boleh dijadikan sebagai tempat Mustafa Kamal Ataturk berendam di dalam air laut. Ironinya, kepanasan yang dirasakannya itu tidak juga hilang. Beliau pun meminta supaya dinaikkan semula untuk kembali semula ke kapal layarnya.

“Saya yakin ajal saya sudah semakin hampir. Apabila saya mati, penderitaan ini pasti berakhir,” kata Mustafa Kamal Ataturk. Akhirnya, barulah beliau mengalah dengan penderitaan yang dialaminya.

Apabila menyedari yang ajalnya semakin hampir, Mustafa Kamal Ataturk mengambil kesempatan bagi menulis surat wasiat. Oleh sebab beliau sendiri sudah memansuhkan undang-undang Islam yang digantikan dengan perundangan Barat menyebabkan semua hartanya tidak boleh diwarisi kepada orang lain. Tambahan pula, beliau sendiri tidak mempunyai zuriat keturunan.

Walau bagaimanapun, sebagai tanda prihatin serta tanggungjawab kepada keluarga, beliau memerintahkan kerajaan supaya memberikan elaun sebanyak 1000 lira setiap bulan kepada kakak perempuannya, iaitu Makbulla Hanim, 800 lira sebulan kepada Affah dan 600 lira sebulan kepada Shabihah. Selain itu, setiap seorang gadis simpanan yang pernah menjadi kekasihnya diberikan 100 lira setiap bulan.

Semakin hari penyakit Mustafa Kamal Ataturk semakin kritikal. Beberapa orang doktor dari England, Perancis dan German dipanggil bagi memberikan rawatan tetapi masih tidak berupaya menyembuhkannya. Oleh sebab tidak tertahan dengan rasa panas badan yang dialaminya menyebabkan beliau sering pengsan. Namun begitu, pengsannya itu tidak berpanjangan kerana beliau akan sedar semula dan penderitaan yang dialaminya akan tetap berterusan. Kini, cecair memenuhi semula perutnya menyebabkan perutnya bertambah besar berbanding sebelumnya.

Pada suatu hari, beliau dikunjungi oleh Affah. Mustafa Kamal Ataturk ternyata kelihatan begitu gembira, lalu beliau cuba bangun dari tempat pembaringannya tetapi ternyata

beliau tidak berdaya lagi.

“Saya sudah lemah dan tidak dapat lagi berjalan. Malahan, saya tidak mampu bangun dari tempat pembaringan ini,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Jangan berputus asa. Selagi kita bernyawa, selagi itu kita boleh berikhtiar bagi mengubatinya,” pujuk Affah.

“Pelbagai ubat sudah diberikan kepada saya makan. Malahan, ada ubat yang dibawa dari England, Perancis dan German tetapi penyakit saya ini semakin teruk. Mungkin, hanya kematian yang menjadi penawarnya dan saya sedang menantikan saat kematian saya,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Jangan berputus asa. Sedarlah, tuan adalah orang yang paling berkuasa di negara ini. Semua hospital dan doktor di negara ini tunduk di bawah arahan tuan. Arahkan mereka supaya melakukan sesuatu bagi mengubati penyakit tuan,” kata Affah.

“Satu-satunya cara yang dapat mengurangkan kesakitan yang saya rasai adalah dengan mengeluarkan cecair yang memenuhi perut saya ini tetapi cara yang mereka lakukan itu sungguh menyakitkan. Saya pernah pengsan beberapa kali,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Suruh mereka keluarkan cecair itu sekali lagi. Mungkin, selepas ini perut tuan tidak membengkak lagi,” pujuk Affah.

“Benar kata kamu itu. Saya akan suruh mereka keluarkan semua cecair dari dalam perut saya ini. Kemudian, kita

boleh keluar pergi berjalan-jalan," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Adakah tuan mahu membawa saya pergi melancong ke luar negara?" tanya Affah.

"Dalam keadaan sebegini, saya sudah tidak mampu pergi melancong ke luar negara tetapi saya yakin yang saya boleh pergi ke Hutan Sundikan. Masih ingatkah kamu lagi dengan hutan itu?" jawab Mustafa Kamal Ataturk dengan nada suara yang lemah.

"Tidak mungkin saya melupakannya kerana kita pernah bermain-main di hutan itu sewaktu kita masih kecil dahulu," kata Affah sambil memegang erat tangan Mustafa Kamal Ataturk.

"Wahai Affah, tidak lama lagi kita akan pergi ke Hutan Sundikan. Kita akan tinggal di sana selama mana yang kita mahu. Di sana akan disediakan sebuah rumah yang dilengkapi dengan segala keperluan yang kita mahukan," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Sebaik-baiknya tuan berehat terlebih dahulu. Selepas keadaan tuan sudah benar-benar sihat nanti, barulah kita pergi ke sana," pujuk Affah.

Namun begitu, Mustafa Kamal Ataturk seolah-olah tidak sabar lagi mahu pergi ke Hutan Sundikan. Beliau pun menyuruh pembantunya supaya mencari kawasan yang sesuai untuk tempat tinggalnya.

"Saya mahu rumah itu disiapkan dengan segera," arah

Mustafa Kamal Ataturk.

Arahan itu segera dituruti. Lantaran itu, sibuklah pegawai negara mencari lokasi yang menarik bagi membina sebuah rumah yang akan dijadikan sebagai tempat tinggal Presiden Turki di kawasan Hutan Sundikan itu.

“Sementara menunggu rumah kediaman saya di Hutan Sundikan siap, saya mahu berehat di satu kawasan yang bukannya terletak di tepi pantai. Carilah kawasan yang dikelilingi kebun dan pokok buah-buahan. Saya sudah bosan melihat laut,” kata Mustafa Kamal Ataturk. Ternyata, walaupun sedang menderita kesakitan tetapi kemahuannya tetap tiada batasan.

“Saya mencadangkan tuan presiden berehat di wilayah Almadagh. Di sana tanahnya subur dan kaya dengan keindahan alam semula jadi,” kata Prof. Dr. Nasy’at Umar Ardalib.

“Saya sangat setuju. Segera carikan tempat yang sesuai untuk kediaman saya,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

Pada hari itu juga beberapa orang pegawai kerajaan pergi ke wilayah Almadagh yang terletak di sempadan di antara Istanbul dan Ankara. Di situ, mereka menemui sebuah istana lama kepunyaan Sultan Abdul Aziz. Istana lama itu terletak di puncak sebuah bukit dan dikelilingi gunung-ganang yang mencuar tingginya. Pemandangannya sungguh cantik. Mereka segera melaporkannya kepada Mustafa Kamal Ataturk.

“Saya setuju tinggal di istana lama itu dengan syarat istana

itu dibaik pulih semula. Istana itu perlu dicat dengan warna putih. Segala pokok dan tumbuhan yang ada di sekitar kawasan istana itu perlu dibersihkan," kata Mustafa Kamal Ataturk.

Beratus-ratus ribu lira wang negara dikeluarkan bagi memenuhi kemahuan presiden yang hampir menemui ajalnya itu. Ternyata, ramai yang menyangka permintaan yang aneh-aneh itu adalah petanda pemimpin mereka itu sudah hampir menemui ajalnya. Dalam apa jua keadaan sekali pun, kemahuannya itu perlu sentiasa diturutkan dan tidak ada siapa pun yang berani membantahnya.

"Wahai tuan presiden, beberapa hari lagi negara kita ini akan menyambut ulang tahun yang ke-15 sebagai sebuah republik. Kami memutuskan sambutan itu diadakan di Istana Dulamah Baghjah," beritahu setiausaha sulit presiden.

"Mungkin kali ini adalah kali terakhir saya menyambutnya. Oleh sebab itu, sambutan kali ini perlu diadakan secara besar-besaran dan penuh gilang-gemilang," beritahu Mustafa Kamal Ataturk.

Arahan itu pun dilaksanakan. Istana Dulamah Baghjah dihias indah dengan panji-panji, bendera dan bunga-bungaan. Di tepi pantai di hadapan istana itu disediakan satu pentas khas bagi menempatkan Presiden Turki dan para pembesar negara. Di laut pula banyak perahu dan kapal layar berlabuh. Di darat, iaitu di sepanjang pantai didirikan khemah dan tempat duduk untuk orang ramai.

Ternyata, Mustafa Kamal Ataturk tidak berdaya lagi untuk

bangun apatah lagi mahu berjalan ke pentas yang sudah disediakan. Beliau terpaksa diusung dengan menggunakan sebuah tandu, lalu dibawa ke atas pentas. Orang ramai yang melihatnya menyangka itu adalah satu penghormatan kepada Presiden Turki yang pertama.

Tidak berapa lama kemudian, acara pun dimulakan dengan angkatan tentera laut memulakan perarakan. Sebuah kapal perang Angkatan Laut Turki bergerak perlahan, lalu semua anggota tentera yang berdiri di atas dek kapal memberikan tabik hormat kepada Mustafa Kamal Ataturk. Ternyata, beliau tidak berdaya mengangkat tangan bagi membalas tabik hormat itu. Mustafa Kamal Ataturk hanya duduk di kerusi khas yang disediakan sedangkan orang lain di atas pentas itu berdiri.

Satu demi satu perarakan melalui pentas itu sambil memberikan tabik hormat. Orang ramai pula bersorak gembira apabila melihatnya. Namun begitu, Mustafa Kamal Ataturk memandangnya dengan pandangan kosong. Tiba-tiba matanya digenangi air. Beliau kelihatannya sedang menangis. Para pembantunya segera membawa masuk ke dalam istana, lalu membaringkannya semula di atas katil.

Namun begitu, Mustafa Kamal Ataturk memberikan isyarat yang beliau mahu menyaksikan temasya itu dari tingkap istana yang menghadap ke arah laut. Beliau pun didudukkan di atas kerusi bagi membolehkannya menyaksikan temasya itu. Dengan saki-baki semangat dan kekuatan yang masih ada, Mustafa Kamal Ataturk melihat acara itu sehingga selesai.

Kematian Yang Tidak Ditangisi

Pada pagi Rabu, 9 Oktober, Mustafa Kamal Ataturk terjaga daripada tidurnya dalam keadaan yang tidak bermaya sehinggakan pelupuk matanya seolah-olah tidak berdaya untuk dibukanya.

“Hari ini hari apa?” tanya Mustafa Kamal Ataturk kepada doktor yang merawatnya.

“Hari Rabu, sembilan hari bulan Oktober,” jawab Prof. Dr. Nasy’at.

“Jam berapa sekarang ini?” tanya Mustafa Kamal Ataturk lagi.

“Lapan pagi,” jawab Dr. Nahad Rasyad yang turut berada di situ.

“Saya berasa terlalu lemah sehinggakan tidak mampu lagi menggerakkan tangan bagi menggaru bahagian yang gatal,” kata Mustafa Kamal Ataturk dalam nada suara yang lemah.

“Mahukah tuan sekiranya kami menyuruh pelayan istana supaya menggarukannya?” tanya Prof. Dr. Nasy’at pula.

“Saya tidak mahu kerana rasa gatal itu nombor dua. Yang pertama itu adalah kesakitan pada bahagian perut dan dada saya ini. Buatlah sesuatu bagi meredakan kesakitannya,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

“Saya akan beri suntikan supaya tuan berasa tenang dan tidak sakit lagi,” kata Prof. Dr. Nasy’at.

“Suntikan itu hanya bersifat sementara. Selepas itu, saya akan menderita semula dan perlu menahan sakit setiap masa,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Sekiranya begitu, lebih baik tuan makan sedikit dan selepas itu berehat,” kata Dr. Nahad Rasyad.

“Saya tidak mahu lagi apa pun masuk ke dalam perut saya yang sudah kembung semula ini. Saya hanya mahu meminta satu perkara,” kata Mustafa Kamal Ataturk.

“Apakan permintaan tuan itu?” tanya Prof Dr. Nasy’at.

“Saya mahu cecair di dalam perut saya ini dikeluarkan semuanya. Jangan ada yang tinggal walau setitik pun,” jawab Mustafa Kamal Ataturk.

Dengan penuh kebimbangan serta keraguan, Prof. Dr. Nasy’at pun berkata, “Tuan dalam keadaan yang lemah. Kami bimbang keselamatan diri tuan. Oleh sebab itu, kami tidak boleh melakukannya.”

“Ini arahan saya. Keluarkan semua cairan yang ada di

dalam perut saya ini," kata Mustafa Kamal Ataturk.

"Baiklah tuan, kami menurut arahan. Kami meminta diri dahulu bagi membuat persiapan," dalih Prof. Dr. Nasy'at yang sengaja mahu melengahkan waktu.

Kemudian, dia pun keluar dari bilik itu. Tinggal Dr. Nahad Rasyad dan dua orang pembantu di situ.

Mustafa Kamal Ataturk masih terbaring di atas katil. Nafasnya kelihatan tercungap-cungap menahan sakit. Tidak berapa lama kemudian, beliau pun pengsan. Agak lama juga beliau tidak sedarkan diri. Dr. Nahad Rasyad berusaha bagi membolehkan Mustafa Kamal Ataturk sedar semula.

"Sekarang jam berapa?" beliau bertanya sebaik sahaja sedarkan diri.

"Dua petang," jawab Prof. Dr. Nasy'at.

"Mengapakah masih belum dikeluarkan lagi cecair dari perut saya ini?" tanya Mustafa Kamal Ataturk lagi.

"Tuan tidak sedarkan diri. Oleh sebab itu, kami belum melakukannya," jawab Prof. Dr. Nasy'at.

"Saya mahu cecair di dalam perut saya ini dikeluarkan sekarang juga. Ini arahan saya," kata Mustafa Kamal Ataturk.

Prof. Dr. Nasy'at tidak ada pilihan melainkan terpaksa juga melaksanakan arahan itu. Apa yang pasti, seperti yang dijangka, apabila cecair itu mula dikeluarkan dari perutnya,

Mustafa Kamal Ataturk pun pengsan. Namun begitu, cecair itu terus sahaja dikeluarkan juga kerana dibimbangi apabila beliau tersedar nanti pasti dimarahinya sekiranya arahannya itu masih belum dilaksanakan. Selepas semua cecair dikeluarkan, Mustafa Kamal Ataturk masih tidak sedarkan diri.

Pada keesokan harinya, iaitu pagi hari Khamis, 10 Oktober, Mustafa Kamal Ataturk menunjukkan tanda-tanda mahu sedar. Jari-jemarinya kelihatan bergerak-gerak. Para doktor berusaha menyedarkannya. Beliau menggerak-gerakkan badannya seperti sedang menahan kesakitan. Tiba-tiba, mulutnya terbuka luas dan lidahnya terjelir seolah-olah mahu menelan kepalanya. Sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir, tangan kanannya mengacung dengan menggenggam penumbuk. Manakala, apabila nafasnya yang terakhir dilepaskan, tubuhnya yang kurus kering itu kelihatan mengerekot.

“Dia sudah mati,” kata Prof. Dr. Nasy’at selepas memeriksa denyutan nadinya yang sudah berhenti.

“Sebaik-baiknya kita rahsiakan dahulu berita kematiannya ini daripada pengetahuan orang ramai,” kata setiausahanya.

“Mengapa?” tanya Dr. Nahad Rasyad.

“Saya bimbang rakyat tidak dapat menahan perasaan, lalu tercetusnya rusuhan,” jawab setiausaha presiden.

“Sama ada lambat ataupun cepat diumumkan, akhirnya mereka akan tahu juga. Sekiranya mahu terjadi rusuhan

pasti terjadi juga," kata Dr. Nahad Rasyad.

"Saya setuju dirahsiakan dahulu sehingga pasukan keselamatan bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan," kata Menteri Pertahanan Turki yang turut berada di situ.

"Saya yakin tidak akan berlaku sebarang rusuhan kerana rakyat Turki sudah tahu presiden kita sedang sakit dan mereka pasti sudah bersedia menghadapinya," kata Falih Rifqi pula.

Dengan itu, berlakulah pertengkaran sesama mereka. Ada yang menyokong dan ada yang menentang. Mayat Mustafa Kamal Ataturk yang masih terbujur kaku itu langsung tidak dipedulikan.

"Sebelum diumumkan kepada orang awam, kita perlu maklumkan terlebih dahulu kepada semua pembesar negara. Satu sidang akhbar tergempar perlu diadakan segera," kata Syukri Qaya merangkap menteri dalam negeri yang datang selepas berita kematian itu dimaklumkan kepadanya.

"Kami serahkan kepada kebijaksanaan tuan," kata Prof. Dr. Nasy'at. Tugasnya menjaga serta merawat Mustafa Kamal Ataturk sudah selesai dan urusan seterusnya perlu diserahkan kepada orang lain bagi menguruskannya.

"Adik-beradik dan juga anak-anak angkatnya meminta izin bagi melihat mayat ini. Apakah kita boleh membenarkannya?" tanya Falih Rifqi pula.

“Kita tidak boleh menghalangnya,” jawab Syukri Qaya.

Adik-beradik dan juga anak-anak angkat Mustafa Kamal Ataturk segera menghampiri mayat tersebut. Mereka menangis tetapi sebenarnya mereka hanya berpura-pura. Ini jelas kelihatan apabila sekejap mereka menangis dan sekejap mereka berbisik sesama mereka sambil tersenyum-senyum. Kemudian, mereka menangis semula.

Pada masa yang sama, satu mesyuarat tergempar sedang diadakan di dalam bilik persidangan di tingkat atas istana itu. Syukri Qaya selaku menteri dalam negeri mempengerusikan mesyuarat itu. Perkara pertama yang mereka bincangkan adalah berkaitan dengan pelantikan presiden yang baru bagi menggantikan tempat Mustafa Kamal Ataturk.

Akhirnya, selepas lama berbincang, mereka sepakat dengan memilih Ishmet Inunu. Mereka berpendapat dia adalah orang yang paling layak kerana sudah berpengalaman membantu Mustafa Kamal Ataturk mentadbir negara. Dia dipecat bukan kerana kes salah laku ataupun penyelewengan tetapi kerana salah faham dengan presiden. Kemudian, mereka membincangkan pula masalah yang lebih rumit, iaitu yang berkaitan dengan pengebumian mayat Mustafa Kamal Ataturk.

“Kita perlu melantik seseorang bagi menguruskan mayat Mustafa Kamal Ataturk dan kita serahkan tanggungjawab itu sepenuhnya kepadanya sehingga kerja-kerja pengebumian selesai,” cadang Syukri Qaya.

Selepas mengambil masa terlalu lama berbincang,

akhirnya mereka sepakat melantik Fakhruddin Altaya, iaitu seorang ketua pasukan tentera yang bermarkas di Istanbul.

“Sesuai dengan tarafnya sebagai Presiden Turki yang pertama, maka mayatnya juga perlu diberikan penghormatan,” cadang Fakhruddin Altaya yang ternyata mendapat persetujuan ramai.

“Kita perlu letakkan mayatnya di dalam sebuah keranda yang istimewa dan yang pastinya keranda itu diperbuat daripada kayu yang wangi,” cadang Falih Rifqi pula.

“Saya berpendapat adalah lebih sesuai sekiranya mayatnya diletakkan di dalam keranda yang diperbuat daripada timah. Sesuai dengan tarafnya sebagai pemimpin yang paling berjasa kepada negara,” cadang Ishmet Inunu yang kelihatan begitu gembira kerana dilantik bagi menggantikan tempat Mustafa Kamal Ataturk.

“Mayat orang Islam biasanya diletakkan di dalam keranda kayu. Mayat orang Kristian biasanya di dalam keranda timah,” kata Falih Rifqi yang cuba mempertahankan pendapatnya.

“Saya lebih suka mayatnya diletakkan di dalam keranda timah,” tegas Ishmet Inunu.

Fakhruddin Altaya kelihatannya berada dalam keadaan serba salah. Walaupun dia sudah dilantik sebagai orang yang bertanggungjawab bagi menguruskan pengebumian mayat Mustafa Kamal Ataturk tetapi kuasa bagi membuat keputuasan terletak di tangan orang lain.

“Wahai Fakhruddin Altaya, kamu mempunyai pengalaman menguruskan keranda untuk tentera. Dapatkan segera sebuah keranda yang diperbuat daripada timah untuk mayat mantan presiden kita,” arahan Ishmet Inunu.

“Baik tuan,” jawab Fakhruddin Altaya.

Tidak berapa lama kemudian, pasukan tentera membawa sebuah keranda yang diperbuat daripada timah. Mayat Mustafa Kamal Ataturk segera dimasukkan ke dalam keranda itu.

“Mayat ini perlu dikebumikan segera menurut cara Islam,” kata Nuruddin, iaitu imam Masjid Biru.

“Mayatnya akan dikebumikan dengan penuh penghormatan. Para pembesar negara termasuklah duta-duta dan pemimpin dari luar negara akan datang bagi memberikan penghormatan sebelum dikebumikan. Oleh sebab itu, mayatnya tidak boleh dikebumikan pada hari ini,” kata Ishmet Inunu.

“Sekiranya begitu, mayatnya perlu diawet dan keranda timah itu perlu ditutup rapat,” kata Fakhruddin Altaya.

“Lakukanlah dengan sebaik-baiknya,” kata Ishmet Inunu memberikan persetujuan.

“Di manakah mayat itu akan dikebumikan? Adakah di Istanbul ataupun di Ankara?” tanya Fakhruddin lagi.

“Sepatutnya kamu yang menentukan kerana kamu yang diberikan tanggungjawab bagi menguruskan upacara pengebumiannya,” kata Ali Fuad Basya, iaitu rakan rapat

kepada Mustafa Kamal Ataturk. Namun begitu, disebabkan bimbang dengan pengaruh rakannya itu, Mustafa Kamal Ataturk pernah menghukum penjara dengan tuduhan cuba menderhaka.

Apabila dibebaskan, Ali Fuad Basya tetap mendampingi Mustafa Kamal Ataturk tanpa sedikit pun menunjukkan rasa dendam. Akhirnya, hubungan mereka menjadi akrab semula.

“Saya mencadangkan supaya mayat Mustafa Kamal Ataturk ini dikebumikan di Istanbul. Pertama, kerana Mustafa Kamal Ataturk meninggal dunia di sini, maka sewajarnya dikebumikan di sini. Kedua, kerana Mustafa Kamal Ataturk memilih Istanbul sebagai kediaman terakhirnya,” kata Dr. Nahad Rasyad.

“Saya tidak bersetuju,” bantah Ishmet Inunu.

Kemudian, katanya lagi, “Ankara adalah ibu negara Turki. Sewajarnya dia dikebumikan di sana dengan penuh penghormatan. Tambahan pula, Mustafa Kamal Ataturk sudah memindahkan pusat pentadbiran negara ke Ankara. Oleh sebab itu, saya mahu dia dikebumikan di sana.”

“Sekiranya mahu diberikan penghormatan, sewajarnya dikebumikan di Istanbul. Di sini terdapat makam Sultan Muhammad Al-Fateh, makam Abu Ayyub Al-Ansari, makam keluarga Khalifah Uthmaniah dan sebagainya. Sekiranya dikebumikan di Ankara kuburnya akan terasing dan tidak dipedulikan,” bantah Falih Rifqi pula.

Lantaran itu, berlakulah perbalahan yang panjang bagi

menentukan tempat pengebumian. Akhirnya, mereka sebulat suara bagi membiarkan dahulu mayat Mustafa Kamal Ataturk di Istanbul sebelum ditentukan semula tempat pengebumiannya.

“Sekiranya mayat itu dikebumikan di Ankara, bagaimanakah pula dengan sembahyang jenazah? Adakah sembahyang jenazah akan dilakukan di Istanbul ataupun di Ankara?” tanya Fakhruddin Altaya lagi.

Ternyata, soalan itu menimbulkan pertengkaran sekali lagi. Ada yang mahu mayat itu disembahyangkan di Istanbul dan ada pula yang mahu disembahyangkan di Ankara. Ada pula pendapat yang tidak mahu jenazah Mustafa Kamal Ataturk disembahyangkan kerana dia bukan lagi beragama Islam.

“Saya mendapat makluman yang Mustafa Kamal Ataturk sudah berwasiat supaya jangan disembahyangkan mayatnya,” kata Ali Fuad Basya.

“Sekiranya benar apa yang diperkatakan itu seperti yang terkandung di dalam surat wasiat, kita laksanakan sahaja apa yang sudah diwasiatkannya. Sekiranya tidak ada, maka jenazahnya akan disembahyangkan sebelum dikebumiknan,” kata Ishmet Inunu. Mereka mencari surat wasiat itu tetapi gagal menemuinya.

“Sekiranya begitu, kita sembahyangkan sahaja jenazahnya sebelum dikebumikan,” kata Falih Rifqi.

“Persoalannya sekarang, jenazahnya mahu disembahyangkan di mana? Di Istanbul ataupun di

Ankara?” tanya Fakhruddin Altaya.

Pertanyaan itu berlalu begitu sahaja tanpa ada sesiapa pun yang menjawabnya. Fakhruddin Altaya bertanya lagi untuk kedua kalinya.

“Kita perlu memutuskan mayat Mustafa Kamal Ataturk disembahyangkan di mana? Bila masanya dan siapa yang menjadi imamnya?” tanya Fakhruddin Altaya.

“Perdana Menteri Jalal Bayer dan ketua setiausaha negara, Hassan Ridha akan tiba di Istanbul pagi esok. Kamu tanyakan perkara itu kepada mereka,” kata Ishmet Inunu.

Keesokan harinya, Fakhruddin Altaya menunggu ketibaan mereka. Selepas dibawa melihat keranda yang di dalamnya terdapat mayat Mustafa Kamal Ataturk, maka pertanyaan itu diajukannya kepada Perdana Menteri Jalal Bayer.

Beliau kelihatan ragu-ragu mahu menjawabnya. Akhirnya, dia mengajukan kata-katanya itu kepada Hassan Ridha.

“Apakah pendapat kamu wahai Tuwaid Mir?” tanya Jalal Bayer.

Hassan Ridha yang mendapat gelaran Tuwaid Mir juga kelihatan ragu-ragu bagi menjawabnya. Selepas didesak beberapa kali oleh Perdana Menteri Jalal Bayer, akhirnya dia pun berkata, “Mustafa Kamal Ataturk sudah menjadikan negara ini negara sekular. Rakyat Turki sudah bersetuju dan mereka selesa dengan keadaan sekarang. Sekiranya dilakukan sembahyang jenazah, saya bimbang akan

timbulnya kekeliruan dalam kalangan orang ramai. Berkemungkinan juga akan tercetusnya huru-hara kerana memandangkan Turki kini adalah sebuah negara sekular."

"Saya bersetuju dengan pendapat itu. Jenazah Mustafa Kamal Ataturk tidak perlu disembahyangkan," kata Perdana Menteri Jalal Bayer pula.

"Itu hanyalah andaian tuan berdua. Saya yakin tidak akan berlaku huru-hara, tambahan pula pasukan keselamatan akan mengawalnya. Sembahyang jenazah perlu dilakukan kerana itu adalah kewajipan yang dituntut oleh agama dan tradisi masyarakat kita. Sekiranya tidak dilakukan, orang ramai akan menyalahkan kita. Dengan itu, saya akan mengundurkan diri daripada memikul tanggungjawab ini dan serahkan kepada orang lain sekiranya jenazahnya itu tidak disembahyangkan," tegas Fakhruddin Altaya.

"Itu tidak boleh berlaku kerana kami sudah sebulat suara melantik kamu memikul tanggungjawab ini sehingga selesai. Sekiranya kamu mahu mengundur diri, siapa lagi yang boleh kami harapkan bagi memikul tugas ini?" marah Falih Rifqi.

"Kamu perlu teruskan tanggungjawab ini sehingga selesai dan tidak boleh mengundurkan diri," kata Ishmet Inunu pula.

"Sekiranya begitu, saya mahu jenazahnya di-sembahyangkan sebelum dikebumikan," tegas Fakhruddin Altaya.

"Saya bersetuju dan menarik semula cadangan saya

sebelum ini," kata Hassan Ridha yang akhirnya mengalah.

"Saya juga bersetuju jenazah itu disembahyangkan selepas selesai diberikan penghormatan yang terakhir," sokong Perdana Menteri Jalal Bayer.

"Penghormatan terakhir akan dilakukan di istana ini. Buatlah persiapan sebelum orang ramai dibenarkan masuk," kata Ishmet Inunu.

Tidak berapa lama kemudian, pengumuman rasmi pun dibuat melalui radio dan juga surat khabar yang melaporkan berita kematian Musatafa Kamal Ataturk. Ramai yang menitiskan air mata apabila mendengar pengumuman itu. Mereka menangis bukan kerana sedih tetapi mereka berasa gembira kerana berakhir sudah riwayat hidup diktator yang sudah mengkhianati kesucian agama Islam dan rakyat Turki.

Namun begitu, tidak dinafikan juga dalam tempoh 15 tahun berkuasa, ramai juga yang menjadi pengikut setia Mustafa Kamal Ataturk terutama sekali dalam kalangan pembesar dan mereka yang mempunyai kepentingan. Orang ramai dilihat mula membanjiri kawasan Istana Dulamah Baghjah, iaitu kediaman rasmi Presiden Turki.

Bagi membolehkan orang ramai datang melihatnya dan juga memberikan penghormatan yang terakhir, maka keranda timah yang di dalamnya terbujur kaku mayat Mustafa Kamal Ataturk itu diletakkan di atas meja di ruang Al-Mu'ayidah di tingkat bawah istana. Pada bahagian penjuru peti itu, dinyalakan lilin persis mayat penganut agama Kristian. Kemudian, orang ramai dijemput hadir bagi

memberikan penghormatan yang terakhir.

“Orang ramai berpusu-pusu masuk dan sanggup bersesak-sesak bagi menziarahi mayat Mustafa Kamal Ataturk buat kali terakhir. Oleh sebab itu, kita perlu memberikan mereka peluang selama tiga hari tiga malam bagi membolehkan semua rakyat datang melihatnya,” kata Perdana Menteri Jalal Bayer.

“Saya setuju,” jawab Ishmet Inunu.

Kemudian katanya lagi, “Isytiharkan cuti umum selama tiga hari bagi membolehkan pegawai kerajaan, pelajar dan guru datang melawatnya. Kita beri kebebasan kepada orang ramai bagi memberikan penghormatan mengikut cara masing-masing.”

Apabila mendengar pengumuman itu, maka rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat pun datang ke Istana Dulamah Baghjah. Sebelum ini, istana itu sememangnya menjadi kawasan larangan kerana orang awam tidak boleh menghampirinya, apatah lagi masuk ke dalamnya. Apabila peluang itu dibuka kepada mereka, maka berduyun-duyunlah yang datang.

Ternyata, tujuan mereka datang sebenarnya kerana mahu melihat sendiri Istana Dulamah Baghjah dari dekat dan bukannya bagi melihat mayat Mustafa Kamal Ataturk. Apa yang paling mengaibkan adalah apabila ramai yang mengambil kesempatan bercumbu-cumbuan di dalam bilik-bilik istana itu. Apabila keadaan tidak terkawal menyebabkan sering kali berlakunya pergaduhan dan mengakibatkan empat belas orang terbunuh, manakala

beratus-ratus lagi cedera.

Selepas tiga hari tiga malam orang ramai dibenarkan datang bagi memberikan penghormatan terakhir, maka pintu pagar Istana Dulamah Baghjah pun ditutup semula dan orang ramai dilarang memasukinya. Hanya mereka yang mempunyai pas kebenaran dibenarkan masuk.

Selepas beberapa hari berlalu, mayat Mustafa Kamal Ataturk masih dibiarkan di anjung istana. Ia seolah-olah tidak dihiraukan lagi kerana kakitangan istana kembali semula bekerja seperti biasa. Pembesar negara termasuklah Ishmet Inunu, Perdana Menteri Jalal Bayer dan ketua setiausaha negara mengambil kesempatan pergi bercuti bagi membolehkan orang ramai datang memberikan penghormatan terakhir kepada Mustafa Kamal Ataturk.

Fakhruddin Altaya segera mengadakan mesyuarat bagi meneruskan upacara pengebumian mayat Mustafa Kamal Ataturk. Lantaran itu, berlaku sekali lagi perdebatan bagi menentukan tempat pengebumiannya. Ada yang mencadangkan supaya mayat itu dikebumikan di Istanbul tetapi ada pula yang mencadangkan di Ankara.

“Nampaknya kita tidak dapat mencapai kata sepakat. Dengan ini, saya serahkan keputusannya kepada Tuan Ishmet Inunu,” kata Fakhruddin Altaya.

“Selepas menimbangkan perkara ini dengan seriusnya, saya memutuskan mayat itu dikebumikan di Ankara,” kata Ishmet Inunu.

“Sekiranya begitu, kita perlu mengambil masa beberapa hari lagi bagi membuat persiapan membawa mayat ini ke Ankara serta memilih tempat yang sesuai untuk dikebumikan,” kata Fakhruddin Altaya.

Ternyata, mayat Mustafa Kamal Ataturk yang terbujur kaku di dalam keranda timah itu terbiar lagi selama beberapa hari. Kemudian, timbul semula persoalan di mana mayat itu mahu disembahyangkan sama ada di Istanbul ataupun di Ankara.

“Oleh sebab kita sudah memutuskan mayat ini dikebumikan di Ankara, lebih baik kita sembahyangkan di Ankara sahaja,” kata Hassan Ridha.

“Bukankah kita sudah membuat keputusan sembahyang jenazah dilakukan di sini? Sebelum mayat dibawa pergi?” tanya Fakhruddin Altaya.

“Memang benar,” jawab Ishmet Inunu.

“Oleh sebab itu, sembahyang jenazah akan dilakukan di Istanbul,” kata Fakhruddin Altaya. Kali ini tidak ada siapa pun yang membantahnya.

“Di masjid ataupun di istana ini?” tanya Falih Rifqi pula.

“Di Masjid Biru kerana orang ramai boleh datang bagi turut sama melakukan sembahyang jenazah,” jawab Ishmet Inunu.

“Tidakkah tuan tahu yang masjid itu sudah lama ditutup dan orang ramai dilarang bersembahyang di dalamnya? Apa yang pasti, orang yang mengeluarkan arahan itu

adalah Mustafa Kamal Ataturk. Orang ramai pasti mentertawakan kita sekiranya mayat orang yang pernah melarang orang ramai mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid itu, tiba-tiba dibuka semula dan orang ramai diminta menyembahyangkannya," kata Ali Fuad Basya.

"Sembahyang jenazah boleh dilakukan di mana-mana sahaja. Kita akan melakukannya di istana ini sama ada di dalam ataupun di luar," kata Fakhruddin Altaya.

"Siapa yang akan menjadi imamnya?" tanya Ishmet Inunu.

"Kita jemput Imam Radzi, iaitu bekas imam Masjid Biru supaya datang ke istana bagi menjadi imam sembahyang jenazah," jawab Perdana Menteri Jalal Bayer.

"Dia pasti enggan kerana dia dipecat daripada jawatannya dan Masjid Biru itu ditutup," kata Falih Rifqi.

"Sekiranya begitu, kita suruh sahaja Syarafuddin Afandi yang menjadi imamnya," cadang Ishmet Inunu.

"Saya setuju," sokong Perdana Menteri Jalal Bayer.

"Saya juga setuju kita serahkan sahaja tanggungjawab ini kepadanya dan tidak perlu mencari orang lain lagi," kata Hassan Ridha.

Apabila perkara itu dikemukakan kepada Syarafuddin Afandi, dia tersenyum, lalu berkata. "Saya akan bersembahyang seperti yang diminta oleh Mustafa Kamal Ataturk."

“Apakah maksud kamu?” tanya Fakhruddin Altaya yang meminta penjelasan.

“Mustafa Kamal Ataturk sudah mengeluarkan arahan supaya azan dilaungkan dalam bahasa Turki, bacaan al-Quran juga dalam bahasa Turki dan berdoa juga perlu dalam bahasa Turki,” jawab Syarafuddin Afandi.

“Maksudnya, bacaan *al-Fatihah* dalam sembahyang pun kamu akan lakukan dalam bahasa Turki?” tanya Fakhruddin Altaya.

“Itu yang akan saya lakukan apabila menyembahyangkan jenazahnya,” jawab Syarafuddin Afandi.

“Sekiranya begitu, lakukan sahaja di dalam bilik yang tertutup supaya tidak dilihat dan didengar oleh sesiapa,” kata Fakhruddin Altaya.

Syarafuddin Afandi pun mengajak beberapa orang rakannnya yang sefahaman dengannya bagi menyembahyangkan jenazah Mustafa Kamal Ataturk. Tidak ada siapa pun yang dapat melihat bagaimana sembahyang itu dilakukan kerana mereka melakukannya di dalam bilik yang tertutup rapat. Upacara sembahyang jenazah itu dilakukan pada jam 8.00 pagi dan selesai pada jam 8.10 pagi.

Pada hari Sabtu, 10 Oktober jam 8.14 pagi, keranda timah yang di dalamnya terbujur kaku mayat Mustafa Kamal Ataturk itu diusung, lalu dibawa keluar dari Istana Dulamah Baghjah. Di hujung tangga istana yang diperbuat daripada batu marmar itu, sudah menanti sebuah kereta meriam.

Keranda itu diletakkan di atas kereta meriam, lalu diarak oleh sepasukan tentera berkuda. Dengan perlahan-lahan kereta meriam itu bergerak meninggalkan istana kediaman presiden yang cantik dan megah itu menuju ke satu tempat yang belum pasti.

Mengikut perancangan, mayat Mustafa Kamal Ataturk diarak dari Istana Dulamah Baghjah hingga ke Saray Burnu yang terletak di Taman Thub Qabi. Perjalanan akan mengambil masa selama dua jam. Sepanjang perjalanan, orang ramai berkumpul dan berdiri di tepi jalan sebagai tanda penghormatan terakhir kepada Mustafa Kamal Ataturk. Suasana pada ketika itu seperti sedang berpesta seolah-olah mereka sedang melihat perarakan kereta berhias.

Selepas dua jam perjalanan, akhirnya mereka sampai di Saray Burnu, lalu keranda timah itu pun dipindahkan ke atas kapal perang Yawuz dengan penuh penghormatan cara tentera. Kemudian, kedengaran tembakan meriam yang dilepaskan sebanyak 101 kali dengan disaksikan orang ramai yang memenuhi kawasan di sepanjang tepian pantai. Selepas selesai tembakan meriam, maka kapal perang Yawuz pun belayar menuju ke Angkara dengan diikuti oleh berpuluh-puluh buah kapal dari negara asing yang turut memberikan penghormatan.

Pada hari itu, penduduk Ankara keluar beramai-ramai memenuhi kawasan pantai bagi menyambut ketibaan mayat Mustafa Kamal Ataturuk. Sekiranya sebelum itu kedatangan Presiden Turki itu disambut dengan nyanyian dan muzik tetapi kali ini disambut dengan muzik berkabung

yang bunyinya begitu menyentuh hati. Orang ramai tidak lagi bersorak-sorai menyambut kedatangannya tetapi bertafakur bagi menyatakan rasa kesedihan.

Selepas keranda timah itu diturunkan dari kapal perang, lalu ia dibawa ke darat dan diarak ke Dewan Tertinggi Rakyat yang terletak di tengah-tengah kota Ankara. Kemudian keranda timah itu diletakkan di atas sebuah meja bagi membolehkan orang ramai memberikan penghormatan terakhir sekali lagi. Kali ini perwakilan dari negara asing turut datang bagi memberikan penghormatan. Perdana Menteri Jalal Bayer memberikan masa selama tiga hari tiga malam untuk orang ramai datang mengunjunginya.

“Tuan Perdana Menteri Jalal Bayer, tugas saya selesai apabila sampai di sini. Dengan itu, tempat saya perlu digantikan dengan orang lain,” kata Fakhruddin Altaya kepada Jalal Bayer.

“Saya melantik Perdana Menteri Jalal Bayer sendiri supaya mengambil alih tugas itu,” kata Ishmet Inunu.

“Baiklah saya terima,” balas Jalal Bayer.

“Izinkan saya pulang ke Istanbul kerana perkhidmatan saya diperlukan di sana. Ada khabar angin mengatakan kemungkinan berlakunya rusuhan,” kata Fakhruddin Altaya.

“Sekiranya benar akan berlaku rusuhan, hancurkan sahaja mereka tanpa belas kasihan,” pesan Ishmet Inunu.

“Baik tuan,” kata Fakhruddin Altaya. Kemudian, dia pun

pulang semula ke Istanbul.

“Di manakah mayat Mustafa Kamal Ataturk akan dikebumikan?” tanya Jalal Bayer kepada Ishmet Inunu.

“Kita akan fikirkan tempat yang paling sesuai. Pastinya di satu tempat yang penuh penghormatan,” jawab Ishmet Inunu.

“Maksud tuan?” tanya Jalal Bayer.

“Bagaimanakah sekiranya kita kebumikan berhampiran dengan muzium? Tempat itu mudah dikunjungi orang ramai,” jawab Ishmet Inunu.

“Saya berpendapat lebih baik kita letakkan sahaja di dalam muzium dan mayat di dalam keranda timah itu terus diawet,” cadang Jalal Bayer.

“Saya bersetuju tetapi tidakkah nanti menimbulkan kemarahan orang ramai kerana mayat Mustafa Kamal Ataturk tidak dikebumikan tetapi diletakkan di dalam Muzium Ankara?” tanya Ishmet Inunu pula.

“Saya yakin tidak akan ada siapa yang berani mempertikaikan keputusan kita. Mereka yang menentang kita bererti menentang negara Turki dan mereka selayaknya dijatuhkan hukuman bunuh,” jawab Perdana Menteri Jalal Bayer.

Beberapa hari kemudian, keranda timah yang berisi mayat Mustafa Kamal Ataturk diarak ke Muzium Ankara. Semua pembesar negara mengiringi perarakan itu. Orang ramai pula berkumpul di sepanjang jalan dari Dewan Tertinggi

Rakyat ke Muzium Turki.

“Kami sayang Ataturk. Sesiapa yang mencintainya adalah ibadat,” kata Ishmet Inunu yang berjalan di belakang keranda timah yang menempatkan mayat Mustafa Kamal Ataturk.

Kata-kata itu diikuti oleh para pembesar yang berjalan di belakang Ishmet Inunu. Dalam kalangan orang ramai itu ada beberapa orang lelaki yang kurang senang apabila mendengar laungannya, lalu mereka pun membalas laungan itu.

“Sesiapa yang benci Ataturk adalah ibadat!” teriak mereka.

“Sesiapa yang memusuhi Ataturk adalah musuh kami,” teriak Ishmet Inanu, lalu diikuti oleh para pembesar yang berjalan di belakangnya.

Kemudian, keranda timah yang di dalamnya tersimpan mayat Mustafa Kamal Ataturk diletakkan di dalam Muzium Etnografi di Ankara. Muzium itu dikawal ketat siang dan malam oleh pengawal yang bersenjata. Orang ramai hanya dibenarkan melawat pada waktu siang. Pada waktu malam kawasan itu menjadi tempat larangan.

15 tahun kemudian, timbul persoalan yang berkaitan dengan mayat tersebut. Ada yang berpendapat mayat orang Islam perlu dikebumikan dan tidak boleh dibiarkan menjadi tontonan orang ramai. Selepas perkara itu dibahaskan, akhirnya mereka bersetuju mayat tersebut dipindahkan ke tempat yang lebih sesuai.

Dengan itu, sekali lagi berlakukah perselisihan pendapat. Ada yang mencadangkan mayat itu perlu dikebumikan sepertimana mayat orang Islam yang lain. Para pengikut setianya pula berpendapat mayat itu perlu diletakkan di suatu tempat khas bagi memudahkan orang ramai terutama sekali para pengikutnya untuk datang menziarahinya.

Selepas berlaku perbahasan yang panjang, akhirnya mereka bersetuju mayat itu diletakkan di dalam sebuah bangunan yang terletak di sebuah bukit. Keranda itu tidak ditanam tetapi diletakkan di satu tempat khas di dalam bangunan marmar tersebut.

Sebelum itu ada juga usaha bagi menanam keranda timah yang di dalamnya ada mayat Mustafa Kamal Ataturk tetapi setiap kali ditanam keesokan harinya kubur itu berlubang dan keranda itu dimuntahkan keluar. Akhirnya mereka meletakkan keranda timah itu di bangunan tersebut.

Ulama-ulama pada masa itu mengatakan bahawa bukan sahaja di bumi Turki, malah seluruh bumi Allah ini tidak menerima mayat Mustafa Kamal Atartuk!

Selepas Kematian Mustafa Kamal Ataturk

"Selepas Mustafa Kamal Ataturk meninggal dunia, saya berpendapat adalah lebih elok sekiranya kita kembali semula kepada pemerintahan Islam," kata Adnan Manderes dalam satu mesyuarat kabinet yang dipengerusikan Ishmet Inunu.

"Saya tidak bersetuju," bantah Syarafuddin Afandi atau nama asalnya Syarafuddin Balat Kaya.

Beliau adalah orang yang disuruh menjadi imam bagi menyembahyangkan jenazah Mustafa Kamal Ataturk. Selepas Ishmet Inunu dilantik menjadi presiden, beliau melantik Syarafuddin Afendi menjadi menteri agama.

"Wahai tuan presiden yang baru dilantik, kita perlu meneruskan apa yang sudah diperjuangkan oleh Mustafa Kamal Ataturk. Kita tidak boleh berundur semula ke belakang dan sebagai menteri agama, saya mohon diberikan kuasa bagi meneruskannya melalui

penguatkuasaan undang-undang," kata Syarafuddin Afandi.

Ishmet Inunu bersetuju dengan permintaan itu menyebabkan menteri agama itu bersikap lebih berani daripada Mustafa Kamal Ataturk dengan menguatkuasakan undang-undang azan dalam bahasa Turki. Semasa Mustafa Kamal Ataturk masih hidup, beliau memerintahkan supaya azan ditukar ke dalam bahasa Turki tetapi disebabkan hampir semua masjid ditutup, maka arahan azan dalam bahasa Turki itu tidak dapat dikuatkuasakan sepenuhnya.

Di bawah pemerintahan Ishmet Inunu sebagai presiden dan Syarafuddin Afandi sebagai menteri agama, mereka membenarkan masjid-masjid dibuka semula untuk sembahyang berjemaah. Namun begitu dengan syarat, azan wajib dilaungkan dalam bahasa Turki dan bacaan ayat-ayat al-Quran juga diwajibkan dalam bahasa Turki. Hal ini bermakna bacaan surah *al-Fatihah* dalam sembahyang juga wajib dibaca dalam bahasa Turki. Adnan Manderes membantah, lalu meletakkan jawatan. Beliau pun menubuhkan Parti Demokrat.

Pada suatu hari, semasa Adnan Menderes sedang menaiki kapal terbang menuju ke destinasi di dalam negara Turki, berlaku kecelakaan apabila enjin pesawat tiba-tiba sahaja terbakar. Juruterbang mengumumkan pesawat dalam keadaan bahaya dan penumpang diminta supaya bersiap sedia.

Pada ketika itu Adnan Menderes pun berdoa sekiranya

dirinya terselamat daripada nahas tersebut, beliau berjanji akan berusaha bagi mengembalikan semula Islam di negara Turki. Dengan kehendak Allah dan kekuasaan-Nya, apabila pesawat itu terhempas didapati semua penumpang dan anak kapal terbunuh kecuali Adnan Menderes. Sejak peristiwa itu, beliau sentiasa berusaha bagi mengembalikan Islam di Turki.

Peluang itu muncul pada tahun 1950 apabila Turki buat pertama kalinya mengadakan pilihan raya bagi mendapatkan mandat daripada rakyat. Parti Demokrat yang dipimpin Jalal Bayer dan Adnan Menderes dibenarkan masuk bertanding. Semasa berkempen untuk pilihan raya, Adnan Menderes berjanji sekiranya parti di bawah pimpinannya menang dan berjaya memerintah Turki, maka beliau akan mengembalikan semula azan dalam bahasa Arab, rakyat dibenarkan membaca al-Quran yang asal, iaitu dalam bahasa Arab, mengembalikan semula mata pelajaran agama di sekolah, orang ramai dibenarkan sembahyang berjemaah di masjid dan menukar semula Aya Sofia menjadi masjid.

Ternyata kempen Adnan Menderes itu berjaya menarik perhatian rakyat Turki yang masih cinta kepada agama Islam. Apabila keputusan pilihan raya diumumkan, Parti Demokrat yang dipimpin Jalal Bayer dan Adnan Menderes memenangi 318 kerusi Parlimen berbanding Parti Ataturk yang hanya berjaya memenangi 32 kerusi. Mereka segera membentuk kabinet dengan Jalal Bayer menjadi Presiden Turki dan Adnan Menderes menjadi Perdana Menteri.

Adnan Menderes tidak lupa dengan janji-janjinya semasa

pilihan raya yang sudah ditaburnya. Pada bulan Ramadan tahun itu, rakyat Turki dibenarkan melaungkan azan dalam bahasa Arab, mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid dan kaum wanita dibenarkan semula berpakaian menutup aurat. Manakala mata pelajaran agama juga diajar semula di sekolah-sekolah.

Pada tahun 1954, diadakan sekali lagi pilihan raya dan Parti Demokrat menang untuk kedua kalinya. Dengan itu, pemerintah membenarkan bahasa Arab diajar semula di sekolah-sekolah. Pemerintah juga mendirikan sepuluh ribu masjid baru dan dua puluh dua maahad tahfiz. Pemerintah juga membenarkan penerbitan majalah dan buku-buku agama.

Adnan Menderes bertindak lebih berani pada tahun 1965 apabila memutuskan hubungan diplomatik dengan Israel serta membuka 35 ribu madrasah tahfiz al-Quran.

Tindakan Adnan Menderes itu menimbulkan ke-marahan negara Barat dan Israel. Mereka berusaha bagi menjatuhkan Adnan Menderes. Oleh sebab sokongan rakyat Turki yang padu kepada pemerintah menyebabkan mereka bertindak jahat dengan menghasut tentera bagi merampas kuasa.

Pada tahun 1960, tentera merampas kuasa, lalu menjatuhkan pemerintah Turki. Adnan Menderes dan beberapa rakannya ditangkap seterusnya dijatuhi hukuman gantung sampai mati.

Rujukan

Dhabith Tarki Sabiq. 2008. *Kamal Attaturk.* Jakarta: Senayan Publishing.

Dr. Abdullah Azzam. 2009. *Turki Negara Dua Wajah*. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterpres.

Dr. Ali Muhammad Ash Shalabi. 2004. *Bangkit dan Runtuhnya Khalifah Uthmaniah*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.

Eeman Mohamed Abbas. 2002. S*ultan Abd Al-Hamid II dan Kejatuhan Khalifah Islamiah (Peranan Gerakan Nasionalis dan Golongan Minoriti).* Kuala Lumpur: Prospecta Printers.

Fadhlullah Jamil. 2000. *Islam di Asia Barat Moden: Sejarah Penjajahan dan Pergolakan*. Selangor: Thinker'S Library.

Pahrol Mohamad Juoi. 1993. *Istanbul Iktibar Sebuah Empayar*. Kuala Lumpur: Penerbit Hikmah.

Salvia Zeybekoglu. 2006. *Mustafa Kemal Ataturk.* Turki:

Publisher Aksit Kultur Sanat Ajans Ltd. Stl.

Mohammad Redzuan Othman. 1991. *Timur Tengah dan Afrika Utara Moden. Kuala Lumpur*: Dewan Bahasa dan Pustaka.